

**PENGHUNI RAUDHATUS SAKINAH: KAJIAN
TERHADAP LATAR BELAKANG DAN
FAKTOR SALAHLAKU**

AZLINA BINTI MUHAMMUD

**JABATAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2012**

**PENGHUNI RAUDHATUS SAKINAH: KAJIAN
TERHADAP LATAR BELAKANG DAN
FAKTOR SALAHLAKU**

AZLINA BINTI MUHAMMUD

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA USULUDDIN
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2012**

ABSTRAK

Kajian bertajuk Penghuni Raudhatus Sakinah : Kajian Terhadap Latar Belakang dan Faktor Salahlaku ini memfokuskan kepada hal-hal yang berkaitan dengan aspek latar belakang para pelatih dan demografi kesalahan, faktor yang mempengaruhi keterlibatan dan akhirnya peranan serta keberkesanannya pusat Raudhatus Sakinah ini di dalam membimbing dan membangunkan modal insan para pelatihnya. Kajian ini menggunakan metode kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Sebanyak 89 set soal selidik telah diedarkan kepada semua pelatih RS di lima cawangan iaitu Selangor, Kelantan, Pulau Pinang, Johor dan Melaka. Di samping itu, turut dilakukan beberapa siri temubual dengan ke dua-dua pihak iaitu di pihak pelatih dan pihak pengurusan RS. Observasi pula dilakukan ketika pelaksanaan program-program terutama di RS Selangor dan ketika lawatan-lawatan ke setiap cawangan. Hasil kajian mendapati bahawa demografi kesalahan utama para pelatih meliputi perbuatan zina dan mengandung anak luar nikah. Sementara itu, faktor utama keterlibatan mereka di dalam aktiviti kurang bermoral ini adalah pujuhan teman lelaki dan inginkan keseronokan serta kemewahan dunia. Kajian juga mendapati RS amat berperanan dalam membimbing para remaja iaitu hasil dari ujian Model Penerimaan Kirkpatrick dengan nilai peratusan 83.5% dan nilai min 4.41. Secara berperingkat pula ia melibatkan tahap kepuasan sebanyak 73.8% (min=3.9), pembelajaran (94.8% , min=4.55) dan perubahan kelakuan (91.6%, min=4.5). Keputusan ini turut disokong dari hasil temubual dengan para pelatih. Keseluruhan pelatih yang ditemubual menyatakan bahawa terdapat perubahan yang amat positif dari segi teori dan praktikal. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa kekurangan dan kelemahan yang harus segera diatasi oleh pihak Raudhatus Sakinah terutama dalam aspek reaksi/kepuasan para pelatih seperti kemudahan-kemudahan penginapan dan suasana kelas serta beberapa program yang dilihat kurang mendapat sambutan.

ABSTRACT

The study entitled Residents of Raudhatus Sakinah: A Study about their Background and Misconduct Factors which focused on the background of the trainees residing and the demographic offense. It also revealed factors which influence trainees in committing the offense and finally the role of RS and its effectiveness in providing guidance and developing human capital out of the trainees. This study has adopted both library research and field studies methods which involved 89 sets of questionnaires that have been distributed to all trainees in five branches i.e. in Selangor, Kelantan, Pulau Pinang, Johor and Melaka. A few series of interview sessions also been conducted with selected trainees and the management teams of RS. Observations were made during programs implementation at RS Selangor branch as well as during site visits to other RS branches. The study showed that main demographic offenses include adultery and illegitimate pregnancy. Meanwhile, the main factor for trainee's involvement in this immoral activity was due to boyfriend's influence and desire towards worldly affluence and having fun. The study also discovered that RS is instrumental towards providing guidance to these teenagers as evidenced from result of the test using Kirkpatrick's Acceptance Model which showed 83.5% acceptance level with mean value of 4.41. Gradually, results showed satisfactory level of 73.8% (mean = 3.9), learning level of 94.8% (mean = 4.55) and level of change in behavior at 91.6% (mean = 4.5). The results were also supported with feedback provided by trainees during interview sessions. All trainees mentioned that there have been positive changes in theoretical and practical aspects of their lives. However, there are still some shortcomings and weaknesses which need to be immediately addressed by RS management. It includes improvement of facilities relating to trainees' accommodations and classrooms conditions. RS management also needs to make relevant enhancement to some of the existing programs which did not attract good respond from the trainees thus far.

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam, Selawat dan salam kepada junjungan Nabi Muhammad SAW., ahli keluarga dan para sahabat baginda.

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan kurniaan-Nya, saya dapat menyiapkan disertasi ini sebagai memenuhi syarat untuk dianugerahkan ijazah Sarjana Usuluddin dalam bidang Pengajian Dakwah. Pertamanya, setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Dr. Norrodzoh binti Hj. Siren yang sudi menyelia saya selama ini. Tidak dilupai juga para pensyarah di Fakulti Usuluddin terutama dari Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan yang telah membimbing saya sepanjang tempoh pengajian ini. Penghargaan terima kasih tidak terhingga juga kepada Puan Rosmawati Zainal, kakitangan RS dan adik-adik para pelatih di RS. Semoga Allah SWT memberi kejayaan di dunia dan di akhirat kepada kita semua.

Kepada ahli keluarga tercinta terutama arwah ayah dan arwah mak yang mendidikku, suamiku Mohd. Rizal bin Abdul Rahim yang cukup memahami, anak-anakku Anis Qistina, Anis Safina dan Muhammad Aniq yang menjadi sumber inspirasi dan saudara mara yang sentiasa memberi sokongan, anda semua adalah kekuatanku. Tidak dilupakan juga pihak Politeknik Sultan Abdul Aziz Shah dan Kementerian Pengajian Tinggi kerana mengizin dan menaja pengajian ini. Semoga hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada kita semua. Insyaallah.

Sekian, terima kasih

AZLINA BINTI MUHAMMUD
JABATAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2011

Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Daftar Isi	vi
Senarai Jadual	xi
Senarai Rajah	xiv
Senarai lampiran	xv
Senarai Kependekan	xvi
Transliterasi	xvii

BAB SATU
PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Masalah Kajian	2
1.2 Objektif Kajian	8
1.3 Kepentingan Kajian	9
1.4 Skop Kajian	10
1.5 Metodologi Kajian	11
1.5.1 Pengumpulan Data	11
1.5.2 Analisa Data	13
1.5.3 Laporan	14
1.6 Kesimpulan	16

BAB DUA
AKHLAK DAN REMAJA

2.0	Pengenalan	17
2.1	Akhhlak Dalam Islam	19
2.2	Ciri-ciri Akhlak Islam	22
2.3	Prinsip Akhlak Islam	27
2.4	Konsep Remaja	31
2.4.1	Fizikal	32
2.4.2	Sosial	34
2.4.3	Psikologi	37
2.4.4	Tingkahlaku / moral	39
2.4.5	Emosi	42
2.4.6	Minda/Intelek	44
2.5	Ilmu Personaliti Remaja Islam	46
2.6	Faktor Mempengaruhi Personaliti Remaja	49
2.6.1	Pengaruh Baka	49
2.6.2	Pengaruh Persekutaran	51
2.7	Isu-isu Akhlak Remaja Masakini	71
2.8	Kesimpulan	85

BAB TIGA
PEMBANGUNAN REMAJA ISLAM

3.0	Pengenalan	86
3.1	Pembangunan Spiritual (Rohani)	89
3.2	Pembangunan Fizikal	97
3.3	Pembangunan Intelektual	100
3.4	Pembangunan Emosi	105
3.5	Pembangunan Sosial	107
3.6	Model Penerimaan Program Pembangunan Remaja Islam	113
3.7	Kesimpulan	118

BAB EMPAT
LATAR BELAKANG RAUDHATUS SAKINAH

4.0	Pengenalan	120
4.1	Latar Belakang Penubuhan	121
4.2	Struktur Organisasi Raudhatus Sakinah	124
4.3	Penyertaan	127
4.4	Program Pembangunan Remaja Islam di RS	128
4.4.1	Bimbingan Rohani	130
4.4.2	Khidmat dan Bimbingan Bina Diri	133
4.4.3	Aktiviti Riadah, Rekreasi dan Kesenian	135
4.4.4	Aktiviti Kemahiran Diri	137
4.5	Kesimpulan	138

BAB LIMA

LATAR BELAKANG PENGHUNI DAN PENERIMAAN PROGRAM PEMBANGUNAN REMAJA ISLAM DI RAUDHATUS SAKINAH

5.0	Pengenalan	139
5.1	Latar belakang Penghuni	139
5.1.1	Penghuni mengikut negeri	139
5.1.2	Usia Penghuni	141
5.1.3	Tahap Pendidikan	142
5.1.4	Pendidikan Agama	144
5.1.5	Pekerjaan Responden	146
5.1.6	Latar Belakang Keluarga	148
5.1.7	Kediaman Asal dan Jenis Perumahan	158
5.2	Jenis Salah Laku	161
5.3	Punca dan Sebab Kesalahan	173
5.4	Penerimaan Program Pembangunan di RS	185
5.4.1	Program Pembangunan Remaja di RS	186
5.4.2	Reaksi / Kepuasan	190
5.4.3	Pembelajaran	194
5.4.4	Perubahan Kelakuan	198
5.4.5	Hasilan/Faedah	203
5.5	Kesimpulan	207

BAB ENAM

PENUTUP

6.0	Pengenalan	209
6.1	Rumusan	209
6.2	Cadangan dan saranan	213
6.2.1	Peranan Remaja (individu)	214
6.2.2	Peranan Ibu bapa	216
6.2.3	Peranan Raudhatus Sakinah	217
6.2.4	Peranan Pihak Kerajaan	219
6.2.5	Peranan Pihak Swasta	223
6.3	Kesimpulan	224

BIBLIOGRAFI

SENARAI JADUAL

- Jadual 1.1 : Statistik Kes Buang Bayi Dan Kes Dera Kanak-kanak dan bayi yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sepanjang Tahun 2005-2010
- Jadual 2.1 : Antara jenis salah laku, kenakalan dan jenayah remaja yang disimpulkan dari perbincangan isu-isu akhlak remaja masakini.
- Jadual 3.1 : Proses Pembangunan Spiritual Remaja Islam
- Jadual 3.2 : Proses Pembangunan Fizikal Remaja Islam
- Jadual 3.3 : Proses Pembangunan Intelektual Remaja Islam
- Jadual 3.4 : Aspek Pembangunan Sosial Remaja Islam
- Jadual 4.1 : Syarat-Syarat Kemasukan Pelatih ke RS
- Jadual 4.2 : Senarai Perkhidmatan-Perkhidmatan yang Disediakan oleh Pusat Bimbingan Raudhatus Sakinah
- Jadual 5.1 : Taburan pelatih mengikut negeri asal (sehingga 8 Mac 2011)
- Jadual 5.2 : Taburan umur pelatih
- Jadual 5.3 : Tahap Pendidikan Tertinggi
- Jadual 5.4 : Didikan Agama Formal
- Jadual 5.5 : Pekerjaan Responden
- Jadual 5.6 : Status Ibu Bapa
- Jadual 5.7 : Pekerjaan Ibu
- Jadual 5.8 : Pekerjaan Bapa
- Jadual 5.9 : Bilangan Adik Beradik
- Jadual 5.10 : Anak Ke Berapa

- Jadual 5.11 : Hubungan Sesama Keluarga
- Jadual 5.12 : Keterlibatan Keluarga/Saudara Mara
- Jadual 5.13 : Bil. Program Pemulihan
- Jadual 5.14 : Kediaman Asal Pelatih
- Jadual 5.15 : Jenis Perumahan
- Jadual 5.16 (a) : Jenis Salah laku-Kekemasan Diri
- Jadual 5.16 (b) : Jenis Salah laku- Jenayah
- Jadual 5.16 (c) : Jenis Salah laku – Tingkah laku/Bahan lucah
- Jadual 5.16 (d) : Jenis Salah laku –Kepentingan masa
- Jadual 5.16 (e) : Jenis Salah laku-Kurang Sopan dan biadap
- Jadual 5.16 (f) : Jenis Salah laku –Vandalisme
- Jadual 5.16 (g) : Jenis Salah laku- Kejujuran
- Jadual 5.16 (h) : Jenis Salah laku- Ponteng
- Jadual 5.16 (i) : Jenis Salah laku- Kenakalan
- Jadual 5.16 (j) : Jenis Salah laku- Kumpulan Negatif
- Jadual 5.16 (k): Jenis Salah laku- Kesalahan Syariah
- Jadual 5.17 : Usia Pelatih dengan Meninggalkan Solat
- Jadual 5.18 : Usia Pelatih dengan Perbuatan Zina/Khalwat
- Jadual 5.19 (a): Punca dan Sebab Kesalahan- Rakan Sebaya
- Jadual 5.19 (b): Punca dan Sebab Kesalahan –Media Massa
- Jadual 5.19 (c): Punca dan Sebab Kesalahan- Pusat Hiburan
- Jadual 5.19 (d): Punca dan Sebab Kesalahan- Kemewahan
- Jadual 5.19 (e): Punca dan Sebab Kesalahan- Hubungan Kekeluargaan
- Jadual 5.19 (f): Punca dan Sebab Kesalahan- Hubungan dengan
Masyarakat

- Jadual 5.19 (g): Punca dan Sebab Kesalahan-
Hubungan dengan Pihak Sekolah
- Jadual 5.19 (h): Punca dan Sebab Kesalahan- Lain-lain
- Jadual 5.20 : Taburan Faktor Pujukan Teman Lelaki dengan Salah Laku
- Jadual 5.21 : Taburan Faktor Pujukan/ajakan Teman Lelaki dengan
Usia Responden.
- Jadual 5.22 : Persepsi Program Yang di laksanakan di RS
- Jadual 5.23 : Taburan Reaksi/Kepuasan Terhadap Pemulihan dan
Bimbingan
- Jadual 5.24 : Pernyataan Pembelajaran dari Aspek Bimbingan Rohani
- Jadual 5.25 : Pernyataan Pembelajaran dari Aspek Bimbingan Bina Diri
- Jadual 5.26 : Pernyataan Pembelajaran dari Aspek Kemahiran dan
Riadah/Rekreasi
- Jadual 5.27 : Taburan Pernyataan Perubahan Kelakuan dari aspek
'keinginan untuk berubah'
- Jadual 5.28 : Taburan Pernyataan Perubahan Kelakuan dari aspek
'tahu apa yang harus dilakukan dan bagaimana untuk
melakukannya'
- Jadual 5.29 : Taburan Pernyataan Perubahan Kelakuan dari aspek
'berada dalam kelompok yang sesuai'

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 1 Surat Pengesahan Tajuk
- Lampiran 2 Borang Soal Selidik
- Lampiran 3 Soalan Temubual tidak Berstruktur
- Lampiran 4 Borang Pemerhatian Berstruktur
- Lampiran 5 Statistik Jenayah Juvana di Malaysia dari PDRM
- Lampiran 6 Senarai kes-kes jenayah melibatkan remaja dalam akhbar Harian Metro antara bulan Januari hingga Mac 2010.
- Lampiran 7 Akta Kesalahan Jenayah Syariah
- Lampiran 8 Foto – foto aktiviti di Raudhatus Sakinah
- Lampiran 9 Foto – foto bangunan utama setiap pusat bimbingan RS
- Lampiran 10 Jadual Waktu Pusat Jagaan Remaja Raudhatus Sakinah

SENARAI RAJAH

- Rajah 2.1 : Peningkatan umur dan hubungannya dengan kadar delinquen dan jenayah.
- Rajah 2.2 : Hubungan usia dengan kadar tangkapan jenayah.
- Rajah 2.3 : Hubungan usia dengan tahap kebimbangan bagi remaja lelaki dan perempuan.
- Rajah 2.4 : Pertumbuhan keupayaan mental bagi remaja mengikut Usia
- Rajah 3.1 : Model Kirkpatrick
- Rajah 4.1 : Logo Raudhatus Sakinah
- Rajah 4.2 : Carta Organisasi RS Pusat
- Rajah 4.3 : Maklumat Pejabat Pentadbiran dan Pusat Bimbingan RS
(sehingga 28 Feb. 2011)
- Rajah 4.4 : Carta Organisasi pusat bimbingan RS Selangor di Paya Jaras.
- Rajah 4.5 : Data Kemasukan Pelatih RS 1998-2010
(sehingga 28 Feb. 2011)

SENARAI KEPENDEKAN

JIM	:	Jamaah Islah Malaysia
JKKK	:	Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan kampung
KDN	:	Kementerian Dalam Negeri
PDRM	:	Polis Diraja Malaysia
RS	:	Raudhatus Sakinah
SAW	:	Salallahu ‘Alai Wassallam
SWT	:	Subhanahu Wa Taala

Transliterasi

Transliterasi yang digunakan dalam penulisan disertasi ini adalah mengikuti transliterasi yang dikeluarkan oleh Buku Panduan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi, Akademi Pengajian Islam Tahun 2008. Transliterasi yang digunakan adalah seperti berikut:-

1. Konsonan

Huruf Arab Nama Transkripsi

ا	a, ‘(Hamzah)
ب	B
ت	T
ث	Th
ج	J
ح	H
خ	Kh
د	D
ذ	Dh
ر	R
ز	Z
س	S
ش	Sh
ص	S
ض	D
ط	T
ظ	Z
ع	‘
غ	Gh
ف	F
ق	Q
ك	K
ل	L
م	M
ن	N
ه	H
و	W
ي	Y
ة	H

2. Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi
- (Fathah)	a
- (Kasrah)	i
- (Dammah)	u

Vokal Panjang	Transliterasi
ي / ي	Â
ي	Ï
و	Û

3. Diftong

Diftong	Transliterasi
و ~	aw
ي ~	ay
ؤ ~	uww
ي ~	iy/i

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Akhlik merupakan satu perkara yang amat penting kepada setiap individu, keluarga, masyarakat, negara dan juga sesebuah tamadun. Secara fitrahnya, tidak akan ada manusia yang membenci akhlak yang mulia dan memuji pula akhlak yang keji. Akhlak mulia akan sentiasa dipuji dan diingati manakala akhlak keji walaupun turut diingati tetapi disertai pula dengan kehinaan dan kebencian. Bak kata perpatah Melayu ‘*Harimau mati tinggalkan belang, manusia mati tinggalkan nama*’. Walaupun semua manusia secara umumnya mengetahui dan memahami prinsip ini tetapi masih ramai yang gagal merealisasikannya di dalam kehidupan mereka. Kewarasan dan keimanan diri manusia seringkali tertewas dengan bisikan iblis dan syaitan serta godaan hawa nafsu. Inilah faktor utama mengapa majoriti umat manusia gagal untuk menilai baik dan buruk di dalam tindak-tanduk mereka.

Islam menjelaskan bahawa akhlak mulia bukan sahaja memberi manfaat kepada diri individu malahan kebaikannya turut dirasai oleh manusia lain. Malahan, ia akan mendekatkan diri seseorang itu kepada Khaliqnya manakala akhlak keji pula membawa natijah di sebaliknya. Firman Allah SWT. :

كُتُّمْ خَيْرٌ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ ۝
وَلَوْ آمَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَّهُمْ ۝ مِّنْهُمُ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ

‘Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaularah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman, dan kebanyakannya mereka; orang-orang yang fasik.’

Ayat ini telah ditafsirkan oleh Ibnu Katsir sebagai ayat yang menjelaskan sifat umat yang dimuliakan oleh Allah SWT iaitu golongan yang sentiasa berdakwah di jalan-Nya melalui seruan amar makruf, mencegah mungkar dan mengajak untuk beriman manakala golongan yang terkutuk adalah golongan yang mengetahui kebenaran tetapi menyembunyikan dan menentangnya seperti yang terjadi kepada majoriti ahli-ahli kitab.¹

Isu akhlak telah menjadi perbualan hangat di dalam masyarakat dewasa ini. Masyarakat kini sangat tertekan dalam semua aspek kehidupan kerana berlakunya penularan akhlak keji dan buruk yang terlalu berleluasa. Hal ini telah meletakkan kestabilan dan masa depan negara kian terancam kerana majoriti akhlak buruk ini melibatkan anak-anak remaja yang bakal menjadi pemimpin negara satu masa nanti. Masalah ini perlu diatasi segera terutama melalui langkah awal iaitu menyekat dan menghapuskan penularan akhlak keji ini sebelum langkah seterusnya iaitu memupuk nilai akhlak mulia di kalangan para remaja. Strategi serampang dua mata ini dilihat sebagai pendekatan dakwah terbaik yang wajib dilakukan kini demi ‘survival’ agama, bangsa dan negara tercinta.

1.1 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Para ulama’ dan ahli falsafah telah sepakat bahawa manusia perlu diterapkan dengan didikan akhlak terlebih dahulu sebelum diberikan pendidikan ilmu pengetahuan lain. Ibnu Khaldun, seorang ulama’ dan ilmuan Islam yang telah mengklasifikasikan ilmu kepada dua kategori iaitu ilmu Naqli (wahyu) dan ilmu ‘Aqli (dicari) telah meletakkan ilmu akhlak ini di dalam kategori ilmu Naqli iaitu ilmu yang mempunyai taraf fardhu

¹ Abdullah b Muhammad b Abdurrahman b Ishaq Alu Syaikh (2007), *Tafsir Ibnu Katsir – Jld. 2*. Bogor, Indonesia: Pustaka Imam As-Syafi’I, h. 116

‘ain.². Manakala seorang ahli falsafah barat bernama Plato ada berkata, *seseorang yang berilmu pengetahuan dan berpendidikan salah, sikapnya lebih jahat daripada dia yang dungu lagi tidak berpendidikan.*³

Islam menerusi nas-nas dari al-Quran dan al-Hadis banyak menekankan tentang kepentingan akhlak terutama untuk mewujudkan sarana pembangunan peribadi, masyarakat dan budaya. Contohnya ayat dari Surah al-Hujurat : 7 dan al-Ra’du : 22 yang menekankan kepada pembangunan individu-individu mulia serta ayat dari Surah Ali Imran : 103 dan al-Baqarah : 177 yang menyarankan pembentukan peribadi yang kuat dan jiwa yang kukuh.⁴ Sejarah telah menyaksikan bagaimana hilangnya nilai akhlak telah membawa kehancuran kepada bangsa dan tamadun silam. Allah SWT berfirman :

وَإِذَا أَرْدَنَا أَنْ نُهَلِّكَ قَرْيَةً أَمْرَنَا مُتَرَفِّيهَا فَفَسَقُوا فِيهَا فَحَقَّ عَلَيْهَا الْقُولُ
ذَمَرْنَاهَا تَدْمِيرًا () وَكُنْ أَهْلَكْنَا مِنَ الْقُرُونِ مِنْ بَعْدِ نُوحٍ
وَكَفَى بِرَبِّكَ بِذُنُوبِ عِبَادِهِ خَيْرًا بَصِيرًا

‘Dan apabila sampai tempoh Kami hendak membinasakan penduduk sesebuah negeri, perintahkan (lebih dahulu) orang yang melampau dengan kemewahan di antara mereka (supaya taat), lalu mereka derhaka dan melakukan maksiat padanya; maka berhaklah negeri itu dibinasakan, lalu Kami menghancurkannya sehancur-hancurnya. 17. Dan berapa banyak umat-umat yang Kami telah binasakan sesudah zaman Nabi Nuh; dan cukuplah Tuhanmu (wahai Muhammad) mengetahui lagi melihat akan dosa-dosa hamba-Nya.

Surah al-Isra’(15): 16-17

Kemusnahan dan kebinasaan Allah SWT datang dalam berbagai bentuk yang tidak terjangka dan pada masa yang tidak diduga. Contohnya, semasa Perang Dunia

² Abdul Monir Yaakob (1994), *Ilmu Teras Keunggulan Ummah - Ilmu Dan Kecemerlangan Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM, h. 35

³ Muqdad Yaljan (1986), *Peranan Pendidikan Akhlak Islam Dalam Pembangunan Peribadi, Masyarakat & Budaya Manusia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, h. 24-25

⁴ *Ibid.*, h. 28 – 35

Ke-2, siapa sangka Hitler (Jerman) akan dapat menakluki Perancis (sebuah negara yang maju dan berjaya pada ketika itu). Seorang pemimpin Perancis telah mengulas kekalahan mereka dan penaklukan Hitler ini di Parlimen. Katanya,⁵

'Perancis tidak diserang kerana kelemahan, minimanya kuantiti atau akibat kemunduran industrinya dan ketidaklayakan produksinya. Akan tetapi, ia dapat dikalahkan dengan kerosakan akhlak, tidak fokusnya matlamat, hilangnya teladan, kematian nurani, cuai dengan objektif dan meluasnya fitnah. Kesemua ini yang telah menjadikan kita berada pada keadaan terburuk seperti sekarang ini.

Fenomena ini turut terjadi kepada bangsa Arab dalam isu Palestin dan Semenanjung Gaza. Kejadian serangan pada tahun 1967 dan kekalahan kepada puak Yahudi Zionis telah membuka mata pemimpin-pemimpin Arab dan memberi satu pengajaran yang amat bermakna bahawa pentingnya bernaung pada akhlak keimanan sebelum mengkaji kecekapan dalam ketenteraan.⁶ Hal ini juga turut dialami oleh Kesultanan Melayu Melaka di saat-saat kehancurannya pada sekitar tahun 1511. Dilaporkan Melaka ketika itu telah dilanda dengan bermacam masalah sama ada dari segi dalaman, masalah kepimpinan, isu penderhakaan serta keruntuhan tahap sosial, akhlak dan nilai-nilai agama rakyatnya.⁷

Peristiwa-peristiwa ini sudah cukup untuk membuktikan bahawa akhlak merupakan satu aspek penting dalam membina dan memelihara ketamadunan sesebuah masyarakat dan negara sehingga para ulama' dan ilmuan telah mengaitkan hubungan akhlak ini dengan pembentukan jati diri. Tanpa jati diri, sesebuah masyarakat akan goyah dan negara akan berada di ambang kehancuran manakala tanpa akhlak pula, tidak akan wujud jati diri.

⁵ Muhammad al-Sayyid Yusuf (2006), *Metode Al-Quran Dalam Membaiki Masyarakat*. Johor Bahru: Jahabersa, h. 178

⁶ *Ibid.*

⁷ Muhammad Yusoff Hashim (1989), *Kesultanan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 303-306

Kini, masalah keruntuhan akhlak para remaja terutama di negara kita, Malaysia telah menjadi semakin serius, merumitkan dan kian meningkat. Mereka ini bukan sahaja mengalami keruntuhan akhlak di segi kehidupan dunia seperti budaya lepak, ponteng sekolah, pergaduhan dan budaya samseng, menyamun, merompak, peras ugut, merogol, kegiatan rumah urut, pelacuran dan penagihan dada⁸ tetapi turut melibatkan pengabaian kehidupan akhirat secara khusus seperti tidak solat lima waktu, meninggalkan puasa di bulan Ramadhan, penzinaan, arak, berjudi, budaya seks rambang dan sumbang mahram, budaya *gay*, *lesbian* dan *penkid*, mengandung, melahirkan anak luar nikah serta sanggup pula membunuh anak-anak luar nikah itu dan juga budaya murtad.

Isu-isu ini telah melibatkan semua golongan remaja sama ada yang menganggur, pelajar di peringkat sekolah, pelajar institut pengajian tinggi, kakitangan kerajaan dan swasta bahkan ahli-ahli perniagaan. Saban hari akhbar akan memaparkan dengan berita-berita keruntuhan akhlak para remaja dengan pelbagai kisah dan kejadian. Contohnya, kisah yang dilaporkan oleh akhbar Berita Harian bertarikh 23 Mac 2010 berkaitan kes ragut oleh seorang remaja lelaki berusia 19 tahun terhadap seorang wanita di Nibong Tebal, Pulau Pinang⁹, kes ponteng sekolah dan budaya lepak di kafe siber yang melibatkan 16 orang pelajar Tingkatan Satu di Kajang, Selangor¹⁰ dan kes-kes kelahiran anak luar nikah malahan sanggup pula membunuhnya yang kian menjadi-jadi kebelakangan ini sehingga memaksa kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat melancarkan kempen ‘**Kami Prihatin**’ pada 8 April 2010 lalu bagi membendung dan mengatasi masalah ini.¹¹

⁸ Baharudin Ali Masron, Zaini Ujang & Fatini Yaacob (1992), *Fenomena Remaja*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu , h. 9-12

⁹ Berita Harian, Mac 23, 2010:16 “Remaja Meragut”.

¹⁰ Berita Harian, Mac 23, 2010:3 “Pelajar Ponteng Sekolah ke Kafe Siber”

¹¹ Utusan Malaysia, April 9, 2010:1 “Kami Prihatin dilancar”.

Sementara itu, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Wira Muhammad Sabtu Osman telah mendedahkan bahawa seramai 3263 pelajar ditahan tahun lalu (2009), melibatkan 2003 kes iaitu meningkat 452 tangkapan berbanding tahun sebelumnya dengan kesalahan utama yang dilakukan oleh golongan berusia 13 dan 18 tahun ini adalah seks bebas, kehamilan, rogol, samun dan kes pembuangan bayi.¹² Fenomena ini turut diperkuatkan oleh satu senarai statistik jenayah remaja (juvana) dari tahun 2005 hingga April 2010 oleh Polis Diraja Malaysia. Ia menunjukkan terdapat peningkatan yang jelas dari setahun ke setahun dengan jumlah keseluruhan lima tahun itu adalah 23423 kes juvana dan sebanyak 41773 tangkapan juvana. Analisa statistiknya menunjukkan bahawa penglibatan ketara remaja berusia 13 tahun hingga 18 tahun iaitu sebanyak 97.97% dengan menjadikan jenayah hartabenda seperti kes ragut, pecah rumah, mencuri dan mencuri kenderaan iaitu sebanyak 76.83% sebagai jenayah utama berbanding jenayah kekerasan. Rekod juga menunjukkan bahawa remaja berbangsa Melayu dan beragama Islam didapati mendahului peratusan tangkapan iaitu sebanyak 71.86%.

Sementara itu, kes paling panas masakini adalah isu pembuangan bayi dan dera kanak-kanak. Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menunjukkan telah berlaku sebanyak 10,758 kes penderaan kanak-kanak dan bayi sepanjang tahun 2005 hingga 2009 manakala sebanyak 407 kes pembuangan bayi sepanjang tempoh itu sepetimana ditunjukkan dalam Jadual 1.1. Ini telah dilaporkan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil di sidang Dewan Rakyat pada 7 Mac 2010 lalu.¹³ Kes terbaru adalah pengakuan salah laku itu oleh seorang bekas pelajar UITM Chendering yang telah membuang mayat bayinya lebih dua tahun lalu dalam keadaan separuh terbakar di tempat pembuangan sampah.

¹² Utusan Malaysia, April 17, 2010:27 “Statistik Gejala Sosial Remaja”

¹³ Utusan Malaysia, April 8, 2010:5 “Selangor tertinggi buang bayi”

Beliau yang kini berusia 21 tahun telah mengaku bersalah dan kini didakwa mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksaan yang boleh dikenakan hukuman penjara sehingga dua (2) tahun.¹⁴ Selain itu, Menteri terlibat turut menyarankan agar pelbagai pihak termasuk pihak media dapat membantu kerajaan dalam mewujudkan Model Sosial Baru untuk menangani isu-isu moral ini serta untuk memperkuatkan aspek pembangunan sosial negara.¹⁵

Jadual 1.1: Statistik Kes Buang Bayi Dan Kes Dera Kanak-kanak dan bayi yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sepanjang Tahun 2005-2010

KES BUANG BAYI		KES DERA KANAK-KANAK /BAYI	
Selangor	105	Selangor	3234
Johor	83	Kuala Lumpur	2221
Sabah	65	Pulau Pinang	891
Sarawak	34	Perak	861
Negeri Sembilan	24	Negeri Sembilan	799
Pulau Pinang	22	Johor	599
Perak	19	Pahang	440
Pahang	17	Sarawak	440
Kedah	17	Kedah	420
Kelantan	10	Melaka	301
Terengganu	5	Perlis	245
Melaka	3	Terengganu	168
Kuala Lumpur	2	Kelantan	105
Perlis	1	Sabah	34
JUMLAH	407		10758

Sumber: (Utusan Malaysia, Mac 8, 2010:5 Dalam Negeri “Statistik Penderaan & pembuangan bayi / kanak-kanak oleh JKM (2005-2010))

Demi membendung gejala ini, semua pihak seharusnya terpanggil untuk membantu pihak berwajib dengan berbagai bentuk bantuan dan sokongan, contohnya penubuhan institusi yang berorientasikan pembentukan, pemberian dan pemulihan akhlak. Kewujudan pusat-pusat ini di kalangan komuniti amat ditagihkan dan dilihat

¹⁴ Utusan Malaysia, April 14, 2010:4 “Remaja buang bayi didakwa di Mahkamah”

¹⁵ Utusan Malaysia, April 14, 2010:8 “Model Sosial Baru tangani isu moral”

amat relevan dengan situasi semasa. Usaha ini patut mendapat perhatian, sokongan dan bantuan dalam pelbagai aspek oleh masyarakat tidak kira sama ada ianya di bawah kendalian kerajaan ataupun badan bukan kerajaan (NGO). Sebuah pusat bimbingan remaja yang giat menunaikan tanggungjawab ini adalah Pusat Bimbingan Remaja Puteri Raudhatus Sakinah di Taman Melawati, Selangor. Ia adalah sebuah pusat bimbingan badan bukan kerajaan (NGO) yang bernaung di bawah kelolaan Jemaah Islah Malaysia (JIM) dan pemantauan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Antara persoalan kajian di dalam penulisan ini adalah :

1. Apakah akhlak dan peranannya dalam membangun jati diri remaja Islam.
2. Apakah isu-isu salah laku yang dilakukan oleh remaja-remaja masa kini.
3. Siapakah remaja di Raudhatus Sakinah dan apakah bentuk salah laku serta faktor penyebabnya.
4. Bagaimanakah penerimaan remaja di Raudhatus Sakinah terhadap program yang dianjurkan.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

1. Memahami peranan akhlak dalam pembentukan jati diri remaja Islam.
2. Mengetahui latar belakang penghuni remaja di Raudhatus Sakinah.
3. Mengenalpasti faktor salah laku remaja di Raudhatus Sakinah.
4. Penerimaan remaja terhadap program pemulihan dan bimbingan di Raudhatus Sakinah.

1.3 KEPENTINGAN KAJIAN

Akhhlak sebenarnya adalah satu sifat yang fleksibel dan ia boleh berubah-ubah mengikut kehendak dan kemahuan empunya diri. Akhlak mulia boleh dipupuk dan diusahakan manakala akhlak keji pula boleh dibentengi dan dijauhi. Semuanya bergantung kepada diri individu, bak kata pepatah Melayu ‘*tepuk dada tanya selera*’. Secara umum, kajian ini dilihat amat penting di dalam mempromosikan kemuliaan dan kesyumulan akhlak Islam di kalangan masyarakat secara teori dan praktikal.

Diharap melalui kajian ini, masyarakat terutama para ibu bapa akan lebih memahami jiwa anak-anak remaja dan tingkah-laku mereka, termasuklah dalam isu-isu melibatkan psikososial¹⁶ para remaja ini. Manakala para remaja pula mampu untuk melihat diri dan persekitaran mereka secara lebih positif semasa menempuh alam remaja ini seperti kata bidalan ‘*umpama menarik rambut dalam tepung*’.

Di pihak Raudhatus Sakinah pula, kajian ini dilihat mampu untuk dijadikan satu sumber informasi penting di dalam mengenalpasti kelemahan dan kekurangan kaedah yang sedang diguna-pakai manakala metod yang membawaikan hasil pula boleh diteruskan dengan penambahbaikan yang sewajarnya . Seterusnya, ia mampu membantu pusat ini untuk merangka dan menyusun kaedah baru yang lebih efektif dan relevan.

Akhirnya, kajian ini akan memberikan sumbangan kepada pengkajian ilmu dakwah dan sosiologi terutama dalam isu-isu remaja. Maklumat-maklumatnya boleh membantu badan-badan dakwah seperti YADIM, ABIM, Jabatan Agama Islam Negeri, pihak polis, pihak penjara serta Jabatan Kebajikan Masyarakat di dalam meneruskan usaha mereka dengan lebih berkesan bagi menangani gejala sosial di kalangan remaja

¹⁶ Psikososial adalah proses yang menekankan hubungan sosial dengan individu di sesuatu persekitaran. Ia adalah satu proses sepanjang hayat. Hubungan yang dimaksudkan ini terbahagi kepada empat (4) iaitu kognitif (mental), emosi, sosial dan moral.

masakini. Ia juga dapat membantu para penyelidik lain dalam mengetahui hasil penyelidikan dan meneruskan kajian selanjutnya di bidang ini dan di bidang lain yang berkaitan.

1.4 SKOP KAJIAN

Raudhatus Sakinah yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah sebuah pusat bimbingan dan pemulihan akhlak di bawah NGO yang dikhkusukan untuk remaja wanita sahaja. Penyelidikan ini dijalankan terhadap 89 orang penghuni Raudhatus Sakinah yang ditempatkan di lima cawangan iaitu Selangor, Kelantan, Pulau Pinang, Johor dan Melaka. Tempoh kajian ini adalah dari bulan Mac 2010 hingga bulan Mac 2011.

Kajian ini bertujuan untuk memprolehi satu maklumat demografi dan latar belakang penghuni sebelum memasuki pusat ini yang merangkumi maklumat peribadi, keluarga dan jenis kesalahan yang terlibat. Selain itu faktor-faktor salahlaku mereka juga dikenalpasti dan dibincangkan untuk melihat bagaimana sebab-sebab ini telah mendorong mereka melakukan segala salahlaku tersebut. Akhirnya, aspek penerimaan dan kepuasan para penghuni terhadap usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak Raudhatus Sakinah juga dianalisa bagi memperolehi satu informasi penting untuk pembangunan dan penambahbaikan dalam aspek perancangan, penyusunan, pelaksanaan dan pengurusan di Raudhatus Sakinah. Apa-apa penemuan yang berkaitan dengan kajian hanya berdasarkan lokasi sahaja, sekiranya di pusat-pusat lain terdapat masalah yang hampir sama dengan kajian ini maka boleh dimanfaatkan untuk mengetahui aspek dan pandangan para penghuni terhadap diri dan pusat bimbingan masing-masing.

1.5 METODOLOGI KAJIAN

Dalam menyempurnakan kajian ini, beberapa metod digunakan untuk membantu memudahkan kajian. Secara ringkas, metodologi kajian ini dibahagikan kepada tiga fasa iaitu Pengumpulan Data, Analisa Data dan Laporan.

1.5.1 Pengumpulan Data

Data ialah apa jua maklumat dalam apa jua bentuk yang dikumpul dengan tujuan untuk dianalisa. Data boleh dikelaskan kepada kualitatif (dalam bentuk maklumat yang terhasil dari sumber-sumber yang dikenalpasti sesuai) dan kuantitatif (dalam bentuk angka).¹⁷ Dalam kajian ini penulis telah menggunakan kaedah perpustakaan untuk memperolehi data-data kualitatif dan kajian lapangan bagi mendapatkan data-data kuantitatif.

Perpustakaan

Lima buah perpustakaan telah dijadikan sebagai sumber utama maklumat dan data diperolehi. Perpustakaan yang terlibat adalah Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za’ba Universiti Malaya, Perpustakaan Pusat Islam Kuala Lumpur, Perpustakaan Awam Shah Alam dan Perpustakaan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Shah Alam.

(a). Dokumentasi : Kaedah dokumentasi adalah satu proses pengumpulan/menggunakan mana-mana bahan bertulis yang mengandungi maklumat mengenai fenomena yang hendak dikaji. Ia melibatkan dua sumber utama iaitu dokumen utama dan dokumen sekunder.¹⁸ Kaedah ini telah digunakan untuk memperolehi latar belakang masalah kajian dan kajian literature. Sementara itu, untuk rujukan hadis telah digunakan

¹⁷ Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah – Amalan Dalam Pengajaran Islam*. Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn.Bhd., h.67- 68

¹⁸ Kenneth D.Bailey (1984), *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, h. 480

program Maktabah Syamila manakala untuk rujukan Al-Quran telah digunakan www.quran.com dan Al- Quran al-Karim: Mushaf Tajwid Berserta Terjemahan Ke Dalam Bahasa Malaysia.¹⁹

Kajian Lapangan

Metod ini merupakan kaedah penyelidikan bukan eksperimental yang paling popular digunakan terutama dalam kajian bidang sains sosial. Ia mewakili semua kaedah kajian yang dilakukan untuk mengumpul data secara terus daripada sekumpulan subjek. Dua kaedah yang sering digunakan adalah cara menemubual subjek kajian dan kaedah memberi soal selidik kepada subjek secara lisan atau secara kertas-pensil.²⁰ Sementara itu, kaedah observasi berstruktur turut dilakukan untuk memperolehi maklumat-maklumat tertentu.

(a) Temubual: Temubual di sini membawa maksud temubual akademik iaitu satu interaksi sosial di antara penemu bual (*interviewer*) dengan yang ditemubual (*interviewee*) bertujuan untuk mendapat sebanyak mungkin maklumat dari ‘*interviewee*’ dengan tidak ada unsur-unsur hiburan dan paksaan.²¹ Kajian ini telah menemubual enam orang pihak pengurusan Raudhatus Sakinah iaitu secara temubual tidak berstruktur untuk mendapatkan maklumat tentang pusat ini serta cawangan-cawangannya di Pulau Pinang, Kelantan, Johor dan Melaka. Sementara itu juga temubual dengan 10 orang pelatih di pusat ini bagi mendapatkan maklumat lanjut dari borang soal selidik yang diedarkan.

¹⁹ Al-Quran al-Karim (2006), *Mushaf Tajwid Berserta Terjemahan Ke Dalam Bahasa Malaysia – Diterjemah oleh Sheikh Abdullah Basmeih*. Damascus, Syria - Kuala Lumpur: Darulfikir.

²⁰ Chua Yan Piaw (2006), *Kaedah Penyelidikan – Buku 1*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education, h. 109

²¹ Idris Awang (2009), *op. cit.*, h.71

(b) Soal Selidik : Soal selidik dapat diertikan sebagai rangkaian soalan yang berstruktur berasaskan pembolehubah-pembolehubah yang dikenalpasti untuk menghasilkan sejumlah data bagi menjelaskan masalah yang dikaji.²² Dalam kajian ini sebanyak 89 orang penghuni akan diberi soal selidik merangkumi ke lima-lima cawangan pusat ini iaitu 28 orang (Selangor), 15 orang (Pulau Pinang), 23 orang (Johor), 16 orang (Kelantan) dan 6 orang (Melaka).

Sementara itu sebanyak 10 orang pelatih di Pusat Jagaan Baitul Islah, Bukit Beruntung, Rawang, Selangor telah dipilih sebagai peserta untuk soalan kajian rintis kepada soalan kaji selidik ini. Data-data dari kajian rintis ini kemudiannya diuji dengan analisis kesahan (Reliability Analysis) untuk memperolehi nilai Alpha Cronbach'snya. Didapati nilainya adalah 0.848 iaitu satu nilai yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa soalan-soalan kaji selidik yang digunakan untuk kajian ini mempunyai nilai kesahan yang tinggi.

(c) Observasi berstruktur : Kaedah ini diguna-pakai dalam pengumpulan data untuk menilai keberkesanan program-program yang dijalankan di Raudhatus Sakinah ini kepada para pelatih. Ia adalah satu kaedah pengumpulan data berdasarkan tingkah laku yang diperhatikan di mana tingkah laku-tingkah laku ini telah disenaraikan dalam borang pemerhatian.²³

1.5.2 Analisa Data

Analisa data adalah satu proses menghuraikan masalah kajian berdasarkan persoalan kajian dengan tujuan menjelaskan objektif yang dinyatakan melalui kaedah-kaedah

²²Idris Awang (2009), *op. cit.*, h.71

²³ Chua Yan Piaw (2006), *op. cit.*, h. 150

tertentu²⁴. Kedua-dua jenis data yang diperolehi akan dianalisa mengikut kaedah tertentu. Data-data kualitatif dari segi literature, temubual tidak berstruktur dan observasi berstruktur akan dianalisa secara induktif dan deduktif untuk memahami dan merangka pelaksanaan kajian.²⁵ Manakala data-data dari borang kaji selidik pula akan dianalisa menggunakan satu kaedah pemprosesan iaitu pengaplikasian program ‘Statistical Package For The Social Sciences’ (SPSS V.19). Ia adalah satu perisian mesra-pengguna yang boleh digunakan untuk melakukan pelbagai analisis statistik dan pengurusan data dalam persekitaran bergrafik.²⁶

1.5.3 Laporan

Kajian ini akan dilaporkan dalam enam bab. Penulisan dalam bab satu akan menyentuh paparan pendahuluan yang membincangkan latar belakang masalah kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian dan kesimpulan.

Bab Dua iaitu Akhlak dan Remaja pula akan melakukan kajian literature tentang isu akhlak dan remaja. Di sini konsep akhlak Islam akan dibincangkan dari segi definisi, ciri-ciri dan prinsipnya. Kemudian diikuti dengan penguraian konsep remaja yang meliputi aspek fizikal, sosial, psikologi, tingkahlaku, emosi dan minda. Seterusnya, bab ini mengupas faktor yang mempengaruhi pembentukan personaliti remaja iaitu faktor baka dan faktor persekitaran. Akhirnya bab ini akan membincangkan isu-isu akhlak remaja tempatan masakini dari pelbagai sumber seperti laporan polis, akhbar, kajian ilmiah, forum dan buku-buku ilmiah sebagai pembuktian bahawa masyarakat kini sedang berada dalam satu situasi yang amat kritikal angkara berleluasanya keruntuhan akhlak para remaja.

²⁴ Idris Awang (2009), *op. cit.*, h. 94

²⁵ *Ibid.*, h. 101

²⁶ Mohd. Salleh Abu & Zaidatus Tasir (2001), *Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer : SPSS 10.0 For Windows*. Kuala Lumpur: Venton Pub., h. 1

Bab Tiga iaitu Pembangunan Remaja Islam merupakan satu bab yang mengupas tentang aspek yang terlibat dalam membangunkan remaja dan bagaimana Islam melakukannya. Umumnya, lima (5) aspek iaitu spiritual, fizikal, intelektual, emosi dan sosial telah dikenalpasti dan dihuraikan. Kemudian satu Model Penerimaan Program Pemulihan iaitu Modul Penerimaan Kirk Patrick akan dibincangkan untuk mengenalpasti aspek-aspek pendidikan dan pemulihan yang relevan dengan remaja masakini.

Bab Empat pula membincangkankan perihal Raudhatus Sakinah. Di sini, sejarah penubuhan, matlamat penubuhan dan perjalanan program-program pemulihan di pusat ini akan diketengahkan. Maklumat-maklumat ringkas organisasi ini termasuk cawangan-cawangannya di Selangor, Pulau Pinang, Kelantan, Johor dan Melaka akan dibentangkan secara kualitatif.

Bab Lima adalah bab yang mengulas mengenai latar belakang penghuni dan penerimaan program pembangunan remaja Islam di Raudhatus Sakinah. Ia adalah bab yang membincangkan hasil dapatan kajian iaitu keputusan daripada data-data (soal selidik) yang telah dianalisa menerusi aplikasi program statistik SPSS. Di sini beberapa aspek utama seperti latar belakang penghuni, jenis kesalahan tingkah laku, punca dan faktor akan dikenal-pasti dan dianalisa untuk memperolehi kesimpulan-kesimpulan tertentu. Sementara itu, penerimaan program pemulihan di pusat ini turut akan dianalisa menerusi Model Penerimaan Kirk Patrick.

Akhirnya, Bab Enam iaitu bab yang mengupas kesimpulan yang dapat dibuat daripada hasil kajian ini. Di sini akan dinyatakan beberapa saranan yang penting bukan

sahaja buat pihak Raudhatus Sakinah malahan amat berguna untuk masyarakat Islam umumnya.

1.6 KESIMPULAN

Kajian ini diharap akan memberi manfaat kepada banyak pihak sama ada yang mempunyai perkaitan langsung atau tidak langsung dengan golongan remaja. Melalui dapatan kajian dan cadangan tindakan, diharap ia akan membantu golongan remaja membentuk jati diri yang lebih sempurna dan berguna kepada agama dan negara.

Remaja merupakan satu komponen utama di dalam sesebuah masyarakat dan negara. Mereka merupakan pelapis dan aset penting bagi menggerakkan suasana politik, ekonomi dan sosial sesebuah negara. Disebabkan ini, mereka tidak boleh diketepikan dan dipinggirkan sebaliknya, perlu dipimpin, diasuh dan diberi tanggungjawab. Jika ada yang ‘sakit’, mereka perlu disembuhkan. Keluarga, masyarakat dan negara harus menerima mereka seadanya dengan fikiran yang ikhlas, telus dan bertanggungjawab serta sentiasa yakin bahawa mereka mampu memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan negara. Walaupun mereka dikatakan ‘berpenyakit’ tetapi sebenarnya mereka telah ‘dijangkiti’ oleh masyarakat sendiri. Justeru, pengubatannya hendaklah ditujukan kepada masyarakat seluruhnya, bukan kepada salah seorang / sekumpulan dari anggota masyarakat tersebut sahaja iaitu golongan remaja ini.

BAB DUA

AKHLAK DAN REMAJA

2.0 PENGENALAN

Sepanjang sejarah peradaban manusia, istilah ‘*akhlak dan remaja*’ tidak pernah terpadam dari peristiwa dan lipatan sejarah. Fenomena dan isu membabitkan istilah ini telah menjadi fokus dan perhatian setiap masyarakat di sepanjang zaman. Permasalahan akhlak telah berlaku sejak peristiwa Habil dan Qabil di zaman Nabi Adam a.s. Sejarah juga menyaksikan kehidupan jahiliah para remaja umat Nabi Nuh a.s sebelum dilanda banjir besar, perbuatan terkutuk remaja-remaja kaum Nabi Lut a.s sebelum diterbalikkan oleh Laut Mati serta akhlak keji kaum Arab Quraisy sebelum diutuskan Nabi Muhammad SAW.

Penularan maksiat yang keterlaluan di kalangan rakyat terutama para remaja serta penghapusan nilai-nilai Islamik dalam budaya hidup telah membawa kejatuhan kerajaan Islam Abbasiah di tangan Kaum Tartar pada 656H (1258M) serta lenyapnya empayar Othmaniah pada 1922M kepada kuasa-kuasa Eropah.²⁷ Gejala ini juga telah menjadi duri dalam daging runtuhnya empayar-empayar Melayu Islam seperti Melaka, Majapahit, Aceh dan Pasai di tangan penjajah Inggeris dan Belanda.²⁸

Semua peristiwa ini membuktikan betapa penting mencapai keseimbangan akhlak dalam diri para remaja kerana ia boleh memberi impak besar kepada kestabilan dan kelangsungan ketamadunan sesebuah masyarakat dan negara. Kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun juga turut terkena tempias dari fenomena ini. Sejarah merekodkan bahawa Amerika Syarikat telah mula dilanda oleh

²⁷ Fathi Yakan (1986), *Dunia Islam Dan Tipudaya Antarabangsa*. Shah Alam, Dewan Pustaka Fajar, h. 47.

²⁸ Herry Nurdi (2010), *Konspirasi Intelektual Yahudi*. Jakarta, Cakra Lintas Media, h. 36-44

permasalahan ini sejak berakhirnya ‘*Civil War*’ lagi iaitu di sekitar tahun 1776. Penularannya menjadi lebih teruk lagi selepas Perang Dunia 1 sehingga tercetus satu istilah iaitu ‘*social disorganisation perspective*’ bagi menggambarkan keadaan golongan remaja pada ketika itu.²⁹ Situasi ini kian bertambah parah selepas Perang Dunia ke-2 apabila kadar jenayah direkodkan berlaku dalam peningkatan yang amat drastik. Statistik kerajaannya, dari 1960-an hingga 1974 mendapati bahawa kadar jenayah harta benda meningkat sebanyak 200% manakala kadar jenayah individu meningkat sehingga 154%,³⁰ dengan jumlah keganasan dan jenayah pada tahun 1974 yang dilaporkan adalah melebihi 80,000 kes. Tetapi mengikut pihak FBI dan CIA, jumlah sebenarnya adalah jauh lebih tinggi kerana lebih banyak kejadian jenayah yang tidak dilaporkan.³¹ Ketika itu timbul satu istilah baru iaitu ‘*delinquent group*’ oleh ahli-ahli sosiologi, yang membawa maksud kumpulan muda-mudi yang melakukan jenayah.³²

Tragedi dan kekalutan ini turut mencengkam negara-negara maju lain di Eropah seperti England, Perancis, Sepanyol dan Soviet Union (Rusia). Keadaan ini telah menyebabkan suasana negara – negara tersebut amat kucar-kacir. Isu-isu salah laku dan keruntuhan akhlak seperti budaya ‘*hippies*’, ‘*punk*’, ‘*rock*’, ‘*blues*’, ‘*black metal*’ dan ‘*pink metal*’ telah memusnahkan jati diri para remaja mereka ke tahap yang amat keji sehingga sanggup melupakan nilai-nilai agama dan budaya mereka.³³ Budaya-budaya baru ini umumnya adalah budaya yang terlalu mengagung-agungkan kehidupan bersosial yang keterlaluan seperti hubungan seks bebas, ganja dan dadah, arak serta budaya ‘*gangsterisme*’ yang menjurus kepada pelbagai masalah sama ada berbentuk

²⁹ Joseph Julian (1997), *Social Problems – 2nd. Edition*. Upper Saddle River, New Jersey: Prentice-Hall, h.16-18

³⁰ *Ibid.*, h.135

³¹ *Ibid.*, h.175

³² *Ibid.*, h.184

³³ Rhoda Cummings (1995), *Adolescence – A Developmental Perspective*. USA, Harcourt Brace College Publishers, h. 21-31

sosial, budaya, agama dan juga kesihatan di mana ketika inilah juga penyakit-penyakit seperti ‘gonorrhoea’, ‘syphilis’ dan *AIDS* mula tersebar dan menular.³⁴

Umumnya, golongan remaja adalah satu golongan yang sering dan mudah diselewengkan dan dijinakkan oleh anasir-anasir kurang sihat³⁵ kerana mereka gagal memahami dan mengawal diri sehingga membiarkan diri mereka mengalami tekanan perasaan, kekecewaan, rasa kekosongan, perasaan serba salah, terkeliru dan tidak pasti, marah, benci dan sebagainya yang sukar dimengerti dan difahami oleh sesiapa sahaja termasuklah diri mereka sendiri.³⁶ Faktor dalaman inilah yang menjadikan diri mereka berbeza dengan golongan dewasa sehingga segala isu-isu keruntuhan akhlak dan salah laku akan dikaitkan dengan golongan remaja tetapi secara tidak langsung pula ia menjadi tanggungjawab golongan dewasa untuk membantu mereka menanganinya.

2.1 AKHLAK DALAM ISLAM

Akhlik secara umumnya adalah satu keupayaan untuk mengenal pasti apa yang betul dan salah yang terbit dari jiwa seterusnya menghasilkan kelakuan. Istilah ini sebenarnya berasal daripada bahasa Arab iaitu kata jamak kepada perkataan *al-Khuluq* (الخلق), ertinya *al-Sajiyat* (السجية) iaitu perangai, tabiat³⁷ dan tingkahlaku.³⁸ Pakar-pakar ilmu bahasa Arab pula mentakrifkannya sebagai budi pekerti, adab sopan, tingkah laku dan tata susila iaitu dengan merujuk kepada sifat-sifat manusia sedia ada pada seseorang manusia atau daripada perkara-perkara yang dipelajarinya.³⁹ Bahasa Melayu meminjamkannya dan ditakrifkan sebagai budi pekerti, kelakuan, tabiat dan watak.⁴⁰

Manakala dalam bahasa Inggeris pula ia dikenali sebagai ‘*moral*’ yang membawa

³⁴ Eli Ginzberg, Howard S. Berliner & Miriam Ostow (1988), *Young People A Risk – Is Prevention Possible?*. Colorado, Westview Press Boulder & London, h. 41, 72, 89 & 105

³⁵ Hairunnaja Najmuddin (2003), *Memahami dan Membimbing Remaja Nakal*. Pahang: PTS Publication & Distribution Sdn.Bhd., h.131

³⁶ *Ibid.*, 159

³⁷ *Kamus Idris Marbawi – Juzuk 1*. Darul Fikr, (tt), h.186

³⁸ Ibn Manzur (1955), *Lisan al-‘Arab – Jld. 10*. Beirut-Lubnan: Dar al-Sadir Beirut, h.86

³⁹ Asmaran As (1992), *Pengantar Studi Akhlak*. Jakarta: Rajawali Press, h.1

⁴⁰ Sheikh Othman bin Sheikh Salim (1989), *Kamus Dewan – Edisi Baru*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, h.19

maksud ‘concerning principles, character or behaviour considered good or bad, right or wrong’.⁴¹

Islam adalah satu-satunya agama yang membincangkan perihal akhlak ini secara jelas dan terbuka sehingga ia mengiktirafkannya sebagai satu ibadah⁴². Firman Allah SWT :

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايِ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ (١٦٢) لَا شَرِيكَ لَهُ ۖ
وَبِذِلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ (١٦٣)

‘Sesungguhnya solatku, ibadahku, hidupku dan matiku hanya untuk Allah Tuhan semester alam. Tiada sekutu bagi-Nya kerana itu aku rela diperintah dan aku ini adalah termasuk golongan orang Islam.’

Surah al-An'am (8): 162-163

Oleh itu, aspek-aspek yang melibatkan akhlak ini juga perlu diketahui dan difahami secara jelas sebagaimana pentingnya memahami syarat, rukun serta hukum-hukum di dalam ibadah. Tokoh-tokoh akhlak seperti al-Miskawayh dan al-Ghazali telah menggariskan dua kriteria pengukur, iaitu syariah dan akal sebagai aspek utama dalam mengenalpasti aspek baik dan buruk ini.⁴³ Menurut mereka, setiap suruhan syariah adalah akhlak yang baik, manakala semua larangan syariah pula merupakan akhlak yang buruk. Manakala segala perbuatan yang diterima sebagai baik oleh akal manusia sekalipun tidak dijelaskan secara terperinci oleh syariah Islam adalah juga baik. Contohnya, berdisiplin di jalan raya, menjaga kemudahan awam seperti telefon dan tandas serta menghormati undang-undang yang ditetapkan demi kepentingan umum adalah juga dikira akhlak yang baik. Sementara itu, Islam turut menerapkan konsep ehsan di dalam manifestasi akhlaknya. Ehsan adalah satu kualiti kesedaran dalaman

⁴¹ Anne Wevell (2008), *Reader's Digest Word Power Dictionary*. Hong Kong: The Reader's Digest Association, h.552

⁴² Fathi Yakan (1996), *Apa Ertinya Saya Menganut Islam*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, h. 29

⁴³ Mohd. Nasir Omar (2005), *Akhlaq Dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn.Bhd., h.16

seseorang yang menyedari bahawa dia pada setiap saat dan ketika diperhatikan oleh Allah SWT.⁴⁴ Kesimpulannya, Islam menjadikan pegangan aqidah, akal dan konsep ehsan sebagai entiti penting untuk berakhlik.

Akhlik Islam secara umumnya adalah segala apa yang dibawa dan ditunjukkan oleh keperibadian Nabi Muhammad SAW.⁴⁵ Hal ini telah dijelaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

'Dan bahawa sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) mempunyai akhlak yang sangat mulia.'

Surah al-Qalam (68): 4

Ayat ini telah disimpulkan oleh Sayyid Qutb mempunyai beberapa pengajaran iaitu sebagai ayat yang menunjukkan kedudukan akhlak yang tinggi dalam hakikat Islam, Rasulullah SAW dibangkitkan untuk menegakkan akhlak yang mulia, akhlak Islam bukannya berasal dari bumi atau makhluk tetapi dari Penciptanya dan segala akhlak mulia tergambar pada sahsiah Baginda SAW.⁴⁶

Al-Ghazali pula melalui kitabnya iaitu '*Ihya' u'lum ad-din*' telah mendefinisikan akhlak Islam ini sebagai sifat yang tertanam di dalam jiwa seseorang yang darinya muncul perbuatan dengan mudah tanpa memerlukan fikiran terlebih dahulu. Ia juga satu proses pembentukan jiwa dan mengembalikannya kepada apa yang telah digariskan oleh syariat Islam, sebagaimana yang telah dijalani oleh nabi-nabi, siddiqin dan syuhada' yang salih serta ahli-ahli mukasafah dan ahli-ahli tasauf Islam.⁴⁷

⁴⁴ Zakaria Stapa (1995), *Akhlik & Tasawwuf Islam*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn.Bhd., h.14

⁴⁵ Muhammad Al-Ghazali (1997), *Akhlik Seorang Muslim*. Selangor: Thinker's Library, h.viii

⁴⁶ Sayyid Qutb (2000), *Tafsir Fi Zilalil Qu'r'an (Di bawah Bayangan Al-Quran)*, j.16, h. 287 - 292

⁴⁷ Zakaria Stapa (1995), *op. cit.*, h. 3

Sementara itu ulama' masakini seperti Yusof Al-Qardhawi pula menyifatkan bahawa akhlak Islam ini adalah rangkuman hubungan manusia sesama manusia dan juga manusia dengan Penciptanya dengan menjadikan asas pertama akhlak ini ialah ikhlas kepada Allah, bertaubat kepadaNya, menyerah diri kepadaNya, rasa takut dan berharap kepada kerahmatanNya, mengagungkan syiarNya dan lain-lain nilai Rabbani sehingga menimbulkan sifat-sifat mulia, ciri-ciri terhormat dan budi pekerti yang luhur.⁴⁸ Sementara itu, 'Aid Abdullah Al-Qarni pula secara umumnya mendefinisikan akhlak Islam ini sebagai apa sahaja yang dibawa oleh Nabi SAW iaitu meliputi segala ajaran dan sunnah Nabi SAW dimana ia ditandai melalui kecintaan kepada sunnah Baginda SAW manakala akhlak keji adalah di sebaliknya.⁴⁹

Kesimpulannya, akhlak mengikut definisi Islam ini bukanlah satu ciri akhlak yang hanya merujuk kepada perbuatan baik atau buruk yang dilakukan oleh seseorang itu secara fizikal semata-mata, tetapi ia lebih melihat kepada dimensi rohaniah yang telah mendesak seseorang itu supaya melakukan sesuatu perbuatan itu sama ada baik ataupun buruk. Sebenarnya, akhlak Islam ini diterbitkan dari bahagian dalaman (kejiwaan) seseorang, sementara perbuatan itu adalah bahagian luaran. Akhlak ini menjadi penyebab kepada berlakunya sesuatu perbuatan, manakala perbuatan pula adalah manifestasi keadaan atau adanya situasi kejiwaan tersebut.⁵⁰

2.2 CIRI-CIRI AKHLAK ISLAM

Islam telah meletakkan akhlak sebagai satu ciri utamanya iaitu setara dengan kedudukan iman dan ibadah di dalam mempraktikkan syariatnya sehingga para ulama'

⁴⁸ Yusof Al-Qardhawi (1997), *Membangun Masyarakat Baru*. Jakarta: Gema Insani Press, h. 137

⁴⁹ Aidh Abdullah Al-Qarni (2006), *Al-Quran Berjalan (Rahmat Bagi Sekalian A'lam)*. Kuala Lumpur: Ar-Risalah Production S/B., h. 236

⁵⁰ Mohd. Nasir Omar (2005), *op. cit.*, h. 15-16

berpendapat bahawa Islam ini diturunkan semata-mata untuk membawa akhlak yang mulia. Nabi SAW ada bersabda⁵¹:

منصور ثنا عبد العزيز بن محمد أخبرني محمد بن عجلان عن القعقاع بن حكيم عن
ابي صالح عن أبي هريرة رضي الله عنه قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم
انما بعثت لاتمم مكارم الاخلاق

'Telah digambarkan kepada kami Abdul 'Aziz Ibn Muhammad, dikhabarkan Muhammad Ibn 'Ijlaani dari Al-Qa'qaa' Ibn Hakim dari Abi Solih dari Abi Hurairah radiyallahu 'anh katanya: Telah bersabda Rasulullah sallahu 'alai wa sallam : Aku diutuskan (ke dunia) ialah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia'

Pembuktian ini dapat dilihat berdasarkan kepada sejarah penurunan al-Quran dimana pada peringkat awal penurunannya ia hanya berkisar kepada dua perkara sahaja iaitu persoalan akidah dan isu akhlak di mana hampir satu per empat daripada ayat-ayatnya iaitu sebanyak 1504 adalah ayat-ayat berkaitan dengan akhlak yang diturunkan sama ada secara jelas atau dengan syarat, suruhan atau larangan.⁵² Selain dari itu, sebagai syariat yang terakhir, maka Islam perlu membawa semula manusia kepada fitrah yang sebenar iaitu meliputi tingkah laku (akhlak) manusia terhadap Allah SWT dan sesama mereka yang meliputi segala aspek kehidupan manusia.⁵³ Sementara itu, banyak hadis-hadis Nabi SAW membincarkan perihal kepentingan berakhhlak mulia dan menjauhi akhlak keji dengan baginda sendiri merupakan model dan contoh ikutan akhlak terbaik kepada manusia, khususnya kepada umat Islam. Baginda telah merealisasikan prinsip-prinsip akhlak al-Quran ini dalam pelbagai bidang dan realiti kehidupan bermasyarakat melalui sunnah-sunnah Baginda agar mudah difahami dan diikuti oleh para pengikutnya.⁵⁴

⁵¹ Sunan Kubra Lil Baihaqi, Juz 10, Tasvir-Beirut, h. 192

⁵² Ahmad Abdul Aziz b. Qasim Al-Hadad (2006), *Akhlaqun Nabi SAW Fil Quran Was Sunnah-* Bhg. 1. Johor Bahru, Johor: Jahabersa, h. 29-30

⁵³ *Ibid.*, h. 34

⁵⁴ Mohd. Nasir Omar (2005), *op.cit.*, h.12

Para ulama' telah membahaskan ciri akhlak Islam ini dalam pelbagai aspek. Contohnya, Yusof Qaradawi telah menekankan empat aspek iaitu luasnya bidang akhlak ini, kelazimannya untuk mencapai sasaran dan tujuannya, hubungan eratnya dengan keimanan dan adanya balasan terhadap pelanggaran norma akhlak.⁵⁵ Walaupun akhlak Islam dilihat hanya membicarakan sifat baik dan buruk tetapi menurutnya persoalan yang diutarakan ini amatlah luas meliputi dari amalan individu, orang lain hinggalah kepada hubungan antara negara/kerajaan (hubungan antarabangsa). Seterusnya, akhlak Islam dilihat ada membicarakan tentang tujuan, kepentingan dan kewajipan diterapkan sesuatu sifat itu ke dalam semua tindak tanduk manusia. Sesuatu sifat itu dinyatakan baik dan buruknya sesuai dengan penghayatan naluri, fitrah dan akal agar mudah difahami oleh manusia. Selanjutnya, akhlak Islam ini dikaitkan dengan keimanan. Nabi SAW telah bersabda⁵⁶:

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ حَدَّثَنَا أَبُو الْأَحْوَصِ عَنْ أَبِي حَصِينٍ عَنْ أَبِي صَالِحٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ
 قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَا يُؤْذَ
 جَارُهُ وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَيُكْرِمْ ضَيْفَهُ وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ
 فَلَيُقْلِلْ خَيْرًا أَوْ لِيَضْمُنْ

'Telah menceritakan kepada kami Qutaibah Ibn Said, telah menceritakan kepada kami Abu Ahwas dari Abi Solih dari Abi Hurairah berkata, Sabda Rasulullah Sallalahu 'alaihi wa'sallam: Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat, maka janganlah menyakiti tetangganya, dan barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat, hendaklah berbicara yang baik (kalau tidak dapat) hendaklah diam sahaja.'

Seterusnya beliau menyatakan bahawa akhlak Islam ini bersikap adil kepada manusia apabila ia ada memperjelaskan terlebih dahulu natijah dan kesan dari penafian terhadap norma-norma akhlak. Setiap pelanggaran terhadap perintah bererti diancam

⁵⁵ Yusof Qardhawi (1997), *op. cit.*, h.104

⁵⁶ Muhammad bin Ismail Abu 'Abd Allah al-Bukhari (1994), *Sahih al-Bukhari*, "Kitab al Iman", no. Hadith 5559, j.18. Kaherah: Dar al-Fikr, h.437.

seksa dan azab, sebagaimana firman Allah SWT dalam ayat 1 Surah Al-Huzaimah. Sebaliknya mendapat pahala dan ganjaran pula bagi orang yang mentaati perintah dan mematuhi ajaran akhlak yang telah ditetapkan Islam. Ini dijelaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya:

وَاصْبِرْ فِإِنَّ اللَّهَ لَا يُضِيغُ أَجْرَ الْمُحْسِنِينَ

'Dan bersabarlah (wahai Muhammad, engkau dan umatmu, dalam mengerjakan suruhan Allah), kerana sesungguhnya Allah tidak akan menghilangkan pahala orang yang berbuat kebaikan.'

Surah Hud (12): 115

Al-Ghazali pula menjelaskan adanya hubung-kait antara Rukun Islam dan nilai-nilai moral sebagai antara ciri akhlak Islam. Beliau menyatakan segala amal ibadah yang disyariatkan di dalam Islam adalah untuk membentuk dan memperkuatkan sifat dan moral umat manusia terutama umat Islam. Segala tingkah-laku dalam amal ibadah ini sebenarnya telah dirancang sebagai satu latihan dan mempunyai erti tersurat dan tersirat yang tertentu sehingga keindahan dan kesempurnaan sikap dan tindakannya akan terpancar dari segenap diri umat Islam.⁵⁷

Seterusnya, Muhammad al-Sayyid Yusuf pula menjelaskan bahawa akhlak Islam ini adalah satu proses pembelajaran untuk semua manusia di mana akhlak ini boleh ditingkatkan dan boleh pula direndahkan. Ciri ini menyatakan bahawa setiap manusia mempunyai potensi pembaharuan dan pembaikan dalam diri untuk mencapai akhlak terpuji serta menjauhkan diri daripada akhlak yang hina.⁵⁸

Sementara itu terdapat juga ulama' yang menggariskan ciri-ciri akhlak Islam ini dengan membahaskannya melalui sifat-sifat akhlak yang sewajarnya menghiasi diri

⁵⁷ Muhammad Al-Ghazaly (1987), *Karakter Muslim*. Bandung: Penerbit Risalah, h.1

⁵⁸ Muhammad al-Sayyid Yusuf (2006), *op. cit.*, h.193

seorang Muslim. Fathi Yakan misalnya, yang telah meletakkan beberapa sifat tertentu sebagai ciri akhlak Islam⁵⁹ iaitu bersifat warak dari melakukan perkara-perkara syubahat, memelihara penglihatan, ,memelihara lidah, bersifat pemalu, bersifat lemah lembut dan sabar, bersifat benar dan jujur, bersifat rendah diri, menjauhi sangka buruk dan mengumpat, bersifat pemurah dan bersifat qudwah hasanah (suri teladan yang baik).

Al-Ghazali juga ada menjelaskan ciri akhlak mengikut kaedah ini. Beliau telah membicarakannya di dalam dua buah bukunya iaitu ‘*Bimbingan Mukmin*’ dan ‘*Akhlag Seorang Muslim*’. Di sini beliau telah membahagikan akhlak Islam ini kepada dua ciri utama iaitu akhlak / sifat mahmudah (sifat terpuji) dan akhlak / sifat mazmumah (sifat terkeji).⁶⁰ Akhlak mahmudah yang dibahaskannya adalah jujur, tunaikan amanat dan jauhi khianat, tunai janji,ikhlas, adab berbicara, jauhi dengki dan dendam, santun dan lapang dada, murah hati, sabar, hidup berhemat dan harga diri, memelihara kebersihan, keindahan dan kesihatan, malu, membina persaudaraan, persatuan, pergaulan baik dengan keluarga dan masyarakat, kemuliaan, kasih sayang, ilmu dan akal, nilai waktu serta mensyukuri nikmat umur.

Kesimpulannya, para ulama’ dan ilmuan Islam telah membincangkan ciri akhlak Islam ini di dalam dua perspektif iaitu membicarakannya secara terperinci dengan menghubungkannya dengan sifat-sifat akhlak yang sepatutnya dimiliki oleh seorang muslim iaitu akhlak mahmudah dan sifat-sifat akhlak yang wajib dihindari iaitu akhlak mazmumah. Manakala dalam konteks umum, ia dibicarakan berdasarkan ciri dan sifat akhlak Islam itu sendiri.

⁵⁹ Fathi Yakan (1996), *op. cit.*, h.49 -63

⁶⁰ Muhammad Al-Ghazali (1997), *op.cit.*, h. xi-xii

2.3 PRINSIP AKHLAK ISLAM

Prinsip akhlak Islam adalah bersandar secara langsung kepada Rukun Iman dan Rukun Islam.⁶¹ Seseorang itu dikatakan berakhhlak jika ia mampu menguasai akal, diri dan tingkahlakunya berteraskan keimanan kepada Allah SWT secara mutlak dan tulus.⁶² Ini dinyatakan oleh Nabi Muhammad SAW⁶³:

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدٍ وَسَمِعْتُهُ أَنَّا مِنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُحَمَّدٍ حَدَّثَنَا أَبُو أَسَامَةَ عَنْ
رَجُلِيَّا بْنِ سِيَاهِ أَبِي يَحْيَى عَنْ عِمْرَانَ بْنِ رَبَاحٍ عَنْ عَلَيِّ بْنِ عَمَارَةَ عَنْ جَابِرِ بْنِ سَمْرَةَ
قَالَ كُنْتُ فِي مَجْلِسٍ فِيهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ وَأَبِي سَمْرَةَ جَالِسٌ أَمَامِي
فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ الْفُحْشَ وَالْتَّفْحُشَ لَيْسَا مِنَ الْإِسْلَامِ وَإِنَّ
أَحْسَنَ النَّاسِ إِسْلَامًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا

'Telah menceritakan kepada kami Abdullah Ibn Muhammad dan aku dengar dari Abdullah Ibn Muhammad telah menceritakan Abu Usamah dari Zakaria Ibn Siaah Abi Yahya dari 'Imran Ibn Rabah dari Ali Ibn 'Umarah dari Jabir Ibn Samurah berkata Aku hadir pada satu majlis ada bersamanya Rasulullah sallallahu alai wa sallam berkata, Abi Samurah duduk depan Rasulullah maka Sabda Rasulullah sallallahu alai wa sallam : Kejahanan dan perbuatan jahat, kedua-duanya sama sekali

Iman adalah satu kekuatan yang memelihara seseorang itu dari nilai-nilai personaliti yang rendah dan juga sebagai sumber yang menggerakkan manusia untuk meningkatkan nilai luhur dan akhlak yang bersih.⁶⁴ Iman yang menjurus kepada akhlak yang mulia adalah iman yang didefinisikan sebagai rangkuman daripada keyakinan dalam hati (terhadap Rukun Iman), mengakui dengan lisan dan menyempurnakannya sebagai amal perbuatan baik dan ketaatan kepada setiap suruhan dan larangan-Nya (Rukun Islam).⁶⁵ Konsep ini menjelaskan bahawa segala apa yang ditonjolkan oleh seseorang itu melalui perwatakan akhlaknya menunjukkan tahap kepercayaan dan keimanannya kepada Allah SWT.

⁶¹ Muhammad Al-Ghazaliy (1987), *op. cit.*, h. 1 & 6

⁶² Mohd. Nasir Omar (2005), *op.cit.*, h. 81

⁶³ Sunan Abi Daud, Kitab as-Sunnah, Bab:ad-Dalil 'ala ziyadah al-Iman, no. Hadith 4682, h. 349

⁶⁴ Muhamad Al-Ghazaliy . (1987), *op.cit.*, h. 6

⁶⁵ *Ibid.*, h.20

Akhhlak yang terbaik dan terulung adalah akhhlak Nabi SAW iaitu akhhlak yang menjadikan pengakuan terhadap Keesaan Allah SAW melalui konsep *Rububiyah*⁶⁶ dan *Uluhiyah*⁶⁷ sebagai dasar utamanya. Kepercayaan dan keimanan dengan kalimah *La ilah illa Allah* akan melahirkan perwatakan dan tindakan yang unggul bagi orang yang beriman dan menyedari dengan sepenuh kesedaran bahawa Allah SWT itu sahaja pemilik hakiki setiap kekuatan yang ada di dalam alam ini. Hal ini akan menimbulkan tawadduk dalam dirinya sehingga tidak mungkin dia menjadi hamba yang angkuh, takbur dan sompong. Sebaliknya, dia akan sentiasa melakukan kebaikan serta patuh dan terikat dengan undang-undang Allah SWT serta akan berusaha pula memelihara undang-undang itu.⁶⁸

Beriman kepada malaikat pula akan menjadikan seseorang itu sentiasa berwaspada dalam tindak-tanduknya kerana dia menyakini bahawa makhluk ini sentiasa mengawasi dan memerhatikan segala tindak-tanduknya. Keimanan ini akan menjadi penghalang utama bagi dirinya daripada melakukan pekerjaan yang keluar dari tata kesopanan, lebih-lebih lagi apabila hal itu telah menjadi larangan yang diharamkan di sisi undang-undang Allah SWT. Maka dengan kesedaran dan keimanan wujudnya dua malaikat yang bertugas mencatat tingkah laku dan amal perbuatannya, akan menjadikan seseorang itu lebih gemar melakukan kebaikan agar catatan amalannya di dunia ini tidak akan memalukan dirinya semasa dihisab nanti.⁶⁹

Seterusnya, beriman kepada kitab Allah iaitu al-Quran adalah satu aspek yang menyatakan bahawa al-Quran itu benar, beriman bahawa ia adalah wahyu daripada Allah SWT dan seterusnya seseorang itu wajib menjadikan al-Quran ini sebagai

⁶⁶ Rububiyah adalah sifat ketuhanan yang menciptakan alam, memelihara dan mendidiknya, bahawa zat yang bernama Allah sahaja yang menciptakan alam semesta ini dengan segala isinya, memelihara dan mendidiknya.

⁶⁷ Uluhiyyah adalah sebagai natijah dari sifat Rububiyah, iaitu bahwa hanya zat yang bernama Allah sahaja sebagai Tuhan satunnya yang wajib disembah dan dimohon pertolongan-Nya.

⁶⁸ Lukman Thaib (1989), Iman dan Keperibadian Muslim. Shah Alam: Marwilis Pub. & Dis., h. 67-68

⁶⁹ Ibid, h. 75

pedoman dan sinar petunjuk bagi kehidupannya sepanjang masa. Beriman kepada kitab ini penting dalam memperolehi, mengenali dan memahami secara benar segala hukum dan ajaran Islam yang berkaitan dengan aqidah, ibadat, penetapan hukum, akhlak, adab sopan dan bidang-bidang kehidupan lain yang terkandung di dalamnya.⁷⁰

Beriman kepada rasul pula akan menjuruskan seseorang itu untuk sentiasa patuh kepada apa yang diajar oleh mereka. Para rasul ini hanya membawa risalah kebaikan sama ada dengan menyuruh membuat kebaikan ataupun dengan mencegah melakukan kejahanan. Keimanan kepada Rasulullah SAW iaitu dengan mengakui segala yang dibawanya sama ada meliputi wahyu-wahyu, percakapannya atau perbuatannya secara tidak langsung akan mendorong seseorang itu mengikuti segala sunnah Baginda SAW yang semestinya hanya merupakan sifat-sifat mahmudah dan sifar dari sifat-sifat mazmumah.⁷¹

Umumnya, manusia amat takut terhadap hukuman hasil dari kesalahan yang dilakukannya. Hari akhirat bukanlah hari di mana alam ini akan binasa semata-mata tetapi ia adalah hari penghisaban dan penghukuman seluruh umat manusia. Beriman kepadanya telah membezakan umat Islam daripada golongan kafir. Kepercayaan dan keimanan kepada kehancuran alam, penghidupan semula, penghimpunan di padang Mahsyar, perhitungan baik buruk dan balasan syurga atau neraka merupakan titik tolak yang membezakan bukan sahaja antara umat Islam dengan kaum kafir tetapi juga di kalangan umat Islam sendiri. Masih ramai umat Islam hari ini dilihat gagal mengimannya sehingga tidak mampu untuk mendidik jiwa mereka agar berkelakuan baik. Keimanan kepada hari akhirat seharusnya akan menimbulkan rasa tanggungjawab terhadap Allah SWT atas segala amal perbuatannya, menimbulkan motivasi untuk

⁷⁰ Yusuf Al-Qaradhawi (2001), *Al-Quran & As-Sunnah – Referensi Tertinggi*. Batu Caves, Penerbitan Darul Iman Sdn. Bhd., h. 15

⁷¹ Lukman Thaib (1989), *op.cit.* h. 88-89

membangkitkan nilai-nilai moral yang murni untuk dituai manfaatnya di akhirat kelak serta akan membangkitkan perasaan takut terhadap azab dan siksaan neraka.⁷²

Akhirnya, akhlak juga dilihat diasaskan kepada kepercayaan yang mantap kepada qadak dan qadar. Ia merupakan satu konsep yang didasarkan kepada keimanan kepada Allah SWT dan ditegakkan atas pengetahuan yang benar terhadap zat-Nya yang maha tinggi, asma'-nya yang utama dan sifat-Nya yang mulia. Ia juga adalah satu konsep yang berkaitan dengan persoalan kehidupan dan peristiwa-peristiwa yang bersangkutan dengan perbuatan manusia dan tindak-tanduknya mengikut dua pola yang jelas dan berbeza.⁷³ Apabila konsep ini difahami dengan baik dan tepat sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam, maka kepercayaan kepada adanya takdir baik dan buruk hanya dari Allah SWT akan membawa kemajuan dan peningkatan hidup yang baik untuk diri sendiri mahupun masyarakat. Keimanan terhadap konsep ini terutamanya takdir Allah SWT akan menimbulkan sifat sabar dan keseimbangan jiwa serta takwa kepada Allah SWT yang menjadi aspek utama akhlak mulia. Seorang mukmin yang beriman sepenuhnya kepada konsep ini akan berpendirian dan berkeyakinan bahawa segala sesuatu itu tidak hanya bergantung pada dirinya sendiri, melainkan kepada keharusan alam dan mengembalikan segala persoalan kepada Allah Yang Maha Kuasa. Maka dengan itu akan timbulnya sikap tidak putus asa, sabar dalam menempuh musibah dan tidak pula merasa bangga serta sompong apabila mencapai sesuatu kejayaan.⁷⁴

Sementara itu, rukun Islam pula menjadi teras kepada konsep akhlak Islam melalui penekanannya kepada moral yang tersurat dan tersirat di dalam segala pergerakan yang telah diwajibkan ke atas umat manusia. Memahami sebab musabab dan logik sesuatu ibadah itu dilakukan adalah kunci kepada timbulnya potensi untuk

⁷² Lukman Thaib (1989), *op.cit.*, h. 108-109

⁷³ Muhammad Al-Ghazali (1997), *Aqidah Muslim*. Batu Caves: Thinker's Library Sdn.Bhd., h. 135

⁷⁴ Lukman Thaib (1989), *op.cit.*, h. 128

berakhlak mulia dan begitu juga sebaliknya.⁷⁵ Contohnya, ibadah solat yang mampu mencegah hasutan syaitan, zakat sebagai alat penyucian diri, ibadah puasa yang menjadi batu loncatan ke arah takwa dan haji yang mampu melemahkan kecintaan kepada dunia sebenarnya pendorong untuk membentuk keperibadian dan akhlak yang mulia andaikata difahami secara jelas dan betul.

Sebagaimana konsep ibadah di dalam Rukun Islam adalah kepatuhan yang hakiki dan mutlak kepada Allah SWT semata-mata maka akhlak yang didasari dari rukun ini turut meletakkan segala perbuatannya (akhlak) adalah hanya untuk Allah SWT semata-mata.

2.4 KONSEP REMAJA

Remaja merupakan satu komponen penduduk yang penting dalam sesebuah negara disebabkan jumlahnya yang sangat ramai. Mereka adalah satu situasi perantaraan di antara alam kanak-kanak dan alam dewasa. Setiap golongan dewasa tentu telah merasai segala perubahan dirinya sama ada perubahan berbentuk fizikal, biologi, emosi dan psikologi yang berlaku di penghujung zaman kanak-kanak mereka yang merupakan tanda-tanda awal keremajaan diri seseorang.

Pada dasarnya remaja adalah segolongan manusia yang masih mentah, mempunyai sedikit fikiran, jiwa dan emosi.⁷⁶ Di dalam memahami dan mengenali mereka, para ilmuan telah memperkenalkan beberapa konsep yang dikenali sebagai konsep remaja iaitu mengenali remaja di segi fizikal, sosial, psikologi, tingkah laku/moral, emosi, dan minda/intelek.

⁷⁵ Muhammad Al-Ghazaliy (1987), *op.cit.*, h. 1

⁷⁶ Muhammad Said Ramadhan Al-Butiy (1997), *Menangani Pergolakan Jiwa Remaja*. Batu Caves: Pustaka Ilmi, h.52

2.4.1 Fizikal

Konsep ini adalah cara termudah untuk mengenali remaja. Secara umum, ia berkait dengan badan, jasmani, kebendaan atau keadaan semulajadi⁷⁷. Istilah perubatan pula merujuk kepada fisiologi badan manusia iaitu cara-cara badan berfungsi melalui penglibatan beberapa sistem tertentu seperti sistem tengkorak, sistem otot, sistem kardiovaskular, sistem pernafasan, sistem pencernaan, sistem perkumuhan, sistem saraf, sistem endokrin dan sistem reproduktif.⁷⁸ Ia menjadikan perubahan-perubahan ketara seperti perubahan dalam bentuk badan, perkembangan yang cepat pada alat seks, perkembangan pengaliran hormon yang berkaitan dengan perkembangan alat seks dan perkembangan pada ciri-ciri seks sekunder sebagai perubahan-perubahan utama dalam peralihan alam remaja ini.⁷⁹

Perubahan fizikal utama dan paling mudah untuk dikenalpasti di kalangan remaja adalah pertumbuhan dan perubahan bentuk badan iaitu satu perubahan yang melibatkan sistem tengkorak dengan tulang sebagai komponen utamanya. Ilmu ‘osteology’ menyatakan bahawa kadar pertumbuhan tulang menunjukkan kadar pertumbuhan manusia secara langsung iaitu melibatkan proses tumbesaran tulang sama ada di segi panjang dan saiz.⁸⁰

Sementara itu, tumbesaran dan perkembangan manusia juga ditunjukkan oleh perkembangan sistem reproduktifnya yang dikawal oleh hormon-hormon tertentu. Perubahan-perubahan karekter seks sekunder seperti perkembangan testes dan zakar, pembentukan dan penonjolan bahagian bahu, perubahan suara, pertumbuhan bulu ari-ari

⁷⁷ Sheikh Othman bin Sheikh Salim (1989), *op. cit.*, h. 325

⁷⁸ Barbara R. Landau (1980), *Essential Human Anatomy & Physiology-2nd. Edition*. Dallas, Texas: Scott & Foresment Company, h. 83

⁷⁹ Khadijah Haidi Khalid (1994), *Meneroka Alam Remaja*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, h. 1

⁸⁰ Jeffrey H. Schwartz (1995), *Skeleton Keys – An Introduction To Human Skeletal Morphology, Development & Analysis*. New York-Oxford, Oxford University Press, h. 11

dan rambut di bahagian muka seperti misai dan janggut (remaja lelaki)⁸¹ serta pertambahan lemak pada bahagian buah dada dan diikuti dengan pembesarannya, pertambahan lemak di sekeliling punggung yang memberi bentuk badan wanita dan kedatangan haid serta pertumbuhan bulu ari-ari (remaja perempuan)⁸² dilihat sebagai petunjuk fizikal terpenting di dalam konsep ini.

Manakala karekter-karekter seks primer seperti keinginan untuk mencari pasangan, keupayaan mendapat zuriat dan keinginan melakukan aktiviti seks sampingan seperti ciuman, sentuhan dan perasaan ingin disukai oleh jantina berlawanan⁸³ dilihat lebih melibatkan konsep-konsep psikologi, moral dan emosi. Robert E.Grinder telah menjalankan kajian berhubung corak perkembangan sistem pembiakan (seks) dan peningkatan umur budak lelaki dan perempuan. Kajiannya menjelaskan bahawa perkembangan aspek ini mula berlaku agak ketara (masa mulai mencapai remaja) bagi lelaki adalah dalam lingkungan umur 12 tahun manakala bagi perempuan adalah dari umur 11 tahun.⁸⁴

Selain daripada itu, perkembangan sistem pengangkutan dalaman tubuh yang melibatkan sistem kardiovaskular dan sistem limpatik juga dilihat berkembang seiring dengan tumbesaran seseorang. Perkembangan dan perubahan sistem-sistem ini contohnya, pertambahan bilangan sel darah merah, hemoglobin dan sel darah putih penting dalam memelihara keadaan homeostasis badan dan mengekalkan perfgnsian normal sel-sel⁸⁵. Keadaan ini penting untuk mengawal dan mengimbangi perubahan aktiviti-aktiviti luaran seseorang itu sama ada di segi corak atau frekuensi yang kian meningkat sejajar dengan peningkatan usianya. Tanner telah menjalankan satu kajian

⁸¹ Benjamin B. Lahey (1989), *Psychology : An Introduction – 3rd. Edition*. Dubuque, Iowa: Wm. C.Brown Publishers, h. 333

⁸² *Ibid.*, h. 332-333

⁸³ *Ibid.*, h. 332

⁸⁴ Robert E. Grinder (1963), *Studies In Adolescence*. New York: MacMillan Company, h. 430 - 431

⁸⁵ Barbara R. Landau (1980), *op.cit.*, h. 394-396

terhadap perubahan dalam bilangan sel darah merah dan hemoglobin darah terhadap peningkatan usia manusia. Kajiannya menunjukkan terdapat peningkatan mendadak bagi budak lelaki seusia 12 tahun dan memuncak pada usia 16 tahun manakala bagi budak perempuan perkadarannya agak perlahan dan tetap tetapi menunjukkan pencapaian tahap optimum yang agak lama pada usia 13 tahun. Tempoh usia inilah yang telah dinyatakan oleh Tanner sebagai zaman remaja.⁸⁶

Umumnya, konsep fizikal ini telah menyimpulkan bahawa remaja dapat dikenali melalui permulaan berlakunya perubahan-perubahan fizikal dan biologi yang ketara pada dirinya iaitu perubahan ciri-ciri yang tidak dialaminya ketika zaman kanak-kanak dan ia bermula dari seawal usia 9 tahun hingga usia 20 tahun.

2.4.2 Sosial

Sosial ditakrifkan sebagai segala yang berkaitan dengan masyarakat, perihal masyarakat dan kemasyarakatan.⁸⁷ Konsep ini secara teori menyatakan bahawa ketika zaman remaja, manusia mula menimbulkan konflik-konflik dalaman dengan masyarakat sama ada dengan ibu bapa, rakan-rakan ataupun guru serta juga kecelaruan dalam diri mereka sendiri. Di ketika inilah, pelbagai reaksi pelik seperti mendiamkan diri (tanda degil), menentang secara terbuka, melawan dan kadangkala bertingkah laku nakal adalah telatah normal mereka dalam menegakkan pendirian mereka.⁸⁸ Reaksi-reaksi ini sebenarnya telah didorongkan oleh kesan-kesan konformitif, pujukan dan kepatuhan terhadap dan daripada aspek-aspek sosialnya.⁸⁹

⁸⁶ Robert E. Grinder (1963), *op.cit.*, h.428

⁸⁷ Sheikh Othman bin Sheikh Salim (1989), *op.cit.*, h. 1223

⁸⁸ Khadijah Haidi Khalid (1994), *op.cit.*, h. 39

⁸⁹ Benjamin B. Lahey (1989) , *op. cit.*, h. 582

Ahli sosiologi telah mengkategorikan lima teori sosial yang telah mewujudkan konflik-konflik atau perlakuan masalah sosial ini iaitu teori sosial pathologi (ditimbulkan oleh seseorang yang tidak waras atau sakit pemikiran), teori sosial kecelaruan (seseorang itu keliru dengan aturan dan peraturan sedia ada hingga menjadikannya tiada panduan, konflik budaya dan ‘*breakdown*’ situasi apabila undang-undang gagal berfungsi baginya), teori sosial konflik nilai (apabila manusia berlumba-lumba mempertahankan hak, nilai dan norma-normanya tanpa menghiraukan kepentingan orang lain dan umum), teori sosial salah laku (seseorang itu menunjukkan bantahan dan sikap ‘tidak setuju’nya kepada sesuatu peraturan yang ada dan ini akan mendorong kewujudan nilai dan peraturan sendiri) serta teori sosial melabel (persepsi masyarakat terhadap seseorang itu menyebabkan individu itu bertindak sedemikian).⁹⁰

Kesan dan situasi sebegini telah menyebabkan remaja gagal memahami dan mendefinisikan siapa dirinya iaitu kegagalan memahami konsep identiti dan konsep kendiri sehingga mewujudkan ciri-ciri seperti sikap ego, kurang sopan, konflik dan salah faham tentang perfgungsian jantina.⁹¹

Sementara itu, Jas Laile berpendapat bahawa keadaan sosial remaja banyak dipengaruhi oleh faktor persahabatan dan rakan sebaya iaitu sebagai agen peneguh dan model sosial mereka. Rakan sebaya ini telah mempengaruhi dalam aspek kognitif, tingkah laku sosial (konflik), tingkah laku (moral) dan personaliti.⁹² Tingkah laku remaja berkonflik ini disebut sebagai ‘*delinquency*’, iaitu seseorang atau golongan yang gagal diterima oleh masyarakat umum. Tingkah laku ini telah dikaji dalam banyak kajian dan menunjukkan adanya perubahan berskala. Contohnya, ujian oleh F.K. Shuttleworth yang menunjukkan konflik tingkah laku manusia mulai meningkat dari usia 15 tahun


⁹⁰ Mohamad Shatar Sabran (2003), *Pengenalan Kepada Masalah Sosial*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, h. 7-12

⁹¹ Rhoda Cummings (1995), *op. cit.*, h. 231

⁹² Jas Laile Suzana Jaafar (1996), *Psikologi Perkembangan – Psikologi Kanak-kanak & Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, h. 141-143

dan menurun apabila mencapai usia 19 tahun⁹³ seperti dijelaskan oleh Rajah 2.1 di bawah.

Rajah 2.1: Hubungan umur dan dengan kadar delinquen dan jenayah.



Sumber: Raymond G.Kuhlen (1952), *The Psychology of Adolescent Development*. New York: Harper & Row Pub.

Satu kajian yang dilakukan oleh pengkaji dari Universiti Cambridge terhadap remaja lelaki delinquen (terlibat dalam kejadian ketidakjujuran seperti mencuri dan merompak) dan remaja bukan delinquen mendapati wujud peratusan perbuatan antisosial yang agak tinggi pada remaja delinquen ini seperti meminum arak, merokok, berjudi, perlumbaan haram, penglibatan dadah, aktiviti seks bebas, kerjaya tidak menentu, hubungan kurang baik dengan ibubapa, bertatu, melepak di jalan-jalan, vandalisme dan gengsterisme, pergaduhan bersenjata, bersifat agresif dan anti pembangunan termasuk bersikap antagonisme⁹⁴ terhadap polis. Kajian ini mendapati bahawa fenomena sebegini memuncak pada usia 17-18 tahun dan dalam kes-kes yang berpunca dari keluarga berpendapatan rendah ia sudah bermula seusia lapan tahun lagi. (seperti kes ponteng sekolah dan jenayah-jenayah di sekolah).⁹⁵

⁹³ Raymond G. Kuhlen (1952), *The Psychology of Adolescent Development*. New York: Harper & Row Pub., h. 359

⁹⁴ Antagonisme adalah satu sikap atau kejadian perselisihan atau permusuhan terutama sekali antara dua pihak/orang.

⁹⁵ David P. Farrington (1996), *Understanding And Preventing Youth Crime*. United Kingdom: Joseph Rowntree Foundation, h. 4-5

Konsep sosial ini secara umumnya menyatakan bahawa di usia ini (zaman remaja), seseorang itu agak sukar menerima peraturan yang sudah ditetapkan oleh masyarakat dan mula menunjukkan reaksi penolakannya melalui tingkahlaku yang kurang baik semata-mata untuk mendapat perhatian umum dan menyesuaikan diri dengan keperluan social mereka. Tindakbalas mereka yang mula berbeza terhadap sesuatu isu itu mudah dikesan dan dilihat kerana ia tidak ditonjolkan semasa zaman kanak-kanak mereka.⁹⁶

2.4.3 Psikologi

Remaja dikatakan berada dalam keadaan yang sentiasa berubah-ubah, bergilir-gilir antara keadaan semangat yang bergelora dengan amat putus asa, antara bertenaga dengan kelesuan, antara mementingkan perihal orang lain daripada diri sendiri dan sebaliknya. Perubahan-perubahan radikal ini membuatkan peringkat remaja ini penuh kekacauan, keributan dan tekanan.⁹⁷ Kesan-kesan daripada perubahan fizikal, biologi tekanan-tekanan sosial telah menyebabkan para remaja mempunyai ciri psikologi bermasalah yang tersendiri.⁹⁸

Psikologi ditakrifkan sebagai ilmu yang mengkaji jiwa atau fikiran manusia, dan segala rupa kelakuan manusia, ilmu jiwa; berkaitan kebijaksanaan memahami sifat manusia.⁹⁹ Ahli psikologi pula mendefinisikannya sebagai sains tingkahlaku dan proses-proses mental.¹⁰⁰ Menurut mereka, tingkahlaku manusia dilihat amat berkait-rapat dengan beberapa anggota badan manusia dan kehidupan psikologinya, contohnya, sistem tengkorak dan sistem saraf yang dikenali sebagai pusat kawalan biologi, otak,

⁹⁶ Robiah K. Hamzah (2001), *Teknik & Strategi Membimbing Remaja*. Kuala Lumpur, PTS Publication & Distribution Sdn.Bhd., h. 41

⁹⁷ Khadijah Haidi Khalid (1994), *op.cit.*, h. 22

⁹⁸ Glen H. Elder (1968), *Adolescent Socialization and Personality Development*. Chicago: Rand McNally & Company, h. 20

⁹⁹ Sheikh Othman bin Sheikh Salim (1989), *op.cit.*, h. 986

¹⁰⁰ Benjamin B. Lahey (1989), *op.cit.*, h. 7

sistem endokrin dan juga ciri keturunan boleh mempengaruhi ciri psikologi dan perwatakan seseorang.¹⁰¹

Terdapat penemuan bahawa perkembangan-perkembangan dalam ketinggian, berat badan dan pembentukan otot telah memberi kesan-kesan positif dan negatif kepada pelajar-pelajar sekolah. Kajian yang dijalankan oleh Blyth, Simmons dan rakan-rakan telah merumuskan bahawa remaja yang mempunyai masalah berat badan yang melampau menghadapi kesan negatif (psikologi dan perwatakan) yang amat mendalam.¹⁰² Sementara itu, penemuan oleh Rierdan dan Koff pula menunjukkan bahawa terdapat tahap psikologi yang berbeza antara budak perempuan sebelum haid dan selepas haid terutama di dalam hal-hal perbezaan dan kesamaan jantina. Budak perempuan selepas haid didapati lebih memahami, berhati-hati dan mengambil berat apabila berhadapan dengan situasi-situasi itu.¹⁰³

Sementara itu, ahli psikologi telah menetapkan dua ciri atau sifat yang dijadikan asas dalam pengkajian mereka iaitu situasi sedar yang melibatkan cetusan perasaan sensasi dan persepsi¹⁰⁴ dan situasi tidak sedar yang melibatkan situasi tidak sedar terarah dan tidak terarah, khayal, keceluaran fikiran, fobia, ketakutan dan mimpi yang menakutkan (*nightmare*).¹⁰⁵ Satu kajian oleh S.L. Pressey mengenai tahap berkhayal (*daydreaming*) telah dijalankan untuk menunjukkan tahap tekanan psikologi manusia berdasarkan usia.¹⁰⁶ Berkhayal walaupun tidak dipersetujui 100% memberi kesan buruk kepada psikologi tetapi di satu-satu ketika ia boleh memberi kesan yang membahayakan. Kajiannya menunjukkan pada usia 15 tahun lagi golongan perempuan

¹⁰¹ Benjamin B. Lahey (1989), *op.cit.*, h. 41

¹⁰² Gerald R. Adams & Thomas Gullotta (1983), *Adolescence Life Experiences*. Monterey, California: Brooks/Cole Publishing Company, h. 99

¹⁰³ *Ibid.*, h. 99

¹⁰⁴ Benjamin B. Lahey (1989), *op.cit.*, h. 83

¹⁰⁵ *Ibid.*, h. 131-143

¹⁰⁶ Raymond G. Kuhlen (1952), *op.cit.*, h. 262

sudah mula asyik berkhayal manakala untuk lelaki ia mendadak pada usia 16 tahun dengan kedua-duanya mencapai tahap memuncak pada usia 18 hingga 21 tahun dan dari usia 18 hingga 20 tahun.

2.4.4 Tingkah Laku/moral

Istilah tingkah laku atau moral ini sebenarnya berasal dari bahasa Latin ‘*moralis*’ yang bererti tingkahlaku yang sejajar dengan tatatusila atau peraturan masyarakat.¹⁰⁷ Dari segi bahasa, ia didefinisikan sebagai ajaran atau pegangan berkaitan buruk baik sesuatu perbuatan (kelakuan, kewajiban dll), sikap atau cara berkelakuan yang berdasarkan atau yang diukur dari segi ketentuan-ketentuan tentang baik buruk sesuatu akhlak, yang berkaitan dengan apa yang betul atau adil.¹⁰⁸

Nilai moral ini dikaitkan dengan konsep perundangan dan keadilan oleh seorang lagi ahli psikologi iaitu Lawrence Kohlborg. Menurut beliau, pada usia berbeza, nilai-nilai moral manusia juga didapati berbeza disebabkan tahap pemahaman dan pengadaptasian konsep-konsep keadilan dan perundangan yang berbeza-beza.¹⁰⁹ Maka tidak hairanlah, para remaja yang masih gagal memahami kepentingan peraturan dan undang-undang akan selalu bertindak menentangnya.

Golongan remaja dilihat mempunyai struktur moral dan sistem nilai yang kompleks. Menurut Jean Piageat dan Kohlberg, perkembangan moral manusia adalah mengikut peringkat-peringkat yang tertentu tetapi berterusan, bermula dari kanak-kanak, remaja hingga dewasa.¹¹⁰ Sehubungan itu, Jean Piageat telah mencetuskan tiga peringkat dalam perkembangan moral manusia iaitu pengertian dalam permainan oleh

¹⁰⁷ Koo Kee Peng & Tang Chee Yee (1990), *Pendidikan Moral*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd., h. 1

¹⁰⁸ Sheikh Othman bin Sheikh Salim (1989), *op.cit.*, h. 834

¹⁰⁹ Rhoda Cummings (1995), *op. cit.*, h. 291

¹¹⁰ Koo Kee Peng & Tang Chee Yee (1990), *op.cit.*, h. 102

kanak-kanak, kebenaran moral (keupayaan dalam memandang tugas dan nilai yang berkaitan sebagai sesuatu yang mesti dipenuhi oleh seseorang) dan idea tentang keadilan (konsep hukuman andaikata dilakukan kesalahan)¹¹¹ untuk menjelaskan bagaimana konsep moral dan nilai ini berkembang dalam diri seseorang itu.

Umumnya, di awal usia remaja, nilai-nilai ini dilihat mudah dan dogmatik¹¹² tetapi sebaik sahaja beralih daripada pertengahan remaja ke akhir remaja, nilai-nilai ini lebih terubah suai sambil mereka menyerapkan pelbagai pandangan mengenai moral dan ideologi kompleks ke dalam identiti kendiri mereka. Penularan berbagai pengaruh yang gagal ditapis secara rasional menyebabkan tindakan dan reaksi golongan ini dilihat agak bertentangan dengan norma dan nilai masyarakat serta agama seperti tidak berdisiplin, memberontak, rapuh pegangan agama, tidak patuh pada peraturan dan undang-undang, suka berkhayal, suka berpesta dan lebih cenderung pada pergaulan yang berbentuk sosial dan bebas.¹¹³ Tindakan-tindakan buruk ini juga adalah tandatanda bahawa remaja menemui kesukaran untuk menghadapi kehidupan mereka disebabkan ketidak tentuan atau tidak gembira dengan masa depannya, atau banyak bersendirian, sukar mendapat kawan sehingga melibatkan mereka dalam hal-hal pergaduhan, mencuri, mabuk, ponteng sekolah dan membelaibangkan ibubapa.¹¹⁴

Remaja seperti juga golongan dewasa, apabila sudah terjebak dalam satu jenis kesalahan moral selalunya akan terdorong melakukan kesalahan-kesalahan dan jenayah lain. Sebagai contoh, 86% daripada penjenayah keganasan yang dikaji oleh Universiti Cambridge menyatakan mereka pernah terlibat dalam jenayah bukan keganasan. Didapati juga lebih separuh daripada jenayah-jenayah ini dilakukan oleh remaja seawal

¹¹¹ Koo Kee Peng & Tang Chee Yee (1990), *op.cit.*, h. 102-103

¹¹² Dogmatik adalah satu sifat apabila menerima sesuatu kepercayaan atau pegangan tanpa sebarang tentangan atau bangkangan.


¹¹³ Khadijah Haidi Khalid (1994), *op. cit.*, h. 52

¹¹⁴ Elizabert Fenwick & Dr. Tony Smith (1993), *Adolescence – The Survival Guide To Parents & Teenagers*. London: Dorling Kindersley, h. 230-231

usia 10 di mana kajian mereka juga mendapati remaja yang melakukan jenayah buat pertama kali secara berkumpulan akan melibatkan dirinya dengan hal-hal jenayah lebih lama dari remaja yang melakukannya secara bersendirian pada pertama kali.¹¹⁵

Sykes G.M. telah menjalankan satu ujian tentang kadar penangkapan pesalah di dalam memahami corak moral para remaja. Kajiannya mendapati ia meningkat secara mendadak pada usia mendekati 15 tahun dan mula menurun secara mendatar selepas usia 19 tahun dengan kemuncaknya pada usia 16 tahun seperti mana dijelaskan oleh Rajah 2.2.¹¹⁶

Rajah 2.2: Hubungan usia dengan kadar tangkapan jenayah.



Sumber: Gerald R. Adams & Thomas Gullotta (1983), *Adolescence Life Experiences*. Monterey, California: Brooks/Cole Publishing Company.

Manakala kesimpulan dari kajian oleh F.K. Shuttleworth pula menunjukkan bahawa jenayah adalah suatu fenomena biasa ketika usia seseorang itu semakin meningkat. Menurutnya ia dimulai dari umur 15 tahun dan akan menurun selepas usia

¹¹⁵ David P. Farrington (1996), *op.cit.*, h. 4

¹¹⁶ Gerald R. Adams & Thomas Gullotta (1983), *op.cit.*, h. 407

25 tahun.¹¹⁷ Secara umum, konsep tingkahlaku atau moral ini mengesan usia remaja dengan melihat kepada perubahan corak moral seseorang di mana tingkahlaku itu akan sangat berbeza dengan usia sebelumnya yang dilihat lebih teratur dan selamat.

2.4.5 Emosi

Emosi didefinisikan sebagai perasaan jiwa (batin) yang kuat seperti sedih, marah, keadaan perasaan atau fikiran yang terangsang dan melibatkan perubahan psikologi dan fisiologi pada seseorang.¹¹⁸ Istilah ini sebenarnya berasal dari bahasa Latin ‘*emover*’ yang bermaksud bergerak, kegembiraan dan kegusaran.¹¹⁹ Ia adalah satu ciri jiwa manusia yang mempamerkan perasaan-perasaan yang berpunca daripada situasi psikologi, tingkahlaku dan naluri seseorang itu.¹²⁰

Unsur-unsur emosi yang dimaksudkan oleh ahli psikologi antaranya adalah ketidak tentuan perasaan, kebosanan dan kehilangan minat, bertenaga atau bersemangat, sikap tidak ambil peduli dan sikap mendiam dan memencarkan diri.¹²¹ Remaja selalu dikaitkan dengan istilah terlalu emosional. Dalam keadaan dirinya yang masih terawang-awangan antara betul dan salah atau baik dan buruk, para remaja hanya akan membiarkan emosi mereka menguasai akal dan jiwa mereka sehingga menyebabkan perasaan mereka mudah tersentuh.¹²² Perubahan emosi ini berlaku adalah disebabkan berlakunya juga perubahan dan perkembangan dalam fisiologi dan biologi diri remaja yang kian memuncak. Kebiasaannya, konsep emosi ini lebih mudah diperlihatkan remaja perempuan daripada lelaki.¹²³ Emosi juga ada melibatkan tekanan-tekanan yang dinamakan fobia contohnya fobia kepada sosial atau masyarakat seperti malu, ponteng

¹¹⁷ Raymond G. Kuhlen (1952), *op.cit.*, h. 359

¹¹⁸ Amdan Husain (2000), *Kamus Pelajar – KBSM*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, h. 172

¹¹⁹ Abdul Ghani Abdullah & Abd. Rahman Abd. Aziz (2009), *Mengurus Tingkahlaku Pelajar*. Kuala Lumpur: PTS Profesional, h. 93

¹²⁰ *Ibid.*, h. 94

¹²¹ Elizabeth Fenwick & Dr. Tony Smith (1993), *op.cit.*, h. 229


¹²² Ibrahim Mamat (1997), *Memimpin Remaja Sekolah – Teori & Praktikal*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd., h. 10

¹²³ Richard M. Lerner, Anne C.Petersen & Jeanne Brooks-Gunn (1991), *Encyclopedia Of Adolescence – Volume 1*. New York: Garland Publishers, h. 307

sekolah yang disebabkan tekanan-tekanan sekolah dan juga tekanan-tekanan untuk meninggalkan keluarga dan kekecewaan (takut gagal).¹²⁴

Pressey S.L. menjalankan satu ujikaji yang menunjukkan perubahan pergolakan emosi remaja kepada beberapa aspek seperti peningkatan kadar kebimbangan terhadap keupayaan, kewangan, kerja, penampilan, moral dan peperiksaan. Umumnya, ia mula meningkat pada usia 15 tahun dan menurun pada usia 20 tahun.¹²⁵ Dapatan kajian beliau dijelaskan pada Rajah 2.3.

Rajah 2.3: Hubungan usia dengan tahap kebimbangan bagi remaja lelaki dan perempuan.



Sumber: Raymond G. Kuhlen (1952), *The Psychology of Adolescent Development*. New York: Harper & Row Pub.

Berdasarkan konsep emosi ini, zaman remaja dapat dikesan melalui bermulanya perubahan-perubahan emosi yang kian memuncak dalam diri mereka berbanding di usia kanak-kanak. Justeru emosi di zaman remaja ini amat penting untuk dikawal bagi mengelak dari berlakunya perkara yang tidak diingini.

¹²⁴ Elizabet Fenwick & Dr. Tony Smith (1993), *op.cit.* h. 236

¹²⁵ Raymond G. Kuhlen (1952), *op.cit.*, h. 273

2.4.6 Minda / Intelek

Minda atau intelek didefinisikan sebagai kuasa untuk berfikir; akal budi¹²⁶ dan akal fikiran , daya berfikir.¹²⁷ Ia telah didefinisikan oleh ahli psikologi, akademik dan sosiologi sebagai mempunyai tiga elemen utama iaitu pemikiran abstrak, kapasiti untuk menimba ilmu dan keupayaan untuk menyelesaikan masalah.¹²⁸ Perkembangan minda manusia terutama kanak-kanak sepetimana yang diperolehi dari teori perkembangan kognitif Piaget melibatkan empat peringkat iaitu tahap sensori motor (0-2 tahun), tahap praoperasi (2-7 tahun), tahap operasi konkrit (7-11 tahun) dan tahap operasi formal (11 tahun ke atas).¹²⁹

Di tahap tiga dan empat dikatakan kanak-kanak sudah mula mempunyai cara berfikir yang lebih abstrak dan kritis, di mana ia dikenali sebagai era remaja. Pada ketika ini mereka sudah boleh membuat penaakulan dan andaian tentang sesuatu hal dengan lebih baik dari sebelumnya. Ini menunjukkan mereka tidak lagi menerima sesuatu perkara itu dengan begitu sahaja.¹³⁰ Perubahan-perubahan fisiologi yang berlaku dalam otak telah menyebabkan berlakunya perkembangan dalam cara remaja berfikir. Perubahan dan perkembangan yang berlaku dalam sel-sel saraf di dalam otak telah meningkatkan keupayaan tertentu setiap hemisfer otak, meningkatkan hubungan-hubungan antara sel-sel saraf ini dan meningkatkan keupayaan dan penambah-baikan di dalam memproses informasi-informasi. Proses-proses ini dimangkinkan oleh proses pembelajaran seseorang itu.¹³¹

Konsep ini menjelaskan bahawa usia remaja disedari apabila seseorang itu didapati mulai mampu berfikir dan berinteraksi secara matang walaupun belum sampai

¹²⁶ Amdan Husain (2000), *op. cit.*, h. 266

¹²⁷ Sheikh Othman bin Sheikh Salim (1989), *op.cit.*, h. 828

¹²⁸ Rhoda Cummings (1995), *op.cit.*, h. 95

¹²⁹ Jas Laile Suzana Jaafar (1996), *op.cit.*, h. 84


¹³⁰ Ibrahim Mamat (1997) *op.cit.*, h. 13

¹³¹ Rhoda Cummings (1995), *op.cit.*, h. 80-81

ke tahap golongan dewasa namun fikiran mereka ini sudah melangkaui pula pemikiran sebelum itu (zaman kanak-kanak).

Satu ujian telah dijalankan oleh Thurstone, Thorndike, Terman dan Jones terhadap perkembangan minda/intelek manusia dan ia menunjukkan bahawa prestasi minda manusia akan memuncak ketika dalam usia 16 tahun ke 19 tahun. Ini jelas ditunjukkan dalam Rajah 2.4.¹³²

Rajah 2.4: Pertumbuhan keupayaan mental bagi remaja mengikut usia.



Sumber: Raymond G. Kuhlen (1952), *The Psychology of Adolescent Development*. New York: Harper & Row Pub.

Kesimpulan dari konsep minda ini mendapat bahawa ketika umur mencapai 16 tahun seseorang itu mempunyai satu pertumbuhan keupayaan mental yang agak menonjol dari sebelum itu. Para pengkaji menganggap pada usia inilah peringkat umur remaja bermula sehingga ke usia 25 tahun. Namun begitu, ia sebenarnya berbeza-

¹³² Raymond G. Kuhlen (1952), *op.cit.*, h. 101

beza di antara setiap individu mengikut etnik, kedudukan geografi, ekonomi dan kebudayaan masing-masing.¹³³

2.5 ILMU PERSONALITI REMAJA ISLAM

Personaliti adalah satu istilah yang dipinjamkan dari bahasa Inggeris iaitu ‘*personality*’, bermaksud ‘*characteristics and qualities of a person seen as a whole*’¹³⁴ dan ‘*the particular qualities or characteristics of an individual*’¹³⁵. Namun, ia sebenarnya berasal dari perkataan Latin iaitu ‘*pesona*’ yang bermaksud topeng muka. ‘*Pesona*’ ini difahami sebagai ‘*bahawa kebanyakan manusia ingin menonjolkan perilaku yang baik sahaja dan menyembunyikan yang buruk*’.¹³⁶ Kamus Dewan pula mendefinisikannya sebagai sahsiah, keperibadian atau sifat-sifat (kelakuan, sikap dan lain-lain) seseorang yang sudah sebat dengan dirinya sendiri (yang terasing daripada umum).¹³⁷ Secara umum ia adalah ciri-ciri keseluruhan tingkah laku manusia sama ada yang dapat dilihat ataupun tidak.

Personaliti seseorang itu sebenarnya bersifat fleksibel iaitu ia boleh dibentuk dan diolahkan sama ada ke arah kebaikan ataupun kejahanan. Proses pembentukan dan olahan personaliti ini mengalami beberapa peringkat dan bersandarkan kepada beberapa faktor pembentukan iaitu secara ilmiah ini dikenali sebagai teori pembentukan personaliti.¹³⁸ Islam membincangkan perihal pembentukan personaliti manusia termasuk para remaja secara jelas dan terbuka di dalam al-Quran dan al-Hadis. Secara umum, ilmu personaliti remaja Islam bermaksud ilmu yang membincangkan bagaimana seorang remaja Islam itu dibentuk tingkah lakunya oleh faktor-faktor tertentu terutama

¹³³ Zainal Madon & Mohd. Sharani Ahmad (2004), *Panduan Mengurus Remaja Moden*. Batu Caves: PTS Publishion & Distribution Sdn.Bhd., h. 7

¹³⁴ Hornby A.S. (2000), *Oxford Compact Advanced Learner's English-Malay Dictionary*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn.Bhd., h. 1068

¹³⁵ Anne Wevill (1998), *op. cit.*, h. 644

¹³⁶ Zainal Madon & Mohd. Sharani Ahmad (2004), *op. cit.*, ,h.13

¹³⁷ Sheikh Othman bin Sheikh Salim (1989), *op. cit.*, h. 872

¹³⁸ Sharifah Alwiah Alsagoff (1987), *Psikologi Pendidikan Jilid 1*. Petaling Jaya, Selangor: Logman, h. 272

dalam aspek interaksi dengan faktor-faktor tersebut mengikut peraturan Islam dan hukum-hukum syarak sehingga mewujudkan seorang remaja yang tahu tanggungjawab sebenar di muka bumi ini.

Ilmu ini dilihat amat relevan untuk didedahkan kepada masyarakat masakini demi untuk mengubah persepsi masyarakat terhadap agama Islam serta melayakkan umat Islam menjadi khalifah Allah SWT di atas bumi ini. Keberkesanan ilmu ini dalam membentuk personaliti manusia terutama para remaja menerusi kestabilan perasaan dan emosi dan kemantapan pemikiran atau akal sehingga menghasilkan tingkah laku yang mulia tidak boleh disangkal kerana ia telah dibuktikan melalui perwatakan yang ditonjolkan oleh Rasulullah SAW serta para sahabat Baginda. Ilmu ini telah dibincangkan sejak 1431 tahun lalu oleh Nabi SAW. Ia kemudiannya diperkembangkan oleh para sahabat Baginda dan para ulama silam seperti Ibn Rush, Ibn Sina dan Al-Ghazali. Kini, ia diperhebatkan lagi oleh cendiakawan-cendiakawan Islam seperti Yusuf Qaradawi, Aidh Abdullah dan Muhammad al-Sayyid Yusuf. Ia adalah satu bidang yang memberi tumpuan kepada tiga perkara utama, iaitu diri remaja Islam secara keseluruhan, faktor mempengaruhi dan bagaimana remaja ini mengolah segala faktor itu menurut metode Islam.¹³⁹

Al-Ghazali secara umumnya berpendapat ilmu personaliti remaja Islam adalah satu ilmu yang membicarakan tentang hakikat kejiwaan seseorang remaja Islam. Menurutnya, ilmu ini turut membincangkan bagaimana satu entiti spiritual iaitu jiwa akan berjaya mengawal fungsi fizikal dan organik para remaja Islam mengikut landasan Islam serta dapat pula menguasai deria sejajar dengan tuntutan syariat untuk menjalankan keperluan-keperluan badannya.¹⁴⁰

¹³⁹ Habibah Elias & Noran Fauziah Yaakub (2006). *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, h. 1
¹⁴⁰ Ghazali-Wikipedia, the free encyclopedia, <http://en.wikipedia.org/wiki/ghazali>, 10 Nov 2010.

Ibn Sina pula secara asasnya berpendapat bahawa ilmu personaliti remaja Islam adalah satu ilmu yang mengulas bagaimana jiwa seseorang remaja Islam yang secara dasarnya mempunyai potensi secara teori dan praktikal untuk membentuk kecerdikan dan kecerdasan minda boleh membangkitkan keupayaan memikirkan baik dan buruk serta dosa dan pahala. Menurutnya lagi, kekuatan aqidah mengarahkan jiwa itu mencapai idea yang tidak disedari oleh remaja sama ada melalui perasaan, imaginasi atau anggaran yang merupakan aset utama pencetus tingkah laku yang baik serta direhdai Allah SWT.¹⁴¹

Seterusnya, Yusuf Al-Qaradawi pula menjelaskan bahawa ilmu personaliti remaja Islam adalah satu ilmu yang membincangkan bagaimana para remaja Islam dapat mencapai tahap di mana segala kehidupan dan tingkah lakunya adalah untuk pendekatan diri kepada Allah SWT, berakhlak dengan akhlak-Nya dan berusaha beroleh keredhaan-Nya. Menurutnya, ilmu ini membincangkan bagaimana remaja Islam mengendalikan diri dari hawa nafsu, menekan naluri dan syahwatnya kerana mengharap pahala dan keredhaan-Nya serta beriman akan adanya ganjaran yang baik daripada-Nya.¹⁴²

Kesimpulannya, ilmu personaliti remaja Islam adalah ilmu yang membincangkan proses pembentukan dan perkembangan diri remaja Islam berasaskan aqidah Islam dan menurut kaedah-kaedah yang ditentukan oleh al-Quran, al-hadis serta ijma' ulama' sehingga melahirkan tingkah laku yang dicerminkan oleh Nabi SAW.

¹⁴¹ Avicenna-Wikipedia, the free encyclopedia, <http://en.wikipedia.org/wiki/avicenna>, 7 Nov 2010.

¹⁴² Yusuf Qardhawi (1986), *Berita Iman Dalam Kehidupan*. Surabaya: Balai Buku, h. 205

2.6 FAKTOR MEMPENGARUHI PERSONALITI REMAJA

Zaman remaja adalah satu zaman yang penuh dengan masalah dan konflik yang disebabkan oleh berapa faktor. Faktor-faktor inilah yang telah mengganggu minda, emosi, jasmani malahan turut mengguncangkan keimanan para remaja. Umumnya, terdapat dua faktor utama yang mempengaruhi perkembangan personaliti remaja iaitu faktor baka dan faktor persekitaran.¹⁴³ Faktor baka adalah aspek yang menghubungkaitkan sifat baka dengan kecerdasan dan bentuk tubuh yang menimbulkan tingkah laku tertentu¹⁴⁴ manakala faktor persekitaran dikaitkan dengan suasana kehidupan dan budaya masyarakat di sekitar sehingga mempengaruhi perwatakan yang ditonjolkannya.¹⁴⁵

Muhammad Said Ramadhan menyatakan bahawa remaja itu sebenarnya sentiasa berada dalam tuntutan tabiat kemanusiaan, naluri dan akliah. Mereka menjadi tersalah atau terseleweng (kemelut kejiwaan, percanggahan dengan adat dan pertentangan dengan tradisi) adalah kerana pantulan dari keadaan masyarakatnya sendiri iaitu meliputi ibu bapa, keluarga, rumah, sekolah, jalan raya, masjid, tempat bermain, pasar dan segala kawasan yang ada hubungannya dari segi makna, nilai dan pemikiran mereka.¹⁴⁶

2.6.1 Pengaruh Baka

Baka secara umumnya ialah ciri-ciri semulajadi yang telah dibekalkan kepada bayi ketika lahir. Ia mengawal segala pembentukan asas organisma dan seterusnya mengawal kadar perkembangan organisma tersebut di sepanjang hayatnya. Agen perkembangan yang mengasaskan baka ini adalah gen.¹⁴⁷ Gen ini terdiri daripada turutan nukleoida

¹⁴³ Zainal Madon & Mohd. Sharani Ahmad (2004), *op.cit.*, h.18

¹⁴⁴ Mohd. Salleh Lebar (1994), *Asas Psikologi Perkembangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publishing & Distribution, h. 177

¹⁴⁵ Raymond G. Kuhlen (1952), *op. cit.*, h. 146

¹⁴⁶ Muhammad Said Ramadhan Al-Butiy (1997), *op. cit.*, h. 18-22

¹⁴⁷ Sharifah Alwiah Alsagoff (1987), *op. cit.*, j. 1, h. 81

DNA¹⁴⁸ atau terdiri daripada kod-kod DNA yang terletak pada kromosom iaitu satu struktur pembawa maklumat genetik yang terdapat di dalam nucleus. Pada kromosom inilah terdapatnya *alel* iaitu satu bentuk alternatif gen yang mengawal sesuatu ciri.¹⁴⁹

Gen seseorang itu telah ditentukan dengan cara-cara yang mengakibatkan gennya itu paling unik untuk dirinya sendiri. Interaksi di antara pelbagai gen telah mempengaruhi pertumbuhan kesemua struktur fizikal di seluruh anggota badan, contohnya bentuk susuk tubuh, rupa paras, kecerdasan dan juga penyakit-penyakit keturunan seperti buta warna, ‘*down sindrom*’ dan darah tinggi.¹⁵⁰ Faktor baka atau genetik ini akan mempengaruhi perangai dan struktur tubuh badan yang seterusnya secara tidak langsung mempengaruhi fungsi-fungsi struktur tersebut.¹⁵¹ Contohnya, seorang remaja yang mewarisi gen tubuh besar, sasa dan kuat dari bapanya yang dahulu terkenal dengan sikap panas baran dan kaki pukul akan mudah terikut dengan sikap dan tabiat bapanya itu. Begitu juga dengan seorang remaja yang mewarisi sifat lemah lembut, penyayang dan murah senyuman dari bapanya akan mudah pula untuk bersikap sedemikian. Tidak hairanlah jika perpatah Melayu menimbulkan istilah ‘*bapa borek anak rintik*’¹⁵² yang menggambarkan wujudnya satu hubungan kejiwaan antara seorang bapa (ibu bapa) dengan anak-anak mereka.

Kajian sains genetik juga telah membuktikan terdapat beberapa penyakit keturunan yang berpunca daripada kecacatan gen yang diwarisi seperti ‘*down sindrom*’ (mental dan fizikal), sindrom turner (kegagalan berkembangnya sifat seks sekunder yang normal bagi wanita dan kecacatan kognitif), sindrom klinefor (kegagalan

¹⁴⁸ DNA adalah ringkasan kepada istilah *Deoxyribonucleic Acid* iaitu nekleotid-nukleotid polimer yang berhubungan melalui rangkaian gula *phosphatedeoxyribose* sebagai tulang belakang, ia adalah pembawa maklumat genetik sesuatu sel.

¹⁴⁹ Fatimah Mohamed (2003), *Genetik – Konsep & Masalah*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, h. 43

¹⁵⁰ Sharifah Alwiah Alsagoff (1987), *op. cit.*, j. 1, h. 82

¹⁵¹ *Ibid*, h. 107

¹⁵² ‘Bapa borek anak rintik’ bermaksud mengikut perangai bapanya.

berkembangnya sifat seks sekunder yang normal bagi lelaki),¹⁵³ penyakit darah tinggi, obesiti, diabetes mellitus, penyakit mental, talasemia dan G6PD yang sedikit sebanyak akan menimbulkan tekanan emosi kepada pengidapnya¹⁵⁴ sehingga mempengaruhi minda dan perwatakan mereka. Allah SWT telah menjelaskan fenomena ini melalui firmannya;

فَأَتَتْ بِهِ قَوْمَهَا تَحْمِلُهُ قَالُوا يَا مَرْيَمُ لَقَدْ جِئْتِ شَيْئًا فَرِيًّا (٢٧) يَا أُخْتَ هَارُونَ
مَا كَانَ أَبُوكِ امْرًا سَوْءٍ وَمَا كَانَتْ أُمُّكِ بَغِيًّا (٢٨)

‘27. Kemudian baliklah ia kepada kaumnya dengan mendokong anaknya. Mereka pun menempelaknya dengan berkata: “Wahai Maryam! Sesungguhnya engkau telah melakukan suatu perkara yang besar salahnya! 28. “Wahai saudara perempuan Harun, bapamu bukanlah seorang yang buruk akhlaknya, dan ibumu pula bukanlah seorang perempuan jahat.”’ Surah Maryam(19): 27-28

Ayat ini menceritakan bagaimana perbuatan Maryam yang melahirkan anaknya secara ‘ajaib’ ini telah membingungkan kaumnya lalu ditegur oleh mereka dengan menyatakan bahawa si Maryam itu dilahirkan dari keluarga yang baik-baik dan suci yang terkenal dengan kesalihan, ibadah dan zuhud, maka bagaimana hal ini (zina) boleh terjadi.¹⁵⁵ Ini menunjukkan bahawa sejak dahulu lagi masyarakat mengakui peranan dan faktor baka terhadap perwatakan diri seseorang.

2.6.2 Pengaruh Persekutaran

Faktor persekitaran merupakan faktor terbanyak yang mempengaruhi pembentukan diri para remaja. Terdapat pelbagai sub faktor yang terlibat sama ada secara berasingan ataupun serentak antaranya adalah asuhan dan pendidikan awal oleh ibu bapa,

¹⁵³ Jas Laile Suzana Jaafar (1996), *op. cit.*, h. 51

¹⁵⁴ Nik Rahimah Nik Hussain (2005), *Penyakit Keturunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 4

¹⁵⁵ Abdullah b Muhammad b Abdurrahman b Ishaq Alu Syaikh (2007), *op. cit.* j. 5, h. 327

pendidikan sekolah, pengaruh rakan sebaya, pengaruh sosiobudaya, pengaruh media massa, pemakanan dan simbol status.¹⁵⁶

Al-Ghazali telah menyatakan bahawa faktor utama yang menjadi penghalang seseorang itu untuk menjadi seorang ahli ibadah adalah dunia dan isinya. Menurut beliau, dunia adalah segala apa yang tidak ada manfaatnya untuk akhirat. Beliau berpendapat lagi untuk menyelamatkan manusia dari rintangan ini maka diri perlulah dipisahkan dari dunia, iaitu diri dan fikiran jangan sepenuhnya dan seluruhnya untuk membela dunia semata-mata.¹⁵⁷ Istilah ‘*dunia dan isinya*’ ini dapat dikategorikan sebagai faktor persekitaran. Allah SWT telah memberi peringatan akan hal ini melalui firman-Nya.

اعْلَمُوا أَنَّمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا لَعْبٌ وَلَهُوَ وَزِينَةٌ وَتَفَاخُرٌ بَيْنُكُمْ وَتَكَاثُرٌ فِي الْأَمْوَالِ وَالْأَوْلَادِ ۖ
كَمَثِيلٌ غَيْرِهِ أَعْجَبَ الْكُفَّارَ نَبَاتُهُ ثُمَّ يَهِيجُ فَتَرَاهُ مُصْفَرًا ثُمَّ يَكُونُ حُطَامًا ۖ وَفِي الْآخِرَةِ
عَذَابٌ شَدِيدٌ وَمَغْفِرَةٌ مِّنَ اللَّهِ وَرِضْوَانٌ ۖ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ

“ *Ketahuilah bahawa sesungguhnya kehidupan dunia itu hanyalah permainan dan suatu yang melalaikan (peleseran), perhiasan dan bermegah-megah antara kamu serta berbanggaan tentang banyak harta dan anak seperti hujan yang tanamannya mengagumkan para petani kemudian tanaman itu menjadi kering dan kamu lihat warnanya kuning kemudian dia hancur. Dan di akhirat (nanti) ada azab yang keras dan ampunan dari Allah serta keredhaan-Nya dan kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan yang menipu.* ”

Surah al-Hadid (57): 20

Sayyid Qutb telah menjelaskan bahawa ayat ini menyatakan bahawa kehidupan dunia walaupun zahirnya kelihatan seperti satu kehidupan yang penuh dengan kesungguhan dan kesempurnaan tetapi hakikatnya penuh dengan tipu-daya dan kekosongan. Ayat ini juga bertujuan bukan untuk menyuruh manusia agar memencarkan

¹⁵⁶ Mohd. Salleh Lebar (1994), *op. cit.* h. 178

¹⁵⁷ Muhammad Al-Ghazali (2004), *Minhaj Al-'Abidin – Petunjuk Jalan Bagi Orang-orang Ahli Ibadah*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, h. 39

diri dari dunia tetapi untuk membetulkan ukuran perasaan dan penilaian jiwa mereka terhadap kehidupan dan mengingatkan agar jangan terpesona dengan nikmat dunia yang penuh dengan muslihat dan tarikan.¹⁵⁸

Terdapat lima sub faktor persekitaran utama yang mempengaruhi pembentukan remaja masa kini iaitu pendidikan di rumah/ ibu bapa, pendidikan di sekolah, pengaruh rakan sebaya, pengaruh sosiobudaya dan media massa.

(a) Pendidikan di rumah/ Ibu bapa

Ibu bapa merupakan acuan kepada anak-anak. Asuhan dan pendidikan awal ibu bapa melibatkan dari aspek perkembangan akal, peneguhan ilmu agama, pencorakan tingkah laku, pembinaan insan dan lain-lain perkara umum yang disampaikan secara langsung dan tidak langsung dari ibu bapa kepada anak-anak. Di sini, ibu bapa perlu memberi kasih sayang, bimbingan serta membenarkan anak-anak berdikari secara terkawal.¹⁵⁹

Para ahli agama dan sosiologi masakini telah merumuskan bahawa kebanyakan konflik remaja adalah berpunca dari rumah iaitu hasil didikan, tunjuk ajar, tahap kasih sayang, pemerhatian, perwatakan dan perlakuan ibu bapa. Contohnya, merokok di kalangan remaja dikatakan berpunca dari penggunaan rokok di kalangan ibu bapa. Model keseronokan yang digambarkan oleh ibu bapa mempengaruhi remaja bagi mencubanya.¹⁶⁰ Kajian sosiologi pula menunjukkan bahawa ramai remaja lari dari rumah disebabkan oleh faktor ibu bapa iaitu ibu bapa tidak berfungsi dengan baik, konflik keluarga, penderaan dan penolakan kasih sayang.¹⁶¹ Begitu juga dengan sikap lalai ibu bapa dari menundukkan diri mereka kepada Allah SWT secara langsung telah

¹⁵⁸ Sayyid Qutb (2000), *op. cit.*, j. 15, h. 525-526

¹⁵⁹ Jas Laile Suzana Jaafar (1996), *op. cit.* h. 221

¹⁶⁰ Zainal Madon & Mohd. Sharani Ahmad (2004), *op. cit.* h. 102

¹⁶¹ *Ibid.*, h. 156

membentuk anak-anak yang tidak mengenal siapa penciptanya, tidak berpuasa di bulan Ramadhan, tidak tahu membaca Al-Quran, tidak peka dengan amalan ibadah yang lain malahan tidak tahu haram dan halal.¹⁶²

Sementara itu, majoriti kajian permasalahan remaja telah merumuskan bahawa kebanyakan isu-isu remaja masakini seperti salah laku dan jenayah (bunuh, curi, dadah, rogol, samun dan senjata api) serta salah laku ringan (ponteng, tidak patuh arahan, gangguan pengajaran dan tidak sopan)¹⁶³ adalah disebabkan oleh timbulnya konflik antara ibu bapa dengan anak-anak (remaja) yang melibatkan lima perkara iaitu cara hidup dan budaya, tanggungjawab, persekolahan, hubungan kekeluargaan dan nilai-nilai murni.¹⁶⁴ Ini semua terjadi kerana pada ketika ini para remaja mengalami krisis identiti dan pergolakan dalam perkembangan kognitif (idealistik, egosentrik dan pencanggahan rasa rendah diri)¹⁶⁵ serta ciri-ciri keluarga itu sendiri seperti kelas sosial ibu bapa, ibu bapa bujang, ibu bekerja dan akhir sekali sikap ibu bapa dan cara membesarkan anak.¹⁶⁶

Islam telah mempertanggungjawabkan ibu bapa untuk mendidik anak-anak agar dapat menunjukkan personaliti yang sihat.¹⁶⁷ Nabi SAW ada bersabda¹⁶⁸ :

— حَدَّثَنَا عَبْدَانُ أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ أَخْبَرَنَا يُونُسُ عَنِ الزُّهْرِيِّ أَخْبَرَنِي أَبُو سَلَمَةَ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ أَنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا مِنْ مَوْلُودٍ إِلَّا يُؤْلَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبْوَاهُ يُهَوِّدُهُ وَيُنَصَّرَانِهُ أَوْ يُمَجِّسَانِهُ —

¹⁶² Azizi Yahaya & Jaafar Sidek Latif (2005), *Membentuk Identiti Remaja*. Pahang: PTS Profesional Sdn.Bhd., h. 206

¹⁶³ Zainal Madon & Mohd. Sharani Ahmad (2004), *op. cit.*, h. 79-80

¹⁶⁴ *Ibid.*, h. 42

¹⁶⁵ Jas Laile Suzana Jaafar (1996), *op. cit.*, h. 225

¹⁶⁶ *Ibid.*, h.173

¹⁶⁷ Mohd. Salleh Lebar (1994), *op. cit.*, h. 178

¹⁶⁸ Muhammad bin Ismail Abu 'Abd Allah al-Bukhari (1994), *Sahih al-Bukhari* , “Kitab al Iman”, no. Hadith 1271, j.5. Kaherah: Dar al-Fikr, h.144.

'Telah diceritakan kepada kami 'Abdaan, dikhabarkan kepada kami Abdullah, dikhabarkan kepada kami Yunus dari Az-Zuhri, aku khabarkan Abu Salamah Ibn Abd Rahman, sesungguhnya Abu Hurairah berkata, sabda Rasulullah sallallahu alai wa sallam : Setiap anak itu dilahirkan dalam keadaan bersih (fitrahnya) maka kedua ibu bapanyaalah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi'

Islam menuntut ibu bapa bukan sahaja sentiasa menjaga kebajikan dan didikan agama, akhlak dan keduniaan anak-anak, malah turut menekankan penjagaan psikologi, perasaan dan jiwa mereka iaitu dengan menganjurkan sikap adil terhadap mereka serta melarang membeza-bezakan antara satu sama lain.¹⁶⁹ Kegagalan ibu bapa dalam memberikan keadilan antara anak-anak turut dilihat menjadi penyebab utama ramai remaja bertindak menjauhi dan mendendami ibu bapa mereka. Nabi SAW telah menekankan kepentingan ini melalui sabdanya:¹⁷⁰

فَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْدِلُوا بَيْنَ أَوْلَادِكُمْ

'Bertakwalah kepada Allah dan berlaku adil di antara anak-anakmu'

Sementara itu, faktor ini juga telah mewujudkan dua sub-faktor lain iaitu pemakanan dan simbol status yang dilihat berpunca dari didikan dan aturan ibu bapa. Pemakanan telah dinyatakan oleh ramai pengkaji sebagai penyebab utama ciri kelakuan atau tindakan seseorang. Makanan yang sempurna (cukup kuantiti dan berkhasiat) penting bagi menjamin perkembangan dan pertumbuhan yang sempurna, jika tidak, ia boleh membawa ketidakstabilan emosi, ketegangan sebelum haid, lemah daya tahan penyakit, kurang stamina dan terencat fizikal dan akal sehingga boleh mempengaruhi tingkah laku (kebimbangan dan kekecewaan).¹⁷¹ Sementara itu, makanan berisiko dan

¹⁶⁹ Sayyid Sabiq (1982), *Sumber kekuatan Islam*. Surabaya: Pt. Bina Ilmu, h. 215

¹⁷⁰ Muhammad bin Ismail Abu 'Abd Allah al-Bukhari (1994), *Sahih al-Bukhari*, "بَاب الْمَعْشَد فِي الْعِدْلِ", j.8. Kaherah: Dar al-Fikr, h.40.

¹⁷¹ Jas Laile Suzana Jaafar (1996), *op. cit.*, h. 210

haram seperti minuman beralkohol, rokok dan dadah akan membawa kepada permasalahan malnutrisi, psikosis, rosak hati dan buah pinggang, sakit jantung, kemalangan, bunuh diri serta penyakit *AIDS*¹⁷² yang secara langsung akan mempengaruhi tingkahlaku seseorang.

Sementara kehadiran budaya pemakanan yang ringkas dan mudah seperti makanan ringan (snek) yang ternyata tidak berkhasiat malah mengandungi terlalu banyak perasa, garam dan berkalori tinggi akan mendorong pula kepada pelbagai masalah sama ada dari segi biologi atau fizikal seseorang remaja seperti lemah struktur badan, minda dan emosi.¹⁷³ Manakala memakan makanan dan minuman yang dilarang oleh Allah SWT pula akan mendorong kepada musibah yang lebih besar sama ada di dunia dan akhirat. Pelakunya akan sentiasa tertekan memikirkan kesalahan yang dilakukan dan akan bertindak di luar batas kewarasan seperti mencuri, merompak, merogol dan membunuh apabila tekanan-tekanan itu telah melampaui tahap rasional mereka.

Seterusnya simbol status pula dipupuk dalam diri kanak-kanak dari perspektif ibu bapa terhadap kehidupan di dunia. Ia didefinisikan sebagai suatu perkara atau imej yang boleh melambangkan kemegahan dan kelebihan pada diri seseorang termasuklah cara hidup, penggunaan dan pemakaian jenama terkenal, status sekolah dan taraf pekerjaan ibu bapa.¹⁷⁴ Sejak kecil lagi, kanak-kanak akan bersaing sesama sendiri untuk mendapat perhatian ibu bapa khususnya jika ia mempunyai adik beradik yang ramai. Persaingan ini ditimbulkan untuk mendapat taraf kedudukan yang lebih baik di kalangan adik beradik.¹⁷⁵

¹⁷² Hanafiah Mohd. Salleh (2000), *Keluarga & Kesihatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 117

¹⁷³ Irwan Shah (2002), *Panduan Menjaga Kesihatan Fizikal & Mental*. Selangor: Penerbitan Darul Iman, h. 29

¹⁷⁴ Mohd. Salleh Lebar (1994), *op. cit.*, h. 180

¹⁷⁵ Sharifah Alwiah Alsagoff (1988), *op. cit.*, j. 1, h. 296

Jika di zaman kanak-kanak lagi manusia sudah mula bersaing untuk mencapai kepuasan dan harga diri, tidak hairanlah jika simbol ini turut mempengaruhi pelbagai lapisan umur termasuk para remaja serta melibatkan kumpulan sosial yang berbeza. Di awal era remaja, manusia akan disogok oleh faktor status yang agak universal iaitu berbentuk kebendaan seperti alat permainan, pakaian, kasut dan benda lain kepunyaannya yang berjenama dan berprestij. Perbandingan kebendaan ini dengan rakan-rakan akan mencetuskan perasaan tidak puas hati, iri hati dan berangan-angan untuk memujuk ibu bapa agar memenuhi hajatnya serta meningkatkan kebergantungan dan minat terhadap kebendaan yang tidak berfaedah.¹⁷⁶ Suasana ini boleh menimbulkan ciri-ciri mazmumah dalam diri remaja serta sikap mencintai kebendaan dan keduniaan.

Apabila usia kian meningkat, para remaja ini akan mula mengenalpasti simbol-simbol status sosial terutama dari segi pekerjaan bapa dan taraf ekonomi keluarga. Jika ia membawa kepada status berprestij tinggi maka perkara ini akan membawa kesan baik terhadap diri remaja tersebut tetapi jika ia memalukan maka ia akan menjelaskan konsep dirinya.¹⁷⁷

Kini, faktor status yang paling ketara menyerang para remaja adalah konsep hidup berprestij, mewah dan keseronokan tanpa mengira cara memperolehinya. Menularnya budaya ini yang lebih mengutamakan hasil daripada menilai kebolehan dan keupayaan seseorang telah mengakibatkan para remaja akan membuat apa saja untuk menempa nama sehingga sanggup menipu dan menjual maruah. Ini semua akan mendorong kepada perlakuan yang melampaui batas-batas agama dan budaya serta menimbulkan peluang untuk remaja berseronok dan bersenang-senang, banyak masa dihabiskan untuk berfoya-foya, berpeleseran dan lain-lain sehingga akhirnya akan

¹⁷⁶ Sharifah Alwiah Alsagoff (1988), *op. cit.*, j. 1, h. 297

¹⁷⁷ *Ibid*

menjebakkan mereka kepada gejala seperti budaya lepak, perlumbaan motosikal dan kereta secara haram, bohsia dan lain-lain.¹⁷⁸

Aktiviti-aktiviti seperti budaya gengsterisme, kongsi gelap, meminum arak, melepak di kelab-kelab malam, berpakaian yang menampakkan tubuh badan bagi remaja perempuan, berhimpun di konsert-konsert besar dan juga budaya merokok merupakan antara faktor status yang disalah ertikan oleh para remaja masakini. Para remaja beranggapan bahawa perbuatan-perbuatan sebegini boleh menaikkan status mereka, hakikatnya ini merupakan mukaddimah yang akan menjerumuskan mereka ke lembah yang lebih hina. Cara hidup yang diwar-warkan oleh masyarakat Barat sebagai ber'status' ini dianggap baik, mulia dan disukai ramai tanpa dilakukan penilaian dan pengadaptasian yang sewajarnya untuk dilaksanakan dalam konteks sesebuah masyarakat termasuklah masyarakat Islam.¹⁷⁹

Kesimpulannya, faktor asuhan dan didikan awal ibu bapa penting dalam mencorakkan hidup seseorang remaja kerana aspek ini menjadi perkara pertama yang dialami dan dihayati dalam kehidupan mereka. Kegagalan faktor ini untuk berfungsi akan menyebabkan malapetaka yang lebih buruk terutama apabila para remaja itu sudah tidak menghormati ibu bapa mereka.

(b) Pendidikan di Sekolah

Sekolah berperanan sebagai satu organisasi yang menyemai nilai-nilai dan tahap kehidupan dalam masyarakat, mengekalkan perpaduan sosial, memindahkan ilmu pengetahuan dan mengembangkan pengetahuan baru¹⁸⁰ iaitu sebagai pusat mengatur

¹⁷⁸ Ibrahim Mamat (1997), *op. cit.*, h. 41

¹⁷⁹ Abdul Ghafar Don & Zaleha Mohd. Ali (2008), *Dakwah dan Cabaran De-Islamisasi di Malaysia*. Shah Alam: Karisma Publishers Sdn.Bhd., h. 102

¹⁸⁰ Abd. Rahim Abd. Rashid (1993), *KBSM Pendidikan Nilai Merentasi Kurikulum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, h. 62

pengalaman hidup remaja. Di sini para remaja berpeluang mempelajari maklumat-maklumat baru, menguasai kemahiran-kemahiran baru, memberi gambaran berkenaan pemilihan kerjaya dan masa depan dan melengkapkan peralihan hidup daripada kehidupan sederhana pada zaman kanak-kanak kepada persekitaran pengurusan yang lebih besar iaitu zaman remaja secara didikan formal dan tidak formal.¹⁸¹

Secara formalnya adalah melalui pengajaran secara langsung oleh guru-guru di dalam kelas ataupun aktiviti kokurikulum manakala secara tidak langsungnya melalui pendedahan oleh guru ataupun kakitangan sekolah yang lain bukan di dalam waktu pengajaran, faktor-faktor fizikal sekolah dan sekitarnya serta pengaruh kawan-kawan sekolah.¹⁸²

Remaja yang sedang bersekolah dilihat amat berbeza dengan remaja umum. Mereka lebih terikat dengan peraturan yang dikenakan oleh pelbagai pihak bertujuan mengawal mereka daripada melakukan perkara di luar jangkaan. Tugas utama yang menuntut agar mereka sentiasa belajar dan berjaya secara tidak langsung telah memberikan tekanan kepada mereka.¹⁸³ Tekanan-tekanan ini yang sepatutnya memberi impak positif tetapi jika gagal dibendung boleh membawa kepada tindakan dan tingkah laku yang kurang bijak (salah laku dan masalah akhlak).

Falsafah pendidikan akhlak diwujudkan untuk menghasilkan remaja yang baik, seimbang, memiliki ciri-ciri kemanusiaan, harmonis dan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Matlamat ini memerlukan satu kurikulum yang benar-benar mantap. Kelemahan serta kegagalan mewujudkan kurikulum ini akan mencorak remaja yang mempunyai halatuju serta panduan hidup yang salah. Selain daripada itu,

¹⁸¹ Abd. Rahim Abd. Rashid (1993), *op. cit.*, h. 60

¹⁸² Zainal Madon & Mohd. Sharani Ahmad (2004), *op. cit.*, h. 60-63

¹⁸³ *Ibid*, h. 58

kegagalan menterjemahkan kurikulum itu kepada para pelajar seperti pengisian pelajaran, strategi pengajaran dan pembelajaran akan memburukkan lagi keadaan.¹⁸⁴

Di sekolah, perkembangan para remaja amat dipengaruhi oleh guru-guru sepermula hubungan ini diwujudkan oleh ibu bapa sewaktu di rumah¹⁸⁵. Selain dipengaruhi oleh didikan formal di sekolah seperti pengajaran moral dan pendidikan Islam, para guru mempengaruhi para remaja dengan cara guru menunjukkan teladan dan menjadi role-model kepada anak muridnya. Para guru juga berperanan membimbing para remaja untuk memahami kehidupan bersosial secara hemat apabila menolong para remaja menyesuaikan diri dengan kumpulan sebayanya dan menolong kumpulannya menyesuaikan diri mereka kepadanya.¹⁸⁶

Pola-pola personaliti guru juga akan mempengaruhi personaliti para remaja. Guru yang bersikap baik, mesra dan menerima muridnya akan melahirkan remaja yang rajin serta akan selalu dipercayai dan dihormati sehingga menimbulkan suasana pembelajaran yang bermakna. Manakala guru yang bersikap negatif, tidak mempedulikan muridnya, pilih kasih dan bersikap tidak adil akan menjadikan para remaja menjauhinya malahan mungkin juga sampai ke tahap menjauhi sekolah.¹⁸⁷ Contohnya, guru-guru yang membezakan jantina di dalam aktiviti dan isu-isu di sekolah banyak mempengaruhi pandangan dan pemikiran para pelajar, seperti masalah disiplin hanya ditujukan kepada pelajar lelaki manakala sikap rajin dan baik dalam pelajaran hanya dikhaskan untuk pelajar perempuan.¹⁸⁸

¹⁸⁴ Abd. Rahim Abd. Rashid (1993), *op. cit.*, h. 148

¹⁸⁵ Sharifah Alwiah Alsagoff (1988), *op. cit.*, j. 1, h. 293

¹⁸⁶ *Ibid.*, h. 294

¹⁸⁷ Zainal Madon & Mohd. Sharani Ahmad (2004), *op. cit.*, h. 65

¹⁸⁸ Jas Laile Suzana Jaafar (1996), *op. cit.*, h. 177

Selain daripada itu, faktor fizikal seperti saiz dan iklim sekolah juga dilihat banyak mempengaruhi perkembangan dan pembentukan personaliti para remaja. Sekolah yang mempunyai ramai murid terutamanya seramai 2,000 hingga 3,000 pelajar dilihat mempunyai potensi untuk menghadapi masalah sosial kerana kesukaran memberi tumpuan secara individu kepada para pelajar berbanding sekolah bersaiz kecil.¹⁸⁹ Iklim di sini bermaksud suasana pembelajaran dan juga suasana persekolahan itu sendiri secara umum. Pelajar di kalangan keluarga miskin akan mewujudkan iklim yang dingin apabila sering merasakan guru kurang memberi tumpuan kepada mereka sehingga menimbulkan perasaan serba kekurangan, disingkirkan rakan sebaya sehingga mendorong mereka untuk ponteng sekolah.¹⁹⁰

Sistem gred dan markah yang menentukan kedudukan seseorang murid juga turut mempengaruhi pembentukan personaliti para remaja. Ia menambahkan perasaan serba kekurangan atau tidak memadai, bimbang, ketegangan emosi sehingga boleh menjelaskan keyakinan diri kerana menganggap dirinya tidak berjaya, bodoh dan gagal. Ini terbukti apabila dilihat bahawa pelajar yang berjaya akademiknya agak lebih gembira di sekolah serta mempunyai konsep diri yang lebih baik.¹⁹¹ Contohnya, kajian mendapati merebaknya gejala dadah di kalangan pelajar sekolah masakini banyak dipengaruhi oleh punca-punca tiadanya ilmu tentang najis dadah, guru yang garang, gagal dalam peperiksaan, sekolah tidak menyeronok malahan amat membosankan.¹⁹²

Akhirnya, faktor pendidikan di sekolah ini tidak dapat lari dari pengaruh rakan-rakan. Ia berkecenderungan membawa kepada sikap anti guru, anti sekolah, ponteng, lepak, jenayah juvana serta turut melibatkan kes perkahwinan awal di kalangan remaja

¹⁸⁹ Zainal Madon & Mohd. Sharani Ahmad (2004), *op. cit.*, h. 63

¹⁹⁰ Sharifah Alwiah Alsagoff (1988), *op. cit.*, j. 1, h. 294

¹⁹¹ *Ibid.*, h. 295

¹⁹² Jas Laile Suzana Jaafar (1996), *op. cit.*, h. 28

perempuan dan aktiviti geng di kalangan remaja lelaki.¹⁹³ Isu-isu ini akan dibincangkan dengan lebih jelas di dalam tajuk ‘*Pengaruh Rakan Sebaya*’.

Kesimpulannya terdapat beberapa faktor pendidikan sekolah seperti sikap guru, suasana sekolah dan pengaruh rakan sebaya di sekolah dilihat memberi kesan negatif kepada para remaja.

(c) Pengaruh Rakan Sebaya

Zaman remaja adalah zaman di mana golongan ini memang suka mendampingi dan didampingi oleh rakan sebaya. Pada ketika ini juga mereka mudah terpengaruh dan bersimpati dengan keadaan personaliti rakan mereka.¹⁹⁴ Dalam konteks ini, rakan sebaya adalah kelompok kanak-kanak ataupun remaja yang sama umur ataupun peringkat perkembangan di mana ia sering digunakan oleh remaja sebagai sumber sokongan dalam menyempurnakan perkembangan mereka.¹⁹⁵ Di sini para remaja lebih suka berkongsi pengalaman, perasaan dan pandangan masing-masing sesama mereka.¹⁹⁶

Remaja mempunyai satu sikap asas yang sama iaitu inginkan kebebasan daripada kongkongan keluarga dan masyarakat, bebas membuat apa sahaja yang menyeronokkan dan menggembirakan hati sehingga kadang-kadang melupakan nilai-nilai hidup bermasyarakat dan beragama. Mereka menginginkan satu kehidupan yang secara ‘*bebas-nilai*’ iaitu satu trend keremajaan yang banyak dipengaruhi oleh cara hidup kebaratan. Dalam mencapai kebebasan ini, remaja akan meniru apa saja terutamanya daripada rakan sebaya tanpa sebarang sekatan peraturan dan nilai.¹⁹⁷ Rakan sebaya dilihat oleh para remaja sebagai amat istimewa dan penting malah kadang-

¹⁹³ Zainal Madon & Mohd. Sharani Ahmad (2004), *op. cit.*, h. 62

¹⁹⁴ Mohd. Salleh Lebar (1994), *op. cit.*, h. 180

¹⁹⁵ Zainal Madon & Mohd. Sharani Ahmad (2004), *op. cit.*, h. 47

¹⁹⁶ Jas Laile Suzana Jaafar (1996), *op. cit.*, h. 229

¹⁹⁷ Baharuddin Ali Masrom, Zaini Ujang & Fatini Yaacob (1992), *Fenomena Remaja*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu, h. 4-5

kadang melebihi daripada kepentingan ibu bapa.¹⁹⁸ Mereka menganggap bahawa rakan sebaya lebih memahami jiwa remaja dan tempat meluahkan permasalahan masing-masing, di samping membantu dalam kesusahan sama ada berbentuk kewangan, jenayah ataupun perbuatan yang melanggar hukum agama. Ibu bapa dilihat kurang mengambil tahu perkembangan sosial anak-anak remaja kerana kesibukan. Ini menyebabkan remaja mudah menghubungkan identiti diri dengan kehendak kelompok rakan sebaya dan bebas daripada pemantauan orang dewasa terutamanya ibu bapa.

Fungsi rakan sebaya sama ada positif atau negatif antaranya adalah sebagai pengganti keluarga, mekanisme transisi hidup, pemberi sokongan sosial dan akademik, agen sosialisasi, memperkembangkan konsep hubungan sosial, pembentukan personaliti, keperluan rujukan, pembentukan konsep kendiri, tempat luah perasaan dan penyelesaian, pendengar, membina nilai komitmen dalam persahabatan, tempat mencari identiti, mempengaruhi kecenderungan, meneguhkan nilai ibu bapa dan membuat penilaian sendiri, kaunselor rakan sebaya, pengawal tingkah laku dan meningkat pencapaian akademik, tempat mencuba peranan baru dan berkongsi pengalaman, peluang menjadi pemimpin dan peluang berinteraksi dan memahami jantina berlainan.¹⁹⁹ Sementara itu, positif atau negatifnya bergantung kepada keupayaan remaja tersebut berinteraksi dengan tekanan-tekanan dalaman mereka.

Tekanan-tekanan dalaman dan *konformiti*²⁰⁰ rakan sebaya selalunya akan menyebabkan golongan remaja tidak teragak-agak melakukan hal-hal negatif yang terbiasa dari undang-undang negara dan juga hukum syarak. Contohnya, keinginan untuk menjadi popular menyebabkan golongan remaja bertindak lebih jauh sehingga

¹⁹⁸ Zainal Madon & Mohd. Sharani Ahmad (2004), *op. cit.*, h. 50

¹⁹⁹ Jas Laile Suzana Jaafar (1996), *op. cit.*, h. 231-239

²⁰⁰ Konformiti adalah keupayaan menyesuaikan tingkah laku orang lain dengan dirinya kerana tekanan ataupun bayangan mereka. Ia boleh berbentuk negatif seperti mempermainkan ibu bapa, mencuri dan sebagainya ataupun positif seperti menabung, membantu rakan yang susah dan sebagainya.

melampaui agama dan adat yang terhasil daripada provokasi rakan sebayanya. Pengaruh fizikal seperti ketampanan dan kecantikan di kalangan rakan sebaya juga sangat penting kepada remaja terutama dalam mempengaruhi harga kendiri dan penerimaan sosial remaja, personaliti, tarikan interpersonal dan perkembangan sosial di kalangan mereka.²⁰¹

Biasanya, kumpulan rakan sebaya ini dibentuk di sekolah²⁰² dan secara tipikalnya ditentukan oleh kelas sosial, pencapaian akademik ataupun aktiviti yang sama. Antara bentuk-bentuk rakan sebaya adalah sahabat karib, ‘klik’ dan ‘geng’.²⁰³ Rentetan dari ini akan mengakibatkan muncul aktiviti-aktiviti kurang sihat yang dilakukan bersama seperti samun berkumpulan, gangsterisme, dadah, arak serta pergaulan bebas sehingga membawa kepada hubungan seks luar nikah dan rambang. Secara umum, rakan sebaya ini boleh menjerumuskan para remaja kepada permasalahan kecelaruan dalaman (emosi dan kognitif) dan kecelaruan luaran (tingkahlaku).

Kesimpulannya, pengaruh rakan sebaya boleh menjadi faktor utama penularan sifat negatif di kalangan remaja masakini. Kegagalan ibu bapa dan golongan dewasa untuk bertindak sebagai pendamping para remaja telah menyebabkan rakan sebaya menjadi pilihan terbaik untuk mereka meluahkan segala permasalahan dan kisah mereka. Kegagalan para remaja untuk memilih dan mendampingi rakan sebaya yang betul pula telah menjebakkan mereka ke dalam situasi yang bahaya dan boleh menggelapkan masa depan mereka.

²⁰¹ Jas Laile Suzana Jaafar (1996), *op. cit.*, h. 209

²⁰² Abdul Ghafar Don & Zaleha Mohd. Ali (2008), *op. cit.*, h. 90

²⁰³ Zainal Madon & Mohd. Sharani Ahmad (2004), *op. cit.*, h. 55

(d) Pengaruh Sosiobudaya

Secara umum, pengaruh sosiobudaya ini merangkumi masyarakat di sekeliling dan budaya yang diamalkan oleh masyarakat tersebut.²⁰⁴ Ia diasaskan dari suasana kejiranan, keadaan persekitaran hingga kepada adat resam dan budaya yang dipraktikkan oleh masyarakat sekeliling sama ada budaya tradisi ataupun budaya luar. Faktor ini juga mempengaruhi matlamat hidup para remaja di mana ia dipengaruhi oleh pemikiran-pemikiran yang wujud di persekitaran dan dinilai oleh masyarakat sekeliling.²⁰⁵

Ia bermula dengan konsep kejiranan yang kian longgar dalam masyarakat sehingga menjadi antara punca utama meluasnya gejala sosial masakini. Sikap '*individualisme*' yang terlalu kuat pada kejiranan telah menyebabkan tiada kawalan sosial ke atas para remaja.²⁰⁶ Ketiadaan sikap prihatin ini telah menyebabkan masalah dan konflik remaja semakin dominan dan sukar dibendung penularannya.²⁰⁷ Sikap ini selain daripada membiarkan para remaja terus hanyut dengan kehidupan yang sesat, ia juga telah mempengaruhi jiwa dan pemikiran para remaja bahawa ini (sikap *individualisme*) adalah cara hidup yang sebenarnya.

Selain itu, keadaan kejiranan dan persekitaran yang terlalu sesak dan padat sehingga menimbulkan kebisingan, kepanasan, kepadatan dan rasa sesak melampau juga akan membawa kepada tekanan dan mendorong kepada perbuatan negatif terutama apabila terdedah kepadanya secara berlebihan dan dalam tempoh yang agak lama.²⁰⁸

²⁰⁴ Habibah Elias & Noran Fauziah Yaakub (2006), *op. cit.*, h. 81

²⁰⁵ Jas Laile Suzana Jaafar (1996), *op. cit.*, h. 221

²⁰⁶ Zainal Madon & Mohd. Sharani Ahmad (2004), *op. cit.*, h. 69

²⁰⁷ Abdul Ghafar Don & Zaleha Mohd. Ali (2008), *op. cit.*, h. 99

²⁰⁸ Azizi Yahaya, Jaafar Sidek Latif, Shahrin Hashim & Yusof Boon (2005). *Psikologi Sosial – Alam Remaja*. Pahang: PTS Publication & Distribution, h. 296

Sementara itu, adat resam serta kebudayaan juga boleh memberi impak kepada pembentukan remaja. Selain daripada budaya negatif yang sudah sedia ada dalam sesuatu masyarakat, penularan budaya asing yang tidak sesuai juga telah memburukkan lagi keadaan. Budaya-budaya asing ini akan menyebabkan hilangnya ciri-ciri positif adat resam dan kebudayaan sesuatu masyarakat. Contohnya, dalam masyarakat Barat peranan lelaki dan perempuan kini telah berubah dan agak kucar-kacir sehingga peranan antara kedua-dua jantina ini saling bertindan, contohnya muncul gejala ‘*tomboy*’, *mak nyah*, *lesbian* dan *homoseks*.²⁰⁹ Budaya-budaya lain kini amat mudah diperolehi oleh seseorang remaja sama ada melalui sistem komunikasi, media dan penghijrahan. Budaya-budaya baru seperti cara hidup bebas, budaya ‘*happy go lucky*’, budaya dunia muzik *heavy metal*, pakaian *ala punk, rap* dan *rockers*²¹⁰, corak beragama yang sesat serta budaya politik yang keji merupakan antara bentuk serangan budaya yang popular.

Penularannya dalam budaya sesuatu masyarakat boleh mengubah persepsi dan amalan budaya serta agama masyarakat tersebut sehingga akan mencetuskan kesan dan perubahan yang nyata sekiranya tidak dihalang secepat mungkin.²¹¹ Kesannya akan membentuk golongan remaja yang lalai dengan hiburan, maksiat dan juga akan mengamalkan politik wang, rasuah, menyalahgunakan kuasa, kedudukan serta menggunakan taktik kotor bagi mengekalkan kuasa.²¹² Inilah sebenarnya, niat dan tujuan musuh-musuh Islam terutama golongan *Freemasonry* yang telah menjadikan aspek ‘*menyebarkan semua kemungkaran dan mengagungkan hubungan seks*’ sebagai

²⁰⁹ Habibah Elias & Noran Fauziah Yaakub (2006), *op. cit.*, h. 91

²¹⁰ Budaya rockers adalah satu budaya hidup yang dicetuskan oleh golongan remaja Barat di era 70-an di mana ketika itu mereka sudah kehilangan punca dan nilai dalam kehidupan. Dalam mencari erti kehidupan maka mereka akan melakukan sesuatu supaya hidup mereka dilihat lebih walaupun sebenarnya ia akan menjerumuskan kepada kehidupan yang lebih teruk seperti dadah, keganasan, seks bebas dan lain-lain.

²¹¹ Mohd. Salleh Lebar (1994), *op. cit.*, h. 179

²¹² Zainal Madon & Mohd. Sharani Ahmad (2004), *op. cit.*, h. 73

antara prinsip-prinsip perjuangan mereka bagi menghancurkan umat manusia terutama umat Islam²¹³.

Sementara itu, budaya masyarakat kini yang lebih mengutamakan keduniaan menjadikan kawalan sosial ini semakin lemah dan longgar sehingga menyebabkan tingkah laku liar serta melampaui batas para remaja semakin meluas.²¹⁴ Antara salah laku remaja yang berpunca dari sosiobudaya ini adalah mengganggu keamanan dan gangsterisme, merokok dan meminum arak, berzina, gejala bohsia dan homoseksual, melacur, menggugurkan dan membuang bayi serta dadah.²¹⁵

Kini, faktor ini lebih dikenali sebagai ‘*globalisasi*’ yang ditakrifkan oleh Fathi Yakan sebagai proses menerima pakai sesuatu yang bersifat antarabangsa, baik dari sudut budaya, sosial, ekonomi maupun politik. Manakala Yusuf Qardhawi pula menjuruskan maksudnya sebagai proses mewajibkan *hegemoni* atau penguasaan politik, ekonomi, budaya dan sosial Amerika Syarikat ke atas dunia khususnya dunia Timur, Negara Dunia Ketiga dan Negara Islam.²¹⁶

Kesimpulannya, kemasukan budaya asing terutamanya budaya barat yang ternyata menyalahi agama Islam dan adat masyarakat Malaysia telah dilihat sebagai antara penyumbang utama kepada isu salah laku dan keruntuhan akhlak remaja masakini. Aspek keseronokan yang ditimbulkan oleh budaya-budaya ini telah berjaya mengaburi mata hati para remaja termasuk yang beragama Islam sehingga dengan rela dan pasrah menyerahkan diri mereka untuk diperkotak-katikkan oleh musuh-musuh Islam.

²¹³ Nik Azran Muhammed . & Mohd. Mahadi Isa(2009), *Gerakan Freemasonry - Musuh Yang Menghancurkan Islam*. Kuala Lumpur: Hijjaz Records Publishing, h. 32

²¹⁴ Ibrahim Mamat (1997), *op. cit.*, h. 35

²¹⁵ Ibrahim Mamat (1997), *op. cit.*, h. 35

²¹⁶ Nik Azran Muhammed Hj. & Mohd. Mahadi Hj. Isa Hj. (2009), *op. cit.*, h. 176

(e) Pengaruh Media Massa

Media massa merupakan salah satu mekanisme yang digunakan untuk menyampaikan maklumat kepada orang lain mengenai sesuatu peristiwa atau berita.²¹⁷ Dalam konteks ini , media massa seperti radio, tv, akhbar, majalah, filem (DVD), telefon, papan iklan, internet dan lain-lain²¹⁸ memainkan peranan penting dalam membentuk dan mempengaruhi perkembangan pemikiran dan personaliti remaja masakini.

Keruntuhan moral masakini dikatakan banyak berpunca dari kurangnya teladan yang baik yang dipaparkan oleh media-media.²¹⁹ Media massa seperti televisyen, misalnya sering menayangkan filem-filem yang berlatarbelakangkan budaya dan kehidupan masyarakat asing yang penuh dengan adegan ganas dan panas, gaya hidup mewah dan glamour, gaya hidup songsang, hiburan-hiburan yang berlebihan serta melalaikan²²⁰ dan dokumentari-dokumentari yang boleh merosakkan akidah dan pegangan agama melalui penyebaran doktrin Kristian yang nyata memutarbelitkan fakta-fakta tentang Islam.²²¹ Hasilnya, remaja terikut-ikut dengan apa yang dilihat dan didengar walaupun apa yang dibuat itu bertentangan dengan nilai-nilai agama dan budaya sendiri sehingga menimbulkan pelbagai tingkah laku sumbang seperti berpakaian tidak senonoh, kelakuan kasar dan biadap, tidak menghormati orang tua, bersekedudukan tanpa nikah, melacur malahan meninggalkan perintah-perintah Allah SWT seperti solat dan puasa.²²²

Lambakan majalah-majalah pula sama ada dari barat ataupun tempatan dilihat tidak banyak menolong pembangunan modal insan para remaja. Malahan kehadiran

²¹⁷ Abdul Ghafar Don & Zaleha Mohd. Ali (2008), *op. cit.*, h. 99

²¹⁸ Naim Hj. Ahmad, Siti Suriani Hj. Othman & Noor Adzrah Ramle (2006), *Bicara Media 1*. Negeri Sembilan: KUIM, h. 41

²¹⁹ Abd. Rahim Abd. Rashid (1993), *op. cit.*, h. 42

²²⁰ Naim Hj. Ahmad, Siti Suriani Hj. Othman & Noor Adzrah Ramle (2006), *op. cit.*, h. 46

²²¹ Nik Azran Muhammed Hj. & Mohd. Mahadi Hj. Isa Hj. (2009), *Gerakan Orientalisme & Kristianisasi – Ancaman Kepada Ummah*. Kuala Lumpur: Hijaz Records Publishing, h. 113

²²² Ibrahim Mamat (1997), *op. cit.*, h. 42-43

majalah yang ganas, lucah serta tiada faedah yang lebih banyak daripada yang berfaedah telah memburukkan lagi keadaan. Sementara itu, JAKIM telah mengenal pasti bahawa penyebaran ajaran sesat dan penyelewengan aqidah masakini adalah disebabkan oleh tersebarnya secara meluas buku-buku berunsur ajaran sesat di pasaran.²²³

Seterusnya, kewujudan kemudahan komputer dan internet masakini menjadikan keadaan lebih tertekan. Pro dan kontra dalam penggunaannya sering dibahaskan oleh pelbagai pihak namun tiada keputusan jelas dan tindakan yang berkesan yang dilaksanakan. Teknologi ICT ini memburukkan lagi suasana kerana para remaja terlalu mudah dapat melayari segala maklumat, informasi, fitnah dan ilmu-ilmu bersifat negatif terutama yang merosakkan aqidah, minda dan akhlak tanpa sebarang kawalan dan sekatan. Kemudahan telefon bimbit pula lebih merosakkan suasana apabila teknologinya kini membolehkan segala maklumat samada berbentuk teks ataupun foto disimpan. Memiliki dan membawanya bukan sahaja telah menyalahi undang-undang sekolah tetapi kegagalan para remaja memanfaatkan teknologi ini telah menyebabkan mereka terjebak dalam isu salah guna seperti menyimpan gambar lucah, kata-kata lucah sehingga telah menjadi mukaddimah kepada perhubungan lelaki dan perempuan.²²⁴

Media massa ini dilihat mempengaruhi remaja melalui dua cara iaitu secara langsung dan tidak langsung. Secara langsungnya adalah melalui penyebaran anasir tidak baik seperti budaya-budaya Barat yang songsang, dayah agama mereka yang sesat, bahan hiburan yang melampau-lampau serta berita-berita penipuan yang telah

²²³ JAKIM (2000), *Risalah Isu Semasa-Fenomena Ajaran Sesat Di Malaysia*. Kuala Lumpur: JAKIM, h.4

²²⁴ Mohd. Jamil Yaacob (2005), *Memahami Remaja*. Kuala Lumpur, PTS Profesional Sdn,Bhd., h. 105

dimanipulasikan demi kepentingan-kepentingan tertentu sama ada mencari keuntungan, pengaruh ataupun sebagai penyebaran fahaman dan pemikiran-pemikiran tertentu.²²⁵

Manakala secara tidak langsung adalah melalui kewujudan pusat-pusat komputer, kafe siber dan pusat-pusat hiburan yang telah mengumpam para remaja mengunjunginya walaupun pada waktu persekolahan. Rentetan dari bermain *video games* serta melayari maklumat-maklumat biasa dari internet, golongan remaja akan dijebakkkan dengan slot-slot judi, lucah, ganas, khurafat serta sesat secara sengaja oleh pengendali-pengendali laman web sehingga menjadikan para remaja lalai (gagal dalam pengurusan masa), menipu ibu bapa malahan sanggup mencuri wang ibu bapa dan keluarga semata-mata ingin mengunjungi pusat-pusat ini. Fenomena ini menjadikan masa depan golongan remaja kian malap apabila mereka mengabaikan pelajaran di sekolah dan lalai dari perintah Allah SWT.²²⁶

Sementara itu, kewujudan pusat-pusat hiburan, pesta-pesta ataupun konsert-konsert telah menjerumuskan para remaja kepada pelbagai gejala sosial seperti amalan minum arak, pergaulan bebas lelaki perempuan, pergaduhan dan gangsterisme, dadah dan pembunuhan. Maka tidak hairanlah jika media massa ini dikategorikan oleh ramai ilmuan sebagai pemangkin dalam mengikis nilai-nilai agama dan budaya masyarakat Timur.²²⁷ Secara dasarnya, media massa ini mempengaruhi para remaja dalam tiga aspek iaitu kesan kognitif iaitu kesan pembentukan dan pengaruh sikap serta nilai pemikiran, kesan ke atas perasaan seperti kebimbangan, mencurigai dan sebagainya serta kesan atas tingkah laku seperti ikutan fesyen pakaian, rambut dan sebagainya.²²⁸

²²⁵ Abdul Ghafar Don & Zaleha Mohd. Ali (2008), *op. cit.*, h. 101

²²⁶ Mohd. Jamil Yaacob (2005), *op. cit.*, h. 13-14

²²⁷ Baharuddin Ali Masrom, Zaini Ujang & Fatini Yaacob (1992), *op. cit.*, h. 45

²²⁸ Zulkiple Abd. Ghani (2001), *Islam, Komunikasi & Teknologi Maklumat*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn.Bhd., h. 113

Kesimpulannya, media massa mempunyai impak yang besar kepada perubahan kelakuan remaja masakini. Kegagalan para remaja memahami taktik dan bahaya serangan pemikiran Barat serta liciknya golongan musuh ini menyelinap masuk ke dalam setiap diri anak-anak muda termasuk umat Islam merupakan ciri utama mengapa faktor ini sukar dibendung penularannya.

2.7 ISU-ISU AKHLAK REMAJA MASA KINI

Isu akhlak remaja sebenarnya terbahagi kepada dua iaitu kenakalan dan jenayah remaja. Kenakalan remaja didefinisikan sebagai perbuatan dan aktiviti remaja yang berlawanan dengan norma-norma masyarakat (adat). Kelakuan yang dikatakan kenakalan remaja adalah perbuatan seperti melawan ibu-bapa, mencabar ataupun melawan guru, ponteng sekolah, memeras ugut, memukul, membuli, lari dari rumah, merosakkan harta benda awam dan lain-lain perbuatan yang seumpamanya.²²⁹

Manakala jenayah remaja atau kes juvana pula adalah satu istilah yang berasal dari bahasa Inggeris iaitu ‘*juvenile*’ bermaksud ‘*young person who is not yet adult*’ dan ‘*juvenile delinquency*’ iaitu ‘*criminal or antisocial behaviour by juvenile delinquents*’.²³⁰ dan ‘*a child or adolescent who behaves in a criminal or antisocial way*'.²³¹ Dalam bahasa Melayunya adalah orang muda yang belum dewasa yang bersalah dalam sesuatu jenayah.²³² Ia dapat dikelaskan kepada kesalahan syariah dan kesalahan jenayah juvana. Antara kesalahan-kesalahan syariah yang telah digezetkan adalah seperti yang dilampirkan iaitu Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 – Bahagian II-V, Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor dan Enakmen Jenayah Negeri Kedah. Kesalahan jenayah juvana pula sering

²²⁹ Hairunnaja Najmuddin (2003), *Memahami dan Membimbing Remaja Nakal*. Pahang: PTS ublication & Distribution Sdn. Bhd., h. 30

²³⁰ Hornby A.S. (2007), *op. cit.*, h. 792

²³¹ Anne Wevell (2008), *op. cit.*, h. 463

²³² Hasan Hamzah (1997), *Kamus Melayu Global*. Kuala Lumpur: Piramid Perdana Sdn. Bhd., h. 534

dirujuk kepada Akta Mahkamah Juvana 1947 (semakan 1972) dan ia ditakrifkan sebagai segala perbuatan jenayah yang pelakunya terdiri daripada kalangan anak muda yang belum matang.²³³

Isu kenakalan dan jenayah remaja atau dikenali juga sebagai keruntuhan akhlak dan salah laku remaja kini telah menjadi isu global. Setiap hari terdapat pelbagai isu dan kes-kes jenayah remaja dilaporkan. Laporan dari Akhbar Harian Metro sepanjang bulan Januari 2010 hingga bulan Mac 2010 telah merekodkan sebanyak 47 kes utama salah laku remaja melibatkan isu salah laku seks (44.6%), curi/samun/rompak (12.8%) dan gaduh/budaya samseng (12.7%). Walaupun ia tidak merangkumi keseluruhan kes di Malaysia tetapi secara umum ia telah menggambarkan permasalahan para remaja masakini. Dikatakan isu pembunuhan bayi adalah isu ter‘panas’ masakini bagi golongan remaja perempuan tetapi disebabkan tiada bukti kukuh pembabitan mereka maka ia sukar disahkan, menjadikan peratus yang pasti hanyalah 4.3%. Dalam pada itu terdapat juga isu ajaran sesat terutamanya Black Metal (6.4%), melibatkan kedua-dua remaja lelaki dan perempuan yang dirasakan sudah mulai menyelinap masuk ke dalam kehidupan para remaja secara bebas dan berkemungkinan menjadi isu terbesar di masa hadapan seperitmana dinyatakan di dalam Lampiran 6.2.

Dalam pada itu, pada Mac 2010, Pengurus Majlis Kebajikan Kanak-Kanak Malaysia, Tan Sri Zaleha Ismail telah mengatakan bahawa peningkatan pelbagai masalah sosial golongan remaja terutamanya di kalangan remaja perempuan kini amat membimbangkan. Isu-isu seperti penderaan kanak-kanak sama ada secara fizikal atau seksual, kes sumbang mahram dan pembuangan bayi kian menjadi-jadi. Beliau menyeru para ibubapa agar lebih memainkan peranan mereka di dalam institusi keluarga dan

²³³ Anita Rahim (2003), *Jenayah Oleh Juvana : Antara Hukuman Dan Pemulihan*. Sintok, Penerbit Universiti Utara Malaysia, h. 69

pembabitan masyarakat harus juga dipertingkatkan kerana inilah antara faktor penyebab berleluasanya kejadian-kejadian ini.²³⁴

Manakala saudara Mohd. Hidayat Abdul Rani, Pegawai Perhubungan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menyatakan bahawa kes-kes seperti anak luar nikah dan isu zina merupakan masalah tertinggi masakini. Menurutnya lagi, permasalahan ini sukar dibendung jika masyarakat hanya mengharapkan pihak berkuasa bertindak melaksanakan hukuman tanpa masyarakat sendiri tidak mahu meningkatkan kesedaran bahaya perlakuan zina dan lain-lain perbuatan menyalahi sosial di kalangan anak-anak dan para remaja.²³⁵ Sementara itu, Mariani Md. Nor,²³⁶ seorang pensyarah psikologi di Universiti Malaya berpendapat bahawa gejala membuang bayi yang kian meruncing kini membuktikan bahawa golongan remaja kita mempunyai pegangan agama yang amat nipis dan longgar.

Isu-isu salahlaku para remaja ini telah mendapat banyak perhatian dan liputan dari pelbagai pihak sama ada di segi pemerhatian, pemantauan, pendapat, pelaksanaan dan tidak ketinggalan juga dari sudut ilmiah sejak dahulu lagi. Sharifah Zainiyah²³⁷ yang merupakan seorang pensyarah di Jabatan Kesihatan Komuniti, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menyarankan agar kajian-kajian terperinci dan menyeluruh dalam pelbagai bidang seperti psikologi, kesihatan, agama, keibubapaan dan kemasyarakatan perlu dilakukan untuk mencari penyebab kepada masalah-masalah ini. Menurut beliau lagi, kajian-kajian kualitatif terhadap individu yang terlibat dalam gejala sosial juga perlu dilakukan supaya kempen dan program yang dilakukan menepati keperluan mereka.

²³⁴ Harian Metro, Mac 8, 2010:16 “Ibu bapa perlu mendekati anak-anak remaja”

²³⁵ Harian Metro, Mac 31, 2010:22 “Bersama tangani Gejala Sosial Remaja”

²³⁶ Berita Harian, Februari 17, 2010:16 “Kembali kepada Agama”

²³⁷ Utusan Malaysia, April 14, 2010:10 “Kajian kualitatif cari penyebab masalah”

Kajian-kajian berkaitan isu akhlak remaja sama ada untuk pembentangan forum atau seminar, laporan tahunan kementerian atau jabatan, buku-buku ilmiah, pengisian di dalam jurnal ataupun majalah dan juga sebagai penyelidikan ilmiah di pusat-pusat pengajian tinggi telah dilakukan.

Antaranya kajian oleh Fuziah Shaffie dan rakan-rakan²³⁸ terhadap 172,433 murid-murid sekolah dari tingkatan 1 hingga 5 di negeri Kedah. Kajian mereka mendapati seramai 25,578 orang atau 15.4% murid pernah terlibat dengan tingkah laku devian, dengan peratusan tertinggi ialah tingkah laku ponteng iaitu sebanyak 27.5%, tingkah laku kurang sopan dan biadap (20%), kenakalan/*hooliganism* (14%) dan tingkah laku tidak mementingkan masa iaitu 13%. Sementara itu terdapat 2,339 atau 1.4% murid di Kedah didapati terlibat dengan tingkah laku jenayah seperti mengancam/memukul dan mencederakan murid lain (499 orang), berjudi (395 orang), mencuri (340 orang), menceroboh bilik khas/kedai/koperasi (261 orang), membuli (211 orang), mencabul kehormatan (200 orang) dan banyak lagi tingkah laku jenayah lain. Kajian mereka juga mendapati bilangan pelajar lelaki yang terlibat adalah 93% manakala pelajar perempuan hanya 7%. Dalam menyelesaikan masalah ini, para penyelidik ini telah mencadangkan agar para remaja ini diberi peluang dan bimbingan yang sewajarnya. Mereka telah mengemukakan satu program pembangunan remaja yang berteraskan lapan unit dan objektif dengan bermatlamat dapat menyediakan panduan, motivasi serta galakan dalam hidup para remaja ini.

Saudari Farihah Hussin²³⁹ pula dalam penyelidikan peringkat Sarjana di bawah tajuk ‘*Keruntuhan Akhlak Di Kalangan Remaja : Suatu Kajian di Alor Setar*’

²³⁸Fuziah Shaffie, Nuraini Yusoff, Mohd. Fo'ad Sakdan dan rakan-rakan (2009), *Profil Remaja Berisiko Tinggi*. Sintok, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia , h. 37-48 & 64-68.

²³⁹ Farihah Hussin (2006), “Keruntuhan Akhlak di Kalangan Remaja: Suatu kajian di Alor Setar” (Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), h. 110 – 126.

merumuskan bahawa faktor-faktor berlakunya masalah keruntuhan akhlak di kalangan remaja Melayu adalah pengaruh rakan sebaya dan pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, kurangnya kasih sayang, penceraian dan terlalu diberi kebebasan oleh ibu bapa. Beliau telah memberikan saranan agar dielakkan remaja daripada menonton video dan rancangan televisyen yang mempunyai bahan-bahan yang boleh menyebabkan gangguan emosi dan rohani, ibubapa perlu memantau tingkah-laku anak-anak, memberikan didikan agama secukupnya dan menggalakkan anak-anak mengikuti aktiviti rakan muda.

Mohd. Razali Deraman²⁴⁰ dalam kajian ‘*Pengaruh Budaya Terhadap Akhlak Remaja Islam : Kajian di Kota Bharu, Kelantan*’, menyimpulkan bahawa remaja Islam di Kota Bharu kini semakin terpengaruh dengan budaya barat yang dibawa masuk melalui media massa dan pembangunan bandar yang semakin pesat sehingga mendesak golongan remaja ini mengikut arus pemodenan tanpa unsur selektif. Seterusnya, Hashim bin Haji Bedu bersama rakan-rakan²⁴¹ dari Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia telah membuat kajian bertajuk ‘*Keruntuhan Akhlak Dan Gejala Sosial Dalam Keluarga : Isu Dan Cabaran*’ yang dibentangkan di Seminar Kaunseling Keluarga 2008. Hasilannya menyatakan bahawa punca utama berlaku gejala sosial di kalangan remaja ini adalah kerana kegagalan untuk mengimbangi pengaruh kuat dari budaya-budaya barat. Kajian tersebut telah berjaya menganalisa data dan statistik kesalahan jenayah syariah negeri Johor bagi tahun 2003 – 2007 yang menunjukkan peningkatan dari setahun ke setahun. Di sini juga disenaraikan jenis kesalahan utama seperti sumbang mahram, kes seksual, dadah, mat rempit dan pembuangan bayi yang

²⁴⁰ Mohd. Razali Deraman (2007), “ Pengaruh Budaya Terhadap Akhlak Remaja Islam : Kajian Di Kota Bharu, Kelantan” (Disertasi Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), h. 130-135.

²⁴¹ Hashim bin Bedu & rakan-rakan (2008), *Keruntuhan Akhlak Dan Gejala Sosial Dalam Keluarga : Isu Dan Cabaran..* Pulau Pinang, Penerbitan Universiti Sains Malaysia, h. 2-3, 5-6 & 11-13.

membawa pula kepada isu-isu lain seperti judi, arak, zina, khalwat, kelakuan tidak sopan dan pondan.

Sementara itu satu laporan kajian masyarakat yang dijalankan oleh Sufean Hussin dan Che Zainon Omar membincangkan ‘*Masalah Remaja Dalam Keluarga Ibu Tunggal*’.²⁴² Kajian ini telah dijalankan terhadap 30 orang pelajar lelaki dan perempuan dari tingkatan 1 hingga 5 di sekolah-sekolah sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Laporan ini menyatakan bahawa para pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal ini menghadapi masalah dalam kategori penyesuaian diri dengan persekolahan, hubungan peribadi, rumah serta keluarga dan masalah kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan. Kajian ini mendapati bahawa kawan-kawan menjadi tempat utama untuk golongan ini membincangkan permasalahan mereka. Sehubungan dengan itu, laporan ini mencadangkan agar konsep pembimbing rakan sebaya diterapkan dengan lebih berkesan.

Seterusnya Sufean Hussin, Lai Chin Chin, Mohd. Firdaus Hussin dan Abdul Rahim Abdul Rashid menjalankan kajian ‘*Merokok Di Kalangan Remaja Malaysia – Analisis Dasar Sosial*’.²⁴³ Kajian ini telah merumuskan bahawa merokok kini telah menjadi satu fenomena sosiobudaya. Hasil kajian mendapati gejala rokok ini sudah semakin serius di kalangan golongan remaja, melibatkan seramai 7316 orang (97.6%) remaja lelaki manakala 183 orang (2.4%) remaja perempuan. Jumlah ini pula meliputi 95% remaja yang masih bersekolah manakala 5% sudah berhenti sekolah. Apabila ditinjau di sudut umur, didapati seramai 389 orang (5.9%) berusia 12 tahun – 13 tahun, 1969 orang (26.3%) berusia 14 tahun - 15 tahun manakala 5141 orang (68.6%) berusia

²⁴² Sufean Hussin & Che Zainon Omar (2002), *Masalah Remaja Dalam Keluarga Ibu Tunggal – Siri Laporan Kajian Masyarakat*. Shah Alam: Karisma Pub. Sdn.Bhd., h. 32, 82-84 & 91-92.

²⁴³ Sufean Hussin, Lai Chin Chin, Mohd. Firdaus Hussin & Abdul Rahim Abdul Rashid (2004), *Merokok Di Kalangan Remaja Malaysia – Analisis Dasar Sosial*. Shah Alam: Karisma Pub. Sdn.Bhd., h. 18-28 & 58-70.

16 tahun - 17 tahun ke atas. Kajian ini melaporkan bahawa terdapat keseimbangan antara bandar dan luar bandar iaitu taman perumahan seramai 2091 orang (27.9%), flat seramai 746 orang (9.9%), kampong seramai 3792 orang (50.6%), setinggan seramai 771 orang (10.3%) dan tiada jawapan seramai 99 orang (1.3%). Antara punca utamanya adalah pengaruh bapa dan keluarga, rakan sebaya dan masyarakat setempat.

Hasnan bin Kasan dalam kajian ‘*Kecelaruan Jantina : Penyelesaian Menurut Islam*’ membincangkan kecelaruan jantina para remaja lelaki dengan memfokuskan kecelaruan masalah remaja berperwatakan perempuan yang kian menjadi-jadi iaitu isu ‘mak nyah’. Menurutnya, hasil data yang diperolehi daripada IKHLAS (Pink Triangle) sebuah NGO yang memberikan kesedaran tentang aids, pada tahun 2000 terdapat seramai 10,000 orang mak nyah, kebanyakannya para remaja dengan peratusan antara 70-80% adalah orang Melayu-Islam dan telah meningkat sehingga mencecah seramai 50,000 orang pada tahun 2007. Soal selidik yang beliau jalankan di UKM mendapati sebanyak 94.1% bersetuju bahawa isu mak nyah ini adalah satu gejala sosial. Antara gejala sosial yang ditimbulkan oleh golongan ini adalah pelacuran, kelab-kelab hiburan dan dadah. Beliau menyarankan pendekatan terbaik dalam menyelesaikan isu ini adalah pendekatan mencegah lebih baik daripada merawat serta penguatkuasaan undang-undang sama ada sivil atau syariah yang lebih efektif.²⁴⁴

Sementara itu, sembilan kertas kerja telah dibentangkan oleh Institut Perkembangan Minda di bawah tajuk ‘*Masyarakat Melayu dan Gejala Sosial – Proses Penyelesaian Ke arah Pembinaan Umat Melayu Cemerlang Abad ke-21*’ telah mengaitkan bahawa gejala sosial masakini berpunca dari proses perindustrian dan pembangunan yang semakin pesat. Isu-isu seperti dadah, arak, Aids, kegiatan maksiat,

²⁴⁴ Hasnan Kasan (2008), “Kecelaruan Jantina : Penyelesaian Menurut Al-Quran”, *Jurnal Penyelidikan Islam*, Bil. 21, 2008M, h. 123-134

rasuah, jenayah-jenayah yang melibatkan remaja dan isu disiplin pelajar yang kian berleluasa telah dibincangkan dengan begitu jelas dan menyeluruh. Seminar ini telah membuat kesimpulan bahawa secara umumnya permasalahan remaja ini berpunca daripada beberapa faktor iaitu diri remaja sendiri (pengaruh tidak sihat tentang konsep jenayah, aspek kemanusiaan – peribadi dan keluarga serta aspek sosioekonomi), keluarga (struktur keluarga, asuhan, komunikasi dan keterlibatan ibubapa), kelompok rakan sebaya (keseronokan, ingin mencuba, naluri memberontak) dan masyarakat (budaya baru, pendidikan dan agama). Seterusnya beberapa saranan telah dikemukakan untuk mengatasi isu ini, seperti pendidikan dan program pemulihan, pembangunan masyarakat, peranan media massa dan dasar kawalan serta perundangan.²⁴⁵

Selain itu, dua kertas kerja telah dibentangkan di seminar berkaitan isu remaja yang telah dianjurkan oleh Universiti Sains Malaysia pada 1996²⁴⁶. Perbentangan pertama oleh Prof. Madya Nik Aziz Nik Pa di bawah tajuk ‘*Ibu bapa : Peranan dan Pendekatan Dalam Mendidik Anak Remaja Masakini*’ telah menyatakan bahawa peranan dan pendekatan ibu bapa banyak didasarkan oleh konsep-konsep terhadap realiti kehidupan anak-anak dalam konteks yang berbeza. Ini bergantung kepada kualiti ilmu tentang peranan ibu bapa dan mutu kemahiran untuk diterjemahkan kepada bentuk tindakan dan operasi yang konstruktif yang berkait dengan faktor-faktor pendidikan, kepercayaan, fisiologi, emosi, keperluan dan kecerdasan.

Kertas kerja kedua pula bertajuk ‘*Konsep Ketakwaan Dalam Merealisasikan Kehidupan Remaja Masakini*’ oleh Dr. Jawiah Dakir. Di sini beliau telah mendefinisikan remaja itu sebagai berusia antara 12 ke 21 tahun. Beliau juga telah

²⁴⁵ Mahadi Hj. Osman, Syed Nurul Akla Syed Abdullah & Sa’adiah Hassan (1995), *Masyarakat Melayu dan Gejala Sosial – Proses Penyelesaian Ke arah Pembinaan Umat Melayu Cemerlang Abad ke-21*, Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda, h. 99, 123, 106-110 & 111-121.

²⁴⁶ Nik Aziz Nik Pa & Jawiah Dakir (1996), *Seminar Hubungan Ibu bapa dan Anak Remaja Masakini – Cabaran Membentuk Generasi Bertakwa (VI)*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, h. 1-27

memaparkan beberapa statistik jenayah remaja seperti kes juvana, pelacuran dan hasil kajian di sebuah pusat pemulihan. Di dapati pada 1994 terdapat 4534 kes juvana dengan 2513 melibatkan remaja Islam, tahun 1995 pula melibatkan 4012 kes dengan 2283 kes adalah remaja Islam.²⁴⁷

Sementara itu, kajian beliau terhadap 605 orang pelajar tingkatan 4 mendapati hanya 195 (32.26%) sahaja yang solat dan 17.5% yang berpuasa secara keseluruhan manakala kajian terhadap 50 orang gadis di sebuah pusat pemulihan mendapati 78% jarang solat. Kajian dari pusat ini juga mendapati kes lari dari rumah (70%) merupakan kes tertinggi selain kes-kes dadah, curi, jenayah di sekolah (peras ugut, pukul guru dan rosak harta benda), merayau-rayau di komplek beli-belah, diskon, kongsi gelap, samseng dan lain-lain.

Menurut beliau lagi, faktor yang mendorong para gadis remaja ini lari dari rumah adalah faktor keluarga dan tidak suka duduk di rumah disebabkan bosan, sunyi keseorangan, ibu bapa kuat berleter dan pemarah, tidak suka dikongkong, ingin bebas, bermasalah dengan ibu bapa (selisih faham, tidak sesuai, tiada kasih sayang, dipukul, gangguan seksual, tekanan ibu/bapa tiri) serta juga pengaruh kawan-kawan, teman lelaki dan tidak mahu belajar lagi. Beliau telah mengemukakan beberapa saranan untuk mengatasi masalah ini seperti fungsi institusi keluarga (pembentukan, pendorong, pengawal dan penasihat), institusi pendidikan (akidah, ibadah, akhlak, ilmu keduniaan), uswah hasanah dari keluarga, guru, masyarakat, pemimpin dan golongan popular yang menjadi idola remaja.

²⁴⁷ Nik Aziz Nik Pa & Jawiah Dakir (1996), *op. cit.* (V2), h. 1-17

Terdapat juga beberapa buku tempatan yang mengulas mengenai isu-isu remaja ini, antaranya hasil karya Azizi Yahya dan rakan-rakan²⁴⁸ yang telah membincangkan mengenai Kecelaruan Tingkahlaku. Mereka telah menyatakan bahawa masalah tingkahlaku ini sudah lama wujud dalam kehidupan manusia. Permasalahan ini bukan sahaja telah mengganggu perjalanan hidup sehari-hari seseorang itu tetapi juga membabitkan masyarakat sekeliling. Kecelaruan tingkahlaku ini telah ditakrifkan sebagai apa-apa yang dilakukan oleh seseorang itu yang bertentangan dengan kelaziman masyarakat. Mereka telah membincangkan kecelaruan ini berpandukan klasifikasi *Diagnostic and Statistical of Disorders – IV (DSM-IV)*.

Terdapat dua jenis kecelaruan yang dibincangkan iaitu kecelaruan jiwa (emosi kekal seperti kesedihan, kemurungan, risau, tekanan, cepat marah dll) dan mental (gila, fobia, trauma, hysteria dll) di mana mereka berpendapat bahawa ini semua berpunca dari sifat biologi seseorang, pembelajaran, psikodinamik (konflik-konflik dalaman), humanistik (halangan yang dihadapi dalam usaha mencapai erti hidup dan kesempurnaan kendiri) dan psikososial (hubungan manusia-manusia dan manusia-sekitaran).

Seterusnya dinyatakan bahawa permasalahan ini boleh membawa impak negatif kepada masyarakat seperti mendorong lebih banyak tingkahlaku tidak sihat dalam masyarakat, kurang keceriaan dan keseronokan dalam masyarakat, masyarakat yang berpuak-puak dan kurangnya konsep kerjasama sama ada dalam membuat kebaikan ataupun mencegah keburukan. Seterusnya, tiga saranan utama ditimbulkan untuk menyelesaikan isu ini iaitu dari segi individu, institusi keluarga dan institusi sosial.²⁴⁹

²⁴⁸ Azizi Yahya, Cathy Suhaila Abdullah, Roslee Ahmad & Sharifuddin Ismail (2005), *Punca Dan Rawatan Kecelaruan Tingkahlaku*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Sdn.Bhd., h. 6-14 & 25-29.

²⁴⁹ Azizi Yahya, Cathy Suhaila Abdullah, Roslee Ahmad & Sharifuddin Ismail (2005), *op. cit.*, h. 29-30.

Sementara itu, Zainal Madon dan Mohd. Sharani Ahmad²⁵⁰ telah membincangkan mengenai diri remaja ini dengan menyeluruh iaitu meliputi aspek-aspek mengenali dunia remaja dari sudut fizikal, kognitif, personaliti dan moral, membincangkan konteks perkembangan remaja terutamanya dalam hubungannya dengan keluarga, rakan sebaya, sekolah, masyarakat serta budaya, mengulas kaedah-kaedah mengurus remaja bermasalah dan juga cara meningkatkan harga diri remaja terutamanya melalui motivasi dan beberapa strategi positif.

Azizi Yahaya dan Jaafar Sidek Latif²⁵¹ di dalam buku '*Membentuk Identiti Remaja*' telah membincangkan berkenaan pembentukan diri remaja khasnya remaja yang masih di bangku sekolah. Beberapa teori pembentukan diri remaja dipaparkan agar dapat membantu di dalam membentuk konsep kendiri remaja yang positif. Di samping itu, buku ini juga turut mengemukakan beberapa teori perkembangan kendiri dalam konsep mengenal diri seseorang khasnya remaja supaya masyarakat memahami keperluan anak-anak daripada aspek sosialisasi dengan lebih jelas. Faktor-faktor pembentukan kanak-kanak serta peranan-peranan yang dimainkan oleh persekitarannya turut dibincangkan dengan mendalam. Kemudian dibawakan pendekatan motivasi dan beberapa kaedah pembangunan kendiri di dalam usaha membentuk identiti remaja yang cemerlang.

Mohd. Jamil Yaacob²⁵² berpendapat bahawa zaman remaja adalah fasa kehidupan yang mencabar bagi remaja itu sendiri dan juga individu-individu lain yang berada di sekeliling. Di dalam bukunya '*Memahami Remaja*', beliau mengusulkan pendekatan memahami dan mengenali jiwa remaja penting di dalam menangani permasalahan remaja. Antara aspek-aspek yang dibincangkan untuk memahami

²⁵⁰ Zainal Madon dan Mohd. Sharani Ahmad (2004), *op. cit.*, h. 6-9 & 25-36

²⁵¹ Azizi Yahaya dan Jaafar Sidek Latif (2005), *op. cit.*, h. 3-6, 15-20 & 25-28.

²⁵² Mohd. Jamil Yaacob (2005), *op. cit.*, h. 2-5 & 11-16

golongan remaja ini adalah memahami bahasa tubuh, isu dilema remaja alaf baru, memahami persahabatan remaja dan sebagainya.

Murshidah Mustapha dan Maryam Syafie²⁵³ pula membincangkan beberapa aspek yang berkait secara langsung dengan isu sosial remaja, antaranya punca berlaku gejala sosial, usaha untuk membendung gejala sosial ini dan penyelesaiannya menurut kaedah Islam. Penyelesaian yang ditekankan di sini adalah melalui pembangunan rohani dan jiwa iaitu menerusi mengembalikan manusia kepada Tuhan dan seterusnya membersihkan hati dan jiwa manusia. Di dalam membimbing dan memimpin golongan remaja, pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti ibu bapa, guru dan pemimpin masyarakat disarankan perlu mempersiapkan diri mereka terlebih dahulu dari aspek ilmu, akhlak dan ibadah sebelum ‘*turun ke padang*’.

Awaludin Abdul Rahman dan Noralina Omar²⁵⁴ pula telah berpendapat bahawa gelagat, telatah dan tingkah laku remaja masakini telah memeningkan banyak pihak antaranya, ibu bapa, pihak sekolah, masyarakat dan para pemimpin. Mereka telah menekankan untuk memahami remaja ini perlulah dimulai dengan memahami perbezaan antara diri lelaki dan wanita. Kemudian segala perubahan yang berlaku dalam diri remaja ini terutamanya konsep akil baligh haruslah ditekankan. Akil baligh ini perlu diterangkan dengan jelas dan menyeluruh termasuklah pengertiannya, tanda-tandanya dan tanggungjawabnya. Sementara itu, personaliti remaja juga harus difahami sedalam-dalamnya menerusi penekanan kepada faktor-faktor pembentukannya, peranan ibu bapa serta memahami proses-proses perkembangannya terutamanya dari umur 1 tahun hingga ke 12 tahun. Zaman remaja yang dikenali sebagai zaman penuh gelora ini juga telah

²⁵³ Murshidah Mustafa & Maryam Syafie (2002), *Menangani Gejala Sosial Menurut Islam*. Selangor: Penerbitan Minda Ikhwan., h. 4-8, 12-16 & 25-30.

²⁵⁴ Awaludin Ab. Rahman & Noralina Omar (2007), *Zaman Beribu Liku – Tip dan Panduan Memahami Jiwa Remaja*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn.Bhd., h. 2-5, 10-15 & 25-28.

dibincangkan tentang punca-punca pergolakannya. Akhirnya, diperjelaskan peranan yang sepatutnya dimainkan oleh ibu bapa dan remaja itu sendiri di dalam memahami jiwa mereka dengan lebih berkesan dan seterusnya dapat mengatasi pergolakan-pergolakan ini.

Seterusnya, Puan Amina Noor²⁵⁵ menjelaskan betapa dadah merupakan musuh nombor satu negara masakini. Isu ini bukan sahaja telah melumpuhkan tenaga muda dan pelapis negara ini (golongan remaja) tetapi turut membantutkan usaha-usaha kerajaan bagi membangunkan masyarakat dan negara di masa hadapan. Beliau berpendapat remaja terjebak dalam gejala dadah ini disebabkan faktor-faktor rakan sebaya terutama apabila mula terlibat dengan aktiviti-aktiviti luar yang kurang sihat seperti pesta dan konsert yang menjadikan aktiviti merokok dan arak sebagai satu kewajipan. Faktor keluarga juga dilihat memainkan peranan penting dalam menjerumuskan seseorang remaja itu ke dalam kancah dadah. Desakan-desakan keluarga, gangguan emosi, kurangnya perhatian dan ingin lari dari masalah hidup telah memangkinkan mereka mengikut jalan yang salah ini. Beliau telah menyarankan empat aspek penyelesaian yang perlu diketengahkan iaitu diri remaja (kaunseling dan rawatan ubatan sama ada moden atau tradisional), ibubapa, masyarakat dan kerajaan.

Kesimpulannya, salah laku, kenakalan dan jenayah remaja masakini yang telah dibincangkan dapat dikelaskan kepada kenakalan, jenayah syariah dan jenayah juvana (sivil) seperti dijelaskan melalui Jadual 2.1 di sebelah.

²⁵⁵ Amina Noor (2003), *Tips Menangani Masalah Dadah Di Kalangan Remaja*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers., h. 3-9, 10-15, 51 & 57.

Jadual 2.1: Antara jenis salah laku, kenakalan dan jenayah remaja yang disimpulkan dari perbincangan isu-isu akhlak remaja masakini.

Bil	Isu Akhlak dan Moral	Jenis Kesalahan
1	Kenakalan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Diri Sendiri <ul style="list-style-type: none"> -Bersikap biadap dan kurang sopan -Kenakalan/hooliganism -Tidak menjaga masa (merayau-rayau) -Perbuatan dan kata-kata lucah -Bertindik dan bersubang (bagi lelaki) -Rokok -Penipuan 2. Ibu bapa <ul style="list-style-type: none"> -Melawan ibu bapa -Lari dari rumah -Menipu ibu bapa 3. Sekolah <ul style="list-style-type: none"> -Lawan, cabar dan pukul guru -Peras ugut, pukul, buli pelajar lain -Rosak harta benda sekolah/awam -Ponteng sekolah,kelas, peperiksaan -Meniru dalam peperiksaan -Membawa talipon bimbit -Mencuri -Rokok
2	Jenayah Syariah	<ol style="list-style-type: none"> 1. Diri Sendiri <ul style="list-style-type: none"> -Ajaran sesat -Tidak tahu tuntutan agama (tidak solat, puasa, mengucap dua kalimah syahadah, baca al-Quran) -Murtad -Derhaka kepada ibu bapa -Tidak menutup aurat -Berpakaian menjolok mata, ketat dan jarang. -Tidak mandi wajib -Pondan, gay, tomboy, lesbian dll. 2. Masyarakat <ul style="list-style-type: none"> -zina, khalwat, sumbang mahram, hubungan sejenis (salah laku seks) -mengandung anak luar nikah -bunuh bayi dan gugur kandungan -arak, judi, mencuri -merogol. -memiliki bahan-bahan lucah -Kumpulan ajaran sesat (black metal)
3	Jenayah Juvana (sivil)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Diri Sendiri <ul style="list-style-type: none"> -Mengunjungi pusat hiburan/disco dan siber cafe 2. Masyarakat <ul style="list-style-type: none"> -Merompak, curi dan samun

“Jadual 2.1, sambungan”

		<ul style="list-style-type: none">-Kes dadah dan bahan-bahan seumpamanya seperti pil khayal dan pil kuda-Memiliki dan mengedar bahan lucah-Merogol, memperkosa, melakukan gangguan seksual (cabul) dan meliwat-Membunuh-Bergaduh dan kumpulan samseng-Merempit dan lumba haram-Pesta seks bebas-Arak dan judi
--	--	--

Walaupun terdapat banyak kajian ilmiah dilakukan tetapi isu ini tetap juga berlaku malahan bertambah buruk. Namun, sebagai seorang muslim kita seharusnya tidak berputus asa dan menyerah kalah di dakwah ini. Lebih banyak kajian yang dijalankan bermakna lebih banyak maklumat akan diperolehi untuk usaha-usaha dakwah ini. Keyakinan terhadap pertolongan Allah SWT dan kejayaan untuk Islam serta umatnya merupakan motivasi untuk kita meneruskan usaha-usaha ini.

2.8 KESIMPULAN

Situasi masakini mendapati bahawa remaja dan isu permasalahan akhlak tidak dapat dipisahkan. Semakin banyak kajian dan usaha dalam menangani isu ini dibuat semakin kompleks pula kes-kes yang berlaku. Maka benarlah kenyataan bahawa zaman dan usia remaja ini adalah ‘*titik-tolak*’ perkembangan diri seseorang. Ketika inilah ujian sebenar dalam menilai ‘*mana intan dan mana kaca*’ dalam proses perkembangan manusia berlaku. Namun melalui ilmu akhlak yang telah diturunkan oleh Allah SWT maka persoalan remaja ini seharusnya dapat diselesaikan seandainya manusia sedia berubah daripada kehidupan sekarang (lalai, cuai dan lupa kepada Allah SWT.) kepada cara hidup Rabbani yang telah dijamin sebagai tatacara hidup terbaik di dunia dan akhirat.

BAB TIGA

PEMBANGUNAN REMAJA ISLAM

3.0 PENGENALAN

Pembangunan remaja secara umumnya adalah satu program/modul yang telah direka bentuk untuk golongan sasaran iaitu remaja bagi memenuhi objektif-objektif tertentu. Ia adalah sekumpulan langkah-langkah tertentu yang mengandungi bahan, alat dan sumber yang mengandungi pelbagai aktiviti yang telah dirancang secara sistematik bagi memudahkan remaja mencapai dan menguasai objektif-objektif yang hendak dicapai.²⁵⁶ Islam telah menetapkan bahawa program pembangunan remajanya adalah berdasarkan langkah-langkah yang telah ditentukan di dalam kitab Al-Quran, hadis-hadis Nabi s.a.w. dan pendapat para ulama dengan objektif untuk melahirkan segolongan remaja yang akan dinamakan sebagai remaja Islam.

Remaja Islam ditakrifkan oleh Fathi Yakan²⁵⁷ sebagai segolongan remaja yang positif dan berniat mendekati dan menghayati Islam dengan cara tersendiri. Mereka mempunyai aqidah, ibadah, akhlak, sentiasa mengawal hawa nafsu, yakin dengan masa depan Islam, menghayati nilai-nilai murni keislaman serta berusaha mendalami ilmu-ilmu fardhu ain dan kifayah. Secara asasnya, mereka adalah remaja yang menjadikan Islam sebagai agama anutannya, mempunyai akal yang waras serta beriman sepenuhnya dengan rukun iman, rukun islam dan konsep ihsan di dalam diri sehingga dapat dicerminkan melalui perwatakan mereka.

Islam menegaskan bahawa manusia terutama para remaja perlu dibangunkan kerana martabat manusia yang mulia, tertinggi dan terpintar akan sentiasa merosot gara-

²⁵⁶ Jamaludin Ahmad (2007), *Modul & kaunseling Penyalahgunaan dadah*. Serdang: Penerbit UPM., h.134
²⁵⁷ Fathi Yakan (1987), *Sifat & Sikap Seorang Muslim*. Singapura, Pustaka Nasional PTE Ltd., h. 102-104

gara ingkar kepada kebenaran Allah SWT, menurut kehendak nafsu, rayuan syaitan dan iblis serta terpengaruh dengan fahaman-fahaman songsang semasa.²⁵⁸ Secara umum, ini dapat diatasi melalui memperkuatkan hubungan dengan Allah dan hubungan dengan manusia iaitu membangunkan iman dan amal soleh.²⁵⁹ Firman Allah SWT:

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الدَّلَلَةُ أَيْنَ مَا تُقْفُوا إِلَّا بِحَبْلٍ مِّنَ اللَّهِ وَحْبَلٍ مِّنَ النَّاسِ وَبَاءُوا بِغَضَبٍ مِّنَ اللَّهِ وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الْمَسْكَنَةُ ۝ ذُلِّكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْسُطُونَ الْأَنْبِيَاءَ بِغَيْرِ حَقٍّ ۝ ذُلِّكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ

'Mereka ditimpakan kehinaan (dari segala jurusan) di mana sahaja mereka berada, kecuali dengan adanya sebab dari (hubungan dengan) Allah dan adanya sebab dari (hubungan dengan) manusia. Dan sudah sepatutnya mereka beroleh kemurkaan dari Allah, dan mereka ditimpakan kemiskinan (dari segala jurusan). Yang demikian itu, disebabkan mereka sentiasa kufur ingkar akan ayat-ayat Allah (perintah-perintahNya), dan mereka membunuh Nabi-nabi dengan tiada alasan yang benar. Semuanya itu disebabkan mereka derhaka dan mereka sentiasa mencerobohi (hukum-hukum Allah).

Ali Imran(3): 112

Firman-Nya lagi:

يَا بْنَيَّ أَقِمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرُ بِالْمَعْرُوفِ وَانْهِ عَنِ الْمُنْكَرِ وَاصْبِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ ۝ إِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ

" Wahai anakku, dirikanlah solat dan suruhlah (manusia) mengerjakan yang baik dan cegahlah (mereka) daripada perbuatan mungkar dan bersabarlah terhadap apa yang menimpa kamu. Sesungguhnya yang demikian itu termasuk hal-hal yang diwajibkan (oleh Allah)."

Surah Luqman (31): 17

²⁵⁸ Syahminin Zaini (1980), *Mengenal Manusia Lewat Al-Quran*. Singapura: Pustaka Nasional PTE Ltd, h. 52
²⁵⁹ Ibid., h. 53

Ayat dari surah Luqman ini menyatakan antara kaedah dan saranan yang telah dianjurkan oleh Lukman al-Hakim semasa mendidik dan membentuk keperibadian anaknya iaitu agar sentiasa melakukan solat yang sempurna, melakukan usaha dakwah (sesuai dengan kemampuan dan bersungguh-sungguh) dan sabar dalam melakukan dakwah tersebut.²⁶⁰ Ayat-ayat lain di dalam surah ini juga banyak menggariskan kaedah membangunkan diri para remaja seperti sentiasa bersyukur, tidak menyekutukan Allah, berbakti kepada orang tua, menyakini konsep dosa dan pahala, solat, kepentingan amar makruf nahi mungkar, sabar, tidak sompong dan angkuh serta bersifat sederhana.²⁶¹

Islam telah menjadikan pembangunan, pemeliharaan dan penjagaan tiga unsur asas pembentukan manusia iaitu rohani (jiwa), mental dan fizikal sebagai syarat utama dalam pembangunan diri manusia.²⁶² Ketiga-tiga unsur ini telah dikaitkan oleh Al-Ghazali umpama hubungan kuda dan penunggangnya. Kuda diumpamakan sebagai tubuh manusia (fizikal) manakala penunggangnya adalah mental dan rohani (jiwa). Menurutnya, keadaan ideal terjadi hanya apabila si kuda sebagai tunggangan, tunduk dan patuh kepada kehendak tuannya ataupun majikannya, iaitu manusia yang menjadi penunggangnya. Untuk sampai ke tahap ideal ini tentulah tidak mudah. Di sinilah gabungan kecerdikan mental dan kekuatan rohani diperlukan untuk mengarahkan fizikal agar sentiasa tunduk dan patuh dalam melakukan ibadat.²⁶³

Sementara itu, Muhammad al-Sayyid Yusuf pula telah mengaitkan kepentingan emosi dan sosial sebagai elemen dalam membangunkan diri para remaja. Emosi dikaitkan oleh beliau sebagai manifestasi antara rohani dan akal iaitu dikaitkan dalam

²⁶⁰ Abdullah b Muhammad b Abdurrahman b Ishaq Alu Syaikh (2007), *op. cit.*, j. 6, h. 404

²⁶¹ Habsah Md. Noor (1995), *Wanita Solehah – Kedudukan, personaliti dan ciri-cirinya*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man, h. 214

²⁶² Muhammad Khalaf Yusuf (2007), *As-Syifaa – Ubat Penyejuk Jiwa*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise, h. 2

²⁶³ Deden Himawan (2007), *Tip-tip pimpinan rohani Al-Ghazali buat remaja*. Batu Caves: PTS Millennia, h. 114-115

pembentukan akidah manakala sosial pula adalah satu aspek tersendiri yang dikaitkan dengan peranan, pengaruh dan hak masyarakat.²⁶⁴

3.1 PEMBANGUNAN SPIRITAL (ROHANI)

Spiritual juga dikenali sebagai rohani atau jiwa. Ia ditakrifkan sebagai batin iaitu perasaan, fikiran, cita-cita dan lain-lain yang terkandung dalam hati manusia.²⁶⁵ Al-Ghazali²⁶⁶ telah menjelaskan bahawa spiritual sebenarnya adalah Qalbu, ruh dan nafs di mana ketiga-tiganya membawa kepada perasaan ruhani ketuhanan. Nabi SAW telah menjelaskan isu spiritual ini melalui sabda Baginda;²⁶⁷

— حَدَّثَنَا أَبُو نُعِيمٍ حَدَّثَنَا زَكْرِيَّاً عَنْ عَامِرٍ قَالَ سَمِعْتُ النَّعْمَانَ بْنَ بَشِيرٍ يَقُولُ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ الْحَلَالُ بَيْنَ وَالْحَرَامِ بَيْنَ وَبِينَهُمَا مُشَبَّهَاتٌ لَا يَعْلَمُهَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ فَمَنْ اتَّقَى الْمُشَبَّهَاتِ اسْتَبَرَأَ لِدِينِهِ وَعَرَضِهِ وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ كَرَاعَ يَرْعَى حَوْلَ الْحِمَى يُوشِكُ أَنْ يُوَاقِعَهُ أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمَى أَلَا إِنَّ حِمَى اللَّهِ فِي أَرْضِهِ مَحَارِمُهُ أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقُلْبُ

‘ Telah menceritakan kepada kami Abu Nu’aim, telah mencatatkan kepada kami Zakaria dari ‘Aamir berkata : Aku telah mendengar Al-Nu’mān bin Basyir telah berkata: Aku dengar Rasulullah s.a.w. bersabda: Sesungguhnya yang halal itu nyata dan yang haram itu pun nyata dan di antara keduanya ada perkara-perkara yang kesamaran, yang tidak diketahuinya oleh kebanyakan manusia. Maka barangsiapa memeliha segala yang kesamaran, sesungguhnya ia memeliha agamanya dan kehormatannya. Dan barangsiapa jatuh ke dalam perkara kesamaran jatuhlah ia ke dalam yang haram seperti seorang gembala yang mengembala di sekeliling kawasan larangan, hampir sangat (ternaknya) maka di dalamnya. Ketahuilah! Bahawa tiap-tiap raja ada kawasan larangannya. Ketahuilah! Bahawa larangan Allah ialah segala yang haramnya. Ketahuilah bahawa di dalam badan ada seketul daging, apabila ia baik, baiklah badan seluruhnya. Dan apabila rosak, rosaklah badan sekeliannya. Ketahuilah! Itulah hati.’

²⁶⁴ Muhammad al-Sayyid Yusuf (2006), *op.cit.*, h. 108 & 198

²⁶⁵ Sheikh Othman bin Sheikh Salim (1989), *op. cit.*, h. 498

²⁶⁶ Muhammad Al-Ghazali (2006), *Mukhtasar Ihya’ Ulumuddin*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, h. 163

²⁶⁷ Muhammad bin Ismail Abu ‘Abd Allah al-Bukhari (1994), *op. cit.*, h.90.

Hadis ini menjelaskan bahawa hati yang merupakan intipati utama spiritual, rohani atau jiwa adalah aspek utama dalam menentukan halatuju dan pembentukan hidup seseorang.²⁶⁸ Ia diumpamakan raja bagi sekelian anggota. Semua anggota akan mentaatinya tanpa menyalahinya dalam setiap kehendaknya. Maka, wajiblah setiap manusia memelihara kesucian hatinya kerana disinilah terletak segala punca dan sumber segala sesuatu.

Islam telah menjelaskan bahawa fungsi utama spiritual, rohani atau jiwa ini adalah untuk menentukan keimanan seseorang itu terhadap Allah SWT.²⁶⁹ Sabda Nabi s.a.w.²⁷⁰

— حَدَّثَنَا زَيْدُ بْنُ الْحُجَّابِ قَالَ أَخْبَرَنِي عَلِيُّ بْنُ مَسْعَدَةَ الْبَاهِلِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا قَتَادَةُ عَنْ أَنَّسِ
بْنِ مَالِكٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَسْتَقِيمُ إِيمَانُ عَبْدٍ حَتَّى يَسْتَقِيمَ
قَلْبُهُ وَلَا يَسْتَقِيمُ قَلْبُهُ حَتَّى يَسْتَقِيمَ لِسَانُهُ وَلَا يَدْخُلُ رَجُلٌ الْجَنَّةَ لَا يَأْمُنُ حَارِهُ بَوَائِقُهُ

'Telah menceritakan kepada kami Zaid Ibn al-Hubbab berkata, dikhabarkan kepada aku Ali Ibn Mas'adah al-Baahiliy berkata, telah menceritakan kepada kami Qatadah dari Anas Ibn Malik berkata, Sabda Rasulullah s.a.w.: 'Tidak lurus iman seorang hamba hingga lurus (lebih dahulu) hatinya. Dan tidak lurus hatinya hingga lurus lidahnya. Dan tidak masuk seseorang itu ke dalam syurga jika ia tidak mengamankan/keselamatan jirannya'

Islam telah meletakkan memperolehi jiwa yang tenang iaitu jiwa yang sentiasa redha dengan ketentuan Allah SWT dan yang mendapat keredhaan dari-Nya, memperolehi jiwa yang sentiasa bertaubat kepada-Nya, jiwa yang sentiasa tetap teguh dan jiwa yang sentiasa bertakwa sebagai matlamat pembangunan rohani buat para remajanya.²⁷¹ Manakala penyakit-penyakit spiritual seperti nifak, hasad dan sompong

²⁶⁸ Mustafa' Abdul Rahman (2000), *Hadith Empat Puluh*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, h. 151

²⁶⁹ Muhammad al-Sayyid Yusuf (2006), *op. cit.*, h. 283


²⁷⁰ Musnad Ahmad ibn Hambal, Juzuk 26, Beirut: al-Maktabah al-Islam Dar Sadir, h. 122

²⁷¹ Zulekha Yusoff et. al. (2006), *Sains Kesihatan dalam tamadun Islam*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UITM Shah Alam, h. 5 & 37

merupakan ancaman paling merbahaya kepada manusia.²⁷² Muhammad al-Sayyid Yusuf menegaskan bahawa asas utama dalam proses ini adalah pembentukan dan pembangunan iman/aqidah²⁷³ iaitu dengan pemupukan rasa cinta kepada Allah SWT dan inginkan akhirat melebihi segalanya.²⁷⁴

Menurut Al-Ghazali,²⁷⁵ proses pembangunan spiritual ini dapat dicapai sebagaimana yang dijelaskan dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1: Proses Pembangunan Spiritual Remaja Islam



Sumber: Muhammad Al-Ghazali Imam (2006), “Mukhtasar Ihya’ Ulumuddin”.

Berdasarkan Jadual 3.1 ini, faktor pertama yang menjadi halangan adalah harta benda. Al-Ghazali juga menasihatkan untuk menghilangkan halangan ini adalah melalui sedekah (murah hati), mendahulukan orang lain dan menjauhi sifat bakhil.²⁷⁶ Beliau

²⁷² Zulekha Yusoff et. al. (2006), *op. cit.*, h. 39

²⁷³ Muhammad al-Sayyid Yusuf (2006), *op.cit.*, h. 282

²⁷⁴ Muhammad Al-Ghazali (2006), *op. cit.*, h.69

²⁷⁵ Ibid, h. 185

²⁷⁶ Ibid, h. 228

menyatakan untuk memudahkan suka bersedekah dan menghilangkan sikap bakhil adalah dengan mengurangkan syahwat, banyak ingat kematian, merenung mengenai kematian orang sebaya, ziarah kubur dan membayangkan ulat-ulat yang ada di dalam kubur.²⁷⁷ Selain itu, sistem zakat yang diperkenalkan oleh Islam seperti zakat fitrah, zakat harta dan perniagaan (2.5% setahun), zakat hasil pertanian (10% atau 5%) dan zakat hasil perlombongan (20%)²⁷⁸ serta zakat ternakan merupakan antara kaedah dalam menggesa umat Islam untuk melawan dan memerangi halangan pertama ini.

Faktor halangan ke dua pula ialah kedudukan yang diertikan sebagai pangkat, kategori dan darjat.²⁷⁹ Cara menghilangkan halangan ini ialah adalah dengan menampakkan kehendak hati (ikhlas) dan melakukan sesuatu yang dapat menjauhkan kedudukan ini.²⁸⁰ Allah SWT berfirman:

تِلْكَ الدَّارُ الْآخِرَةُ نَجْعَلُهَا لِلَّذِينَ لَا يُرِيدُونَ عُلُوًّا فِي الْأَرْضِ وَلَا فَسَادًا ۝
وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ

'Negeri akhirat (yang telah diterangkan nikmat-nikmatnya) itu, Kami sediakan bagi orang-orang yang tidak bertujuan hendak mendapat pengaruh atau kelebihan di muka bumi dan tidak ingat hendak melakukan kerosakan; dan kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertaqwa.'

Al-Qashash (28):83

Halangan ini dapat direalisasikan melalui ilmu dan amal. Ilmu disini adalah tahu bahawa maksud kedudukan adalah untuk menguasai hati orang lain, ia sesuatu yang tidak membawa manfaat untuk akhirat dan tidak berkekalan. Manakala amal yang dimaksudkan adalah amalan yang dilakukan seolah-olah ianya satu kesalahan sehingga

²⁷⁷ Muhammad Al-Ghazali (2006), *op. cit.* h. 229

²⁷⁸ Abul A'la Al-Maududi (1976), *Cara Hidup Islam*. Kota Bharu: Seminar Pemuda Islam Antarabangsa.,h. 47

²⁷⁹ Mohd. Ali bin Abu Bakar (1991), *Kejadian Manusia dan Perjuangan Hidup*. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn.Bhd., h. 197

²⁸⁰ Muhammad Al-Ghazali (2006), *op. cit.*, h. 239

disisihkan oleh masyarakat serta berpindah ke daerah lain dan asing.²⁸¹ Ulama' juga ada mengaitkan ia dengan sikap riya' yang dapat diatasi dengan membangunkan perasaan ikhlas dalam diri.²⁸²

Taklid pula secara umum adalah tidak berfikir kecuali dengan menggunakan akal orang lain serta mengabadikan suatu hal yang sudah lama berjalan meski hal yang baru lebih memberi petunjuk dan lebih sesuai. Ia dapat dihilangkan dengan menjauhi fanatik kepada mazhab dan membenarkan erti 'La ilaha illAllah iaitu yakin dengan bersungguh-sungguh beriman dan melakukan perbuatan yang membuat iman dalam menghilangkan semua kesenangan dunia serta hal yang diinginkan nafsu.²⁸³

Manakala maksiat pula secara umumnya adalah segala perbuatan yang melanggar perintah Allah, perbuatan yang berdosa (yang keji)²⁸⁴ yang berpunca dari tipu daya syaitan. Ia dapat dihilangkan dengan menjauhi sejauh-jauhnya dan digantikan dengan ibadat, menyesali apa yang sudah terjadi, taubat dan mengembalikan milik orang lain²⁸⁵. Antara maksiat yang berkait rapat dengan spiritual seseorang adalah sikap sompong dan hina orang lain, sikap bangga diri, perasaan iri hati, dengki terhadap orang beriman, benci terhadap orang soleh, mencintai orang zalim dan niat jahat serta dendam.²⁸⁶ Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ يُؤْذِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِغَيْرِ مَا أَكْتَسَبُوا فَقَدِ احْتَمَلُوا بُهْتَانًا وَإِنَّمَا مُبِينًا

'Dan orang yang mengganggu serta menyakiti orang lelaki yang beriman dan orang perempuan yang beriman dengan perkataan atau perbuatan yang tidak tepat dengan sesuatu kesalahan yang dilakukannya, maka sesungguhnya mereka telah memikul kesalahan menuju secara dusta, dan berbuat dosa yang amat nyata.,'

Al-Ahzab(33): 58

²⁸¹ Muhammad Al-Ghazali (2006), *op. cit.*, h. 239

²⁸² Muhammad al-Sayyid Yusuf (2006), *op.cit.*, h. 139

²⁸³ Ibid, h. 131

²⁸⁴ Sheikh Othman bin Sheikh Salim (1989), *op. cit.*,h. 731

²⁸⁵ Muhammad Al-Ghazali (2006), *op. cit.*,h. 185

²⁸⁶ Habsah Md. Nor (1995), *Wanita Solehah – Kedudukan, Personaliti dan Ciri-cirinya*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man., h. 371-372

Selain dari melakukan ibadat fardhu, aspek spiritual manusia dapat dibangunkan dengan melakukan empat amalan yang disyorkan oleh Imam Ghazali iaitu menyendiri, diam, lapar dan bangun.²⁸⁷ Menyendiri ini penting untuk menghalau hal yang mengganggu tujuan. Sebahagian ulama' telah menjadikan amalan menyendiri atau uzlah ini sebagai satu perkara sunat. Uzlah ini penting untuk memudahkan seseorang itu melakukan ibadat, mendapat ilmu yang lebih mendalam, dapat menjauhi larangan-larangan yang biasa dilakukan kerana percampuran dengan orang lain seperti riya', mengumpat dan tidak melakukan amar makruf dan nahi munkar serta boleh meluangkan diri untuk mencukupi keperluan dunia.²⁸⁸ Uzlah perlu dilakukan dengan niat agar orang lain selamat dari kejahatan diri kita dan sentiasa ingat kepada Allah SWT dengan niat jihad akbar iaitu berperang dengan hawa nafsu. Semasa uzlah digalakkan agar banyak berdoa, berzikir, solat-solat sunat, bertafakur, membuat muhasabah diri dan mempembaharui nekad.

Diam pula bermaksud tidak bercakap, senyap (bersuara dan lain -lain)²⁸⁹ manakala dalam Islam ia dispesifikkkan kepada perkara yang sia-sia iaitu bahaya lisan. Al-Ghazali telah menjelaskan bahawa antara perkara yang boleh membahayakan lisan adalah mengumpat, berbicara sesuatu yang tidak berguna, memuji yang melampau dan ucapan berlebihan.²⁹⁰

Lapar pula bermaksud berasa hendak makan (kerana perut kosong)²⁹¹ manakala dalam Islam ia bermaksud menahan diri dari makan, minum serta perkara-perkara yang boleh membatalkan iaitu puasa. Al-Ghazali telah membahagikan puasa ini kepada tiga

²⁸⁷ Habsah Md. Nor (1995), *op. cit.* h. 186

²⁸⁸ Muhammad Al-Ghazali (2006), *op. cit.*, h. 136

²⁸⁹ Sheikh Othman bin Sheikh Salim (1989), *op. cit.*,h. 260

²⁹⁰ Muhammad Al-Ghazali (2006), *op. cit.*,h. 198-209

²⁹¹ Sheikh Othman bin Sheikh Salim (1989), *op. cit.*,h. 658

jenis iaitu puasa umum, puasa khusus dan puasa khusus khusus.²⁹² Lapar ini bertujuan untuk mengurangi darah di hati di mana ini akan membuatkan hati menjadi putih bersih dan bersinar serta lemak di hati mencair sehingga menyebabkan hati menjadi tajam. Para ulama' telah menyatakan bahawa semua petaka dan bencana yang dilakukan oleh manusia berpunca dari syahwat perut di mana dari syahwat inilah timbulnya menyukai harta benda dan tamak kehidupan dunia.²⁹³

Al-Ghazali telah membahaskan kaedah melawan syahwat perut iaitu selain makanan itu adalah halal, tiga aspek lain juga perlu ditekankan. Aspek-aspek ini adalah kuantiti makanan yang dimakan, waktu-waktu makan dan jenis makanan yang akan dimakan.²⁹⁴ Kuantiti makanan yang dianjurkan adalah dalam jumlah yang sedikit. Dalam hal ini dianjurkan agar mengurangkan ambilan makanan ini secara sedikit demi sedikit sehingga ke tahap ‘*shidiqin*’ iaitu hanya memakan makanan yang merupakan sumber kekuatan hidup dan akal. Selain itu, konsep makan ketika lapar dan berhenti sebelum kenyang juga menjadi amalan dan saranan para ulama' untuk menjayakan matlamat ini. Allah berfirman:

يَا بْنَي آدَمْ خُذُوا مِنْتَكُمْ مَنْجِدٍ
وَكُلُوا وَاشْرِبُوا وَلَا تُسْرِفُوا ۝ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ
الْمُسْرِفِينَ

‘Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampaui; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas.’

Al-A’raf (7): 31

²⁹² Al-Ghazali (2010), *Bimbingan Mukmin*. Rawang: Nadi Minda Resources, h. 124

²⁹³ Muhammad Al-Ghazali (2006), *op. cit.*, h. 189

²⁹⁴ Ibid, h. 191

Aspek pemilihan jenis makanan pula adalah dengan hanya memilih makanan yang baik dan penting untuk kekuatan tubuh dan akal. Di sini aspek-aspek makanan berkhasiat seperti protein, karbohidrat, vitamin, lemak, zat galian yang diambil dalam kandungan yang seimbang, makanan-makanan segar dan makanan-makanan sunnah menjadi keutamaan.²⁹⁵

Bangun atau qiyamullail mampu membuat hati bercahaya, menghidupkan hati dan melembutkannya. Umumnya, ia adalah bangun pada waktu malam. Para ulama' pula telah mentakrifkannya sebagai mengisi waktu malam walaupun seketika dengan ibadat solat atau selainnya dan tidak disyaratkan menghabisi kebanyakan malam.²⁹⁶ Ia merupakan satu amalan sunat muakkad. Firman-Nya:

وَمِنَ اللَّيْلِ فَتَهَبِّجْدُ بِهِ نَافِلَةً لَّكَ عَسَىٰ أَن يَبْعَثَكَ رَبُّكَ مَقَامًا مَّحْمُودًا

" Dan bangunlah pada sebahagian dari waktu malam serta kerjakanlah "sembahyang tahajjud" padanya, sebagai sembahyang tambahan bagimu; semoga Tuhanmu membangkit dan menempatkanmu pada hari akhirat di tempat yang terpuji.

Al-Isra'(17): 79

Justeru itu, pembangunan spiritual yang sempurna berlandaskan syariat Islam mampu membentuk jiwa remaja yang kental dan jati diri yang kuat. Kesempurnaan pembangunan ini mampu menahan remaja dari terlibat dengan gejala yang tidak sihat.

²⁹⁵ Zulekha Yusoff et al., (2006), *op. cit.*, h. 122 - 123

²⁹⁶ Nik Abd. Rahim Nik Abd. Ghani & Zahazan Mohamed (2007), *Indahnya Saat Bersamamu: Panduan Praktikal Qiamullail*. Kuala Lumpur: Telaga Biru., h. 1

3.2 PEMBANGUNAN FIZIKAL

Spiritual atau roh adalah milik Allah SWT dan ia dipinjamkan ke dalam tubuh fizikal manusia supaya manusia itu boleh bernyawa dan hidup di dunia ini. Disebabkan itu fizikal memainkan peranan ke dua terpenting iaitu sebagai alat untuk roh mengekspresikan ketaatannya kepada penciptanya. Fizikal sebenarnya adalah struktur diri manusia yang melibatkan empat peringkat iaitu kimia, tisu, organ dan organism (gabungan perfungsian ketiga-tiga peringkat pertama untuk mewujudkan kehidupan).²⁹⁷

Pembangunan fizikal ini penting untuk manusia melakukan pelbagai aktiviti harian. Ilmu perubatan moden kini telah berjaya menjelaskan berbagai fungsi dari setiap anggota tubuh manusia dengan terperinci. Namun, Islam telah menyatakan bahawa segala perfungsian itu walaupun sekecil zarah adalah satu ketentuan/takdir Allah SWT yang amat penting iaitu untuk mengarahkan setiap daripada anggota-anggota ini menjadikan induknya (individu) tunduk dan patuh kepada Allah SWT. (ibadat)²⁹⁸ iaitu ia berfungsi sebagai alat bagi spiritual atau rohani untuk melaksanakan janjinya dengan Allah SWT. Firman-Nya;

اللَّذِي خَلَقَكُمْ فَسَوَّا كُمْ فَعَدَّكُمْ

'Tuhan yang telah mencipta dan mengatur kejadianmu, lalu menjadikan anggotamu sesuai (dengan tujuan yang kerananya anggota itu dijadikan), serta menjadikan (binaan tubuh kamu) sama padan dengan kekuatannya.'

Al-Infitaar (82): 7

Perfungsian ini telah menyebabkan Islam amat menitik-beratkan penjagaan dan pemeliharaan tubuh badan dari sebarang kecacatan, kecederaan atau penyakit iaitu


²⁹⁷ Barbara R. Landau (1980), *op. cit.*, h. 4.

²⁹⁸ Syahminan Zaini (1980), *op. cit.*, h. 134

melibatkan kesihatan, keindahan dan kesegaran jasmani manusia.²⁹⁹ Islam satu-satunya agama yang membicarakan perihal kepentingan memelihara dan memperolehi kesihatan fizikal ini secara terbuka dan jelas demi pembentukan dan pembangunan diri individu iaitu melalui ‘ilmu thaharah’.³⁰⁰

Islam meletakkan objektif mencapai sihat fizikal atau ‘afiat’ iaitu keadaan yang membolehkan seseorang itu melakukan amal ibadat, menunaikan kewajipan agama dan dunia dengan cara yang paling sempurna sebagai matlamat utama pembangunan fizikal para remaja.³⁰¹ Para ulama’ dan saintis masakini telah bersetuju bahawa untuk mendapatkan struktur tubuh badan yang sihat, kuat dan mantap adalah melalui kebersihan, pemakanan dan riadah.³⁰² Ini dijelaskan dalam Jadual 3.2 di bawah.

Jadual 3.2: Proses Pembangunan Fizikal Remaja Islam



Sumber: Zulekha Yusoff et. al. (2006), “Sains Kesihatan dalam Tamadun Islam”

²⁹⁹ Muhammad Al-Ghazali (1997), *op. cit.*, h. 310

³⁰⁰ Sulaiman Endut (1999), *Asas-asas Fardhu Ain*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid., h. 63

³⁰¹ Zulekha Yusoff et al., (2006), *op. cit.*, h4

³⁰² *Ibid.*, h. 19-35

Menurut Imam Nawawi, suci atau bersih terbahagi kepada dua iaitu suci hati dan suci anggota. Menurutnya, sesiapa yang membersihkan hatinya dan ia berwudu', mandi dan solat maka ini bererti ia telah mengerjakan solat itu dengan mengumpulkan kedua-dua kesucian ini sekali.³⁰³ Di samping itu, Yusuf Qaradawi telah menyatakan bahawa untuk menjaga kesihatan dan kebersihan adalah melalui cara ibadah, larangan mengganggu kesihatan dan mencemari persekitaran³⁰⁴.

Selain itu, Islam amat mementingkan pemerolehan makanan yang baik, halal serta menjaga adab-adab dan kaedah pemakanan sebagai asas perkembangan dan pembangunan tubuh badan remaja.³⁰⁵ Makanan yang baik adalah makanan yang halal lagi bersih dari segi rupa, bau dan zatnya. Manakala makanan halal pula adalah makanan yang semua kandungannya dari bahan-bahan yang halal, peralatan pemprosesannya bersih dan suci dari najis, pengendalian dan penyimpanannya tidak bercampur dengan benda-benda haram dan sumber serta cara perolehannya halal.³⁰⁶

Riadah pula umumnya adalah gerak badan, senaman, segala kegiatan yang dilakukan pada waktu lapang untuk menyihatkan badan dan fikiran (seperti bersenam, bermain dan sebagainya) dan rekreatif.³⁰⁷ Ilmuan Islam telah merumuskan bahawa riadah itu terbahagi kepada dua iaitu riadah umum dan riadah ibadat. Riadah umum adalah riadah sepertimana yang dijelaskan dari takrifan umum manakala riadah ibadat pula adalah segala bentuk amal ibadat fizikal yang disyariatkan oleh Allah SWT seperti ibadat solat, puasa, haji membaca Al-Quran dan lain-lain ibadat yang melibatkan penggunaan dan pergerakan anggota badan manusia.³⁰⁸ Terdapat banyak hadis dan

³⁰³ Mustafa' Abdul Rahman (2000), *op. cit.*, h. 265

³⁰⁴ Yusuf Al-Qardhawi (2000), *Ciri-ciri Unggul Masyarakat Islam Yang Kita Idamkan*. Bandar Baru Bangi: Penerbitan Seribu Dinar, h. 205-208

³⁰⁵ Zulekha et al. (2006), *op. cit.*, h.79

³⁰⁶ *Ibid.*, h.79-87

³⁰⁷ Sheikh Othman bin Sheikh Salim (1989), *op. cit.*, h. 1062

³⁰⁸ Siti Fatimah Abd. Rahim & Rakan-rakan (2004), *Pembentukan Fitrah Hidup Manusia*. Kuala Lumpur: IKIM., h.3

kisah tentang keaktifan Nabi s.a.w. dan para sahabat dalam beriadah dan bersukan seperti lumba kuda, lumba lari, berenang, lawan gusti dan memanah.³⁰⁹

Riadah penting untuk mengelak terkumpulnya sisa-sisa makanan. Pergerakan-pergerakan tubuh boleh memanaskan badan agar makanan cepat diproses. Selain itu, riadah juga akan merangsangkan aliran darah lalu akan mengurangkan penyakit jantung, strok, ketahanan lemah dan serangan jangkitan,³¹⁰ meningkatkan kuasa otak iaitu dengan merangsangkan bahan kimia yang mempengaruhi aktiviti dan pertumbuhan sel otak³¹¹ dan juga merangsangkan emosi iaitu dengan meningkatkan kecenderungan untuk mempunyai gaya hidup sihat dan sikap positif.³¹² Terdapat pelbagai acara riadah dan sukan masakini, merangkumi dari senaman ringan hingga ke acara sukan lasak.

Walaupun Islam menggalakkan riadah tetapi ia perlu dilakukan mengikut lunas-lunasnya. Aktiviti riadah terutama riadah umum seperti senam aerobik, sukan renang, jimnastik, larian-larian amal yang menggalakkan percampuran lelaki dan perempuan serta berpakaian menjolok mata kini dilihat menjadi punca utama kerosakan akhlak masyarakat terutama para remaja. Ini merupakan antara perancangan licik golongan orientalis dan freemansory dalam memusnahkan masyarakat Islam.³¹³

3.3 PEMBANGUNAN INTELEKTUAL

Intelek adalah satu kurniaan Tuhan yang diberikan kepada jasad manusia. Jasad memerlukan daya intelek yang baik dan jika disokong oleh spiritual yang baik dan fizikal yang sejahtera akan mendorong kepada pembentukan dan pembangunan insan yang terbaik. Intelektual telah didefinisikan oleh Benjamin, seorang psikologi Barat

³⁰⁹ Yusuf Al-Qardhawi (2000), *op. cit.*, h. 209

³¹⁰ Persatuan Pengguna Pulau Pinang (2009), *Senaman Sebagai Ubat*. Pulau Pinang: Persatuan Pengguna Pulau Pinang, h. 7

³¹¹ *Ibid.*, h. 23

³¹² *Ibid.*, h. 47

³¹³ Nik Azran Muhammed & Mohd. Mahadi Isa, (2009), *op. cit.*, h. 45

sebagai kecerdikan atau kepandaian iaitu merupakan keupayaan untuk memperolehi dan menggunakan pengetahuan.³¹⁴ Dalam Bahasa Arab, ia adalah ‘*al- aq’l*’, dalam bahasa Melayu adalah akal di mana ia ditakrifkan sebagai pengikatan dan pemahaman terhadap sesuatu iaitu daya fikir (untuk memahami sesuatu).³¹⁵

Sementara itu, Al-Ghazali telah menjelaskan bahawa intelektual atau akal mempunyai banyak makna seperti tahu sesuatu dan benda yang tahu.³¹⁶ Di sini, beliau telah membahagikan akal ini kepada 2 pengertian iaitu pertama berkaitan dengan pemahaman rasional manakala kedua pula adalah akal yang lebih meluas, berkaitan dengan yang memperoleh pengetahuan atau disebut ‘*aql al-mustafad*’ iaitu akal perolehan.³¹⁷

Islam telah meletakkan aspek intelektual ini di pada tahap yang mulia kerana Islam itu sendiri adalah agama akal sehingga manusia yang belum berkembang akalnya (kanak-kanak), tidak berfungsi akalnya (tidur) dan rosak akalnya (gila) tidak dibebani hukum agama. Al-Quran sendiri mendorong manusia untuk berfikir, memuji golongan yang beriman dan berakal (penting dalam mencetuskan ijihad) serta mencela pula golongan yang bodoh.³¹⁸

Para ahli psikologi, perubatan dan saintis moden mengatakan fungsi utama intelektual ini adalah mengawal pemikiran dan perasaan iaitu melibatkan proses persepsi, menyimpan dan mengingat kembali ingatan, menaakul, menyelesaikan masalah dan kreativiti.³¹⁹ Perfungsian ini dipertanggungjawabkan secara biologinya

³¹⁴ Benjamin B. Lahey (1989), *op. cit.*, h. 185-187

³¹⁵ Kamus Idris Marbawi, *op.cit.*, h.

³¹⁶ Muhammad Al-Ghazali (2006), *op.cit.*, h. 165

³¹⁷ Deden Hirmawan (2007), *op. cit.*, h.

³¹⁸ Syahminin Zaini (1980), *op. cit.*, h. 60-62

³¹⁹ Ma’ruf Redzuan & Haslinda Abdullah (2001), *Psikologi Sosial*. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia., h. 185

kepada otak.³²⁰ Sementara itu, Islam telah menegaskan bahawa penganugerahan yang paling berharga dan tidak ternilai ini penting untuk membolehkan manusia berfikir dan bertindak sesuai dengan tugasnya sebagai hamba Allah iaitu untuk menilai sesuatu dan menggunakan untuk manfaat umum.³²¹ Penganugerahan ini telah menyebabkan manusia diakui sebagai makhluk terpintar. Firman-Nya;

وَاللَّهُ أَخْرَجَكُم مِّنْ بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَارَ
وَالْأَفْنَدَةَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

'Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatu pun, dan ia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran); supaya kamu bersyukur.'

An-Nahl (16): 78

Para ulama' telah mengatakan bahawa intelektual ini memiliki satu cahaya iaitu cahaya untuk memelihara seseorang itu daripada melakukan maksiat. Akal yang terpelihara akan sentiasa memberi alasan untuk tidak melakukan maksiat seperti yakin terhadap pengawasan Allah SWT, yakin wujudnya para malaikat yang menjadi saksi atas segala perbuatannya, yakin dengan kebenaran kitab al-Quran dalam setiap arahan larangan dan suruhannya serta yakin adanya kematian dan azab neraka.³²²

Menurut Islam, objektif pembangunan intelektual ini adalah untuk memupuk perasaan, fikiran dan tingkah laku yang positif dalam diri³²³ dengan cara menghalang otak dari terkena penyakit mental dan gangguan otak yang mampu mengganggu

³²⁰ Hasan Ali. (1997), *Mendidik Anak Pintar Cerdas*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd., h. 33


³²¹ Mohd. Ali bin Abu Bakar (1991), *op. cit.*, h. 135

³²² Muhammad Khalaf Yusuf (2007), *As-Syafaa – Ubat Penyejuk Jiwa*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise, h. 114

³²³ Zulekha Yusoff et al. (2006), *op. cit.*, h. 6

kerasionalan otak memikirkan kejadian-kejadian Allah SWT.³²⁴ Umumnya, langkah pembangunan intelektual ini ditunjukkan dalam Jadual 3.3:³²⁵

Jadual 3.3: Proses Pembangunan Intelektual Remaja Islam



Sumber: Siti Fatimah Abd. Rahim & rakan-rakan (2004), “Pembentukan Fitrah Hidup Islam”

Jadual 3.3 ini menunjukkan bahawa proses pembangunan intelektual ini melibatkan 2 aspek iaitu terpelihara dari maksiat dan dosa serta senaman otak. Aspek pertama adalah melalui menunaikan segala ibadat khusus dan lain-lain amalan sunat serta memelihara diri dari dinodai oleh sumber utama maksiat dan dosa.

Ibadat-ibadat khusus adalah ibadat yang menjadi tunjang kepada Rukun Islam iaitu solat, puasa, zakat dan haji manakala beberapa amalan sunat yang dianjurkan oleh Islam adalah sentiasa bersuggi, berada dalam majlis ilmu dan duduk bersama-sama dengan orang alim, meninggalkan percakapan kosong dan sia-sia, sentiasa berfikiran positif dan berdoa kepada Allah SWT agar dipelihara mental (ditambah ilmu dan

³²⁴ Siti Fatimah Abd. Rahim & rakan-rakan (2004), *op. cit.*, h. 63

³²⁵ Ibid, h. 65

kebijaksanaan).³²⁶ Para ulama' berpendapat bahawa sumber utama maksiat dan dosa adalah cinta keduniaan yang berpunca dari empat pengganggu iaitu nafsu, syaitan, orang kafir dan orang munafik.³²⁷ Ini melibatkan perbuatan-perbuatan syirik, bid'ah, syahwat, lalai dan hawa nafsu. Maksiat dan dosa ini dapat dihalangi dan dilawan melalui memelihara anggota seperti mata, telinga, lidah dan nafsu amarah dari dinodai bisikan iblis dan syaitan. Ini dapat direalisasikan dengan melakukan amalan-amalan seperti puasa sunat, menundukkan pandangan, berkahwin, melakukan banyak amal soleh dan sunnah serta banyak berzikir dan beristigfar³²⁸ serta merealisasikan konsep amar makruf dan nahi mungkar yang dibangunkan secara bersama.³²⁹

Senaman otak pula melibatkan perkembangan fisiologi dan biologi otak iaitu aspek yang terlibat secara langsung dengan pembangunan minda manusia. Tiga faktor utama di sini adalah faktor ibu bapa, pemakanan dan persekitaran.³³⁰ Faktor ibu bapa pula dikelaskan kepada dua iaitu tempoh sebelum perkahwinan hingga peringkat bayi dan tempoh kanak-kanak hingga remaja.

Pemakanan pula adalah makanan dan minuman yang penting untuk pembentukan dan perkembangan otak. Menurut Ibn Kathir, makanan yang 'baik' adalah makanan yang sesuai dengan selera di samping tidak mendatangkan kemudaratian kepada badan dan akal.³³¹ Selain dari menjaga kesuciannya, aspek-aspek untuk memperolehi makanan segar dan makanan berkhasiat adalah penting untuk menjamin kesihatan yang baik.

³²⁶ Zulekha Yusoff et al. (2006), *op. cit.*, h. 74

³²⁷ Syahminin Zaini (1980), *op. cit.*, h. 116

³²⁸ Ibn Qayyim Al-Jauziyyah (2008), *Dosa: Malapetaka Terbesar*. Indonesia: Pustaka Hidayah, h. 181

³²⁹ Muhammad al-Sayyid Yusuf (2006), *op.cit.*, h. 310

³³⁰ Hasan Mohd. Ali .(1997), *op. cit.*, h. 10

³³¹ Daniel Zainal Abidin (2004), *Formula Individu Cemerlang*. Kuala Lumpur: Telaga Biru, h. 21

Selain itu, faktor persekitaran juga sering dikaitkan sebagai faktor pendidikan³³² yang merangkumi sistem pendidikan atau kurikulum, guru , rakan sebaya dan masyarakat.³³³ Pendidikan yang berteraskan Islam terutama di sudut akidah memainkan peranan utama dalam membentuk intelektual, pemikiran dan perwatakan para remaja. Ia adalah ilmu-ilmu yang dapat membersihkan spiritual dan meluhurkan hati serta ilmu yang mampu memperkenalkan hak-hak Allah. Ia terdiri dari pendidikan dan pengajaran yang berbentuk keagamaan, akhlak serta keduniaan.³³⁴

Guru-guru pula dapat memberi manfaat besar kepada perkembangan dan pembangunan otak para pelajar. Disebabkan itu, amat penting untuk memiliki guru-guru yang terbaik iaitu guru yang berilmu dan mengamalkan ilmunya.³³⁵Rakan sebaya pula dapat membangunkan intelektual para remaja kerana setiap interaksi sesama mereka terutama dalam konteks intelektual akan mempengaruhi minda, tingkah laku dan peribadi.³³⁶ Seterusnya masyarakat terutama jiran-jiran dan media massa dapat mempengaruhi pembangunan minda remaja melalui sikap prihatin terhadap pembangunan remaja dengan sentiasa memaparkan aspek-aspek penambah-baikan minda, isu-isu perbincangan yang benar dan bermanfaat serta bersikap positif dalam membantu pembangunan remaja terutama di sudut intelektual ini.³³⁷

3.4 PEMBANGUNAN EMOSI

Emosi ditakrifkan sebagai perasaan jiwa yang kuat³³⁸ iaitu perasaan-perasaan seperti kasih, riang, takut, marah, bimbang dan gelisah. Al-Ghazali berpendapat bahawa emosi ini merupakan satu penaksiran tenaga dari dalam yang perlu dijanakan sebaik

³³² Abdul Halim . Mat Diah (1989), *Islam dan Demokrasi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, h. 93

³³³ Hasan Mohd. Ali , (1997), *op. cit.*, h. 10

³³⁴ Abdul Halim Mat Diah (1989), *op. cit.*, h. 65

³³⁵ Muhammad Al-Ghazali (2006), *op. cit.*, h. 13

³³⁶ Abdul Ghafar Don & Zaleha Mohd. Ali (2008), *op. cit.*, h. 90

³³⁷ *Ibid.*, h. 98 – 99

³³⁸ Sheikh Othman bin Sheikh Salim (1989), *op. cit.*, h. 288

mungkin. Menurutnya, segala bentuk dan variasi dalam emosi seperti takut, marah atau benci adalah berpunca dari perubahan dalam spiritual seseorang itu.³³⁹ Islam amat menitik-beratkan pembentukan dan pembangunan emosi. Matlamat pembangunan emosi dalam Islam adalah untuk membangkitkan perasaan-perasaan Islam kemudian mengukuhkannya dan menyebarkannya serta menghalang apa-apa emosi yang bertentangan dengan emosi Islam dari wujud dan mempengaruhi diri dan masyarakat.³⁴⁰ Aspek emosi yang sering dikaitkan dengan remaja adalah dikasihi dan mengasihi³⁴¹ iaitu jika aspek ini gagal ditangani dengan betul ia akan membawa kerosakan dan kemudaratan dalam segala aspek kehidupan diri seseorang remaja itu dengan lebih teruk dan berkekalan.

Umumnya, emosi dapat dibangunkan melalui ibadat-ibadat harian serta amalan-amalan zikir dan wirid.³⁴² Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا

'Wahai orang-orang yang beriman, (untuk bersyukur kepada Allah) ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan ingatan serta sebutan yang sebanyak-banyaknya'

Al-Ahzab(33): 41

Zikir berasal dari bahasa Arab iaitu ‘*al-zikr*’ bermaksud mengingati sesuatu atau menyebutnya selepas terlupa atau berdoa kepada Allah SWT.³⁴³ manakala Kamus Dewan mentakrifkannya sebagai perbuatan yang menyebut-menyebut nama Allah dan mengingati Allah.³⁴⁴ Zikir yang dianjurkan adalah zikir yang disertai hadirnya hati kerana tujuan zikir ini adalah ketenteraman kerana Allah dan antara yang dicadangkan

³³⁹ Muhammad Al-Ghazali (2006), *op.cit.*, h. 89

³⁴⁰ Yusuf Al-Qardhawi (2000), *op. cit.*, h. 125 & 127

³⁴¹ Nor Raudah. Siren (2006), *Falsafah Diri Remaja dalam Novel Remaja Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 84

³⁴² Muhammad Al-Ghazali (2006), *op.cit.*, h. 96

³⁴³ Mohd. Khairul Anwar bin Abd. Latif (2007), *Amalan Zikir- Antara Sunnah dan Rekaan Manusia*. Shah Alam: Karya Bestari, h. 44

³⁴⁴ Sheikh Othman bin Sheikh Salim (1989), *op. cit.*,h. 1358

adalah mengingati Allah SWT (tasbih, tahmid dan tahlil), ucapan selawat dan istigfar.³⁴⁵

Wirid secara umum adalah petikan-petikan dari al-Quran yang ditentukan untuk dibaca (dipelajari dan lain-lain)³⁴⁶ dan telah ditentukan bacaannya, strukturnya, jumlah serta waktu-waktu amalannya.

Justeru itu remaja perlu didedahkan dengan amalan-amalan keagamaan seperti zikir, doa dan sebagainya. Ini adalah untuk membangunkan emosi remaja dari perkara-perkara yang boleh membawa kepada kebinasaan sama ada pada diri, keluarga dan agama.

3.5 PEMBANGUNAN SOSIAL

Sosial umumnya adalah hubungan sesama manusia dan alamnya iaitu hubungan masyarakat yang dianggotai oleh individu-individu yang menjalankan pelbagai aktiviti sama ada yang dipersetujui bersama atau tidak.³⁴⁷ Para ulama' berpendapat bahawa sosial ini adalah kemampuan seseorang itu berinteraksi dengan persekitaran iaitu para remaja itu dapat menjalinkan hubungan silaturrahim, menyeru kepada kebajikan, menyuruh berbuat baik dan melarang daripada kemungkaran.³⁴⁸ Manakala Abul A'la Al-Maududi menyatakan sistem sosial Islam adalah berdasarkan kepada konsep bahawa individu-individu manusia di atas muka bumi ini seluruhnya adalah daripada keturunan yang satu.³⁴⁹ Firman Allah SWT:

وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۝ وَادْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً
فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَاصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ النَّارِ فَانْقَذَكُمْ
مِّنْهَا ۝ كَذِلكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهَنَّدُونَ

³⁴⁵ Muhammad Al-Ghazali (2006), *op.cit.*, h. 91-93

³⁴⁶ Sheikh Othman bin Sheikh Salim (1989), *op. cit.*, h. 1351

³⁴⁷ Rahmat Ismail (1997), *Etika Sosial – Satu Pendekatan Dalam Kehidupan Sosial Manusia*. Kuala Lumpur, PTS Publication & Distribution Sdn. Bhd., h. 2

³⁴⁸ Zulekha Yusoff et al. (2006), *op. cit.*, h. 7

³⁴⁹ Abul A'la Al-Maududi (1976), *op. cit.*, h. 28

'Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (ugama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufturan kamu semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keteranganNya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayahNya.'

Ali-Imran (3): 103

Firman-Nya lagi dalam ayat seterusnya:

وَلْتَكُنْ مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ ۝
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

'Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.'

Ali-Imran (3): 104

Pembangunan sosial amat diutamakan di dalam Islam kerana melaluiinya masyarakat dapat diwujudkan bersandarkan kepada satu prinsip dan satu tujuan iaitu mempunyai asas kepercayaan (aqidah) dan tingkah laku tertentu iaitu agama Islam.³⁵⁰ Dalam konteks remaja, pembangunan ini penting kerana para remaja selalunya mengalami masalah dan fobia dalam hubungan sosial di dalam masyarakat sehingga menyebabkan kegelisahan, keresahan dan penyisihan diri di mana suasana ini mendorong mereka terjebak di dalam hal-hal yang tidak sepatutnya.³⁵¹ Di dalam


³⁵⁰Abul A'la Al-Maududi (1976), *op. cit.*, h. 30

³⁵¹Mohd. Jamil Yaacob (2005), *op. cit.*, h. 77

membangunkan aspek sosial ini, Islam mementingkan kewujudan perasaan mencintai kerana Allah.

Sementara itu, Al-Ghazali telah menjadikan lapan aspek sebagai elemen penting dalam membangunkan hubungan sosial ini iaitu aspek harta, perihal pertolongan dan bantuan tenaga, perbuatan lidah dan hati (diam), perbuatan lidah (ucapan), amalan pengampunan, doa, penuhi kecintaan dan keikhlasan dan memberi keringanan serta tidak membebankan.³⁵² Umumnya, Islam telah menetapkan bahawa aspek sosial yang perlu dibangunkan terhadap para remajanya adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.4.³⁵³

Jadual 3.4: Aspek Pembangunan Sosial Remaja Islam



Sumber: Muhammad al-Sayyid Yusuf (2006), Metode Al-Quran Dalam Membaiki Masyarakat

Aspek pertama dalam hubungan ini seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.4 adalah elemen keluarga dan kerabat. Golongan ini secara umum ditakrifkan sebagai saudara mara, kaum kerabat, sanak saudara, seisi rumah, golongan dekat (rapat) dalam

³⁵² Al-Ghazali (2010), *op. cit.*, h. 316

³⁵³ Muhammad al-Sayyid Yusuf (2006), *op. cit.*, h. 198

perhubungan kekeluargaan³⁵⁴ iaitu individu-individu yang mempunyai pertalian sama ada secara ikatan perkahwinan atau pertalian darah/ikatan keturunan (keluarga kerabat). Islam amat mementingkan penjagaan dan pembangunan hubungan dan hak-hak golongan ini.

Para ulama' telah menggariskan beberapa kaedah dalam membangunkan hubungan ini atau dikenali juga dengan silaturrahim, iaitu selalu mengunjungi golongan yang lebih tua terutama kedua ibubapa, memenuhi undangan, merancangkan program-program ilmu dan memjemput kaum kerabat itu dan menziarahi ketika sakit.

³⁵⁵

Jiran pula diertikan sebagai orang yang tinggal berhampiran dengan rumah sendiri, orang sebelah dan tetangga.³⁵⁶ Di dalam Islam pula terdapat banyak pendapat tetapi yang paling popular adalah pendapat Al-Auzai' iaitu 'Yang dinamakan jiran adalah empat puluh rumah daripada setiap arah.'³⁵⁷ Islam juga telah membahagikan jiran ini kepada tiga iaitu jiran muslim yang juga adalah kerabat (mempunyai tiga hak), jiran muslim (ada dua hak) dan jiran non-muslim (ada satu hak).³⁵⁸ Pembangunan sosial dengan jiran dapat dibangunkan dengan sentiasa menjaga hubungan dengannya , menjalankan hak-haknya, bermuamalah dengan baik dan menjauhkan segala perbuatan yang akan menyakitkannya.³⁵⁹ Allah SWT berfirman:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَاصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوِيهِكُمْ ۝ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

³⁵⁴ Sheikh Othman bin Sheikh Salim (1989), *op. cit.*, h. 528 & 548

³⁵⁵ Habsah Md. Noor (1995), *op. cit.*, h. 289

³⁵⁶ Sheikh Othman bin Sheikh Salim (1989), *op. cit.*, h. 457

³⁵⁷ Muhammad al-Sayyid Yusuf (2006), *op. cit.*, h. 203

³⁵⁸ Mohamad Nidzam Abd. Kadir (2009), *Fiqh Berinteraksi dengan Non-muslim*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn.Bhd., h. 27

³⁵⁹ *Ibid*

‘Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.’

Al-Hujurat(49): 10

Sementara itu, hubungan dengan kaum Muslim yang lain juga amat dititik-beratkan dalam Islam. Aspek ini penting untuk mengukuhkan hubungan sesama muslim, mengeratkan hubungan kasih sayang dan persatuan di antara hati kaum muslimin. Nabi s.a.w. bersabda:³⁶⁰

— حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى عَنْ شُعْبَةَ عَنْ قَتَادَةَ عَنْ أَنَسِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعَنْ حُسَيْنِ الْمُعَلِّمِ قَالَ حَدَّثَنَا قَتَادَةُ عَنْ أَنَسٍ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُ لِنَفْسِهِ

‘Telah menceritakan kepada kami Musaddad berkata, telah menceritakan kepada kami Yahya dari Syu'aibah dari Qatadah dari Anas radhiallahu anh dari Nabi sallallahu alai wa sallam dari Husain al-Mu'allim berkata, telah menceritakan kepada kami Qatadah dari Anas dari Nabi sallalahu alai wa sallam bersabda :Tidaklah seseorang dianggap iman yang sempurna sehingga ia mencintai saudaranya seperti ia mencintai dirinya sendiri.’

Aspek seterusnya adalah membangunkan hubungan dengan orang bukan Muslim. Terdapat tiga kelompok yang dikategorikan dalam golongan ini iaitu golongan yang engkar, menolak dan menafikan kebenaran agama Allah SWT, golongan musyrik pemuja berhala iaitu golongan yang menyekutukan Allah manakala golongan ke tiga adalah golongan Ahli Kitab.³⁶¹ Sementara itu, Islam juga telah membahagikan golongan ini kepada dua kumpulan yang diasaskan kepada tahap permusuhan mereka dengan Islam dan umatnya iaitu kafir zimmah (golongan yang tidak memerangi Islam dan umat Islam) dan kafir harbi (golongan yang memerangi Islam dan umat Islam)

³⁶⁰Muhammad bin Ismail Abu ‘Abd Allah al-Bukhari (1994), *Sahih al-Bukhari*, “Bab: مَنْ لَا يُؤْمِنُ بِالْجِنِّ”, no. hadith 12, j.1. Kaherah: Dar al-Fikr, h.21.

³⁶¹ Ab. Aziz Mohd. Zin (2005), *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya., h. 86

dimana golongan yang ke dua wajib diperangi oleh umat Islam sedangkan golongan pertama wajib diberikan hak-hak mereka dan menjalinkan hubungan sosial dengan mereka secara adil dan baik.³⁶² Allah SWT berfirman:

لَا يُنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الدِّينِ لَمْ يُفَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِّنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

'Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang yang tidak memerangi kamu kerana ugama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.'

Al-Mumtahanah (60): 8

Membangun dan memelihara hubungan sosial dengan golongan ini sebenarnya amat penting di dalam menonjolkan kebenaran, kemuliaan dan keikhlasan Islam kepada masyarakat. Di sinilah, uslub dakwah terbaik iaitu penonjolan akhlak mulia golongan remaja ini perlu dimanfaatkan sebaik mungkin.³⁶³ Islam telah menggariskan kaedah dan cara terbaik dalam membangunkan hubungan ini, iaitu membina kepercayaan kepada sumber isi (al-Quran dan hadis), membina asas kepercayaan dan menghilangkan kesamaran dan keraguan mereka terhadap keagamaan dan Islam.³⁶⁴

Akhirnya, Islam juga amat menitik-beratkan hubungan remaja dengan alam sekitar yang merangkumi daratan, lautan, udara, bunyi, haiwan, tumbuhan atau kemudahan-kemudahan awam yang dicipta untuk kemudahan dan kegunaan bersama. Aspek ini dapat dibangunkan dengan memupuk rasa mencintai dan menjaga hak-hak alam ini secara konsisten melalui pembangunan individu dan meningkatkan kerjasama pelbagai pihak. Kegagalan dalam memelihara hubungan ini akan membawa banyak

³⁶² Mohamad Nidzam Abd. Kadir (2009), *op. cit.*, h. 143

³⁶³ Abdul Karim Zaidan (2001), *Dasar-dasar Ilmu Dakwah – Jld. 2*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar., h. 285

³⁶⁴ *Ibid.*, h. 87

bencana kepada kehidupan manusia. Contoh, kerakusan mencemarkan sumber air bersih akan membawa malapetaka kepada manusia dan kemusnahan kepada alam.³⁶⁵ Ini telah dijelaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقُهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا
لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

'Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).'

Ar-Rum(30): 41

Kesimpulannya, program pembangunan diri remaja Islam adalah berteraskan tiga elemen utama kejadian manusia iaitu spiritual (rohani), fizikal dan intelektual (mental) serta disokong pula oleh dua elemen lain iaitu emosi dan sosial. Kelima-lima elemen ini perlu dibangunkan secara serentak mengikut aturan dan peraturan Islam serta sifar dari melewati batas-batasnya. Kekuatan dan kecemerlangan kelima-lima aspek ini mampu melahir dan membangunkan golongan remaja yang ideal sepermata yang dituntut oleh ajaran Islam.

3.6 MODEL PENERIMAAN PROGRAM PEMBANGUNAN REMAJA ISLAM

Program pembangunan adalah satu modul yang telah direkabentuk untuk golongan sasaran bagi memenuhi objektif-objektif tertentu. Ia adalah sekumpulan langkah-langkah tertentu yang diyakini dapat merealisasikan matlamat program. Kajian ini

³⁶⁵ Zaini Ujang (1993), *Islam dan Alam Sekitar*. Kuala Lumpur, Institut Kajian Dasar, h. 15-18

menggunakan program rawatan dan pemulihan yang diaplikasikan di Raudhatus Sakinah sebagai satu contoh program pembangunan remaja Islam.

Ahli-ahli psikologi dan pendidikan seperti Reeves dan Bramley telah menegaskan bahawa sesuatu program latihan/pemulihan/pembangunan perlu dinilai untuk mengenalpasti kualiti, pencapaian objektif dan juga impak program tersebut terhadap organisasi peserta. Kesemua maklumat penilaian yang diperolehi ini dapat membantu pihak pengurusan untuk memahami apa yang dilakukan, mengapa berbuat demikian dan bagaimana untuk menjalankan penambahbaikan pada masa depan.³⁶⁶ Penilaian yang terbaik adalah penilaian yang berfokuskan kegunaan, berkesan dan realistik sepermata yang ditekankan oleh Cronbach bahawa menanya soalan dengan betul tentang hasil atau impak program/latihan yang dikaji dapat meningkatkan keberkesanannya penilaian yang dilaksanakan.³⁶⁷

Penilaian program pembangunan/pemulihan/latihan telah ditafsirkan oleh ramai ahli psikologi dan pendidikan dengan pelbagai definisi. Antaranya, Scriven berpendapat ia adalah untuk menentukan nilai dan merit bagi suatu objek yang dinilai manakala Reeves pula menyatakan ia adalah satu proses untuk mengenalpasti sejauh mana sesuatu program/kursus/latihan yang dijalankan dapat mempengaruhi keberkesanannya organisasinya.³⁶⁸ Terdapat beberapa pendekatan/model yang digunakan dalam penilaian program/latihan ini seperti KIRO, KIPP, T.C. Parker, sistem Bell, Hamblin dan Kirkpatrick mengikut kesesuaian yang tertentu. Dalam kajian ini, penulis akan

³⁶⁶ Chan Yuen Fook (2009), *Penilaian Keberkesanahan Program Latihan Pengurusan & Kepimpinan Sekolah*. Shah Alam: Pusat Penerbit Universiti (UPENA) UITM Shah Alam, h. 40


³⁶⁷ *Ibid.*, h. 42

³⁶⁸ *Ibid.*, h. 40

menggunakan Model Kirkpatrick untuk menguji tahap penerimaan dan kepuasan para peserta yang sedang menjalani program pemulihan dan rawatan di Raudhatus Sakinah.

Model penilaian Kirkpatrick sebenarnya adalah satu model penilaian yang meluas dan popular masakini. Ia telah diilhamkan oleh Donald Kirkpatrick pada tahun 1959. Secara umum, model ini menilai sesuatu program itu berdasarkan kepada empat peringkat iaitu reaksi/kepuasan, pembelajaran, perubahan kelakuan dan hasilan faedah/keuntungan kepada sesuatu organisasi.³⁶⁹ Carta modelnya adalah seperti di dalam Rajah 3.1.

Rajah 3.1: Model Kirkpatrick



Sumber : Donald Kirkpatrick – Wikipedia the free encyclopedia,
http://en.wikipedia.org/wiki/Donald_kirkpatrick

Setiap peringkat mempunyai hubung-kait antara satu sama lain iaitu peringkat di bawah akan mempengaruhi keputusan peringkat di atas walaupun sebenarnya setiap peringkat ini bertindak secara berasingan. Peringkat pertama berkait rapat dengan penilaian reaksi peserta. Disebabkan ia mengukur persepsi peserta terhadap program ini

³⁶⁹ Donald Kirkpatrick – Wikipedia, the free encyclopedia, http://en.wikipedia.org/wiki/Donald_Kirkpatrick, 27 July 2010.

maka ia juga dikenali sebagai kajian kepuasan peserta.³⁷⁰ Di sini, reaksi/kepuasan terhadap persekitaran program di RS ini seperti kepadatan peserta, saiz kelas, kemudahan media mengajar, masa dan fasiliti serta bahan-bahan program akan dinilai sama ada ia bersesuaian untuk proses pemulihan dan rawatan yang sedang dijalankan.

Faktor-faktor ini telah dinyatakan oleh Donald dan rakan-rakan sebagai antara faktor utama mempengaruhi pembelajaran.³⁷¹ Informasi ini amat berharga kepada semua pihak terutama pihak RS agar satu konsep pengurusan kelas (*classroom management*) yang lebih baik dapat direalisasikan dengan merangkumi kedua-dua aspek iaitu fizikal (bentuk dan saiz kelas serta susunan dalam bilik, susunan tempat duduk, kedudukan dan kemudahan peralatan dan bahan) dan psikologi (tahap emosi dalam kelas dan tahap keselesaan yang dialami oleh peserta dengan tiga komponen iaitu tenaga pengajar, bebanan pelajaran dan sesama mereka).³⁷² Penerimaan yang positif di peringkat pertama akan membawa impak yang baik di peringkat ke dua.

Di peringkat ke dua pula iaitu pembelajaran. Para peserta akan dinilai sama ada mereka memperolehi sesuatu yang positif ataupun tidak dari program pemulihan yang dijalankan di sini terutama dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap (afektif, tingkah laku dan kognitif). Menurut Kirkpatrick, kepuasan peserta pada peringkat pertama tidak semestinya menjamin pembelajaran telah berlaku tetapi kepuasan peserta yang negatif terhadap program yang dijalankan di RS ini pasti akan menjelaskan proses pembelajaran.³⁷³ Di sini, para peserta sebenarnya akan dinilai dari segi peningkatan keyakinan diri. Penerimaan peserta yang negatif di peringkat ini memerlukan

³⁷⁰ Chan Yuen Fook (2009), *op.cit.*, h. 47

³⁷¹ Donald R. Cruickshank, Deborah Bainer Jenkins, Kim K. Metcalf (2009), *The Act Of Teaching – 5th. Edition*. New York: McGraw Hill Higher Education, h. 11

³⁷² *Ibid* , h. 11 & h. 394-395

³⁷³ Chan Yuen Fook (2009), *op.cit.*, h. 86

penambahbaikan terhadap kaedah dan tahap pemindahan pengetahuan/kemahiran oleh pihak pengurusan RS kepada para pesertanya yang melibatkan dua aspek utama iaitu karekter pengajar dan pengalaman serta persediaan mengajar.³⁷⁴ Faktor-faktor karekter pengajar yang mempengaruhi di sini adalah jantina, umur, pengalaman, personaliti dan juga kepercayaan manakala faktor dari aspek kedua pula adalah cara dan kaedah mengajar, ilmu pengetahuan tenaga pengajar dan persediaan untuk mengajar.³⁷⁵ Akhirnya, penerimaan yang baik di peringkat ini sepatutnya akan menghasilkan sesuatu yang positif di peringkat ke tiga dan ke empat.

Pada peringkat tiga, para peserta akan dinilai sama ada mereka akan mengulangi kesilapan yang sama selepas mengikuti program pemulihan di RS ini atau dapat menggunakan kemahiran, pengetahuan dan sikap yang baru dipupuk di RS ini di masa hadapan terutama apabila keluar kelak. Di sini, para peserta akan diuji sama ada mereka mempunyai keinginan untuk berubah, mesti tahu apa yang harus dilakukan dan bagaimana untuk melakukannya dan sentiasa mahu berada dalam kelompok yang sesuai.³⁷⁶

Peringkat ke empat pula sebenarnya adalah satu peringkat yang sukar untuk diukur. Ia mengukur impak program pemulihan ini terhadap para peserta. Walaupun responden yang diambil belum menamatkan program pemulihan tetapi maklumat-maklumat yang diperolehi ini dapat menjadi asas ramalan kepada corak penerimaan peserta-peserta yang telah tamat menjalani program pemulihan. Di sini, impak positif program dapat dinilai melalui peningkatan pemahaman konsep dan praktikal dari sudut ibadat, disiplin, produktiviti, moral, semangat untuk hidup, keluarga dan sebagainya. Di

³⁷⁴ Donald R. Cruickshank, Deborah Bainer Jenkins, Kim K. Metcalf (2009), *op.cit.*, h. 3
³⁷⁵ *Ibid.*, h. 7

³⁷⁶ Chan Yuen Fook (2009), *op.cit.*, h. 49

samping itu, terdapat juga kesan lain seperti pemahaman tentang konsep dan amalan untuk meminimakan maksiat/jenayah/masalah, pengurangan membuang masa dan wang serta pengurangan melibatkan diri dalam hal-hal berisiko yang turut dikategorikan sebagai impak positif program pemulihan yang dijalankan di RS ini.

Kesimpulannya, Model Kirkpatrick dilihat amat sesuai dan tepat untuk menghasilkan satu rekabentuk kajian penerimaan program pemulihan di RS. Ini kerana ia diyakini bukan sahaja dapat berfungsi sebagai satu proses yang sistematik untuk mengumpul maklumat penilaian yang berguna, malah ia juga dapat menggambarkan keadaan untuk memilih tindakan alternatif yang paling sesuai pada masa depan. Model ini juga dapat menjadi satu kayu ukur untuk memastikan setiap program pemulihan yang dilaksanakan berkesan dan memberi input yang positif kepada semua pihak.

3.7 KESIMPULAN

Sebagai remaja, golongan remaja Islam juga mengalami segala aspek perkembangan, pertumbuhan serta menempuh faktor-faktor tumbesaran yang sama dengan remaja lain. Namun, mereka akan menunjukkan satu perwatakan dan keperibadian (ciri personaliti) yang positif, berbeza dari remaja-remaja lain semasa mengharungnya. Fenomena ini ternyata telah didorong oleh metod pembangunan diri berteraskan al-Quran dan hadis yang telah membangunkan aspek-aspek spiritual, fizikal dan intelektual para remaja tersebut sehingga telah mencorakkan emosi dan sosial yang terkawal dan harmoni apabila konsep-konsep di dalam Rukun Islam, Iman dan Ehsan berjaya difahami dan dihayati secara syumul dan berkesan. Justeru remaja Islam sebagai tonggak dalam kesinambungan agama Islam perlu mempunyai kekuatan yang jitu agar dapat menghadapi segala halangan. Oleh itu dalam menangani permasalahan remaja masa kini

adalah perlu golongan remaja kembali kepada landasan Islam yang sebenar dalam semua aspek kehidupan.

Sementara itu, tingkahlaku dan permasalahan remaja sering menjadi topik perbincangan dan kajian masyarakat. Pelbagai peringkat dan kelompok remaja dianalisa untuk memahami faktor-faktor salahlaku serta mengolah kaedah pembangunan terbaik untuk membimbing dan mendidik mereka kembali ke pangkal jalan yang secara asasnya melibatkan lima aspek iaitu rohani (jiwa), mental, fizikal, emosi dan sosial. Di dalam pengolahan ini, setiap aspek samada aspek kepuasan, penerimaan dan keberkesanan metod pembangunan ini boleh diuji tahapnya melalui Model Penerimaan Kirkpatrick. Model ini akan diguna-pakai untuk menguji contoh program pembangunan remaja Islam yang diterap dan dipraktiskan di Raudhatus Sakinah.

BAB EMPAT

LATAR BELAKANG RAUDHATUS SAKINAH

4.0 PENGENALAN

Sejarah penubuhan pusat pemulihan akhlak di Malaysia bermula pada abad ke- 18 iaitu dengan terbinanya penjara di Papan, Ipoh pada 1800-an. Ini diikuti oleh penubuhan Penjara Taiping pada 1879 dan Pusat Pemulihan Akhlak (JPM) di Batu Gajah yang lebih dikenali sebagai Kinta Prison pada tahun 1902.³⁷⁷ Namun begitu, penubuhan Sekolah Tahanan Henry Gurney dan Sekolah Henry Gurney di Teluk Mas, Melaka pada 1949 oleh Sir Henry Gurney telah mencetuskan dimensi baru dalam program pemulihan akhlak terutama buat para remaja.³⁷⁸

Pada awalnya, kewujudan pusat-pusat seumpama ini di Malaysia banyak berteraskan kepada program, kaedah dan pendekatan dari negara-negara Barat seperti Britain dan Amerika Syarikat. Walaupun telah wujud pusat-pusat seumpama ini yang berasaskan agama Islam seperti pondok-pondok pengajian agama terutama di kampung-kampung namun ia gagal menyaingi populariti pusat-pusat di bandar yang dipantau dan dibiayai oleh pihak British. Namun, peredaran masa telah membuktikan bahawa kaedah dan metod Barat ini telah menemui jalan buntu dan gagal mencapai matlamatnya. Kini, masyarakat mulai sedar dan menerima hakikat bahawa tidak ada jalan lain yang mampu mengubah, membaiki dan membangunkan mereka kecuali jalan Allah SWT iaitu agama Islam. Perubahan persepsi yang positif ini telah mencetuskan satu fenomena baru dalam pendekatan pembangunan manusia. Secara tidak langsung kaedah dan metod pembangunan manusia secara Islam kembali diterima-pakai dan diberi nafas baru. Kaedah dan pendekatannya semakin popular dan giat dipraktikkan sama ada oleh

³⁷⁷Jabatan Penjara Malaysia, <http://www.prison.gov.my/portal/page/hijau>. Artikel: Catatan Peristiwa Sejarah Kinta Prison, 12 Mei 2004.

³⁷⁸Sekolah Henry Gurney, http://en.wikipedia.org/wiki/Hendry_Gurney_Prisoners_School, 16 Dec 2010.

individu, syarikat-syarikat dan pusat-pusat bimbingan malahan turut diterapkan oleh pihak kerajaan. Salah satu pusat bimbingan yang telah dan sedang berusaha ke arah ini adalah Pusat Bimbingan Remaja Puteri Raudhatus Sakinah atau dikenali sebagai Raudhatus Sakinah.

4.1 LATAR BELAKANG PENUBUHAN

Raudhatus Sakinah (RS) sebenarnya adalah panggilan popular kepada nama Pusat Bimbingan Remaja Puteri Raudhatus Sakinah. Ia adalah antara pusat bimbingan remaja wanita di Malaysia yang menerapkan nilai-nilai Islam di dalam setiap programnya. Ia beroperasi berteraskan mottonya hasil gabungan di antara visi dan misi iaitu untuk menjadi satu institusi pilihan bagi pembangunan insan yang membawa imej sejahtera untuk masyarakat majmuk. Sementara itu, dua aspek misinya adalah untuk merealisasikan tanggungjawab nahi mungkar ke arah membanteras gejala sosial melalui kesedaran, bimbingan, perlindungan dan pembinaan jatidiri remaja, keluarga dan masyarakat serta untuk mendokong budaya kerja penyayang, efektif, proaktif dan efisien.

Selain dari visi dan misi ini, kewujudan RS ini amat didokong oleh tiga objektifnya iaitu untuk membantu remaja menghayati Islam sebagai cara hidup, membantu remaja membina semula keyakinan diri dan akhirnya membantu remaja meneruskan kehidupan yang sihat dan memberi manfaat kepada masyarakat.³⁷⁹

Sejarah penubuhannya bermula pada awal tahun 1998 iaitu hasil dari perbincangan, persepakatan, persetujuan dan pengorbanan ahli Jawatankuasa Wanita

³⁷⁹ Risalah Rujukan (2009) Raudhatus Sakinah

Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (WJIM) yang diterajui oleh Harlina Halizah Hj. Siraj. Ia akhirnya berjaya direalisasikan pada bulan Ogos 1998 yang ketika itu hanya mengambil empat orang pelatih. Mereka semua ditempatkan di bangunan Raudhatus Sakinah di Taman Melawati, Selangor sebagai pusat bimbingan pertamanya. Seterusnya pada awal tahun 1999 ia telah memohon dan mendaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pada tahun 2008 telah secara rasmi berada di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 Jabatan Kebajikan Masyarakat ini. Dari sini, pusat ini terus berkembang maju dengan beberapa pembaharuan dan penambahbaikan sama ada di segi luaran ataupun dalaman.³⁸⁰

Pada tahun 2002, pusat di Taman Melawati ini telah berpindah dan beroperasi di Paya Jaras, Sungai Buloh, Selangor dan ia telah berfungsi sebagai Raudhatus Sakinah Pusat. Demi menampung keperluan menangani kes mangsa gejala sosial yang semakin meningkat maka pada bulan Januari 2004 tertubuh pula Raudhatus Sakinah di negeri Kelantan. Seterusnya pada bulan Oktober 2006, RS Pusat telah dijadikan RS Selangor dengan ibu pejabatnya di Pusat Bandar Taman Melawati manakala bangunan di Paya Jaras telah dijadikan sebagai pusat bimbangannya.³⁸¹

Pengoperasian RS ini telah berkembang maju dengan tertubuhnya RS Pulau Pinang pada bulan Mei 2007 dan RS Johor pada bulan Oktober 2008. RS Pulau Pinang menerima seramai 15 orang pelatih manakala RS Johor menerima seramai 20 orang pelatih awal. Seterusnya pada 20 Oktober 2010 pula tertubuh sebuah pusat bimbingan di

³⁸⁰ Rosmawati Zainal , Pengarah RS. Temubual pada 26 Januari 2011.

³⁸¹ *Ibid*

Melaka iaitu pusat bimbingan ke lima. Pusat ini terletak di Bukit Berendam, Melaka dan pengambilan seramai 5 orang pelatih awal.³⁸²

Kelima-lima cawangan ini beroperasi secara terkawal dan berteraskan kepada objektif, misi dan visi yang sama. Rekod menunjukkan bahawa sejak dari tahun 1998 hingga ke tahun 2010, RS telah berjaya membimbing seramai 447 orang pelatih dan akan terus berusaha membimbing seramai mungkin golongan remaja wanita yang memerlukan. Untuk mencapainya, pihak RS kini telah memperkenalkan satu visi yang lebih spesifik iaitu '*Ke Arah Gejala Sosial Sifar Menjelang 2020*' dengan menjadikan kempen '*Anda Bijak Jauhi Zina*' sebagai slogan utamanya. Kempen yang kini giat dipromosikan di peringkat Kebangsaan adalah satu wadah dakwah terbaik buat para remaja terutama remaja wanita. Melaluinya, mereka akan diberi pendedahan, pengetahuan, pemahaman dan kesedaran bahaya zina, penyakit kelamin serta diberikan tunjuk-ajar bagaimana menguruskan cinta dengan betul.

Rajah 4.1: Logo Raudhatus Sakinah



Penubuhan dan pengoperasian lima buah pusat bimbingan ini membuktikan betapa serius dan tegas pihak RS di dalam usaha membantu remaja wanita Islam untuk membina semula keyakinan diri, menghayati Islam sebagai cara hidup dan meneruskan

³⁸²Rosmawati Zainal , Pengarah RS. Temubual pada 26 Januari 2011.

kehidupan dalam masyarakat. Rajah 4.1 di atas menunjukkan logo pusat bimbingan Raudhatus Sakinah. Logo ini telah memperjelaskan objektif, visi serta misi penubuhannya. Bentuk bunga yang terdapat padanya melambangkan bahawa pusat ini adalah sebuah pusat bimbingan yang hanya dikhaskan buat golongan remaja puteri. Manakala logo JIM yang terletak di dalam bentuk bunga membawa maksud bahawa pusat ini berada di bawah kendalian dan jagaan Wanita Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia.

4.2 STRUKTUR ORGANISASI RAUDHATUS SAKINAH

Raudhatus Sakinah Pusat diketuai oleh seorang Pengerusi Lembaga Pengarah Induk dengan dibantu oleh seorang Pengarah. Seterusnya, RS cawangan diketuai pula oleh Pengerusi masing-masing. Rajah 4.2 .menunjukkan carta organisasi RS Pusat.

Rajah 4.2: Carta Organisasi RS Pusat



Sumber: Risalah Rujukan (2009) Raudhatus Sakinah

Setiap cawangan yang ditadbir-urus oleh seorang pengerus pula seterusnya diuruskan melalui dua bahagian iaitu bahagian pentadbiran dan bahagian operasian (pusat bimbingan). Rajah 4.3 di sebelah menunjukkan maklumat-maklumat pejabat pentadbiran dan pusat bimbingan RS.


Rajah 4.3: Maklumat Pejabat Pentadbiran dan Pusat Bimbingan RS (*sehingga 28 Feb. 2011*)

Cawangan/ mula beroperasi	Pejabat Pentadbiran	Operasian (Pusat Bimbingan)	Bilangan Pelatih	Pengurus Pusat Bimbingan
Ibu Pejabat	Lot 300.2, Lorong Selangor, Pusat Bandar Melawati, 53100 Kuala Lumpur Tel.: 03-41073379	- Tiada -		
Selangor	Lot 300.2, Lorong Selangor, Pusat Bandar Melawati, 53100 Kuala Lumpur Tel.: 03-41073379	Kg. Kubu Gajah, Sungai Buloh, Selangor.	25	Cik Siti Farhana
Kelantan	Tingkat 1, Lot 2861, Jalan Abd. Kadir Abadi, Paya Bemban, 15200 Kota Bharu, Kelantan. 09-7449162	Lot 732, Taman Makmur, Kg. Chicha, Kubang Kerian, Kelantan	19	Pn. NorMazlin a Mansur
Johor	31A, Jalan Harmoni 12, Taman Desa Skudai, 81300 Skudai, Johor Bharu, Johor. 07-5579502	Gapura Sastera, Jln. Permatang 8b, Kempas Baru, Johor.	23	Pn. Soliha
Pulau Pinang	No. 64, Tingkat 2, Lebuh Bukit Kecil, 11900, Taman Sri Nibong, Bayan Lepas, Pulau Pinang 04-6452740	No.41, Kg. Kilang Batu, Relau, Pulau Pinang.	15	Pn. Inayah
Melaka	No. 4-1, Jalan Jati 2, Taman Jati, Bukit Berendam, 75350 Melaka. 06-3178472	Jln. Hj. Khamis, Kg. Serkam Pulai, Merlimau, Melaka.	6	Pn. Fuziah Khamis

Sumber: <http://www.raudhatussakinah.com>

Manakala Rajah 4.4 adalah carta organisasi pusat bimbingan RS Selangor di Paya Jaras, Selangor. Secara umum, jawatan serta kedudukan staf-staf di dalam carta organisasi ini adalah sama untuk semua cawangan RS.

Rajah 4.4: Carta Organisasi pusat bimbingan RS Selangor di Paya Jaras.



Sumber: <http://rsselangor.blogspot.com>

Pengoperasian pusat-pusat bimbingan ini memerlukan sumber kewangan yang mencukupi untuk kehidupan para pelatih dan melicinkan setiap program yang dicadangkan. Secara umum sumber kewangan RS ini adalah melalui yuran bulanan pelajar, sumbangan individu, sumbangan syarikat/swasta, bantuan daripada Jabatan Agama Islam Negeri dan sumbangan dari kerajaan Persekutuan.³⁸³

³⁸³ Rosmawati Zainal , Pengarah RS. Temubual pada 26 Januari 2011.

Walaupun setiap pelatih dikenakan bayaran bulanan tetapi bukan semua pelatih mampu berbuat demikian. Maka untuk menampung kos perbelanjaan tersebut pihak RS terpaksa mendapat sumbangan dari pihak kerajaan seperti pusat zakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Agama Islam negeri dan lain-lain pertubuhan kerajaan. Manakala untuk sumbangan dari pihak individu dan syarikat swasta, pihak RS telah mengadakan beberapa kempen dan alternatif seperti kempen sumbangan ‘Selamatkan Satu Jiwa’ yang kini sedang dijalankan. Kempen ini adalah untuk memudah dan menggalakkan golongan masyarakat yang mahu menyumbang bantuan dan sokongan sama ada dalam bentuk kewangan, makanan asas, peralatan dan khidmat tenaga sukarela. Selain itu, pihak RS turut menganjurkan acara Malam Amal untuk meraih sumbangan-sumbangan dari pihak individu, syarikat dan organisasi-organisasi.

4.3 PENYERTAAN

Penyertaan para pelatih ke Raudhatus Sakinah adalah secara sukarela tetapi perlu memenuhi beberapa syarat yang telah ditetapkan seperti ditunjukkan oleh Jadual 4.1


Jadual 4.1: Syarat-Syarat Kemasukan Pelatih ke RS

Bil.	Syarat-syarat Kemasukan
1	Remaja perempuan berumur antara 12-25 tahun.
2	Beragama Islam dan warganegara Malaysia.
3	Mangsa gejala sosial seperti penderaan, penganiayaan, pengabaian, tekanan psikologi, perkosaan, sumbang mahram dan sebagainya.
4	Bebas dari kes undang-undang dan penyakit kronik.
5	Bersedia merubah diri dan menjalani bimbingan sekurang-kurangnya selama setahun di RS.

Sumber: Risalah Rujukan (2009) Raudhatus Sakinah

Manakala Rajah 4.5 pula menunjukkan data kemasukan pelatih ke pusat ini dari tahun 1998 hingga ke tahun 2010. Jika dilihat pada carta tersebut, terdapat peningkatan dari sudut bilangan remaja yang mendapat bimbingan di Raudhatus Sakinah ini.

Rajah 4.5 : Data Kemasukan Pelatih RS 1998-2010
(sehingga 28 Feb. 2011)



Sumber: Risalah Rujukan (2009) Raudhatus Sakinah dan <http://www.raudhatussakinah.com>

Data kemasukan pelatih ketika kajian ini dilakukan (Mac 2011) adalah seramai 89 orang pelatih dengan 17 orang (19.1%) terdiri dari pelatih lama (telah menjalani bimbingan selama lebih 10 bulan) dan 72 orang (80.9%) terdiri dari pelatih baru (menjalani bimbingan di sini kurang dari 10 bulan).

4.4 PROGRAM PEMBANGUNAN REMAJA ISLAM DI RAUDHATUS SAKINAH

Raudhatus Sakinah telah menyediakan beberapa perkhidmatan dan bimbingan yang tertentu di dalam usaha mencapai objektif, visi dan misinya. Secara

umumnya bimbingan dan pemulihan yang dilaksanakan di RS ini mencakupi semua aspek iaitu bimbingan dari sudut rohani, bimbingan bina diri, aktiviti sosial dan kemahiran diri. Ini sejajar dengan keperluan remaja untuk menempuh kehidupan apabila keluar kelak. Senarai perkhidmatan-perkhidmatan tersebut ditunjukkan dalam Jadual 4.2 di sebelah.

Jadual 4.2: Senarai Perkhidmatan-Perkhidmatan yang Disediakan oleh Pusat Bimbingan Raudhatus Sakinah

Bil.	Perkhidmatan	Khidmat dan Bimbingan
1	Bimbingan Rohani	Kelas Fardhu Ain, Kelas Al-Quran, Kelas Hadith, Kuliah Bimbingan Mukmin, Kuliah Akhlak, Kelas Aqidah, Kelas Hafazan Doa dan Kelas Sirah Nabi SAW.
2	Bimbingan Bina Diri	Kaunseling Individu, Kaunseling Kelompok, Sesi Motivasi dan Sesi Jati Diri
3	Riadah, Rekreasi dan Kesenian	Aktiviti Senaman, Aktiviti Rehlah, Aktiviti <i>Outdoor Games</i> dan Nasyid
4	Kemahiran Diri	Kelas Komputer, Kelas Masakan, Kelas Jahitan dan Kelas Kraftangan.
5	Aktiviti Sampingan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memberikan khidmat nasihat dan kaunseling kepada remaja yang memerlukan. 2. Program Outreach <ul style="list-style-type: none"> - Mengadakan siri-siri ceramah sebagai usaha pencegahan. - Menyebarluaskan risalah-risalah bimbingan kepada masyarakat.

Sumber: Risalah Rujukan (2009) Raudhatus Sakinah

4.4.1 BIMBINGAN ROHANI

Secara umumnya tenaga pendidik, ustaz dan penceramah yang datang menjayakan kelas di RS ini adalah secara sukarela iaitu di kalangan sukarelawan JIM. Namun demikian sesi bimbingan rohani yang dilaksanakan adalah pengenalan asas kepada Islam memandangkan remaja di sini kebanyakannya telah mula melupakan ajaran Islam dalam kehidupan sehari-hari.

Kelas Fardhu Ain

Para pelatih di sini didedahkan kepada asas-asas Fardhu Ain seperti penekanan kepada Rukun Islam, Rukun Iman, hal-hal thaharah, ibadat solat, puasa, ibadat zakat, ibadat haji, bab nikah, perihal taubat dan juga menceritakan bulan-bulan hijrah serta peristiwa yang berkaitan.³⁸⁴

Kelas Al-Quran

Para pelatih di sini diajar membaca al-Quran secara bertajwid mengikut rasm' Uthmani. Awalnya, mereka diperkenalkan dengan huruf-huruf Hijaiyah Bahasa Arab, tanda-tanda bacaan serta bunyi-bunyi asas. Kemudian mereka dilatih membaca al-Quran mulai dengan buku Iqra' iaitu satu cara cepat belajar membaca al-Quran masakini. Di samping itu, remaja disini juga diwajibkan sentiasa bertadarus al-Quran apabila ada masa terluang.³⁸⁵

Kelas Hadith

Di samping didedahkan dengan hadith-hadith Nabi SAW terutama yang terdapat di dalam buku Hadith 40 karya Mustafa 'Abdul Rahman para pelatih

³⁸⁴Siti Farhana, Pengurus RS Selangor, Temubual pada 21 Februari 2011

³⁸⁵Ibid

turut diperjelaskan secara ringkas tentang kepentingan belajar hadith-hadith ini dan ilmu-ilmu berkaitan dengannya.³⁸⁶

Kuliah Bimbingan Mukmin

Kuliah ini adalah satu platform untuk para pelatih membangkitkan kepimpinan rohani dalam diri masing-masing. Di sini para pelatih didedahkan dengan beberapa tip yang sangat efektif seperti kepentingan menjaga kesempurnaan dan kesucian akal, kepentingan mempunyai hati yang terang, konsep ketaatan tubuh fizikal, kepentingan mengenal diri sendiri dan konsep visi Akhirat.³⁸⁷

Kuliah Akhlak

Secara umum, para pelatih ditekankan kepada beberapa aspek akhlak iaitu adab makan, adab minum, adab duduk dalam majlis, adab dan hak terhadap ibu bapa, adab dan hak terhadap guru, adab dan hak seorang teman dan sahabat dan hak seorang Muslim terhadap saudaranya yang Muslim. Di samping itu, para pelatih didedahkan kepada kepentingan memahami konsep iman-akhlak-ibadat serta beberapa sifat mahmudah seperti jujur, ikhlas, bercakap benar, bermurah hati, sabar, malu, kasih sayang, menjaga kesihatan dan kebersihan, memelihara waktu dan menjauhi sifat-sifat mazmumah seperti dengki dan dendam, menipu serta sombong.³⁸⁸

Kuliah Aqidah

Di sini para pendidik akan memperkenalkan, mengukuh dan mempertahankan fahaman akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah kepada para pelatih secara teratur dan berulang-kali. Di samping itu, para pelatih juga didedahkan kepada berbagai macam penyelewengan dan ancaman akidah masa kini dan cara mengatasinya.

³⁸⁶Siti Farhana, Pengurus RS Selangor, Temubual pada 21 Februari 2011

³⁸⁷Ibid

³⁸⁸Ibid

Di sini konsep Rukun Iman, Rukun Islam dan ehsan diperjelaskan kepada para pelatih.³⁸⁹

Kelas Hafazan Doa

Doa diyakinkan sebagai senjata terbaik dan terkuat umat Islam terutama buat para pelatih. Mereka didedahkan kepada beberapa doa yang penting dan relevan dengan kehidupan harian mereka antaranya doa ketika hendak tidur, doa bangun dari tidur, doa ketika memakai pakaian, doa waktu bercermin, doa masuk dan keluar tandas, doa sesudah berwuduk, doa hendak makan, doa sesudah makan, doa menyesali kesalahan, doa keselamatan dunia dan akhirat, doa keampunan ibu bapa, doa terang hati, doa ketika ditimpa kecelakaan dan doa ketetapan serta ketabahan hati. Selain daripada doa-doa ini, para pelatih juga diajar bacaan Asma'ul Husna, salawat Nabi SAW. dan zikir-zikir.³⁹⁰

Kelas Sirah Nabi SAW

Selain dari menceritakan kisah hidup Nabi SAW dari zaman kanak-kanak hingga ke saat kewafatannya, kelas ini juga cuba mengaitkan kisah-kisah dari hidup Baginda ini dengan kehidupan harian masyarakat masakini terutama diri para pelatih. Di sini, kitab Sirah Nabawiyah Ibnu Hisyam telah dijadikan rujukan utama di samping beberapa kitab-kitab lain.³⁹¹

³⁸⁹ Siti Farhana, Pengurus RS Selangor, Temubual pada 21 Februari 2011

³⁹⁰ *Ibid*

³⁹¹ *Ibid*

4.4.2 Khidmat dan Bimbingan Bina Diri

Sepertimana aktiviti bimbingan rohani, aktiviti ini juga dilakukan oleh para kaunselor dan motivator secara sukarela. Secara asasnya ia memberi bantuan kepada para pelatih untuk membuat pilihan yang betul. Kemudian ia akan meneguhkan ketahanan dalam diri para pelatih, memupuk dorongan untuk berjaya, memberi panduan untuk para pelatih bangkit dari kegagalan dan kesilapan serta akhirnya sentiasa mengingati Allah SWT sebagai pencipta.³⁹² Secara umum aktivitinya adalah seperti berikut.

Kaunseling Individu

Kaunseling jenis ini adalah satu pertemuan antara pelatih dengan kaunselor sahaja dan beberapa hal peribadi akan dibincangkan secara tertutup manakala segala maklumat perbincangan adalah sulit. Kaunseling ini menjadi kewajiban buat semua pelatih yang baru mendaftar dan akan diulangi dari masa ke semasa terutama jika didapati gagal mencapai matlamatnya. Secara asasnya, kaunseling jenis ini cuba memberi keyakinan kepada para pelatih dari sudut fizikal, emosi, sosial, mental dan rohani.³⁹³

Kaunseling Kelompok

Kauseling ini pula adalah pertemuan para pelatih secara berkumpulan iaitu antara 4 hingga 6 pelatih dalam satu kumpulan dengan kaunselor di dalam satu sessi. Kaunseling ini dijalankan secara umum. Di sini permasalahan para ahli kumpulan dibincangkan dan diselesaikan secara bersama. Kaunseling jenis ini penting di dalam menggalakkan para pelatih berfikir untuk kepentingan orang lain, mewujudkan interaksi sosial, membangkitkan kesedaran dan pengetahuan

³⁹² Siti Farhana, Pengurus RS Selangor, Temubual pada 21 Februari 2011

³⁹³ *Ibid*

baru, menjalinkan semangat kerjasama serta setia kawan di kalangan para pelatih dan menanam sifat menghormati dan mengasihi sesama sendiri.³⁹⁴

Motivasi

Para pelatih didedahkan kepada dua aplikasi utama motivasi Islam iaitu etika kerja Muslim dan motivasi terbesar dan tidak terbatas. Dalam konsep etika kerja Muslim para pelatih dilatih dan didorong agar sentiasa sedar bahawa segala tingkah-laku, perbuatan dan kerja adalah satu ibadah dan dikira satu kewajipan beragama. Kemudian para pelatih didedahkan kepada konsep motivasi terbesar dan tidak terbatas iaitu cinta hakiki bagi orang beriman adalah cinta kepada Allah dan Islam.³⁹⁵

Jati diri

Para pelatih akan didedahkan kepada kaedah bagaimana untuk membangkit, membangun dan memperkuuhkan peribadi positif yang berada di dalam diri mereka. Setiap pelatih diberi keyakinan bahawa diri mereka adalah istimewa dan unik, maka menjadi tanggungjawab mereka untuk menonjolkan keunikan ini dan menjadikannya sesuatu yang membanggakan buat diri mereka, keluarga dan masyarakat. Di sini para pelatih dipupuk agar mempunyai keyakinan diri dan sentiasa bersikap positif dengan menjadikan hubungan sosial sesama mereka dan para pelatih sebagai satu interaksi respons yang terbaik. Selain dari itu, para pelatih juga diajar untuk menjadikan konsep keinsafan dan kesedaran sebagai pemangkin untuk mengenal diri mereka.³⁹⁶

³⁹⁴ Siti Farhana, Pengurus RS Selangor, Temubual pada 21 Februari 2011

³⁹⁵ *Ibid*

³⁹⁶ *Ibid*

4.4.3. Aktiviti riadah, rekreasi dan kesenian.

Matlamat utama aktiviti-aktiviti ini adalah menyihatkan tubuh badan, membentuk interaksi dan kerjasama sepasukan, medan ujian keberkesanan dan keserasian para pelatih dan mencungkil bakat-bakat dalam diri. Ia selalunya dijalankan sesama pelatih sahaja atau kadang-kala disertai oleh pengunjung-pengunjung yang terdiri dari pelajar universiti, kolej dan pertubuhan-pertubuhan tertentu yang telah menyelitkan aktiviti ini di dalam jadual lawatan mereka.³⁹⁷ Antara aktiviti yang terlibat adalah seperti berikut.

Senaman

Perlaksanaan aktiviti senaman ini diketuai oleh seorang pelajar senior yang telah dipertanggungjawabkan. Para pelatih akan didedahkan kepada kaedah senaman ringan dan mudah seperti senamrobik dan senaman kalestanik. Para pelatih sentiasa diberi penekanan betapa pentingnya senaman ini terutama dalam mengurangkan ketegangan yang disebabkan oleh tekanan perasaan di samping memelihara jantung dan kesihatan tubuh.³⁹⁸

Rehlah

Aktiviti ini merupakan satu platform untuk pihak RS memupuk dan membina persaudaraan (ukhwah) sejati di kalangan para pelatih dan pihak pentadbir RS. Disamping mendekatkan para pelatih dengan alam ciptaan Allah SWT ini seperti sungai dan lautan, mereka dipupuk agar cuba membangkitkan niat kerana Allah SWT, sikap kebersamaan sepanjang program, menjaga masa dan pakaian/aurat, menjaga adab berkomunikasi, menjaga keselamatan diri dan

³⁹⁷ Siti Farhana, Pengurus RS Selangor, Temubual pada 21 Februari 2011

³⁹⁸ Ibid

rakan-rakan, memelihara kebersihan diri dan alam sekitar serta melatih diri patuh kepada arahan ketua.³⁹⁹

Outdoor Games

Aktiviti ini biasanya dilakukan sesama pelatih dan bersama para pelawat seperti pelajar universiti dan kolej. Antara aktiviti utamanya adalah permainan seperti bola jaring, bola tampar, badminton dan aktiviti seperti permainan hula hoop, permainan belon berisi air, permainan berebut kerusi dan lain-lain permainan.

Aktiviti ini selain dapat menyihatkan badan, ia penting dalam memupuk interaksi dan sikap kerjasama sesama pelatih dan memupuk hubungan dengan pihak luar.⁴⁰⁰

Nasyid

Nasyid telah diperkenalkan dan ditekankan sebagai aktiviti penting dan popular di sini. Di samping berperanan untuk menjadi sumber hiburan alternatif utama kepada para pelatih yang sebelum ini banyak didedahkan kepada hiburan-hiburan barat dan melalaikan ia turut berperanan menyemaikan nilai akhlak mulia ke dalam diri para pelatih melalui lirik-lirik dan nadanya yang berunsur nasihat.⁴⁰¹

³⁹⁹ Siti Farhana, Pengurus RS Selangor, Temubual pada 21 Februari 2011

⁴⁰⁰ Ibid

⁴⁰¹ Ibid

4.4.4. Aktiviti kemahiran diri.

Aktiviti ini merupakan satu aktiviti yang jarang dapat dilaksanakan secara berterusan disebabkan kekangan tenaga pengajar sukarela, peralatan kemudahan dan masa. Namun begitu, jika dilaksanakan, ia melibatkan aktiviti-aktiviti berikut:⁴⁰²

Komputer

Walaupun para pelatih terdiri dari golongan celik computer tetapi majoriti mereka hanya pandai bermain permainan computer, melayari internet dan menggunakan perkhidmatan laman sosial seperti facebook, twitter dan blogs. Sehubungan dengan itu, pihak RS telah memperkenalkan beberapa silibus komputer yang dilihat amat penting dan relevan demi masa hadapan mereka seperti kelas asas pemasang dan membaiki komputer serta matapelajaran Microsoft Office seperti Microsoft word, excel dan power point.⁴⁰³

Masakan

Di sini pelatih didedahkan kepada kaedah memasak bermula dari penyediaan barang mentahnya hingga kepada mengemas dan mencuci pinggan manguk selepas makan. Aktiviti ini dimudahkan dengan para pelatih diberi peranan masing-masing di dalam menyediakan makanan harian mereka secara bergilir-gilir dengan dipantau oleh warden bertugas dan juga pelatih yang memiliki kelebihan di dalam kemahiran ini. Aktiviti ini selain dapat mendidik pelatih kepada cara memasak ia juga dapat membentuk sikap kerjasama, bertolak ansur dan bertanggungjawab.⁴⁰⁴

⁴⁰² Siti Farhana, Pengurus RS Selangor, Temubual pada 21 Februari 2011

⁴⁰³ Ibid

⁴⁰⁴ Ibid

Jahitan

Di dalam kelas ini para pelatih didedahkan kepada kaedah jahitan asas seperti jahitan jelujur halus, jahitan jelujur kasar dan jahitan sembat serta juga beberapa kaedah asas jahitan manik. Aktiviti ini juga mempunyai kekangan cabaran dalam pelaksanaannya iaitu di sudut peralatan dan juga tenaga pengajar. Matlamat aktiviti ini selain dari memberikan ilmu kemahiran ia juga dilihat mampu memupuk sifat sabar, tabah dan bersyukur di kalangan pelatih.⁴⁰⁵

Kraftangan

Aktiviti ini melibatkan kemahiran pelatih untuk membentuk sesuatu benda seperti kraftangan manik. Ia adalah satu aktiviti yang melatih para remaja ini untuk memahami erti bekerja-keras dan berusaha serta mendidik diri untuk memberi penumpuan kepada sesuatu yang telah diamanahkan.⁴⁰⁶

4.5 KESIMPULAN

Sejak penubuhannya pada tahun 1998, Pusat Bimbingan Raudhatus Sakinah ini telah berjaya menjadi antara pusat bimbingan remaja perempuan terbaik di Malaysia. Kecemerlangan ini ditunjangi oleh pengurusan dan pentadbiran yang prihatin, cekap dan berdedikasi serta kemantapan program dan aktivitinya yang merangkumi pelbagai aspek pembaikan dan pembangunan manusia iaitu aspek kerohanian, fizikal, mental, emosi dan sosial. Walaupun ia dikekang oleh masalah-masalah domestik seperti kewangan, peralatan, kemudahan asas dan tenaga pengajar tetapi kesemuanya tidak menjadi satu halangan besar untuk pihak RS terus bergerak dan berkembang maju.

⁴⁰⁵ Siti Farhana, Pengurus RS Selangor, Temubual pada 21 Februari 2011

⁴⁰⁶ *Ibid*

BAB LIMA

LATAR BELAKANG PENGHUNI DAN PENERIMAAN PROGRAM PEMBANGUNAN REMAJA ISLAM DI RAUDHATUS SAKINAH

5.0 PENGENALAN

Bab ini akan menganalisis dapatan soal selidik berkaitan dengan latar belakang pelatih dan penerimaan mereka terhadap program pembangunan remaja di Raudhatus Sakinah (RS). Di sini, latar belakang pelatih yang diperolehi akan dianalisa untuk melihat corak personaliti, bentuk kesalahan, sebab kesalahan dan frekuensi kesalahan. Kemudian, berpandukan Model Penerimaan Kirkpatrick, penerimaan para pelatih ini terhadap program pembangunan yang dijalankan di RS akan dianalisa dan dibincangkan.

5.1 LATAR BELAKANG PENGHUNI

Latar belakang penghuni di Raudhatus Sakinah ini diperolehi hasil daripada penelitian keseluruhan data-data yang diperolehi dari borang kaji selidik yang diedarkan kepada 89 orang pelatih di lima buah cawangan RS. Selain itu penulis juga mengadakan temu bual dengan 10 orang pelatih untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan dengan lebih terperinci.

5.1.1 Penghuni mengikut negeri

Didapati dari 89 orang pelatih, 88 orang (98.8%) adalah berstatus bujang dan hanya seorang (1.2%) yang sudah berkahwin. Para pelatih ini berasal dari pelbagai negeri dan ditempatkan secara bercampur bagi mewujudkan pergaulan yang meluas.

Jadual 5.1: Taburan pelatih mengikut negeri asal (sehingga 8 Mac 2011)

Negeri asal Pelatih	Cawangan Raudhatus Sakinah					Jumlah
	Selangor	Kelantan	Pulau Pinang	Johor	Melaka	
Selangor	6	0	0	1	1	8
Kedah	3	0	5	0	0	8
Melaka	1	0	0	1	1	3
Kelantan	3	7	2	2	1	15
Terengganu	1	7	0	1	2	11
Sabah	1	0	0	0	0	1
Perak	6	1	3	0	0	10
Pulau Pinang	2	0	5	0	0	7
Pahang	2	0	0	1	0	3
Perlis	1	0	0	0	0	1
Negeri Sembilan	1	0	0	0	0	1
Kuala Lumpur	1	0	0	0	0	1
Sarawak	0	1	0	1	0	2
Johor	1	1	0	15	1	18
Jumlah	29	17	15	22	6	89


Jadual 5.1 di atas menunjukkan bahawa pelatih di RS ini merangkumi semua negeri di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Pelatih yang paling ramai adalah berasal dari Johor iaitu seramai 18 orang kemudian diikuti dengan Kelantan seramai 15 orang. Jadual ini juga menunjukkan bahawa salah laku di kalangan remaja bukan hanya berlaku di negeri-negeri pantai Barat yang lebih maju seperti Selangor (10 orang), Perak (10 orang), Pulau Pinang (7 orang), Kedah (8 orang) dan Johor (18 orang) tetapi juga di negeri pantai timur yang dilihat kurang maju seperti Kelantan (15 orang) dan Terengganu (11 orang) manakala negeri-negeri lain agak kurang iaitu antara 1-3 orang sahaja. Walaubagaimanapun, maklumat ini hanya meliputi kajian ini sahaja kerana faktor kenegerian ini dilihat boleh berubah-ubah mengikut skop kajian yang

tertentu. Namun, setiap remaja tidak kira dari mana asalnya dilihat berpotensi dan berisiko terlibat dalam segala aspek salahlaku.

5.1.2 Usia Penghuni

Secara umum, antara syarat kemasukan pelatih ke RS ini dari aspek usia adalah remaja tersebut perlu berumur antara 12 hingga 25 tahun. Jumlah penghuni yang ditemui di RS berdasarkan usia ditunjukkan dalam Jadual 5.2 di bawah.

Jadual 5.2 : Taburan umur pelatih



Berdasarkan kepada Jadual 5.2, didapati bahawa usia penghuni yang paling ramai adalah 17 tahun (17 orang), 19 tahun (15 orang) dan 21 tahun (13 orang). Berbanding usia lain iaitu antara 1 hingga 8 orang sahaja. Data ini menunjukkan bahawa remaja lepasan sekolah iaitu berusia antara 17 hingga 21 tahun (seramai 60 orang) merupakan usia yang amat berisiko terjebak dalam aktiviti salah laku. Manakala dalam usia remaja menengah atas iaitu antara 16 dan 17 tahun iaitu seramai 22 orang juga dilihat agak terdedah kepada risiko ini

manakala bagi usia awal remaja iaitu antara 12 hingga 15 tahun seramai 6 orang sahaja. Namun dapatan ini tidak boleh dibuat sebagai satu kesimpulan buat semua remaja di Malaysia tetapi ia mampu dijadikan sebagai satu garis panduan untuk mengkaji corak dan penularan masalah sosial di kalangan remaja terutama dari aspek usia.

Berdasarkan temubual⁴⁰⁷ yang dilakukan keadaan ini disebabkan sebahagian remaja merasa bebas dari kongkongan dan pengawasan ibu bapa sebaik sahaja tamat persekolahan. Pada tahap ini, sebahagian remaja telah mula menceburi bidang pekerjaan dan mula mempunyai pendapatan sendiri. Secara tidak langsung ia akan mendedahkan lagi remaja tersebut dengan dunia keseronokan tanpa bimbingan ibu bapa. Aspek usia ini turut disokong di dalam satu kajian oleh Ibrahim Mamat yang mendapati bahawa remaja lepasan sekolah lebih mudah terjebak dalam pelbagai salahlaku sosial terutama remaja yang sejak di alam persekolahan telah berjinak-jinak dengan kenakalan dan keseronokan dunia.⁴⁰⁸

5.1.3 Tahap Pendidikan

Pada dasarnya penghuni di RS ini mendapat pendidikan secara formal daripada sistem pendidikan negara. Tahap pendidikan penghuni dapat dilihat berdasarkan Jadual 5.3 di sebelah.

⁴⁰⁷ Temu bual dengan pelatih C, berusia 18 tahun di RS Sekangor, pada 8 Mac 2011.

⁴⁰⁸ Ibrahim Mamat (1997), *op. cit.*, h. 81-81

Jadual 5.3 : Tahap Pendidikan Tertinggi

Tahap Pendidikan	Bilangan	Peratus
Sekolah Rendah	8	9.0
PMR	27	30.3
SPM	34	38.2
IPT	20	22.5
Jumlah	89	100.0

Berdasarkan Jadual 5.3 iaitu tahap pendidikan tertinggi, didapati bahawa golongan remaja yang paling ramai terlibat dalam salah laku ini adalah pada tahap alam menengah persekolahan iaitu lepasan PMR dan SPM seramai 61 orang. Namun demikian, terdapat juga golongan remaja yang sedang menuntut di IPT iaitu seramai 20 orang terpengaruh dengan aktiviti salah laku walaupun pada asasnya mereka memiliki ilmu pengetahuan.

Senario ini menunjukkan bagi remaja di RS, alam menengah persekolahan merupakan tahap umur yang paling mudah terpengaruh dengan aktiviti salah laku berbanding dengan alam rendah persekolahan. Menurut pelatih G,⁴⁰⁹ pada tahap ini beliau sentiasa ingin mencuba sesuatu yang baru dan berusaha untuk bebas dari kawalan ibu bapa. Fenomena ini secara umumnya membuktikan bahawa remaja berkelulusan SPM adalah golongan yang paling berisiko dan bermasalah sepetimana yang pernah dibincangkan di dalam majalah Al Islam bahawa kebanyakkan kes-kes tangkapan di bawah Seksyen Kesusilaan adalah melibatkan remaja perempuan lepasan sekolah dan bertudung.⁴¹⁰ Ia juga menyatakan bahawa ini terjadi kerana golongan ini memiliki perasaan ingin mencuba sesuatu yang baru, kurangnya didikan agama,

⁴⁰⁹ Temuramah dengan pelatih G, berusia 19 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011.

⁴¹⁰ Jeffri Rahman (2003): "Fokus-Maksiat Wanita Bertudung". *Al Islam*: November 2003/Ramadan 1424, h. 44

kekeliruan dalam membuat keputusan serta pengaruh teknologi maklumat dan komunikasi.⁴¹¹ Isu ini turut dinyatakan di dalam laporan portal rasmi PPD Kerian mengenai gejala gangsterisme di kalangan pelajar sekolah dan lepasan sekolah.⁴¹²

5.1.4 Pendidikan Agama

Pendidikan agama adalah asas penting dalam membina jati diri remaja. Ia penting untuk melahirkan insan yang mempunyai nilai insaniah dan kerohanian.⁴¹³ Di Malaysia, Akta Pelajaran 1961 telah mewajibkan pendidikan Islam untuk diajar di setiap sekolah rendah dan menengah bantuan kerajaan kepada setiap pelajar beragama Islam di mana didikan agama secara formal ini menekankan kepada pengajian fardhu ain dan lain-lain pengajian agama Islam seperti tauhid, akhlak dan pengajian al-Quran.⁴¹⁴ Jadual 5.4 di bawah menunjukkan data-data didikan agama secara formal yang diperolehi oleh penghuni di RS.

Jadual 5.4 : Didikan Agama Formal

Didikan Agama	Bilangan	Peratus
Tidak Pernah	12	13.5
Pernah	77	86.5
Jumlah	89	100.0

Berdasarkan Jadual 5.4 iaitu didikan agama formal, ia menunjukkan bahawa 86.5% atau 77 orang pernah mendapat didikan agama secara formal. Secara tidak langsung menunjukkan bahawa golongan remaja ini telah di

⁴¹¹ Jeffri Rahman (2003), *op. cit.*, h. 51

⁴¹² Pejabat Pelajaran Daerah Kerian, <http://ppdkerian.edu.my>, Gangsterisme di Sekolah Menengah Harian, 3 April 2005.

⁴¹³ Azrin Abdul Majid (2011), *Pendidikan Islam Malaysia – Membangun Gagasan Baru*. Shah Alam, Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi & Pembangunan Modal Insan Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan, h. 51.

⁴¹⁴ Ismail Ab. Rahman (1993), *Pendidikan Islam di Malaysia*. Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 15

dedahkan dengan ilmu pengetahuan agama. Namun ia masih lagi tidak dapat menghalang mereka dari melakukan aktiviti salah laku. Ini kerana didikan agama yang didedahkan kepada para remaja di peringkat sekolah (sekolah rendah dan menengah rendah) gagal memberikan impak yang sewajarnya sepetimana yang dikongsi bersama pelatih J yang menyatakan kurang minat dalam pendidikan Islam manakala para ustaz serta ustazah yang menurutnya gagal memikat dan menjadi contoh teladan.⁴¹⁵ Pelatih B pula menyatakan walaupun beliau tidak mempunyai masalah dalam pendidikan agama ini tetapi secara praktikal di dalam kehidupan hariannya beliau gagal kerana mudah membelakangi hukum-hukum agama dan memenangi tuntutan nafsu serta logik akal.⁴¹⁶ Masalah ini turut dikongsi bersama oleh Pengarah Pusat Kokurikulum UPM, Prof. Madya Mohd. Shatar Sabran yang menyatakan bahawa remaja yang terlibat dalam salah laku seks dan seks bebas didapati mengakui mendapat didikan agama yang mencukupi tetapi mereka masih gagal untuk melawan tarikan negatif rakan sebaya.⁴¹⁷ Fakta ini turut disokong oleh satu laporan di akhbar Berita Harian yang menyatakan walaupun ibu bapa telah memberikan didikan agama yang mencukupi tetapi jika sistem pemantauan keluarga agak lemah maka perkara ini (didikan agama) tidak akan memberi kesan.⁴¹⁸

Walaupun didapati 86.5% para remaja di RS ini mendapat didikan agama secara formal manakala hanya 13.5% sahaja yang tidak tetapi peratusan ini mungkin berbeza pada kajian-kajian lain. Namun begitu, kajian membuat satu kesimpulan umum bahawa didikan agama secara formal ini harus

⁴¹⁵ Temuramah dengan pelatih J, berusia 21 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

⁴¹⁶ Temuramah dengan pelatih B, berusia 16 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

⁴¹⁷ Universiti Putra Malaysia Info, <http://kajian-upm-salah-laku-remaja.html>.

⁴¹⁸ Muhamad Razak Idris (2011): "Kualiti Kepimpinan Ibu bapa Makin Merosot". *Berita Harian Online*: 5 April 2011

dipertingkatkan sama ada dari segi silibus, teori, amali, kaedah pengajaran serta pendekatan khudwah hasanah yang sewajarnya.

5.1.5 Pekerjaan Responden

Pekerjaan adalah sesuatu yang amat penting bagi setiap manusia. Selain dari memberi sumber kewangan, ia juga mampu membentuk disiplin dan jati diri jika diurus dengan baik. Bagi responden di RS, keterlibatan mereka dalam alam pekerjaan di tunjukkan dalam Jadual 5.5 di bawah.

Jadual 5.5 : Pekerjaan Responden

Pekerjaan	Bilangan	Peratus
Butik	1	1.1
Guru Tadika	2	2.2
Jurujual	1	1.1
Kedai buku	2	2.2
Kedai Elektrik	1	1.1
Kedai Makan	6	6.7
Kerani	2	2.2
Khidmat Pelanggan	1	1.1
Kilang	4	4.5
Mgt. Trainee	1	1.1
P. Juruukur Bahan	1	1.1
Pasaraya	5	5.6
Pelajar	18	20.2
Pengawal Keselamatan	1	1.1
Pengurus Kedai	1	1.1
Peniaga	2	2.2
Promoter	3	3.4
Setiausaha	1	1.1
Shampoo Girl	1	1.1
Tiada	35	39.3
Jumlah	89	100.0

Jadual 5.5 memaparkan pekerjaan para remaja ini sebelum mereka memasuki RS. Ia menjelaskan terdapat dua golongan utama iaitu pelatih yang tidak pernah bekerja (termasuk pelajar) iaitu seramai 53 orang (59.5%) dan 36 orang yang pernah bekerja (40.5%).

Sementara itu, di dalam kategori pertama didapati seramai 35 orang memang tidak pernah berkerja (39.3%) manakala seramai 18 orang (20.2%) adalah pelajar. Kemudian, bagi yang pernah berkerja iaitu 40.5% didapati majoriti mereka mencebur di dalam pekerjaan bukan professional. Hasil temubual dengan pelatih A,⁴¹⁹ penulis mendapati kelalaian dalam perancangan dan pengurusan masa yang baik selepas waktu kerja terutama di waktu malam telah menyebabkan mereka mengisi masa terluang dengan mengunjungi pusat-pusat hiburan. Kenyataan ini turut dikongsi bersama oleh pelatih E dan pelatih I yang menyatakan bahawa persekitaran pekerjaan juga telah menyebabkan mereka terlibat di dalam masalah sosial.⁴²⁰

Sementara itu bagi golongan yang tidak pernah berkerja, pelatih D berkongsi pengalamannya dengan menyatakan bahawa faktor hiburan dan kegagalan memanfaatkan masa lapang terutama selepas tamat alam persekolahan telah menjerumuskan beliau ke dalam masalah-masalah ini.⁴²¹ Hal ini turut dikongsi oleh Mahadi Osman yang menyatakan golongan lepasan sekolah yang tidak berkerja dan mempunyai sejarah disiplin sekolah seperti ponteng, tidak patuh arahan, mengganggu pengajaran dan tidak sopan akan lebih mudah terjebak dalam masalah sosial apabila berdepan dengan masyarakat luar

⁴¹⁹ Temubual Pelatih A, berusia 19 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

⁴²⁰ Temubual dengan pelatih E, berusia 20 tahun dan pelatih I, berusia, 21 di RS Selangor pada 8 Mac 2011

⁴²¹ Temubual dengan pelatih D, berusia 18 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

kerana kurangnya jati diri dari segi emosi, jasmani, ilmu, keyakinan diri dan berdikari⁴²²

Sementara itu, kajian mendapati para pelajar yang terlibat dalam isu-isu ini adalah terdiri dari golongan yang memang mengejar glamour dan keseronokan dunia sehingga menyebabkan mereka mudah diperdaya oleh teman lelaki sepetimana yang dinyatakan oleh pelatih B, H, I dan J.⁴²³

Kesimpulannya, walaupun kajian mendapati remaja yang berkerja mudah terlibat di dalam masalah salahlaku tetapi sebenarnya setiap remaja mempunyai potensi yang sama untuk terlibat dan hanya akan dibataskan oleh masa dan keadaan sahaja.

5.1.6 Latar Belakang Keluarga

Dari aspek latar belakang keluarga iaitu status ibu bapa, pekerjaan ibu bapa, bilangan adik-beradik dan hubungan dalam keluarga, didapati bahawa penghuni di RS ini mempunyai latar belakang yang berbeza-beza. Jadual 5.6 di bawah menunjukkan status ibu bapa penghuni di RS.

Jadual 5.6 : Status Ibu Bapa

Status Ibu bapa	Bil	Peratus(%)
Masih Bersama	65	73%
Bercerai	12	13.5%
Kematian Salah Seorang	12	13.3%
Jumlah	89	100%

⁴²² Mahadi Osman & rakan-rakan (1996), *op. cit.*, h. 134

⁴²³ Temubual dengan pelatih B, berusia 16 tahun, pelatih H, berusia 21 tahun, pelatih I, berusia 21 tahun dan pelatih J, berusia 23 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

Berdasarkan Jadual 5.6 didapati bahawa seramai 65 orang pelatih (73%) ibu bapa masih bersama, 12 pelatih (13.5%) ibu bapa mereka telah bercerai dan 12 pelatih (13.5%) telah kematian salah seorang dari mereka. Dapatan ini menunjukkan bahawa kehadiran ibu bapa bukan lagi satu jaminan keselamatan para remaja tidak terjebak dalam masalah sosial. Kesibukan dengan tugasan harian, sikap negatif dan tidak sensitif ibu bapa terhadap anak-anak, kegagalan mengawasi pergerakan anak-anak terutama dari sudut pergaulan dan aktiviti luar adalah antara penyebab utama kepada masalah ini

Pandangan ini turut dikongsi oleh saudara Izani Daud.⁴²⁴ Beliau menyatakan bahawa punca masalah sosial remaja masakini adalah kegagalan ibu bapa mengajar dan mendidik anak-anak di rumah. Kerakusan ibu bapa mencari kekayaan, kesilapan memberi kasih sayang, kesibukan keterlaluan dalam hal dunia sehingga mengabaikan tanggungjawab adalah antara punca-punca utamanya. Sementara itu, Aminudin Mansor pula berpendapat bahawa tiada kawalan dan bimbingan sempurna dari ibu bapa dan ketandusan kasih sayang dari kedua ibu bapa juga adalah punca mengapa remaja mudah dipengaruhi oleh anasir luar terutama rakan sebaya dan teman lelaki.⁴²⁵

Manakala dari aspek pekerjaan ibu bapa, rata-rata ibu atau bapa mereka mempunyai pekerjaan. Ini dapat dilihat sebagaimana dalam Jadual di 5.7.

⁴²⁴ Izani Daud (2004): “*Umum-Ibu bapa punca gejala sosial remaja*”. *Al Islam*: Februari 2004/Zulhijah 1424, h. 32

⁴²⁵ Aminudin Mansor . (2011):”*Minda –Ibu bapa teladan terbaik*”. *Harian Metro*, 3 Mac 2011, h. 20

Jadual 5.7 : Pekerjaan Ibu

Pekerjaan Ibu	Bilangan	Peratus (%)
Guru	4	4.5
Kantin Sekolah	1	1.1
Kedai Makan	1	1.1
Kerani	2	2.2
Kilang	1	1.1
Meninggal	2	2.2
Pegawai Kanan (JKM)	1	1.1
Pegawai Penjara	1	1.1
Peguam	1	1.1
Pekerja Am Rendah	1	1.1
Pelukis Pelan	1	1.1
Pencuci	1	1.1
Pencuci Hospital	1	1.1
Pengawal Keselamatan	1	1.1
Pengurus Kedai	1	1.1
Peniaga	10	11.2
Senior Supervisor	1	1.1
Surirumah	53	59.6
Swasta	2	2.2
Tidak Tahu	2	2.2
Tukang Masak	1	1.1
Jumlah	89	100.0

Berdasarkan Jadual 5.7, menunjukkan bahawa pekerjaan ibu di sini adalah dalam pelbagai bidang. Namun didapati seramai 53 orang (59.6%) ibu mereka adalah sebagai suri rumah iaitu tidak bekerja, 26 orang (29.2%) berkerja dan 10 orang (11.2%) adalah peniaga. Kajian menunjukkan para pelatih mempunyai majoriti ibu yang tidak bekerja tetapi masih gagal untuk mengawasi masalah dan pergerakan anak-anak remaja. Golongan ini yang merangkumi seramai 59.6% didapati gagal mendekati anak-anak mereka dan menyelesaikan pergolakan jiwa para anak-anak.⁴²⁶ Sementara itu, hasil temubual penulis dengan pelatih F⁴²⁷ menyatakan beliau bosan berada di rumah kerana sikap ibunya sebagai suri rumah suka membebek, menyalahkan anak-anak, memarahi anak-

⁴²⁶ Puan Aniyah, Pengurus RS Pulau Pinang, temubual pada 3 Mac 2011

⁴²⁷ Temubual Pelatih F, berusia 17 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

anak tanpa usul periksa di samping gagal menunjukkan jalan penyelesaian kepada anak-anak mereka. Ini menyebabkan beliau bertindak keluar dari rumah bagi mengelak dari bergaduh dengan ibu.

Sementara itu, bagi ibu yang berkerja dan berniaga didapati mereka gagal dalam mengimbangi masa untuk kerja dan perniagaan dengan masa untuk anak-anak sepetimana yang dinyatakan oleh pelatih A.⁴²⁸ Keadaan ini diburukkan lagi oleh lambakan kemewahan dan kesenangan yang diumparkan oleh ibu untuk menutup segala kelemahan dan ketidak-upayaan mereka bersama dengan anak-anak..⁴²⁹

Manakala bagi pekerjaan bapa, ditunjukkan dalam Jadual 5.8 di bawah.

Jadual 5.8 : Pekerjaan Bapa

Pekerjaan bapa	Bilangan	Peratus
Pekerja Rendah Am	1	1.1
ABF Petronas	1	1.1
Bank	1	1.1
Buruh	4	4.5
Buruh Am	1	1.1
Guru	6	6.7
Jururunding	1	1.1
Jurutera	2	2.2
KTM	1	1.1
Manager Bank	1	1.1
Meninggal	8	9.0
Nelayan	2	2.2
P.Pembedahan Gigi	1	1.1
Pegawai Penjara	1	1.1
Pegawai Perkeso	1	1.1
Peladang	1	1.1
Pemandu	1	1.1
Pemandu Lori	3	3.4

⁴²⁸ Temubual dengan pelatih A, berusia 19 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

⁴²⁹ Temubual dengan pelatih D, berusia 18 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

“Jadual 5.8, sambungan”

Pemandu Teksi	1	1.1
Pemandu Van	1	1.1
Pembantu Am	1	1.1
Pembantu Am (Navy)	1	1.1
Pembantu Am Rendah	1	1.1
Pembantu Makmal	1	1.1
Pendawai Elektrik	1	1.1
Peneroka	4	4.5
Pengawal Keselamatan	1	1.1
Penguatkuasa Vaterinar	1	1.1
Peniaga	13	14.6
Penjaga Keselamatan	1	1.1
Penoreh Getah	1	1.1
Pensyarah	1	1.1
Penyelia Kilang	1	1.1
Pesara	4	4.5
Pesara Kerajaan	2	2.2
Pesara Polis	1	1.1
Pesara Tentera	4	4.5
Petani	1	1.1
Polis	1	1.1
Swasta	1	1.1
Tiada	2	2.2
Tidak Tahu	5	5.6
Tukang Paip	1	1.1
Jumlah	89	100.0

Berdasarkan Jadual 5.8 iaitu pekerjaan bapa, didapati bahawa seramai 63 orang (70.8%) pelatih mempunyai bapa yang berkerja. Data ini menunjukkan bahawa pelatih yang mempunyai bapa yang berjaya mudah terjebak dalam masalah salah laku. Menurut saudara Arieff Salleh Rosman, keasyikan ibu bapa mengejar kekayaan telah menyebabkan kerenggangan di dalam hubungan anak dan ibu bapa sehingga menyebabkan anak-anak lebih suka menyendirি ataupun mencari teman bicara di luar bersama rakan-rakan atau terlibat dalam lain-lain aktiviti berisiko.⁴³⁰ Sementara itu, kajian ini mendapati status pekerjaan bapa kurang mempengaruhi keterlibatan anak-anak di dalam gejala kurang sihat ini

⁴³⁰ Arieff Salleh Rosman & Wardah Mokhtar (2007), *Membentuk Jati Diri Remaja*. Batu Caves, PTS Publication & Distribution Sdn.Bhd., h. 99

apabila didapati 28 orang pelatih (31.5%) bapa mereka dari golongan bukan professional, 22 orang (24.7%) dari golongan professional manakala seramai 13 orang (14.6%) adalah peniaga. Walaubagaimanapun peratusan ini hanya terhad kepada skop kajian ini sahaja dan ia tidak boleh disimpulkan sebagai satu penemuan yang melibatkan kesemua remaja Malaysia.

Namun begitu, kajian ini menunjukkan peranan bapa seperti memberi kasih sayang, pemerhatian, bimbingan dan semangat kebersamaan amat penting dalam melindungi dan memantau anak-anak perempuan walaupun tidak dinafikan pencarian nafkah keluarga turut diutamakan. Hasil temubual penulis dengan pelatih F yang bapanya seorang kakitangan kerajaan, mendapati kasih sayang yang berlebihan dan tiada ketegasan dalam mendisiplinkan anak-anak telah menyebabkan beliau terlalu bebas, sukar ditegur dan akhirnya suka menipu ibu bapa.⁴³¹

Jadual 5.9 : Bilangan Adik Beradik

Bilangan Adik Beradik	Bilangan	Peratus
1	1	1.1
2	4	4.5
3	12	13.5
4	15	16.9
5	18	20.2
6	9	10.1
7	13	14.6
8	6	6.7
9	5	5.6
10	5	5.6
15	1	1.1
Jumlah	89	100.0

⁴³¹ Temubual dengan pelatih F, berusia 17 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011


Berdasarkan Jadual 5.9 iaitu bilangan adik-beradik didapati bahawa majoriti pelatih mempunyai bilangan adik beradik 4 hingga 5 orang iaitu seramai 33 orang (37.1%) manakala 13 pelatih mempunyai 7 adik beradik. Walaupun 4 hingga 7 adik beradik dianggap sederhana, namun dalam era teknologi sekarang, bilangan sedemikian boleh dianggap ramai bagi sesetengah pihak termasuk ibu bapa. Mariani Md. Nor menyatakan bahawa bilangan adik beradik yang ramai mudah meningkatkan kegagalan tahap kendiri anak-anak sehingga sering bergaduh kerana masing-masing mempunyai tekanan sama ada tekanan di dalam keluarga sendiri ataupun tekanan luar yang boleh menjuruskan kepada masalah sosial yang lebih membimbangkan. Menurutnya, kegagalan ibu bapa memberikan layanan dan pengawasan yang sempurna dan seimbang kepada anak-anak telah mendorong permasalahan anak-anak.⁴³²

Kajian ini turut menyokong kenyataan Mariani Md. Nor ini di mana seramai 73 orang pelatih (82%) mempunyai bilangan adik-beradik dari 3 orang ke 8 orang. Sementara itu, pelatih H yang telah berkongsi masalah ini menyatakan sebagai anak sulung kepada 6 orang adik-beradik, beliau banyak dipertanggungjawabkan untuk menguruskan adik-adik tetapi layanan dari adik-adik yang dingin dan sikap ibunya yang pilih kasih telah menyebabkan beliau amat kecewa sehingga sanggup melakukan hal-hal di luar batasan agama demi mencari ketenangan.⁴³³ Hasilan ini menunjukkan bahawa bagi kes para pelatih di RS, bilangan adik-beradik turut menyumbang kepada berlakunya gejala sosial di kalangan mereka walaupun ini tidak boleh dianggap sebagai satu kesimpulan umum dalam kes-kes remaja lain yang boleh dibatasi oleh faktor-faktor lain.

⁴³² Shaidah Shafie (2006): “*Natijah Perceraian – Kanak-kanak, remaja mengalami trauma berpanjangan*”. Berita Harian Online : 26 Februari 2006

⁴³³ Temubual dengan Pelatih H, berusia 21 tahun di RS Selangor, pada 9 Mac 2011

Jadual 5.10 : Anak Ke Berapa



Manakala Jadual 5.10 pula menunjukkan anak ke berapa pelatih dalam keluarga. Berdasarkan Jadual 5.10 didapati bahawa majoriti pelatih disini adalah dari anak pertama iaitu seramai 21 orang dan anak ke-2 iaitu seramai 18 orang. Hasil dari temubual dengan pelatih B,⁴³⁴ penulis mendapati anak pertama merasakan agak tersisih dan kurangnya perhatian dari ibu bapa. Ini kerana mereka merasakan segala perhatian dan kasih sayang telah berpindah kepada adik-adik yang lain. Isu ini turut dinyatakan di dalam satu kajian di sebuah Rumah Bakti oleh Abd. Rahim Abd. Rashid dan rakan-rakan yang mendapati 64% pelatih di sini merupakan anak pertama hingga ke tiga.⁴³⁵ Kedua-dua dapatan ini menunjukkan bahawa kedudukan dalam keluarga juga berperanan dalam menangani emosi remaja dan seterusnya mengawal anak-anak dari menjerumuskan diri mereka ke dalam masalah-masalah sosial.

⁴³⁴ Temubual Pelatih B, berusia 16 tahun di RS Selangor pada 9 Mac 2011

⁴³⁵ Abd. Rahim Abd. Rashid & Rakan-rakan (2006), *op. cit.*, h. 194

Jadual 5.11 : Hubungan Sesama Keluarga

Hubungan Sesama Keluarga	Bil	Peratus (%)
Baik	65	73%
Sederhana	24	27%
Tidak Baik	0	0%
Jumlah	89	100%

Seterusnya dari aspek hubungan sesama keluarga, Jadual 5.11 menunjukkan bahawa sebanyak 73% (65 orang pelatih) mempunyai hubungan kekeluargaan yang baik iaitu tiada masalah sama ada dengan adik-beradik atau ibu bapa. Namun hasil temubual dengan pelatih G⁴³⁶ didapati bahawa walaupun hubungan keluarga agak baik tetapi kesibukan masing-masing telah menjarakkan jurang pergaulan dan masa bersama di dalam keluarga sehingga menyebabkan remaja mencari teman bicara di luar terutama rakan sebaya dan teman lelaki sehingga mendapat kepercayaan sepenuhnya ketika senang dan susah.

Jadual 5.12: Keterlibatan Keluarga/Saudara Mara

Keterlibatan Keluarga / Saudara Mara	Bil	Peratus (%)
Tidak Pernah	66	74.2
Pernah	23	25.8
Jumlah	89	100

Seterusnya dari aspek keterlibatan keluarga atau saudara mara dalam masalah sosial, Jadual 5.12 menunjukkan bahawa terdapat 66 orang pelatih (74.2%) tidak mempunyai saudara mara atau keluarga yang terlibat dalam masalah ini dan hanya 23 orang pelatih (25.8%) sahaja yang mempunyai saudara sebegini. Dapatan ini disebabkan majoriti pelatih di sini adalah dari anak pertama dan ke dua. Namun terdapat 25.8% para remaja di sini yang telah

⁴³⁶ Temubual Pelatih G, berusia 19 tahun di RS Selangor, pada 8 Mac 2011

mengikuti jejak langkah saudara terdekat mereka untuk terjebak di dalam isu-isu sosial ini. Fenomena ini turut disokong oleh Abd. Rahim Abd. Rashid dan rakan-rakan yang menyatakan bahawa antara faktor keluarga yang mempengaruhi tindakan remaja adalah keterlibatan ibu bapa dan keluarga.⁴³⁷

Jadual 5.13 : Bil. Program Pemulihan

Bil. Ikuti Program Pemulihan	Bil	Peratus (%)
1	24	27
2	59	66.3
3	2	2.2
4	3	3.4
5	1	1.1
Jumlah	89	100

Manakala dari aspek bilangan mengikuti program pemulihan, Jadual 5.13 menunjukkan bahawa seramai 59 orang pelatih (66.3%) telah mengikuti program pemulihan buat kali ke dua termasuk program motivasi di sekolah. Kajian mendapati bahawa remaja yang telah terlibat di dalam masalah salah laku ini akan lebih berpotensi untuk mengulanginya termasuk di kalangan remaja yang telah menjalani proses bimbingan dan pemulihan. Isu ini telah diulas oleh Ibrahim Mamat yang menyatakan kegagalan untuk memimpin para remaja di segi fizikal, rohani, intelek dan emosi di sekolah atau mana-mana institusi merupakan punca mengapa para remaja mudah mengulangi kesalahan dan kesilapan mereka walaupun telah ditegur dan dikenakan tindakan.⁴³⁸ Hal ini turut dikongsi bersama Pelatih H yang menyatakan bahawa kurang keyakinan diri walaupun telah beberapa kali diberi motivasi dan menjalani kelas bimbingan

⁴³⁷ Abd. Rahim Abd. Rashid & Rakan-rakan (2006), *op. cit.*, h. 166

⁴³⁸ Ibrahim Mamat (1997), *op. cit.*, h. 60

adalah punca beliau gagal dalam membuat pilihan yang betul dalam pergaulannya terutama dengan teman lelaki.⁴³⁹

5.1.7 Kediaman asal dan Jenis Perumahan

Masalah remaja yang berlaku sekarang bukan hanya di kawasan bandar malah ia turut melanda kawasan luar bandar. Jadual 5.14 menunjukkan corak kediaman asal bagi penghuni di RS sebelum mereka memasuki pusat bimbingan ini.

Jadual 5.14 : Kediaman Asal Pelatih

Kediaman Asal	Bilangan	Peratus
Bandar	52	58.4
Pinggir Bandar	12	13.5
Luar Bandar	25	28.1
Jumlah	89	100.0

Jadual 5.14 ini menyatakan bahawa majoriti remaja yang terlibat dalam salah laku ini adalah tinggal di kawasan bandar iaitu seramai 52 orang (58.4%), diikuti remaja yang tinggal di luar bandar iaitu seramai 25 orang (28.1%) dan remaja pinggir bandar seramai 12 orang (13.5%).

Keterlibatan para remaja bandar di dalam masalah sosial banyak berpunca oleh corak dan suasana kehidupan di bandar sepertimana yang dilaporkan di dalam satu laporan akademik UKM.⁴⁴⁰ Kenyataan ini disokong oleh pelatih D⁴⁴¹ yang menyatakan antara aktiviti hujung minggu beliau dan rakan-rakannya dahulu adalah mengunjungi pusat-pusat hiburan selain terlibat di dalam aktiviti rempit. Menurutnya lagi, kewujudan pusat-pusat hiburan di


⁴³⁹ Temubual dengan pelatih H, berusia 21 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

⁴⁴⁰ Universiti Kebangsaan Malaysia Info,,www.ukm.my/penerbit/akademika/pdf

⁴⁴¹ Temubual Pelatih D, berusia 18 tahun di RS Selangor, pada 9 Mac 2011

kawasan bandar yang mudah untuk dikunjungi tanpa sekat walaupun bagi remaja di bawah umur telah menggalakkan lagi aktiviti mereka. Manakala pelatih E pula menyatakan walaupun beliau tinggal di luar bandar tetapi tempias-tempias pembangunan dan pendedahan media massa telah menyebabkan beliau dan rakan-rakan di kampung ingin mencuba kehidupan remaja bandar tanpa mendapat pandangan dan tunjuk-ajar golongan yang lebih dewasa.⁴⁴² Walaupun kajian mendapati golongan remaja di bandar lebih mudah terlibat di dalam masalah sosial tetapi keputusan ini tidak mencerminkan situasi sebenar remaja di Malaysia di mana para remaja sama ada di bandar, di luar bandar atau di pinggir bandar mempunyai potensi yang sama untuk terjebak di dalam salahlaku sosial ini.

. Jadual 5.15 : Jenis Perumahan



⁴⁴² Temubual dengan pelatih E, berusia 20 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

Jadual 5.15 pula menjelaskan jenis perumahan yang didiami oleh para pelatih sebelum mereka memasuki pusat bimbingan ini. Jadual ini menunjukkan bahawa golongan majoriti adalah remaja yang tinggal di rumah teres iaitu seramai 37 orang dan di rumah kampung seramai 35 orang. Kajian juga mendapati remaja yang menetap di rumah teres mempunyai keluarga yang ramai iaitu dalam lingkungan 4 hingga 7 orang sepetimana yang dialami oleh pelatih H.⁴⁴³ Secara umum, rumah teres di bandar dan di pinggir bandar hanya mempunyai 2-4 bilik sahaja dimana situasi ini akan menyebabkan para remaja ini tiada ruang privasi mereka. Fenomena ini menyebabkan mereka lebih suka menghabiskan masa terluang di luar rumah bersama rakan-rakan dan keadaan ini akan mendedahkan mereka kepada aktiviti yang kurang sihat.⁴⁴⁴

Satu kenyataan oleh seorang pereka bentuk dalaman, Hamidon Abdullah bahawa para pemaju kini kurang peka terhadap aspek reka bentuk dalaman sesebuah rumah terutama dalam menyediakan ruang bilik remaja yang asas. Menurutnya, masalah saiz dan ruang serta kualiti bilik menyebabkan para remaja menghadapi masalah dalam keluasan yang terhad terutama apabila terpaksa berkongsi bersama ahli keluarga yang lain.⁴⁴⁵

Sementara itu, remaja yang tinggal di rumah kampung pula dilihat lebih terpengaruh dengan tekanan hidup serta faktor ingin mencari hiburan dan keseronokan di luar serta cuba mengikuti corak kehidupan remaja bandar dan

⁴⁴³ Temubual dengan pelatih H, berusia 21 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

⁴⁴⁴ Temubual dengan pelatih C, berusia 18 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

⁴⁴⁵ Hamidon Abdullah (2011). “Dekor-Reka bentuk dalaman: Asas bilik remaja”. *Berita Harian Online*: 2 Januari 2011

budaya barat terutama di sudut pergaulan, fesyen pakaian, makanan dan aktiviti sosial.⁴⁴⁶

Akhirnya, kajian ini menunjukkan bahawa apa sahaja jenis tempat tinggal mampu mempengaruhi remaja dalam setiap aktiviti dan tindak tanduk mereka tetapi ia lebih berisiko kepada perumahan kampung dan jenis teres sepetimana yang ditunjukkan oleh para remaja di pusat bimbingan ini. Namun, pengawasan dan pemerhatian yang sewajarnya oleh ibu bapa akan membantu anak-anak dari mudah terpengaruh dengan segala bentuk salah laku.

5.2 JENIS SALAH LAKU

Terdapat berbagai jenis salah laku di kalangan remaja masa kini yang menyebabkan mereka hilang matlamat kehidupan. Salah laku di kalangan remaja berlaku apabila remaja tidak mengikut prinsip akhlak yang telah ditetapkan oleh Islam. Analisa mendapati senarai salah laku para pelatih di RS ditunjukkan dalam Jadual 5.16

Jadual 5.16 (a) : Jenis Salah laku-Kekemasan Diri

Jenis Salah Laku	Bil.	(%)
a) Kekemasan Diri	61	68.5
- Tidak memakai tudung apabila keluar	40	44.9
- Berpakaian ghairah dan mendedahkan	68	76.4
- Berpakaian menampakkan bentuk tubuh (ketat)	39	43.8
- Memakai barang perhiasan terlarang ke sekolah	8	9
- Mempunyai tatu/tindik di anggota badan		

⁴⁴⁶ Berita Harian Online (2010): “Wilayah-Galas: Remaja Kampung Baru perlu tempat riadah”. *Berita Harian Online*: 29 Oktober 2010

a) Kekemasan diri

Islam menekankan konsep kekemasan diri sebagai memperlihatkan kecantikan dan keindahan Islam. Berdasarkan Jadual 5.16(a) iaitu jenis salah laku remaja di RS, didapati bahawa dari aspek kekemasan diri, remaja lebih suka untuk berpakaian dengan menampakkan bentuk tubuh (ketat) iaitu sebanyak 68 orang (76.4%) dan tidak memakai tudung apabila keluar iaitu sebayak 61 orang (68.5%). Ini menunjukkan bahawa remaja yang berpakaian ketat dan tidak menutup aurat akan mendedahkan diri dengan gangguan anasir negatif yang akan menyebabkan berlakunya gejala sosial. Justeru itu etika berpakaian yang digariskan dalam Islam perlu dipatuhi untuk mengelak dari berlakunya masalah yang lebih serius .

Jadual 5.16 (b) : Jenis Salah laku- Jenayah

b) Jenayah	Bil	(%)
- Membuli	22	24.7
- Berjudi	6	6.7
- Memeras ugut	10	11.2
- Mencuri/merompak/menyamun	16	18
- Melawan/mengancam/memukul/mencederakan	27	30.3
- Terlibat dalam aktiviti berkaitan dengan dadah	10	11.2
- Pil khayal (ecstacy), hidu gam	10	11.2
- Senjata bahaya	8	9
- Tunjuk perasaan/berpiket/ganggu ketenteraman awam	7	7.9
- Menceroboh bilik khas /kedai /koperasi /pejabat / asrama	8	9

b) Jenayah

Allah SWT menurunkan Islam adalah untuk menjaga keselamatan, keamanan dan keharmonian sejagat untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Namun jika berlaku perlanggaran akhlak Islam ia akan membawa kepada kehancuran. Justeru berdasarkan Jadual 5.16(b) iaitu dari aspek jenayah, didapati bahawa remaja yang terlibat dengan jenayah sivil tidak begitu ketara, di antara jenayah tersebut ialah melawan/mengancam/ memukul/mencederakan orang lain iaitu sebanyak 27 orang (30.3%). Walaupun responden adalah remaja perempuan, namun terdapat juga remaja yang terlibat dengan jenayah mencuri/merompak dan menyamun iaitu sebanyak 16 orang (18%). Ini menunjukkan bahawa aktiviti jenayah sekarang ini tidak mengira jantina walaupun lazimnya sesuatu jenayah itu kebiasaannya dilakukan oleh golongan lelaki.

Jadual 5.16 (c): Jenis Salah laku –Kepentingan masa

c) Kepentingan Masa	Bil	(%)
- Sering berpeleseran bersama rakan-rakan	55	61.8
- Sering lewat ke sekolah/tempat kerja	36	40.4
- Lewat pulang ke sekolah/asrama	59	66.3

c). Kepentingan Masa

Islam sangat mementingkan umatnya menjaga masa dalam kehidupan seharian. Berdasarkan Jadual 5.16 (d) iaitu kepentingan masa, didapati bahawa golongan remaja ini banyak menghabiskan masa dengan sia-sia. Ini dapat dilihat dengan remaja yang sering berpeleseran bersama rakan-rakan seramai 55 orang (61.8%) dan remaja yang sering lewat pulang ke sekolah atau asrama iaitu seramai 59 orang (66.3%). Ini menunjukkan bahawa terdapat remaja yang tidak balik ke rumah selepas waktu persekolahan atau ketika bercuti bagi yang tinggal di

asrama. Secara tidak langsung ia akan mendedahkan lagi remaja dengan aktiviti yang tidak sihat.

Jadual 5.16 (d): Jenis Salah laku-Kurang Sopan dan biadap

d). Kurang Sopan dan Biadap	Bil	(%)
- Bertindak kasar terhadap ibu bapa	26	29.2
- Berkelakuan kasar terhadap guru	15	16.9
- Berkelakuan kasar terhadap ketua	18	20.2
- Menyimpan dan menghisap rokok	24	27
- Mengganggu ketenteraman orang lain	21	23.6

d)Kurang Sopan dan biadap

Kesempurnaan akhlak dalam Islam adalah mencakupi hubungan kita dengan Allah, hubungan dengan manusia dan juga hubungan dengan alam. Berdasarkan Jadual 5.16 (e) iaitu bersikap biadap dan kurang sopan didapati bahawa remaja ini juga sering bersikap kurang sopan dan biadap sama ada terhadap ibu bapa iaitu 26 orang, biadap dengan guru seramai 15 orang dan masyarakat iaitu sebanyak 18 orang. Walaupun jumlahnya tidak begitu ketara namun ia cukup untuk menggambarkan sikap remaja kini yang kasar lebih-lebih lagi melibatkan remaja perempuan.

Jadual 5.16 (e): Jenis Salah laku -Vandalisme

e) Vandalisme	Bil	(%)
- Merosakkan harta benda di tempat awam	15	16.9
- Merosakkan harta benda rakan	20	22.5
- Merosakkan harta benda sekolah	23	25.8
- Merosakkan harta benda pejabat	3	3.4

e). Vandalisme

Remaja di RS ini juga dilihat cenderung untuk melakukan vandalisme sama ada terhadap harta benda sekolah (25.8%) dan harta benda awam (16.9%). Jika dahulu masalah vandalism hanya melibatkan remaja lelaki namun kini ia telah mula dilakukan oleh remaja perempuan. Ini menunjukkan bahawa jati diri remaja perempuan kini sudah semakin hilang sehingga sanggup melakukan perkara yang di luar batasan dan naluri seorang perempuan. Fenomena ini jika tidak diatasi segera akan melahirkan masyarakat yang hilang jati diri, suka memberontak dan berfikiran tidak rasional dan matang.

Jadual 5.16 (f): Jenis Salah laku- Kejujuran

f) Kejujuran	Bil	(%)
- Menipu ketika berjanji	59	66.3
- Menipu melibatkan wang atau harta	31	34.8

f). Kejujuran

Dalam pembangunan masyarakat Islam ia harus didasarkan kepada kejujuran sama ada dalam perhubungan dan pertuturan. Berdasarkan Jadual 5.16 (g) iaitu kejujuran didapati bahawa remaja ini suka menipu apabila berjanji apabila 59 orang (66.3%) bersikap demikian manakala di dalam aspek menipu wang atau harta ia melibatkan seramai 31 orang (34.8%). Fenomena ini dilihat agak membimbangkan kerana apabila masalah penipuan telah mula melibatkan golongan perempuan maka ini menunjukkan sesuatu yang tidak kena dengan akhlak dan moral sesuatu masyarakat. Keadaan ini harus dipandang serius dan segera dibaiki bagi menjamin kehidupan masyarakat yang lebih baik di masa hadapan.

Jadual 5.16 (g): Jenis Salah laku- Ponteng

g). Ponteng	Bil	(%)
- Ponteng kelas/sekolah/kerja	61	68.5
- Ponteng perhimpunan/perjumpaan	36	40.4
- Ponteng peperiksaan/ujian	18	20.2
- Ponteng kegiatan luar/aktiviti luar	38	42.7

g). Ponteng

Ponteng adalah satu masalah yang berkait rapat dengan disiplin dan jati diri seseorang. Masalah utama ponteng bagi remaja di RS adalah pernah ponteng sekolah iaitu seramai 61 orang (68.5%). Manakala terdapat juga isu-isu ponteng lain seperti perhimpunan, peperiksaan dan aktiviti luar. Fenomena ponteng sekolah adalah satu kesalahan besar di peringkat sekolah. Kajian-kajian mendapati pelajar yang sering ponteng sekolah selalunya adalah pelajar yang sukar dibentuk, dibimbing dan dipimpin semasa peringkat sekolah.⁴⁴⁷ Maka tidak hairan jika golongan ini didapati agak mudah terlibat dengan gejala sosial bukan sahaja setelah tamat alam persekolahan malah ada yang sudah mula berjinak-jinak semasa di bangku sekolah lagi.

Jadual 5.16 (h): Jenis Salah laku- Kenakalan

h). Kenakalan	Bil	(%)
- Bergaduh/berkelahi	56	62.9
- Membawa telefon bimbit ke sekolah	71	79.8
- Mengunjungi pusat hiburan – disco, kelab malam dan pub	19	21.3

⁴⁴⁷ Ibrahim Mamat (1997), *op. cit.*, h. 55

h). Kenakalan

Istilah kenakalan bukan sahaja dikaitkan dengan golongan kanak-kanak namun remaja juga tidak terlepas dengan kelakuan tersebut. Berdasarkan Jadual 5.16 (i) iaitu kenakalan remaja, didapati bahawa majoriti remaja di RS ini membawa telefon bimbit ke sekolah iaitu seramai 71 orang (79.8%). Ini menunjukkan bahawa terdapat segelintir remaja nakal tidak mempedulikan peraturan sekolah yang tidak membenarkan telefon bimbit dibawa ke sekolah yang dilihat akan membawa banyak keburukan berbanding kebaikan.

Selain itu didapati seramai 56 orang (62.9%) pernah terlibat dalam pergaduhan dan perkelahian manakala seramai 19 orang (21.3%) telah menjinakkan diri dengan pusat-pusat hiburan. Kajian menunjukkan bagi remaja di RS, keterlibatan para remaja ini di dalam salah laku kenakalan merangkumi kenakalan di peringkat sekolah hingga ke kenakalan melibatkan masyarakat dan dunia luar.

Jadual 5.16 (i): Jenis Salah laku- Kumpulan Negatif

i). Kumpulan Negatif	Bil	(%)
- Black Metal	2	2.2
- Punk	4	4.5
- Skinhead	5	5.6
- Blues	2	2.2
- Hip Hop	7	7.9
- Death Metal	1	1.1
- Pink Metal	3	3.4
- Geng Rempit dan lumba haram	20	22.5
- Penkid	7	7.9
- Lesbian	4	4.5
- Tomboy	6	6.7
- Lain-lain	6	6.7

i). Kumpulan Negatif

Budaya negatif dari barat sering menjadi ikutan dan pilihan remaja masa kini. Berdasarkan Jadual 5.16 (j) iaitu penglibatan remaja dengan kumpulan negatif, didapati kebanyakan remaja terlibat dengan geng rempit dan lumba haram iaitu seramai 20 orang (22.5%). Manakala kumpulan-kumpulan lain seperti *Hip-hop* (7 orang), *Punk* (4 orang) dan *Black Metal* (2 orang). Fenomena ini walaupun dilihat kurang impaknya kecuali di dalam kes geng rempit dan lumba haram tetapi apabila ia mula melibatkan remaja perempuan maka jenis salah laku ini tidak harus dipandang sebelah mata oleh masyarakat kerana dari segi bilangan iaitu seramai 47 orang iaitu 52.9% didapati telah didedahkan kepada kumpulan-kumpulan negatif yang bukan sahaja merosakkan akhlak dan moral malah memesongkan akidah seperti black metal, punk, skinhead, hip hop, penkid, tomboy dan pink metal. Keterlibatan para remaja di dalam kelompok ini telah mendedahkan mereka kepada perlakuan-perlakuan negatif lain yang memang digalakkan di dalam kumpulan-kumpulan ini. Satu laporan di dalam akhbar Harian Metro ada menyatakan bahawa pendedahan dan keterlibatan remaja dengan kumpulan-kumpulan seumpama ini mendedahkan mereka kepada kerosakan-kerosakan akhlak.⁴⁴⁸ Justeru pencegahan awal perlu dilakukan bagi membendung gejala ini.

Jadual 5.16 (j): Jenis Salah laku – Tingkah laku/Bahan lucah

j) Tingkah laku/Bahan Lucah	Bil	(%)
- Mempunyai bahan-bahan lucah	32	36
- Mengguna kata lucah dan kesat	52	58.4
- Menulis kata-kata dan gambar lucah	33	37.1
- Melayari laman lucah di internet	41	46.1
- Salah guna kemudahan telefon bimbit – gambar lucah	49	55.1

⁴⁴⁸ Harian Metro, Jan 2, 2008: 19F “Teguk Arak Jadi Berani”

Jadual 5.16 (k): Jenis Salah laku- Kesalahan Syariah

k). Syariah	Bil	(%)
- Tidak tahu mengucap dua kalimah syahadah	3	3.4
- Sering tertinggal solat lima waktu	82	92.1
- Tidak berpuasa di bulan Ramadhan	25	28.1
- Tidak tahu membaca al-Quran	23	25.8
- Zina/khalwat	81	91
- Sumbang mahram	16	18
- Mengandung anak luar nikah	69	77.5
- Menggugurkan kandungan	8	9
- Minum arak	12	13.5
- Tidak mandi wajib	32	36
- Tidak faham jenis darah-darah wanita	37	41.6
- Pergaulan bebas lelaki-perempuan	76	84.4

j & k). Tingkah laku/bahan lucah dan jenayah Syariah

Islam adalah agama yang membentuk akhlak yang sempurna serta menghindari perbuatan yang melanggar batas susila. Islam merupakan agama yang lengkap iaitu mencakupi aspek aqidah, syariah dan akhlak. Kepincangan salah satu dari aspek ini akan mengakibatkan kerosakan agama. Jadual 5.16 (j) menunjukkan bagaimana kesalahan tingkah laku lucah dan memiliki bahan lucah telah melibatkan para remaja di RS ini iaitu 52 orang (58.4%) menyatakan sering menggunakan kata-kata lucah dan kesat, 49 orang (55.1%) menyimpan gambar lucah di dalam telefon bimbit, 41 orang (46.1%) sering menlayari laman web lucah, 33 orang (37.1%) menulis kata lucah dan melukis gambar lucah dan 32 orang (36%) menyimpan bahan lucah.

Manakala jenayah syariah utama pula sepertimana digambarkan di dalam Jadual 5.16 (k) adalah sering meninggalkan solat lima waktu iaitu seramai 82

orang (92.1%), berzina/khalwat iaitu seramai 81 orang (91%), pergaulan bebas lelaki-perempuan seramai 76 orang (84.4%) dan mengandung anak luar nikah seramai 69 orang (77.5%) serta beberapa kesalahan lain seperti tidak faham jenis-jenis darah wanita (41.6%), tidak mandi wajib (36%), tidak berpuasa di bulan Ramadhan (28.1%) dan tidak tahu membaca al-Quran (25.8%) manakala terdapat 3 orang (3.4%) tidak tahu mengucap dua kalimah syahadah.

Analisa aspek salah laku lucah bersama kesalahan syariah bagi remaja di RS mendapatkan bahawa keterlibatan di dalam salah laku lucah seperti suka menggunakan kata-kata lucah, sering melayari dan memiliki gambar lucah akan mendorong remaja tersebut untuk terlibat di dalam kesalahan zina/khalwat, pergaulan bebas lelaki dan perempuan serta mengandung anak di luar nikah. Fenomena ini dikongsi bersama pelatih A yang menyatakan pengaruh filem lucah yang selalu ditontonnya bersama rakan-rakan telah memerangkap beliau untuk melakukan perkara terkutuk bersama teman lelakinya.⁴⁴⁹ Sementara itu, Imam Al-Ghazali menekankan bahawa diri yang sentiasa didedahkan kepada dosa dan maksiat akan menggelapkan hati seseorang dari mengingati Allah s.w.t. dan melemahkan iman.⁴⁵⁰ Maka tidak hairanlah jika kajian ini menunjukkan bahawa pengabaian ibadat solat merupakan kesalahan syariah utama rentetan dari pendedahan yang keterlaluan para remaja ini kepada dosa-dosa yang berpunca dari unsur-unsur lucah. Pengabaian ibadat solat ini merupakan satu malapetaka besar buat diri seseorang kerana Islam telah menegaskan bahawa ibadat ini mampu memelihara individu daripada terjebak di dalam perkara-perkara maksiat dan mungkar serta dianggap seseorang itu tidak

⁴⁴⁹ Temubual dengan pelatih A, berusia 19 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

⁴⁵⁰ Muhammad Al-Ghazali (1997), *op. cit.*, h. 9

beriman jika ibadat solatnya tidak sempurna.⁴⁵¹ Dapatan kajian menunjukkan bagi pelatih-pelatih di RS yang melibatkan diri di dalam salah laku lucah didapati turut terlibat di dalam kesalahan sering meninggalkan solat lima waktu sepetimana dinyatakan oleh kesemua pelatih yang telah ditemubual.

Jadual 5.17 : Usia Pelatih dengan Meninggalkan Solat

Usia Pelatih														Jumlah
	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	
Solat	0	0	0	2	0	0	0	1	2	0	1	0	1	7
Tidak Solat	1	5	5	15	8	15	7	12	1	8	4	0	1	82

Berdasarkan Jadual 5.17 menunjukkan bahawa kesalahan meninggalkan solat lima waktu yang melibatkan 82 orang (92.1%) ini meliputi pelatih berusia 17 dan 19 tahun (masing-masing 15 orang) , 21 tahun (12 orang), 18 tahun (8 orang), 20 tahun (7 orang) dan 23 tahun (8 orang). Di usia ini iaitu 17 hingga 23 merupakan usia terpenting dalam potensi seseorang itu untuk memilih jalan hidupnya samada jalan kecerahan atau jalan kegelapan dan didapati para pelatih di RS ini majoritinya telah memilih jalan kegelapan. Satu kajian oleh Zurita Mohd Yusoff dan rakan-rakan berkaitan pengabaian solat di kalangan remaja di Kuala Terengganu turut mendapati majoriti golongan remaja yang sering mengabaikan ibadat ini adalah berusia 17, 18 dan 19 tahun.⁴⁵²

Keskes ini menunjukkan pengabaian ibadat solat yang merupakan asas kekuatan remaja untuk mengelakkan diri dari melakukan maksiat mudah

⁴⁵¹ Johari El-Yamani & Junaid Talip (1999), *As-Solat*. Batu Caves, Galeri Watikah, h. 29

⁴⁵² Zurita Mohd Yusoff, Noor Anida Awang, Zainab Abdullah & Ramlah Mat Ali (2008), *Faktor-faktor Pengabaian Solat dalam Kalangan Remaja di Daerah Kuala Terengganu – Prosiding Seminar Fiqh & Pemikiran Islam Lestari*. Pulau Pinang, Penerbit Universiti Sains Malaysia, h. 56-57.

melibatkan remaja dalam peringkat pertengahan remaja iaitu 17 hingga 21 tahun tetapi dapatan ini mungkin berbeza jika melibatkan kelompok remaja, suasana persekitaran dan latar belakang yang lain. Oleh itu amat penting untuk ditekankan kepentingan memelihara ibadat ini di dalam setiap diri manusia terutama para remaja. Ini sesuai dengan firman Allah SWT., iaitu

اَتْلُ مَا اُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ ۖ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ ۖ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۖ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ

'Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.'

Al-Ankabut (29):45

Di samping itu zina juga merupakan perbuatan terkutuk yang amat dilarang dalam Islam. Kajian mendapati bahawa golongan remaja adalah paling ramai terlibat dengan perbuatan ini.

Jadual 5.18: Usia Pelatih dengan Perbuatan Zina/Khalwat

Usia Pelatih													Jumlah
	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	26	
Tidak Zina	0	1	0	1	0	1	0	2	1	0	1	1	8
Zina	1	4	5	16	8	14	7	11	2	8	4	1	81

Berdasarkan Jadual 5.18 ini menjelaskan bahawa kesalahan zina/khalwat ini melibatkan 81 orang pelatih (91%) di mana peringkat

pertengahan remaja iaitu dari usia 17 hingga 21 tahun adalah kelompok majoriti apabila merangkumi 56 orang (63%), diikuti golongan akhir remaja (22 – 26 tahun) iaitu seramai 15 orang (16.9%) dan akhirnya kelompok awal remaja (14 – 16 tahun) seramai 10 orang (11.2%). Satu artikel oleh Ifwan Tun Tuah melaporkan bahawa remaja berusia 18 dan 19 tahun merupakan usia remaja yang didapati sering melakukan perlakuan lucah, zina dan khalwat.⁴⁵³ Namun begitu, setiap peringkat remaja sebenarnya terdedah kepada risiko kesalahan ini di dalam frekuensi yang sama. Dapatkan kajian ini hanya melibatkan kes untuk para penghuni di RS sahaja dan hanya boleh digunakan sebagai rujukan kes semata-mata. Oleh itu, peringkat usia yang terlibat di dalam kesalahan zina dan khalwat dari kajian ini tidak boleh menggambarkan senario sebenar keterlibatan remaja Malaysia secara keseluruhan.

5.3 PUNCA DAN SEBAB KESALAHAN

Permasalahan akhlak remaja masa kini dilihat menjadi semakin serius dan seperti tidak ada kesudahannya. Isu-isunya bukan sahaja meliputi dari aspek kenakalan, kesalahan sivil malah turut melibatkan kesalahan syariah. Di samping mengetahui jenis-jenis kesalahan, kajian ini turut mengkaji dan menganalisa punca dan sebab kesalahan itu dilakukan. Pengetahuan tentang punca dan sebab-sebab ini penting untuk membantu para remaja di RS khususnya dan remaja-remaja lain amnya memelihara diri dari mudah dipengaruhi oleh masalah-masalah tertentu. Di samping itu, ia mampu memberi satu kelebihan kepada para ibu bapa, guru, pemimpin masyarakat dan masyarakat untuk membuat persediaan dan langkah berjaga-jaga dalam

⁴⁵³ Berita Harian, Mac 3, 2011: 7B “Berasmara di pondok awam”

membendung tingkah laku anak-anak. Seterusnya untuk membentuk satu corak kehidupan keluarga dan masyarakat yang lebih berkualiti dan diberkati Allah S.W.T.

Kajian ini mendapati keterlibatan para penghuni di RS di dalam pelbagai salah laku adalah berpunca dari berbagai-bagai faktor seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.19.

Jadual 5.19 (a): Punca dan Sebab Kesalahan- Rakan Sebaya

Punca dan Sebab Kesalahan	Bil.	(%)
a) Rakan Sebaya	35	39.3
- Dipujuk rakan sebaya	66	74.2
- Pujukan teman lelaki	33	37.1
- Tekanan oleh kawan-kawan	51	57.3
- Bergaduh dengan teman lelaki		

a) Rakan Sebaya

Islam sangat menekankan pemilihan rakan dalam pergaulan. Ini kerana peribadi rakan akan mencerminkan diri kita. Jadual 5.19 (a) di atas menunjukkan bahawa faktor terbesar dari pengaruh rakan sebaya adalah pujukan teman lelaki iaitu seramai 66 orang (74.2%). Pelatih I menyatakan bahawa beliau bukanlah seorang yang terlalu bebas atau liar tetapi akibat terpedaya dengan pujuk rayu teman lelakinya maka dia tergamak menyerahkan segala-galanya kepada teman lelaki tersebut.⁴⁵⁴ Selain itu pergaduhan dengan teman lelaki juga boleh

⁴⁵⁴ Temubual dengan pelatih I, berusia 21 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

mendorong remaja terlibat dengan aktiviti salah laku iaitu seramai 51 orang (57.3%). Faktor ini telah dijelaskan oleh pelatih E yang menyatakan pergaduhan dengan teman lelaki telah menyebabkan beliau mencari lebih ramai teman lelaki lain untuk membalas dendam dan melepaskan perasaan marah kepada bekas teman lelakinya itu.⁴⁵⁵

Sementara itu, pujukan rakan sebaya (39.3%) dan tekanan oleh kawan-kawan (37.1%) juga turut mempengaruhi para remaja di RS. Menurut pelatih A, rakan sebaya biasanya akan menceritakan kebaikan dan keseronokan sesuatu perbuatan dari perspektifnya walaupun diketahui bahawa perbuatan itu salah di sisi agama. Aspek keseronokan yang melampau dan tekanan dari hasil cabaran rakan-rakan telah menyebabkan beliau menguatkan diri melakukan segala yang telah digambarkan oleh rakan-rakannya itu.⁴⁵⁶.

Kajian mendapati kesilapan para remaja di RS ini di dalam memilih teman terutama kawan lelaki telah menyebabkan mereka terpedaya untuk melakukan salah laku-salah laku tertentu. Hal ini juga menunjukkan bahawa mempunyai teman lelaki di usia remaja banyak membawa keburukan dari kebaikan kerana pada tahap ini remaja belum mempunyai perasaan tanggungjawab terhadap pasangan masing-masing tetapi hanya sekadar untuk mencari keseronokan.

⁴⁵⁵ Temubual dengan pelatih E, berusia 20 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

⁴⁵⁶ Temubual dengan pelatih A, berusia 19 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

Jadual 5.19 (b): Punca dan Sebab Kesalahan –Media Massa

b) Media Massa	Bil	(%)
- Pendedahan oleh media cetak – buku, majalah, komik	39	43.8
- Pendedahan oleh media elektronik-TV, DVD, panggung wayang	53	59.6
- Pendedahan teknologi siber- internet, chatting	43	48.3

b) Media Massa

Media dilihat turut berperanan sebagai punca keterlibatan remaja dengan aktiviti salah laku. Ini dapat dilihat dalam Jadual 5.19 (b) yang menunjukkan bahawa pendedahan oleh media elektronik seperti televisyen, DVD dan panggung wayang telah menpengaruhi seramai 53 orang remaja di RS (59.6%) untuk terlibat di dalam salah laku mereka. Selain itu pendedahan teknologi siber seperti internet juga telah mendorong remaja untuk melakukan perkara tidak sihat iaitu melibatkan seramai 43 orang (48.3%) manakala media cetak telah menyebabkan seramai 39 orang (43.8%). Kajian ini menunjukkan dominasi media elektronik dan teknologi siber yang amat ketara di dalam mempengaruhi keterlibatan pelatih di RS. Pelatih A menyatakan kedua-dua media ini menjadi pilihan beliau dan kebanyakannya rakan-rakannya kerana pendedahan dan gambaran yang diutarakan adalah lebih jelas, mudah dan menyeluruh.⁴⁵⁷

Jadual 5.19 (c): Punca dan Sebab Kesalahan- Pusat Hiburan

c) Pusat Hiburan	Bil	(%)
- Pengaruh dari pengunjung pusat hiburan	17	19.1

⁴⁵⁷ Temubual dengan pelatih A, berusia 19 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

c) Pusat Hiburan

Kemunculan pusat-pusat hiburan terutama di kawasan bandar mendorong berlakunya gejala tidak sihat di kalangan remaja. Berdasarkan Jadual 5.19 (c) iaitu punca dan sebab kesalahan – pusat hiburan mendapati seramai 17 orang pelatih di RS (19.1%) menyatakan perlakuan mereka ada dipengaruhi oleh pengunjung pusat hiburan. Walaupun jumlahnya tidak begitu ketara tetapi ia perlu dibendung bagi mengelak dari berlaku perkara yang lebih serius kerana pusat-pusat begini selalunya menjadi lokasi bermulanya segala maksiat dan salahlaku sepetimana dinyatakan oleh Ravale Savarinathan semasa melaporkan isu pelacuran di kalangan pelajar IPT.⁴⁵⁸

Jadual 5.19 (d): Punca dan Sebab Kesalahan- Kemewahan

d) Kemewahan	Bil	(%)
- Tarikan keseronokan dan kemewahan dunia	62	69.7

d). Kemewahan

Punca seterusnya keterlibatan remaja dalam salah laku adalah faktor kemewahan. Islam mentakrifkan kemewahan sebagai sesuatu yang melampaui batas atau berlebihan dalam kelazatan, bermegah dengan harta, membiarkan diri dengan pelbagai kenikmatan dan hiburan.⁴⁵⁹ Kajian mendapati seramai 62 orang para penghuni di RS (69.7%) terlalu mengejar kemewahan dunia iaitu mudah terpengaruh dengan tarikan keseronokan dan kemewahan dunia terutama untuk menikmati cara hidup bebas, berpoya-poya dan berpeleseran, hiburan serta suka

⁴⁵⁸ Berita Harian, Feb 10, 2011: 7B “Polis diminta siasat pelajar IPT terbabit pelacuran”

⁴⁵⁹ Arieff Salleh Rosman & Wardah Mokhtar (2007), *op. cit.*, h. 88

menunjuk-nunjuk dari segi penampilan diri dan sikap.⁴⁶⁰ Keinginan melampau remaja untuk hidup mewah dan bergaya mendorong mereka untuk melakukan aktiviti-aktiviti tidak bermoral agar mendapat segala apa yang dihajati.

Jadual 5.19 (e) : Punca dan Sebab Kesalahan- Hubungan Kekeluargaan

e) Hubungan Kekeluargaan	Bil	(%)
- Galakan/sokongan dari ahli keluarga	2	2.2
- Bergaduh dengan ibu bapa	30	33.7
- Bergaduh dengan adik-beradik	26	29.2

e). Hubungan Kekeluargaan

Keluarga memainkan peranan penting dalam membentuk peribadi awal golongan remaja. Hubungan kekeluargaan yang baik dan berasaskan kasih sayang mampu membendung ahli keluarga lain dari terlibat dalam masalah-masalah sosial kerana kasih sayang ini menyebabkan mereka saling tegur menegur, ingat memperingati sesama ahli keluarga demi memelihara maruah keluarga.

Kajian mendapati dalam aspek ini, seramai 87 orang pelatih (97.8%) tidak mendapat galakan/sokongan sepenuhnya dari ahli keluarga, 30 orang (33.7%) sering bergaduh dengan ibu bapa manakala 26 orang (29.2%) sering bergaduh dengan adik-beradik. Data-data yang dijelaskan di dalam Jadual 5.19 (e) ini menunjukkan bahawa fenomena institusi kekeluargaan yang rapuh seperti hubungan antara ibu bapa dengan anak dan juga sesama adik-beradik yang renggang turut membawa kepada berlakunya gejala sosial di kalangan para

⁴⁶⁰ Temubual Pelatih A, berusia 19 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

remaja di RS. Pelatih C telah berkongsi kisahnya dengan menceritakan tiada sokongan moral dari ibu bapa di dalam setiap aktivitinya sejak memasuki sekolah menengah telah menyebabkan beliau menjauhkan diri dari mereka dan menjadikan teman-teman terutama teman lelaki sebagai pengganti.⁴⁶¹ Fenomena ini turut disokong oleh Mohamad Abdullah yang menekankan kepentingan memelihara dan mengukuhkan institusi keluarga demi memperolehi anak-anak yang berakhhlak mulia.⁴⁶²

Jadual 5.19 (f): Punca dan Sebab Kesalahan- Hubungan dengan masyarakat

f) Hubungan dengan masyarakat/orang lain	Bil	(%)
- Pengaruh jiran dan masyarakat sekeliling	20	22.5
- Bergaduh dengan majikan	3	3.4
- Bergaduh dengan rakan sekerja	9	10.1

f). Hubungan dengan masyarakat/orang lain

Masyarakat atau persekitaran yang baik juga membantu perkembangan remaja yang sihat. Berdasarkan Jadual 5.19 (f) menunjukkan bahawa masyarakat/orang lain kurang mempengaruhi keterlibatan para remaja di RS apabila hanya 32 orang (40%) sahaja yang menyatakan masyarakat ada mempengaruhi mereka manakala 57 orang lagi (64.1%) mengatakan masyarakat sekeliling tidak terlibat langsung dalam kesalahan-kesalahan mereka. Sementara itu, seramai 20 orang (22.5%) menyatakan bahawa jiran merupakan faktor utama keterlibatan mereka. Walaupun kajian mendapati hanya 40% sahaja masalah ini disebabkan oleh masyarakat sekeliling namun ia tidak menggambarkan permasalahan sebenar remaja di Malaysia di mana peratusan ini boleh berubah berdasarkan faktor-faktor lain seperti persekitaran, tempoh pendedahan dan

⁴⁶¹ Temubual dengan pelatih C, berusia 18 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

⁴⁶² Mohamad Abdullah (2010): “Kukuh Institusi Keluarga”. *Utusan Online*: 26 April 2010

pengaruh-pengaruh lain yang berkaitan. Namun begitu, mewujudkan persekitaran masyarakat yang baik contohnya bersama-sama mencegah perkara negatif berlaku seperti nasihat-menasihati, mengamalkan cara hidup yang baik dan bertanya khabar mampu mengelak dari tercetusnya aktiviti-aktiviti salah laku para remaja.⁴⁶³

Jadual 5.19 (g): Punca dan Sebab Kesalahan-Hubungan dengan Pihak Sekolah

	Bil	(%)
g) Hubungan dengan pihak sekolah - Bergaduh dengan guru	9	10.1

g). Hubungan dengan pihak sekolah

Selain dari itu, keterlibatan remaja di dalam perkara salah laku boleh dikaitkan dengan isu-isu yang terjadi di sekolah seperti sering bergaduh dengan guru iaitu melibatkan seramai 9 orang (10.1%) bagi pelatih di RS. Walaupun jumlahnya tidak begitu serius namun wujudnya pelajar terutama di kalangan wanita yang telah hilang perasaan hormat dan sayang kepada guru serta bersikap kurang ajar menunjukkan situasi ini perlu ditangani dengan sebaik mungkin. Saudara Ibrahim Mamat menyatakan pelajar sekolah yang gagal memimpin dirinya di sekolah iaitu terlibat dalam budaya nakal seperti ponteng, merokok, berkelahi dengan kawan dan guru, mencuri dan berbagai kegiatan negatif lain akan membawa banyak masalah apabila keluar kelak.⁴⁶⁴

⁴⁶³ Nurul Izzah Sidek(2010): “Bicara Agama-Penyuburan Model Islam”. *Utusan Online*, 10 Jun 2010

⁴⁶⁴ Ibrahim mamat (1997), *op. cit.*, h. 16-18

Jadual 5.19 (h): Punca dan Sebab Kesalahan- Lain-lain

h) Lain-lain	Bil	(%)
- Ingin balas dendam	32	36
- Diugut	11	12.4
- Kekecewaan dalam hidup	41	46.1
- Tekanan kewangan	17	19.1
- Diberi dadah	4	4.5
- Diberi arak	8	9
- Sengaja melakukan tanpa sebab	41	46.1

h). Lain-lain

Selain itu, terdapat juga beberapa faktor lain yang mendorong para remaja di RS terlibat dengan perkara salah laku. Jadual 5.19 (h) menunjukkan terdapat dua faktor yang agak penting iaitu kekecewaaan dalam hidup dan sengaja melakukan tanpa sebab yang meliputi seramai 41 orang masing-masing (46.1%). Pelatih G menyatakan kegalalannya di dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang lalu telah menyebabkan beliau malu berdepan dengan keluarga, merasa amat tertekan dan kecewa dalam hidupnya. Lantas beliau mengambil jalan mudah untuk menenangkan dirinya iaitu dengan mengunjungi pusat-pusat hiburan dan terlibat dalam kegiatan mat rempit dan lumba haram.⁴⁶⁵ Sementara itu, pelatih F menerangkan bahawa kadang-kadang beliau sendiri tidak tahu mengapa beliau boleh terjebak di dalam pelbagai kesalahan yang dilakukannya kerana beliau mempunyai satu kehidupan yang baik dan selesa sebelum ini.⁴⁶⁶ Menurutnya lagi, naluri remaja yang sentiasa ingin mencuba sesuatu yang baru dan mencari keseronokan mendorong beliau sengaja melakukannya.

⁴⁶⁵ Temubual dengan pelatih G, berusia 19 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

⁴⁶⁶ Temubual dengan pelatih F, berusia 17 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

Walaupun ke dua-dua faktor ini sukar dijelaskan secara terperinci tetapi kajian mendapati ke dua-dua faktor ini juga berpunca dari faktor-faktor lain seperti bergaduh dengan teman lelaki 51 orang (57.3%), tarikan kemewahan seramai 62 orang (69.7%) dan tiada kemesraan dan hubungan dingin sesama ahli keluarga seramai 87 orang (97.8%).

Selain itu, punca remaja yang terlibat dengan salah laku ini juga adalah kerana ingin balas dendam iaitu sebanyak 36% (32 orang). Perasaan ingin balas dendam ini berlaku disebabkan rasa kekecewaan dalam hidup akibat perasaan marah dengan teman lelaki dan juga rakan yang menipu mendorong mereka melakukan kesilapan⁴⁶⁷. Ini menunjukkan bahawa golongan remaja perlu bijak mengawal emosi dan perasaan mereka apabila berhadapan dengan sesuatu masalah. Tekanan kewangan juga menjadi punca kepada keterlibatan remaja di RS iaitu seramai 17 orang (19.1%). Menurut pelatih J yang mempunyai beberapa teman lelaki, tekanan hidup di bandar besar terutama dari segi kewangan telah menyebabkan beliau menggunakan kecantikannya untuk melangsaikan masalah tersebut.⁴⁶⁸ Selain dari itu ada beberapa faktor yang dilihat berpunca dari salah pergaulan dan tipu daya iaitu diugut (12.4%), diberarak (9%) dan diberi dadah (4.5%). Walaupun faktor ini dilihat kurang impak dari segi peratusan tetapi impak psikologinya amat besar kepada para remaja yang terlibat. Maka langkah berjaga-jaga dari terpedaya oleh faktor ini dilihat amat penting seperti memilih teman sebaya yang sesuai dan menjauhi tempat-tempat yang berisiko.

⁴⁶⁷ Temubual dengan pelatih I, berusia 21 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

⁴⁶⁸ Temubual dengan pelatih J, berusia 23 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

Secara keseluruhan, kajian ini mendapati pujukan/ajakan teman lelaki merupakan faktor utama yang mendorong remaja perempuan di RS terlibat dengan salah laku apabila seramai 66 orang (74.2%) berpendapat sedemikian. Ini dijelaskan lagi dalam Jadual 5.20 iaitu perkaitan antara pujukan teman lelaki dengan tiga salah laku utama remaja di RS.

Jadual 5.20: Taburan Faktor Pujukan Teman Lelaki dengan Salah Laku

Pergaulan Bebas Lelaki-Perempuan		Jumlah	
	Tidak Pernah	Pernah	
Tidak Dipengaruhi	5	18	23
Dipengaruhi	8	58	66
Zina / Khalwat			Jumlah
Tidak Dipengaruhi	4	19	23
Dipengaruhi	4	62	66
Mengandung Anak Luar Nikah			Jumlah
Tidak Dipengaruhi	6	17	23
Dipengaruhi	14	52	66

Jadual 5.20 menganalisa faktor pujukan/ajakan teman lelaki ini dengan tiga salah laku utama oleh pelatih di RS iaitu pergaulan bebas lelaki dan perempuan, berzina/khalwat dan mengandung anak luar nikah. Kajian ini menunjukkan bahawa remaja yang pernah terlibat dengan pergaulan bebas lelaki dan perempuan mudah dipengaruhi oleh teman lelaki iaitu seramai 58 orang (65.1%). Selain itu, teman lelaki juga dilihat punca utama mempengaruhi remaja di RS untuk berzina/khalwat iaitu seramai 62 orang (69.7%). Manakala seramai 52 orang (58.4%) remaja ini menyatakan bahawa pujukan teman lelaki menyebabkan mereka tersalah langkah sehingga mengandung anak luar nikah.

Kajian juga menunjukkan bahawa pergaulan lelaki dan perempuan yang didasarkan oleh nafsu semata-mata, tidak menjaga adab dan hukum hakam lebih

mendedahkan para remaja untuk melakukan perkara-perkara negatif dalam perhubungan mereka⁴⁶⁹. Sementara itu, pelatih B mendedahkan pujuk rayu teman lelaki telah menyebabkan beliau telah mengubah dari berhati-hati di awal perkenalan kepada pergaulan yang terlalu bebas bukan sahaja dengan teman lelakinya malahan dengan rakan-rakan teman lelakinya di mana corak pergaulan sebegini telah digambarkan sebagai satu budaya baru yang harus dijalani oleh setiap remaja zaman ini.⁴⁷⁰ Manakala pelatih D menerangkan tipu daya oleh teman lelaki yang amat dipercayainya telah menyebabkan beliau melakukan perzinaan sehingga mengandung anak di luar nikah.⁴⁷¹

Nor Affizan Ibrahim menyatakan faktor pujukan oleh teman lelaki biasanya menjuruskan kepada kesalahan zina dan khalwat semata-mata sementara kesalahan lain seperti pergaulan bebas, meminum arak, merokok dan sebagainya hanya sebagai langkah permulaan.⁴⁷² Keterlibatan teman lelaki yang pandai mengambil kesempatan selalunya juga didorong oleh kelalaian dan kebodohan para remaja perempuan itu sendiri sepertimana yang diluahkan oleh pelatih D.⁴⁷³ Sebagai seorang remaja perempuan, para pelatih di RS khususnya dan remaja perempuan lain amnya harus pandai menjaga maruah diri dan keluarga apabila berhadapan dengan masyarakat luar lebih-lebih lagi semasa berurusan dengan lelaki bukan muhrim.

⁴⁶⁹ Temubual dengan Pelatih E, berusia 20 tahun di RS Selangor, pada 8 Mac 2011

⁴⁷⁰ Temubual dengan pelatih B, berusia 16 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

⁴⁷¹ Temubual dengan pelatih D, berusia 18 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

⁴⁷² Berita Harian, Feb 19, 2011: 14C “Remaja gadai kehormatan demi cinta:

⁴⁷³ Temubual dengan pelatih D, berusia 18 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

Jadual 5.21: Taburan Faktor Pujukan/ajakan Teman Lelaki dengan Usia Responden.

Usia Pelatih													Jumlah
	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	26	
Tidak Dipengaruhi	0	0	2	5	1	3	1	4	3	3	0	1	23
Dipengaruhi	1	5	3	12	7	12	6	9	0	5	5	1	66

Manakala Jadual 5.21 pula menjelaskan usia remaja perempuan yang mudah dipengaruhi dengan pujukan/ajakan teman lelaki. Kajian ini menunjukkan bahawa remaja perempuan di usia pertengahan remaja iaitu 17 tahun dan 19 tahun merupakan golongan yang mudah termakan pujuk rayu teman lelaki iaitu masing-masing seramai 12 orang. Laporan oleh Nor Affian Ibrahim juga ada menyatakan bahawa percintaan di usia 17, 18 dan 19 tahun banyak membawa keburukan dan mendedahkan kepada gejala yang tidak sihat. Ini kerana kebanyakan remaja di usia ini cenderung memilih pasangan hanya bersandarkan faktor luaran sahaja seperti rupa paras, keterampilan diri, status diri dan cara pergaulan seseorang lelaki tanpa mengambil kira faktor agama.⁴⁷⁴ Aspek ini turut disokong oleh pelatih E semasa memilih teman lelakinya dahulu.⁴⁷⁵

5.4 PENERIMAAN PROGRAM PEMBANGUNAN DI RAUDHATUS SAKINAH

Penerimaan program pembangunan di Raudhatus Sakinah ini telah dianalisa melalui penganalisaan kuantitatif dengan program SPSS terhadap ujian soal-selidik dan juga melalui temu bual tidak berstruktur ke atas para pelatih yang mengikuti program pembangunan di sini. Kaedah ini dijalankan berpandukan

⁴⁷⁴ Berita Harian, Feb 19, 2011: 14C “Remaja gadai kehormatan demi cinta”

⁴⁷⁵ Temubual dengan Pelatih E, berusia 20 tahun di RS Selangor, pada 8 Mac 2011

kepada Modul Penerimaan Kirk Patrick. Tahap penerimaan program pembangunannya bukan sahaja dapat dianalisa secara lebih sistematik malahan beberapa kelemahan dan kecacatan sama ada dalam aspek kemudahan asas, modul atau aktiviti yang dijalankan dapat dikenal-pasti untuk dilakukan penambahbaikan. Di sini satu analisa lengkap terhadap setiap aspek yang terlibat di dalam program pembangunan remaja ini telah dilakukan. Kajian penerimaan para pelatih di sini telah dilakukan dengan menganalisa empat kriteria utama penerimaan iaitu reaksi/kepuasan, pembelajaran, perubahan kelakuan dan hasilan faedah.

5.4.1 Program Pembangunan Remaja di RS

Terdapat pelbagai program pembangunan yang telah dilaksanakan di RS untuk memberi khidmat dan bimbingan kepada golongan remaja yang memerlukan. Antara program bimbingan di RS ini mencakupi semua aspek iaitu bimbingan rohani, bimbingan bina diri, aktiviti riadah, rekreasi dan kesenian dan bimbingan kemahiran diri.

Jadual 5.22 di bawah menunjukkan persepsi para pelatih terhadap program-program yang dijalankan di sini.

Jadual 5.22: Persepsi Program Yang di laksanakan di RS

Bil	Aktiviti/ Program	Amat Tidak Suka	Tidak Suka	Kadang- kadang suka	Suka	Amat Suka	Purat a Mata
Bimbingan Rohani							
1	Kelas Fardhu Ain	0 (0%)	0 0%	12 (13.5%)	55 (55%)	22 (24.7%)	4.11

“Jadual 5.22, sambungan

2	Kelas al-Quran	0 (0%)	0 (0%)	7 (7.9%)	39 (43.8%)	43 (48.3%)	4.40
3	Kelas hadith	0 (0%)	1 (1.1%)	18 (20.2%)	52 (58.4%)	18 (20.2%)	3.98
4	Kelas Bimbingan Mukmin	2 (2.2%)	0 (0%)	14 (15.7%)	52 (58.4%)	21 (23.6%)	4.01
5	Kelas Akhlak	0 (0%)	1 (1.1%)	14 (15.7%)	48 (53.9%)	26 (29.2%)	4.11
6	Kelas Aqidah	0 (0%)	0 (0%)	24 (27%)	46 (51.7%)	19 (21.3%)	3.94
7	Kelas Sirah Nabi	0 (0%)	0 (0%)	14 (15.7%)	35 (39.3%)	40 (44.9%)	4.29
8	Kelas Bacaan Doa	2 (2.2%)	2 (2.2%)	12 (13.5%)	51 (57.3%)	22 (24.7%)	4.00
Bimbingan Bina Diri							
9	Kaunseling Individu	2 (2.2%)	4 (4.5%)	21 (23.6%)	40 (44.9%)	22 (24.7%)	3.85
10	Kaunseling Kelompok	6 (6.7%)	9 (10.1%)	21 (23.6%)	40 (44.9%)	13 (14.6%)	3.51
11	Program Motivasi	1 (1.1%)	1 (1.1%)	10 (11.2%)	38 (42.7%)	39 (43.8%)	4.27
12	Program Jati Diri	0 (0%)	0 (0.0%)	11 (12.4%)	38 (42.7%)	40 (44.9%)	4.33
Riadah/Rekreasi dan Kesenian							
13	Senaman	0 (0%)	2 (2.2%)	10 (11.2%)	33 (37.1%)	44 (49.4%)	4.34
14	Rehlah	0 (0%)	0 (0%)	14 (15.7%)	44 (49.4%)	29 (32.6%)	4.17
15	Outdoor Games	0 (0%)	0 (0%)	10 (11.2%)	34 (38.2%)	45 (50.6%)	4.39
16	Nasyid	0 (0%)	3 (3.4%)	15 (16.9%)	37 (41.6%)	34 (38.2%)	4.15
Kemahiran Diri							
17	Kelas Komputer	3 (3.4%)	2 (2.2%)	12 (13.5%)	55 (61.8%)	17 (19.1%)	3.91
18	Kelas Masakan	2 (2.2%)	1 (1.1%)	14 (15.7%)	29 (32.6%)	43 (48.3%)	4.24
19	Kelas Jahitan	1 (1.1%)	6 (6.7%)	26 (29.2%)	36 (40.4%)	20 (22.5%)	3.76
20	Kelas Kraftangan	1 (1.1%)	3 (3.4%)	19 (21.3%)	36 (40.4%)	30 (33.7%)	4.02

Berdasarkan Jadual 5.22 menunjukkan bahawa nilai min tertinggi adalah 4.40 iaitu kelas al-Quran manakala nilai min terendah adalah 3.51 iaitu kaunseling kelompok. Jadual ini juga menunjukkan bahawa sebanyak 70% mencapai nilai melebihi 4.0 manakala hanya 30% di bawah nilai 4.0 tetapi tidak kurang dari nilai 3.5. Ini menunjukkan bilangan pelatih yang mempunyai

kesukaan, keyakinan dan kepercayaan terhadap program-program di sini adalah tinggi iaitu dengan purata minnya 4.1.

Bagi kelas bimbingan rohani, kajian menunjukkan bahawa pelatih meminati kelas-kelas pengajian agama dan kelas yang paling diminati oleh pelatih adalah kelas pengajian al-Quran iaitu seramai 82 orang (92.1%) menyatakan suka dan amat suka dengan nilai min 4.40. Walaupun rata-rata pelatih di sini tidak mahir membaca al-Quran sebelum memasuki pusat ini, namun ia berjaya menarik minat pelatih untuk mempelajari ilmu al-Quran. Menurut pelatih H kaedah yang diguna-pakai dan layanan guru semasa mengajar mereka menyebabkan beliau merasa tiada tekanan malah amat teruja untuk mengikuti kelas ini.⁴⁷⁶ Sementara itu, kelas sirah Nabi mendapat nilai min 4.29, kelas fardhu ain dan kelas akhlak dengan nilai min 4.11 masing-masing, kelas bimbingan mukmin mendapat nilai min 4.01, kelas bacaan doa dengan nilai min 4.0 dan seterusnya kelas hadith dan kelas aqidah dengan nilai min 3.98 dan 3.94 masing-masing.

Manakala bagi program bimbingan bina diri, kajian menunjukkan bahawa pelatih kurang berminat dengan kaunseling kelompok iaitu seramai 36 orang (40.4%) berpendapat demikian dengan nilai min 3.51. Begitu juga dengan kaunseling individu apabila seramai 27 orang (30.3%) kurang berminat. Masalah ini berlaku kerana terdapat sebahagian pelatih disini kurang selesa untuk menceritakan atau meluahkan isi hati dan permasalahan mereka kepada kaunselor. Mereka merasakan bahawa pengalaman yang telah dilalui sebelum ini tidak perlu untuk diungkit⁴⁷⁷. Namun begitu, dua program iaitu program

⁴⁷⁶ Temubual dengan pelatih H, berusia 21 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

⁴⁷⁷ Temubual dengan pelatih H, berusia 21 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

motivasi dan program jati diri dilihat dapat menarik minat para pelatih di sini iaitu dengan nilai min 4.27 dan 4.33 masing-masing. Menurut pelatih J beliau amat tertarik dengan kedua-dua program ini kerana pendekatan yang digunakan iaitu secara bersahaja, terbuka dan tidak memberi sebarang tekanan kepada beliau. Menurutnya lagi, beliau juga agak tertekan apabila menghadiri program kaunseling individu dan kaunseiling kelompok.⁴⁷⁸

Bagi aktiviti riadah, rekreasi dan kesenian, secara keseluruhannya kajian mendapati bahawa pelatih meminati aktiviti ini dengan min tertinggi adalah bagi aktiviti outdoor games iaitu dengan nilai min 4.39. Ini diikuti oleh aktiviti senaman (4.34), aktiviti rehlah (4.17) dan aktiviti nasyid (4.15). Temubual dengan pelatih G menunjukkan para pelatih lebih menggemari aktiviti yang bersifat terbuka dan agak bebas supaya mereka dapat melepaskan tekanan-tekanan dalaman masa lampau dan juga masakini serta untuk menghiburkan diri.⁴⁷⁹

Seterusnya bagi kelas kemahiran diri, didapati kelas jahitan kurang diminati oleh pelatih apabila seramai 33 orang (37.1%) tidak berminat iaitu dengan nilai min 3.76. Ini kerana faktor peralatan jahitan yang disediakan kepada pelatih adalah terhad, kegagalan menguruskan kelas dan ketiadan guru secara berterusan.⁴⁸⁰ Keadaan ini berlaku kerana kedua-duanya diperolehi oleh pihak pengurusan RS melalui sumbangan masyarakat dan dari tenaga sukarela.⁴⁸¹ Namun begitu, bagi aktiviti seperti kelas komputer (min 3.91), kelas kraftangan (min 4.02) dan kelas masakan (min 4.24) telah mendapat minat yang

⁴⁷⁸ Temubual dengan pelatih J, berusia 23 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

⁴⁷⁹ Temubual dengan pelatih G, berusia 19 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

⁴⁸⁰ Temubual dengan pelatih D, berusia 18 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

⁴⁸¹ Siti Farhana, Pengurus RS Selangor, temubual pada 21 Februari 2011

agak memuaskan dari para pelatih. Pemerhatian yang dilakukan terhadap kelas-kelas ini mendapat ia bukan sahaja dapat dijalankan dengan baik dan berterusan tetapi aktiviti yang dijalankan secara bebas, dalam suasana yang tiada tekanan dan gangguan ini telah menyediakan satu ruang untuk para pelatih membangunkan kreativiti mereka.⁴⁸²

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa pelatih meminati kelas-kelas pengajian agama, program pembangunan diri, aktiviti luar dan kelas kemahiran diri yang dijalankan di RS. Minat yang tinggi ini memperlihatkan tanda-tanda positif untuk pembangunan jati diri para remaja ini.

5.4.2 Reaksi / Kepuasan

Berdasarkan Model Kirkpatrick, pada peringkat pertama ini adalah untuk mengukur reaksi/kepuasan pelatih terhadap bimbingan dan pemulihan yang dilaksanakan atau dikenali juga kajian kepuasan. Ia bertujuan untuk menilai sama ada ia bersesuaian dengan proses pemulihan dan bimbingan yang sedang dijalankan.

Jadual 5.23: Taburan Reaksi/Kepuasan Terhadap Pemulihan dan Bimbingan

Pernyataan terhadap reaksi/kepuasan	Tidak setuju	Kurang setuju	Kadang-kadang setuju	Setuju	Sangat Setuju	Jumlah	Min
Tiada masalah dengan kemudahan penginapan	0 (0%)	10 (11.2%)	13 (14.6%)	51 (57.3 %)	15 (16.9%)	89 (100%)	3.80
Tenaga pengajar yang memahami	0 (0%)	6 (6.7%)	17 (19.1%)	44 (49.4 %)	22 (24.8%)	89 (100%)	3.92

⁴⁸² Temubual dengan pelatih E, berusia 20 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

“Jadual 5.22, sambungan

Kemudahan belajar yang membantu	0 (0%)	6 (6.7%)	18 (20.2%)	49 (55.1 %)	16 (18%)	89 (100%)	3.84
Suasana kelas yang ceria	3 (3.4%)	9 (10.1%)	28 (31.5%)	36 (40.4 %)	13 (14.6%)	89 (100%)	3.53
Boleh berkerjasama dengan rakan-rakan	0 (0%)	6 (6.7%)	29 (32.7%)	35 (39.3 %)	19 (21.3%)	89 (100%)	3.75

Aspek pertama yang dianalisa di dalam Jadual 5.23 ialah reaksi/kepuasan pelatih terhadap kemudahan penginapan yang disediakan. Kajian menunjukkan seramai 66 orang (74.2%) bersetuju dengan kemudahan penginapan yang disediakan oleh pihak RS manakala selebihnya iaitu seramai 23 orang (25.8%) kurang bersetuju. Ini kerana pihak pengurusan RS tidak mampu untuk menyediakan rumah penginapan yang selesa seperti kehendak pelatih memandangkan sebahagian besar sumber kewangan RS adalah bergantung kepada sumbangan orang ramai dan terdapat beberapa cawangan rumah bimbingan RS ini adalah rumah yang telah diwakafkan oleh pemiliknya.⁴⁸³ Temubual dengan Puan Soliha iaitu Pengurus RS Johor mendapati bahawa golongan yang kurang berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan di RS ini terdiri dari pelatih yang bermasalah dalam aspek kemewahan sebelum memasuki pusat ini. Golongan ini menurutnya masih gagal memahami erti kehidupan yang dianjurkan oleh Islam iaitu bersikap sederhana. Namun beliau yakin bimbingan di RS ini boleh mengubah persepsi golongan ini terhadap kehidupan dunia seperti yang beliau sendiri telah alami.⁴⁸⁴

Seterusnya dari aspek reaksi dengan tenaga pengajar, Jadual 5.23 menunjukkan seramai 66 orang (74.2%) pelatih bersetuju dengan tenaga

⁴⁸³ Rosmawati Zainal, Pengarah RS, temubual pada 26 Januari 2011

⁴⁸⁴ Puan Soliha, Pengurus RS Johor, temubual pada 28 Feb 2011

pengajar yang memahami. Ini menunjukkan bahawa tenaga pengajar yang terdiri dari sukarelawan mampu memahami jiwa dan kehendak pelatih sehingga boleh mendorong pelatih untuk berminat menimba ilmu dan memperbaiki diri mereka. Namun begitu terdapat 25.8% yang kurang berpuas hati dengan tenaga pengajar di sini. Menurut pelatih G beliau kurang menyenangi tenaga pengajar yang terlalu serius semasa mengajar dan meletakkan tekanan dan harapan yang terlalu tinggi untuk dirinya melakukan perubahan secara drastik. Menurutnya lagi, tenaga pengajar seharusnya lebih memahami diri mereka ini sebagai golongan yang amat sensitif dengan kegagalan.⁴⁸⁵ Sementara itu menurut Cik Siti Farhana iaitu Pengurus RS Selangor, memang ada tenaga pengajar yang mengalami situasi sukar untuk memuaskan hati semua pelatih kerana jurang emosi pelatih yang agak ketara terutama apabila membandingkan pelatih lama dan pelatih baru serta jurang impak sejarah silam kepada diri para pelatih yang masih mempengaruhi emosi mereka. Namun begitu, pihak RS akan terus berusaha melakukan yang terbaik untuk para pelatihnya.⁴⁸⁶

Dari aspek kepuasan terhadap kemudahan belajar pula, Jadual 5.23 menunjukkan seramai 65 orang (73.1%) bersetuju bahawa kemudahan belajar yang disediakan membantu pelatih untuk menjalani proses pemulihan dan bimbingan. Manakala selebihnya iaitu 24 orang tidak bersetuju dengan kemudahan belajar yang disediakan. Pelatih E menyatakan walaupun kemudahan yang disediakan agak ketinggalan zaman tetapi tenaga pengajar dapat menggunakan dengan sebaik mungkin sehingga tidak terasa kekurangan tersebut.⁴⁸⁷ Namun, pelatih G yang kurang setuju dengan kenyataan

⁴⁸⁵ Temubual dengan pelatih G, berusia 19 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

⁴⁸⁶ Siti Farhana, Pengurus RS Selangor, temubual pada 21 Februari 2011

⁴⁸⁷ Temubual dengan pelatih E, berusia 20 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

ini menyatakan jika kemudahan belajar di sini dapat dipertingkatkan seperti kemudahan multimedia dan ICT lain beliau yakin proses pembelajaran dan bimbingan di sini akan lebih menarik.⁴⁸⁸

Seterusnya reaksi/kepuasan dengan suasana kelas, Jadual 5.23 menunjukkan bahawa seramai 40 orang (45%) tidak bersetuju dengan suasana kelas yang ceria. Hasil dari pemerhatian, kawasan ruang tamu rumah telah dijadikan ruang kelas atau tempat belajar memandangkan ruang yang ada di kediaman RS adalah terhad. Keadaan ini telah memberi anggapan yang kurang memuaskan buat diri pelatih apabila mereka membandingkan bilik darjah atau kelas seharusnya kelihatan seperti suasana kelas di sekolah atau dewan kuliah yang agak selesa, besar dan menarik.⁴⁸⁹ Namun begitu, seramai 49 orang lagi (55%) merasakan tidak ada masalah dengan suasana kelas.

Seterusnya dari aspek kerjasama dengan rakan-rakan di RS, Jadual 5.23 menunjukkan seramai 54 orang (60.6%) bersetuju bahawa mereka boleh berkerjasama dengan rakan-rakan di RS. Manakala 39.4% (35 orang) pula menyatakan sebaliknya. Kesukaran berkerjasama ini berlaku kerana para pelatih ini datang dari pelbagai negeri dan latar belakang yang berbeza yang telah mewujudkan masalah prasangka dan berpuak di kalangan mereka sehingga sukar untuk mewujudkan persefahaman. Namun masalah ini tidak memberikan impak besar kepada pengurusan RS kerana ia hanya melibatkan isu-isu terpencil dan agak remeh yang selalunya berpunca dari salah faham.⁴⁹⁰ Sementara itu didapati seramai 60.6% pelatih di sini tidak menghadapi masalah dalam pergaulan

⁴⁸⁸ Temubual dengan pelatih G, berusia 19 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

⁴⁸⁹ Temubual dengan pelatih F, berusia 17 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

⁴⁹⁰ Siti Farhana, Pengurus RS Selangor, temubual pada 21 Februari 2011

seharian malah menganggap ini peluang terbaik untuk mereka mengenali rakan-rakan dari negeri lain dan dari latar belakang yang berbeza.⁴⁹¹

Secara keseluruhannya, reaksi/kepuasan para pelatih ini terhadap program pemulihan dan bimbingan di RS menunjukkan majoriti pelatih dapat menerima suasana kehidupan dan pembelajaran di sini dengan nilai purata min 3.77 iaitu di dalam skala setuju. Penerimaan pelatih dengan program di sini memperlihatkan peranan RS dalam membimbing remaja ke arah pembentukan jati diri yang positif.

5.4.3 Pembelajaran

Pada peringkat kedua iaitu aspek pembelajaran, para pelatih dinilai sama ada mereka memperolehi sesuatu yang positif ataupun tidak dari program pemulihan dan bimbingan yang dijalankan. Ia bertujuan untuk melihat tahap pemahaman para pelatih terhadap pengajaran, bimbingan dan segala aktiviti yang dijalankan di sini berdasarkan program pembangunan yang dilaksanakan.

Jadual 5.24: Pernyataan Pembelajaran dari Aspek Bimbingan Rohani

Pernyataan Terhadap Pembelajaran Penghuni di RS	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Kadang-Kadang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Jumlah	Min
Allah SWT itu Maha Pengasih dan Maha Penyayang	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	9 (10.1 %)	80 (89.9 %)	89 (100%)	4.90
Adanya pahala, dosa, syurga dan neraka yang	0 (0%)	0 (0%)	1 (1.2%)	19 (21.3 %)	69 (77.5 %)	89 (100%)	4.76

⁴⁹¹ Temubual dengan pelatih C, berusia 18 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

“ Jadual 5.24, sambungan”

sedia menanti saya.							
Perbuatan (akhlak) saya mencerminkan siapa diri saya (iman)	0 (0%)	1 (1.1%)	0 (0%)	16 (18%)	72 (80.9 %)	89 (100%)	4.79
Islam adalah satu-satunya agama anutan saya	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	10 (11.2 %)	79 (88.8 %)	89 (100%)	4.89
Satu kerugian yang amat besar jika meninggalkan solat 5 waktu	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	13 (14.6 %)	76 (85.4 %)	89 (100%)	4.85

Berdasarkan Jadual 5.24 iaitu penerimaan pelatih dengan kelas bimbingan rohani mendapati bahawa majoriti pelatih memahami kelas-kelas pengajian agama yang diajarkan. Ini dapat dilihat apabila 100% (89 orang) pelatih bersetuju bahawa Allah itu Maha Pengasih dan Penyayang iaitu dengan nilai min 4.9 dan bersetuju bahawa Islam adalah satu-satunya agama anutan (min=4.89). Selain itu pelatih juga dilihat dapat memahami tentang konsep dosa, pahala, syurga dan neraka (min=4.76). Selain itu, didapati seramai 88 orang (98.9%) dengan nilai min 4.79 yakin bahawa akhlak dan iman amat berkait rapat manakala 100% bersetuju meninggalkan solat lima waktu merupakan satu kerugian yang amat besar iaitu dengan nilai min 4.85. Keupayaan para pelatih memahami konsep-konsep ini dilihat sebagai satu petanda baik untuk diri mereka dalam memelihara dan menghindarkan diri dari melakukan perkara yang dilarang dalam Islam pada masa hadapan. Dapatan analisa ini menunjukkan bahawa kelas-kelas pengajian agama yang dijalankan di sini telah membantu para pelatih untuk memahami dan mendalami ajaran Islam terutama ke arah mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. dengan purata nilai min sebanyak 4.84.

Jadual 5.25:Pernyataan Pembelajaran dari Aspek Bimbingan Bina Diri

Pernyataan Terhadap Pembelajaran Penghuni di RS	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Kadang-Kadang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Jumlah	Min
Setiap manusia diciptakan dengan keunikan dan kelebihan tersendiri	2 (2.2%)	0 (0%)	5 (5.6%)	26 (29.2 %)	56 (62.9 %)	89 (100%)	4.51
Untuk melakukan sesuatu itu bergantung kepada kehendak diri sendiri	0 (0%)	0 (0%)	6 (6.7%)	32 (36%)	51 (57.3 %)	89 (100%)	4.51
Setiap manusia bertanggungjawab ke atas apa yang telah dia lakukan	0 (0%)	0 (0%)	4 (4.5%)	27 (30.3 %)	58 (65.2 %)	89 (100%)	4.61
Mempunyai keazaman memelihara diri dari melakukan maksiat kecil dan besar	1 (1.1%)	0 (0%)	2 (2.2%)	24 (26.9 %)	62 (69.7 %)	89 (100%)	4.64
Saya wajib buat baik dan jauhkan yang jahat	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	16 (17.9 %)	73 (82.1 %)	89 (100%)	4.82

Seterusnya, pembelajaran dari aspek bimbingan bina diri, Jadual 5.25 menjelaskan bahawa 89 orang (100%) pelatih bersetuju dan faham bahawa mereka perlu memperkasakan jati diri dengan membuat kebaikan dan menjauhkan diri dari perbuatan jahat ($\text{min}=4.82$). Di samping itu program motivasi berjaya menanam keazaman kepada pelatih untuk sentiasa memelihara diri dari melakukan maksiat iaitu seramai 86 orang (96.6%) bersetuju ($\text{min}=4.64$).

Kajian juga mendapati seramai 7 orang pelatih (7.9%) tidak bersetuju bahawa setiap manusia diciptakan dengan keunikan dan kelebihan tersendiri tetapi 82 orang lagi (92.1%) bersetuju bahawa setiap manusia itu diciptakan dengan keunikan dan kelebihan tertentu. ($\text{min}=4.51$). Seterusnya seramai 83 orang (93.3%) bersetuju dengan kenyataan untuk melakukan sesuatu itu bergantung kepada kehendak sendiri ($\text{min}=4.51$) manakala 85 orang bersetuju bahawa setiap manusia itu bertanggungjawab ke atas apa yang telah dia lakukan ($\text{min}=4.61$). Akhirnya, kajian mendapati purata nilai min untuk analisa ini adalah 4.62 iaitu satu nilai yang menggambarkan penerimaan yang positif dalam aspek bimbingan bina diri.

Jadual 5.26 : Pernyataan Pembelajaran dari Aspek Kemahiran dan Riadah/Rekreasi

Pernyataan Terhadap Pembelajaran Penghuni di RS	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Kadang-Kadang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Jumlah	Min
Saya boleh menguruskan diri sendiri	3 (3.4%)	3 (3.4%)	12 (13.4%)	39 (43.8 %)	32 (36%)	89 (100%)	4.06
Saya mempunyai kemahiran tersendiri yang boleh dimanfaatkan untuk masyarakat	1 (1.1%)	6 (6.7%)	12 (13.5%)	43 (48.3 %)	27 (30.3 %)	89 (100%)	4.00
Badan saya perlu sentiasa sihat dan kuat agar mudah untuk beribadat	0 (0%)	0 (0%)	2 (2.2%)	17 (19.1 %)	70 (78.7 %)	89 (100%)	4.76
Minda yang sihat, cergas dan cerdas amat penting	0 (0%)	0 (0%)	2 (2.2%)	18 (20.2 %)	69 (77.5 %)	89 (100%)	4.75

Berdasarkan Jadual 5.26 iaitu pembelajaran dari aspek kemahiran diri, didapati bahawa 71 orang (79.8%) pelatih bersetuju bahawa mereka boleh menguruskan diri sendiri. Ini adalah hasil daripada kelas-kelas kemahiran yang telah mereka jalani seperti kelas masakan, kelas komputer dan kelas jahitan.⁴⁹² Sementara itu didapati seramai 19 orang (21.3%) tidak bersetuju bahawa kemahiran yang dipelajari boleh dimanfaatkan untuk masyarakat. Ini kerana pelatih merasakan bahawa mereka belum lagi bersedia untuk berhadapan dengan masyarakat dan menyumbangkan sesuatu kepada masyarakat.⁴⁹³ Namun begitu didapati seramai 70 orang yakin mereka mempunyai kemahiran tertentu untuk dikongsi bersama masyarakat ($\text{min}=4.0$). Seterusnya 87 orang (97.8%) bersetuju bahawa aktiviti riadah penting untuk membina minda yang sihat dan cergas ($\text{min}=4.75$) yang akan melahirkan badan yang sihat dan secara tidak langsung dapat melaksanakan ibadat dengan sempurna. ($\text{min}=4.76$).

Secara keseluruhannya, program bimbingan yang dilaksanakan di RS dapat memberi kesedaran dan pemahaman kepada pelatih untuk membina keyakinan diri dan membawa mereka kembali kepada ajaran Islam iaitu dengan purata nilai min sebanyak 4.4.

5.4.4 Perubahan Kelakuan

Dari aspek perubahan kelakuan iaitu pada peringkat ketiga ini pelatih akan dinilai sama ada mereka akan mengulangi kesilapan yang sama selepas mengikuti program bimbingan di RS serta menggunakan segala kemahiran dan ilmu yang diperolehi pada masa hadapan. Di peringkat ini, para pelatih akan `dinilai sama ada mereka mempunyai keinginan untuk berubah, mesti tahu

⁴⁹² Temubual dengan pelatih E, berusia 20 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

⁴⁹³ Temubual dengan pelatih B, berusia 16 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

apa yang harus dilakukan dan bagaimana untuk melakukannya dan sentiasa mahu berada dalam kelompok yang sesuai.

Jadual 5.27 : Taburan Pernyataan Perubahan Kelakuan dari aspek ‘keinginan untuk berubah’

Pernyataan Terhadap Perubahan Kelakuan	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Kadang-Kadang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Jumlah	Min
Dahulu saya telah tersalah langkah dan tersilap	1 (1.1%)	0 (0%)	0 (0%)	26 (29.2 %)	62 (69.7 %)	89 (100%)	4.66
Allah SWT amat kasih dan menyayangi saya	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	11 (12.4 %)	78 (87.6)	89 (100%)	4.88
Terdapat banyak kebaikan dalam diri saya yang belum ditonjolkan	0 (0%)	3 (3.4%)	8 (8.9%)	49 (55.1 %)	29 (32.6 %)	89 (100%)	4.17
Tidak sukar untuk mengelak perbuatan kurang baik	2 (2.2%)	4 (4.5%)	16 (18%)	37 (41.6 %)	30 (33.7 %)	89 (100%)	4.00
Solat yang sempurna adalah senjata terbaik untuk membentuk diri saya	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	11 (12.4 %)	78 (87.6 %)	89 (100%)	4.88

Berdasarkan Jadual 5.27 ini mendapati keinginan pelatih untuk berubah ke arah yang lebih baik berada di landasan yang memuaskan. Ini jelas dilihat apabila 100% (89 orang) bersetuju bahawa Allah masih menyayangi dirinya dan solat yang sempurna mampu menjadi benteng pada masa depan (masing-masing

dengan nilai min=4.88). Sementara itu seramai 88 (98.9%) orang telah mengakui kesilapannya masa lalu (min=4.66), 78 orang (87.6%) yakin dirinya mempunyai banyak potensi kebaikan yang belum ditonjolkan lagi (min=4.17) dan 67 orang (75.3%) yakin boleh mengelak perbuatan kurang baik (min=4.0). Walau bagaimanapun, hasil kajian mendapati seramai 22 orang (24.7%) merasakan masih lagi sukar untuk mengelak dari melakukan perbuatan kurang baik. Hal ini berlaku berpuncak dari kurang yakin mampu menghadapi cabaran yang bakal mereka tempuh apabila keluar kelak terutama pengaruh dari rakan sebaya.⁴⁹⁴ Manakala terdapat 11 orang (12.4%) yang masih gagal membentuk keyakinan dan menggilap potensi diri. Hasil dari pemerhatian dan penelitian mendapati kelompok ini majoritinya adalah dari kumpulan yang baru memasuki ke pusat ini. Kesimpulannya, pelatih di sini memperolehi purata nilai min sebanyak 4.5. dalam aspek mempunyai keinginan untuk berubah ke arah lebih baik.

Jadual 5.28 : Taburan Pernyataan Perubahan Kelakuan dari aspek ‘tahu apa yang harus dilakukan dan bagaimana untuk melakukannya’

Pernyataan Terhadap Perubahan Kelakuan	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Kadang-Kadang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Jumlah	Min
Saya mampu mengawal minda dan emosi secara berkesan	1 (1.1%)	7 (7.9%)	24 (26.9%)	40 (44.9%)	17 (19.1%)	89 (100%)	3.73
Pahala dan dosa itu benar dan jelas	0 (0%)	1 (1.1%)	1 (1.1%)	15 (16.9%)	72 (80.9%)	89 (100%)	4.78
Malu bertanya akan sesat jalan	0 (0%)	0 (0%)	2 (2.2%)	24 (26.9%)	63 (70.8%)	89 (100%)	4.69
Berfikir sejenak	0 (0%)	1 (1.1%)	1 (1.1%)	25 (28.1%)	62 (69.7%)	89 (100%)	4.66

⁴⁹⁴ Siti Farhana, Pengurus RS Selangor, Temubual pada 21 Feb 2011

“Jadual 5.28, sambungan”

sebelum melakukan sesuatu adalah lebih baik dari tidak berfikir							
Perlu berani berkata ‘ tidak ’ untuk maksiat	1 (1.1%)	0 (0%)	0 (0%)	14 (15.7%)	74 (83.1%)	89 (100%)	4.80

Seterusnya perubahan kelakuan dari sudut tahu apa yang harus dilakukan dan bagaimana untuk melakukannya ditunjukkan di dalam Jadual 5.28. Jadual ini menjelaskan bahawa remaja di sini mengakui tentang pahala dan dosa itu benar dan jelas apabila seramai 87 orang (97.8%) bersetuju dengan konsep pembalasan di atas setiap perbuatan ($\text{min}=4.78$). Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa remaja ini ingin berubah dengan melakukan kebaikan dan meninggalkan perbuatan yang boleh mendatangkan dosa. Walaubagaimanapun dari sudut perubahan untuk mengawal minda dan emosi, masih terdapat remaja yang gagal mengawal minda dan emosi secara berkesan apabila sebanyak 36% (32 orang) kurang bersetuju dengan kemampuan diri mereka untuk berubah. Hasil pemerhatian mendapati kumpulan ini selain terdiri dari pelatih baru, mereka juga dilihat masih trauma dengan apa yang telah berlaku kepada diri mereka. Namun begitu didapati seramai 57 orang (64%) iaitu dengan nilai min 3.73 didapati bersetuju bahawa mereka mampu mengawal minda dan emosi secara berkesan.

Sementara itu, kajian mendapati seramai 87 orang (97.8%) pelatih yakin dengan konsep malu bertanya akan sesat jalan dan kepentingan berfikir sebelum melakukan sesuatu dengan nilai min sebanyak 4.69 dan 4.66 masing-masing.

Akhirnya, didapati seramai 88 orang pelatih (98.9%) yakin mampu menyatakan tidak kepada maksiat (min=4.8). Kesimpulan dari data-data ini menunjukkan satu potensi perubahan kelakuan yang agak positif iaitu dengan purata nilai min sebanyak 4.5.

Jadual 5.29 : Taburan Pernyataan Perubahan Kelakuan dari aspek ‘berada dalam kelompok yang sesuai’

Pernyataan Terhadap Perubahan Kelakuan	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Kadang-Kadang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Jumlah	Min
Ramai rakan yang baik sudi menolong saya	2 (2.2%)	2 (2.2%)	10 (11.2%)	35 (39.3%)	40 (44.9%)	89 (100%)	4.22
Saya suka memilih kawan yang berilmu dan baik akhlak	1 (1.1%)	0 (0%)	8 (8.9%)	30 (33.7%)	50 (56.2%)	89 (100%)	4.44
Keadaan masyarakat penting dalam membentuk diri saya	1 (1.1%)	3 (3.4%)	7 (7.9%)	37 (41.6%)	41 (46%)	89 (100%)	4.28
Saya perlu bersama ahli keluarga dalam membentuk keluarga bahagia dan mulia	1 (1.1%)	0 (0%)	0 (0%)	17 (19.1%)	71 (79.8%)	89 (100%)	4.79

Persekitaran juga memainkan peranan penting dalam perubahan remaja lebih-lebih lagi untuk mengekalkannya. Berdasarkan Jadual 5.29 iaitu dari aspek kelompok yang sesuai, kajian mendapati seramai 88 orang (99.9%) remaja ini bersetuju bahawa mereka perlu untuk kembali bersama keluarga dan membentuk keluarga yang bahagia dan mulia iaitu dengan nilai min 4.79. Ini

kerana terdapat segelintir remaja ini mempunyai hubungan yang renggang dengan keluarga sebelum memasuki RS. Namun hasil lawatan mingguan ahli keluarga ke RS telah dapat mengeratkan kembali hubungan tersebut.⁴⁹⁵

Selain dari aspek kelompok keluarga ini, perubahan para pelatih juga dilihat apabila mereka bersedia untuk berhati-hati dalam memilih rakan atau kawan yang baik iaitu dengan nilai min sebanyak 4.4. Para pelatih kini dilihat sudah memahami konsep rakan sebaya yang sebenarnya dan tahu bahawa rakan sebaya ini akan banyak mendorong mereka di dalam melakukan setiap tindakan sama ada positif atau negative sepertimana dinyatakan oleh pelatih A.⁴⁹⁶ Kajian menunjukkan seramai 75 orang pelatih (84.3%) sudah dapat menilai dan mengenalpasti rakan-rakan dengan budi pekerti dan moral yang baik serta sudi menolong mereka apabila keluar kelak ($\text{min}=4.22$). Manakala seramai 78 orang (87.6%) merasakan bahawa masyarakat sekeliling mempunyai pengaruh besar terhadap dirinya ($\text{min}=4.28$). Analisa-analisa ini membuktikan para pelatih di sini sudah bersedia untuk berubah ke arah kehidupan yang lebih baik selepas keluar daripada RS kelak dengan nilai purata minnya 4.5 iaitu dalam kekerapan sangat setuju dengan item yang dinyatakan.

5.4.5 Hasilan/ Faedah

Peringkat keempat Model Penerimaan Kirkpatrick adalah peringkat hasilan/faedah. Ia menilai impak program bimbingan ini terhadap para peserta. Walaupun pada asasnya responden belum menamatkan program pemulihan

⁴⁹⁵ Temubual dengan pelatih C, berusia 18 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

⁴⁹⁶ Temubual dengan pelatih A, berusia 19 tahun di RS Selangor pada 8 Mac 2011

namun maklumat yang diperolehi dapat menjadi asas ramalan kepada corak penerimaan pelatih setelah tamat pemulihan. Pada peringkat ini, maklumat yang diperolehi adalah melalui pemerhatian dan hasil temubual tidak berstruktur dengan 3 orang pelatih⁴⁹⁷ yang hampir menamatkan program. Rumusan keseluruhan tentang aspek keberhasilan/faedah yang diperolehi oleh pelatih ini adalah berpandukan kepada 3 matlamat utama penubuhan RS.

a) Membantu remaja menghayati Islam sebagai cara hidup.

Matlamat utama RS adalah untuk membantu remaja Islam khususnya remaja perempuan untuk mencintai Islam dan menjadikan Islam sebagai satu cara hidup. Hasil dari temubual mendapati ketiga-tiga pelatih menyatakan bahawa mereka tidak lagi meninggalkan solat 5 waktu yang sebelum ini jarang dilakukan. Di samping solat wajib, solat-solat sunat tahajud juga sentiasa dilakukan oleh pelatih sehingga mereka merasakan bahawa tidak lengkap hari itu tanpa solat tahajud.

Selain itu, bimbingan di sini juga telah melahirkan perasaan takut kepada Allah S.W.T. melebihi segalanya. Ketiga-tiga pelatih bersetuju bahawa sebelum ini mereka tidak dapat merasakan kehadiran Allah di dalam kehidupan sehari-hari mereka. Justeru mereka tidak takut untuk melakukan perkara yang ditegah dalam Islam. Kini, hasil dari bimbingan dan kelas-kelas pengajian agama telah melahirkan perasaan takut dan cinta kepada Allah sehingga tidak akan melakukan perkara yang dilarang dalam Islam.

⁴⁹⁷ Temubual telah dilakukan kepada 3 orang pelatih yang akan tamat iaitu Pelatih I tamat pada bulan April 2011, Pelatih H tamat pada akhir Mac 2011, Pelatih J tamat pada bulan April 2011. Temubual telah di adakan di RS Selangor pada 9 Mac 2011.

Di samping itu, kesedaran menutup aurat terutama kewajipan bertudung dan menjaga aurat dilihat mendapat reaksi terbaik di mana 100% para pelatih didapati menutup aurat mereka terutama semasa hari perjumpaan keluarga dan juga aktiviti dengan pihak luar. Menurut pelatih I dan H, dahulunya memang mereka tidak bertudung dan tidak mengetahui kewajipan supaya menutup aurat ini. Namun setelah menjalani bimbingan disini mereka menyakini bahawa menutup aurat itu satu kewajipan yang perlu dilaksanakan demi menjaga kehormatan diri walau di mana saja mereka berada.⁴⁹⁸

b) Membantu remaja membina semula keyakinan diri

Rata-rata remaja yang memasuki RS adalah terdiri daripada mereka yang pernah terlibat dengan gejala negatif. Penglibatan mereka dengan aktiviti salah laku ini boleh menyebabkan remaja hilang keyakinan diri terutama apabila berhadapan dengan masyarakat. Hasil daripada program motivasi dan jati diri telah membina kembali keyakinan dalam diri remaja untuk meneruskan kehidupan. Di sini ketiga-tiga pelatih menyatakan bahawa mereka yakin untuk meneruskan kehidupan secara positif apabila keluar kelak dengan kemampuan dan kelebihan yang ada yang diri.

Selain itu, pelatih J amat bersedia dan bersemangat untuk menyambung kembali pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi apabila keluar kelak. Pelatih ini mengakui bahawa dengan ilmu sahaja mampu mengubah nasib kehidupan beliau dan mengembalikan kepercayaan ibu bapa.⁴⁹⁹

⁴⁹⁸ Temubual dengan pelatih I, berusia 21 tahun dan pelatih H, berusia 21 tahun di RS Selangor pada 9 Mac 2011

⁴⁹⁹ Temubual dengan pelatih J, berusia 23 tahun di RS Selangor pada 9 Mac 2011

- c) Membantu remaja meneruskan kehidupan yang sihat dan memberi manfaat kepada masyarakat

Matlamat RS seterusnya adalah untuk membantu remaja meneruskan kehidupan yang sihat dan dapat memberi manfaat kepada masyarakat. Hasil dari bimbingan di RS, kajian mendapati majoriti ahli keluarga sudah dapat menerima kembali anak-anak mereka walaupun sebelum ini tidak dapat menerima kesalahan yang dilakukan manakala para pelatih dilihat sudah tidak kekok untuk berhadapan dengan ahli keluarganya. Pelatih J menyatakan perubahan corak kehidupan di RS telah banyak mengubah penampilan fizikal, emosi dan mindanya termasuk persepsinya terhadap keluarga.⁵⁰⁰

Selain itu, ketiga-tiga pelatih bersetuju betapa pentingnya memilih kawan yang betul. Mereka amat bersetuju bahawa majoriti penglibatan remaja di sini dengan gejala tidak sihat adalah kerana pengaruh rakan sebaya. Justeru mereka menyatakan bahawa akan lebih berhati-hati dalam memilih kawan dan tidak akan sekali-kali kembali kepada kawan yang pernah merosakkan diri mereka. Selain itu, mereka yakin dengan memilih kawan yang baik akan membantu meneruskan kehidupan yang sihat apabila keluar nanti.

Secara keseluruhannya, setelah menjalani tempoh bimbingan selama 13 bulan, ketiga-tiga pelatih ini telah menampakkan satu perubahan dan impak yang positif pada diri mereka terutama dari segi keyakinan, kekuatan emosi dan minda serta aspek kerohanian. Kejayaan ini bukan sahaja disahkan oleh tenaga pengajar dan pihak pengurusan RS Selangor tetapi turut diperkuatkan melalui

⁵⁰⁰ Temubual dengan pelatih J, berusia 23 tahun di RS Selangor pada 9 Mac 2011

pemerhatian-pemerhatian, temubual dan perubahan kelakuan yang ditunjukkan oleh ketiga-tiga pelatih tersebut. Impak positif yang ditunjukkan oleh mereka secara tidak langsung akan memberi manfaat kepada masyarakat iaitu dengan membantu mengurangkan berlakunya gejala tidak sihat disamping menyedarkan remaja-remaja lain yang bermasalah bahawa peluang untuk mereka kembali ke jalan yang benar sentiasa ada dan pintu perubahan itu sentiasa terbuka untuk sesiapa sahaja yang mahu berubah.

5.5 Kesimpulan

Kajian mendapati bahawa pelatih di RS ini majoritinya terdiri dari kelompok pertengahan remaja iaitu dari usia 17 tahun hingga ke usia 21 tahun iaitu satu julat masa di mana jiwa dan personaliti manusia mula bergelora dan mudah terpesong. Ketika ini, golongan dewasa terutama ibu bapa seharusnya memberi lebih tumpuan, bimbingan dan teladan kepada anak-anak. Didapati para pelatih ini terdiri dari pelbagai latar belakang diri termasuk dari aspek kenegerian, tahap pendidikan, tahap didikan agama, pekerjaan dan latar belakang keluarga. Kepelbagaiannya latar belakang ini turut dilihat mempengaruhi bentuk salah laku. Namun begitu empat salah laku utama iaitu sering meninggalkan solat, berzina/khalwat, pergaulan bebas lelaki dan perempuan serta mengandung anak luar nikah didapati tidak terlalu dipengaruhi oleh apa-apa faktor latar belakang ini. Manakala kesalahan-kesalahan lain didapati ada dipengaruhi oleh beberapa aspek kepincangan dan kecacatan di sudut latar belakang para pelatih. Seterusnya kajian mendapati faktor utama yang telah menyebabkan pelatih di RS ini terlibat di dalam salah laku mereka adalah faktor teman lelaki dan faktor kemewahan.

Sementara itu, program-program di RS yang dianalisa menerusi Model Penerimaan Kirkpatrick mendapati pihak RS perlu meningkatkan pencapaian dan kejayaan di dalam aspek reaksi/kepuasan para pelatih jika matlamat akhir iaitu mencapai keputusan terbaik dalam aspek hasilan faedah ingin direalisasi. Di sini, pelbagai bantuan serta sokongan dari pihak kerajaan, swasta serta individu amat dialu-alukan untuk menyedia dan mewujudkan satu suasana penginapan dan pembelajaran yang lebih bermutu, selesa dan relevan di segi masa dan lokasi.

BAB ENAM

PENUTUP

6.0 PENGENALAN

Remaja di Raudhatus Sakinah merupakan aset penting dan sangat berharga kepada negara. Sepertimana remaja lain, mereka juga mempunyai keunikan, kelebihan dan keupayaan tersendiri yang jika dipersiakan akan merugikan masa depan negara. Justeru, penyelesaian segera perlu dicari dan diambil bagi membangunkan golongan ini serta membekalkan mereka dengan ilmu dan peribadi yang kukuh bagi meneruskan agenda pembangunan negara pada masa hadapan. Selagi masalah-masalah kenakalan dan salah laku yang dihadapi oleh remaja ini tidak dikawal, dibendung dan dibanteras, ia akan menjadi satu cabaran yang amat besar kepada semua pihak sama ada ibu bapa, masyarakat mahupun negara.

6.1 RUMUSAN

Penurunan syiar Islam di Tanah Arab diketahui berpunca bagi mengubah tatacara hidup masyarakat dunia dari kehidupan jahiliah kepada kehidupan rabbaniyah. Di dalam merealisasikannya, Islam telah menekankan kepentingan mempunyai dan mempraktikkan akhlak mulia sebagai kaedah untuk mencapai jati diri rabbaniyah tersebut. Umum mengetahui bahawa seorang bayi yang dilahirkan ke dunia ini adalah bersih dan suci tetapi kekotoran dunia akan cuba mendampingi dan melekat padanya seiring dengan tumbesarnya menjadi seorang manusia yang mukallaf. Demi untuk mengekalkan kebersihan dan kesucian diri ini maka Islam telah menekankan tentang kepentingan memelihara diri dengan kekuatan aqidah, ibadah dan akhlak. Jika aqidah dan ibadah sering disarankan agar sentiasa dipertingkatkan maka akhlak juga tidak harus dilupakan. Ia juga perlu dibentuk, dipelihara dan diperbaiki agar sentiasa berada di landasan yang benar.

Kajian ini secara umum telah berjaya mengaitkan kepentingan peranan akhlak yang dianjurkan oleh Islam dalam pembentukan jati diri seseorang. Kajian telah mengenalpasti bahawa majoriti remaja wanita di RS ini gagal dalam mencerminkan akhlak Islam terutama di dalam aspek kecintaan kepada Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW serta kecintaan terhadap diri mereka sendiri. Hal ini telah menyebabkan mereka sukar memahami konsep penciptaan mereka, matlamat penciptaan mereka dan seterusnya berusaha untuk memperkasakan diri ke arah yang sepatutnya iaitu menjadi hamba Allah yang berjaya di dunia dan akhirat iaitu satu konsep jati diri yang dianjurkan oleh Islam.

Allah SWT telah menjadikan manusia ini dengan pelbagai perbezaan dan keunikan tersendiri serta juga dengan kelebihan dan kelemahan tertentu. Tetapi Allah Dia juga telah mewujudkan ciri-ciri tertentu untuk sifat-sifat tertentu agar manusia dapat melihat, memahami, memikir dan seterusnya dapat membezakan antara baik dan buruk, ibadah dan maksiat dan akhirnya pahala dan dosa. Setiap ciri, kepelbagai dan kelainan yang dikurniakan kepada hamba-hamba-Nya adalah ujian-Nya semata-mata untuk melihat bagaimana hamba-hamba itu bertindak-balas terhadap ujian itu. Kajian ini telah mengenal-pasti beberapa ciri latar belakang penghuni wanita di RS yang dilihat menjadi sebab keterlibatan mereka di dalam segala bentuk salah laku. Majoriti penghuni di sini dilihat mempunyai satu ciri latarbelakang yang telah disepakati oleh ramai penyelidik sebagai ‘ciri demografi remaja bermasalah’. Antara ciri-ciri utama latar belakang penghuni di sini adalah berusia 17 - 19 tahun, mempunyai keluarga yang ramai (seramai 4-7 orang), merupakan anak sulung dan anak ke-2 dalam keluarga, tidak berkerja, ibu bapa masih bersama, ibu bapa berkerja, kurang mendapat sokongan/perhatian ibu bapa, tinggal di bandar dan luar bandar serta menetap di rumah teres dan di rumah kampung.

Walaupun majoriti kesalahan jenayah sivil dan syariah masakini sering dikaitkan dengan golongan remaja tetapi kajian ini mendapati majoriti para penghuni wanita di RS ini telah terlibat dalam beberapa kesalahan syariah yang menjadi titik tolak kemusnahan kehidupan mereka. Kesalahan-kesalahan tersebut adalah sering meninggalkan solat, berzina, pergaulan bebas lelaki-perempuan dan mengandung anak di luar nikah. Manakala kesalahan-kesalahan lain seperti kekemasan diri, jenayah, kepentingan masa, kurang sopan dan biadap, vandalisme, kejujuran, ponteng, kenakalan, kumpulan negatif dan tingkahlaku/bahan lucah serta lain-lain jenayah syariah hanyalah sebagai pelengkap kepada senarai salahlaku mereka.

Umumnya, remaja akan menyatakan pelbagai alasan dan sebab kesalahan yang mereka lakukan. Dalam pada itu, mereka juga tidak sedar penyebab utama yang telah merosakkan diri sehingga menyebabkan mereka tidak berwaspada dengannya. Malah, menganggap segala faktor itu sebagai satu penyelamat hidup mereka pulak. Kajian telah menampilkan beberapa faktor kesalahan remaja di RS dengan faktor utamanya adalah pujukan teman lelaki, kurangnya perhatian dan sokongan ahli keluarga, mengejar kemewahan dan glamour dunia, pengaruh media massa, kekecewaan dalam hidup dan sengaja melakukannya tanpa sebab iaitu atas dasar ingin mencuba.

Allah SWT itu adalah Maha Adil dan Amat Mengasihi hamba-hamba-Nya. Oleh itu, segala ketentuan terhadap hamba-Nya disertakan dengan sebab musababnya. Manakala segala sebab musabab ini diletakkan kepada manusia sendiri untuk membuat pilihan dan menentukannya. Walaupun manusia diwajibkan beriman kepada konsep qada dan qadar tetapi melalui peluang yang Allah SWT berikan maka manusia wajib bertanggungjawab terhadap apa yang akan, sedang dan telah mereka lakukan. Maka setiap manusia wajib memahami diri sendiri dan sebab-sebab yang boleh merosakkan

diri mereka iaitu melalui ilmu dan amal. Ilmu adalah melalui pembelajaran tentang syariat dan kehidupan manakala amal melalui ibadat-ibadat wajib dan sunat.

Para remaja terutama remaja di RS ini tidak harus dipersalahkan secara keseluruhan. Di dalam kepesatan dan pembangunan ekonomi, sosial dan politik masakini, semua manusia boleh tersalah langkah apatah lagi golongan remaja yang masih mentah dan kurang memahami masalah-masalah kehidupan. Adalah suatu yang mustahil untuk melihat golongan remaja yang tersasar ini kembali ke jalan yang benar jika tiada usaha dan tunjuk ajar dari golongan lebih dewasa. Sehubungan itu, menjadi tanggungjawab golongan yang lebih matang ini untuk memimpin, membimbing serta memulihkan golongan remaja yang telah terpesong agar mereka tidak terus diseret dan diumbang-ambingkan oleh arus kerosakan ini. Oleh itu, selain menganalisa masalah para remaja, kajian ini juga cuba membantu pihak RS dalam memperkuuh dan memperkasakan program pemulihan dan bimbingan mereka dengan menganalisa data-data penerimaan para pelatih melalui ujian-ujian persepsi, reaksi/kepuasan, pembelajaran, perubahan kelakuan dan faedah hasilan terhadap setiap program yang dijalankan.

Kajian mendapati dari 20 program yang dijalankan di sini sebanyak 14 program atau 70% mendapat nilai min melebihi 4.0 dengan purata nilai min adalah 4.1 iaitu di dalam skala ‘suka terhadap program/aktiviti’. Manakala bagi reaksi/kepuasan didapati purata nilai min adalah 3.77 iaitu dalam skala ‘setuju dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh RS’. Manakala dalam aspek pembelajaran didapati purata nilai minnya adalah 4.62 iaitu dalam skala ‘sangat setuju bahawa pembelajaran di RS memberi banyak manfaat untuk masa depan mereka’. Sementara itu dalam aspek perubahan kelakuan, kajian mendapati para pelatih bersedia untuk berubah ke arah

kehidupan yang lebih baik selepas ini iaitu dengan purata nilai min sebanyak 4.5. Seterusnya menerusi pemerhatian dan temubual tidak berstruktur pula, kajian mendapati secara asasnya pihak RS telah berjaya mencapai tiga matlamatnya iaitu membantu remaja menghayati Islam sebagai cara hidup, membantu remaja membina semula keyakinan diri dan membantu remaja meneruskan kehidupan yang sihat dan memberi manfaat kepada masyarakat. Kaedah-kaedah pemulihan dan kelas-kelas sehari-hari dilihat telah membangkitkan semula nilai-nilai aqidah, ibadah dan akhlak para penghuni.

Namun begitu, pihak RS harus sentiasa bersedia memperkasakan pentadbiran, bersikap lebih positif dalam memajukan program-program dan sentiasa ke hadapan dalam pembangunan para remaja di RS ini secara khusus dan remaja-remaja lain secara umum kerana permasalahan para remaja akan sentiasa berubah, berbeza-beza dan menakutkan dari masa ke semasa.

6.2 CADANGAN DAN SARANAN

Sepanjang kajian dijalankan, ternyata remaja-remaja perempuan di RS ini amat memerlukan bantuan untuk membina, memulihkan serta membentuk keyakinan diri yang lebih baik pada masa hadapan. Mereka sebenarnya adalah golongan yang amat berpotensi dalam pembinaan modal insan yang berguna tetapi disebabkan tersalah langkah serta pengaruh beberapa faktor tertentu telah menyebabkan mereka terlibat dalam salah laku ini sama ada secara langsung maupun tidak langsung. Justeru, mereka perlu dibantu agar tidak mengulanginya atau dipengaruhinya.

Berdasarkan hasil kajian dan keputusan yang diperolehi, beberapa cadangan dan saranan kepada beberapa pihak yang terlibat untuk membantu golongan remaja di RS

dan juga remaja-remaja lain yang amat berisiko terjebak dalam masalah yang sama dapat dihasilkan. Secara umumnya lima pihak didapati terlibat secara langsung di dalam menjayakan usaha ini iaitu golongan remaja (individu), ibu bapa, pihak RS, pihak kerajaan menerusi agensi-agensi tertentu dan pihak swasta terutama badan korporat serta pertubuhan badan bukan kerajaan.

6.2.1 Peranan Remaja (individu)

Masalah sosial di kalangan remaja seharusnya lebih difahami oleh golongan itu sendiri. Mereka seharusnya lebih mengetahui potensi diri, kekurangan diri dan perkara-perkara yang boleh memudaratkan. Justeru itu, remaja lebih berperanan berbanding pihak lain untuk memelihara diri dari mudah diselewengkan oleh nafsu dan godaan dunia serta membangkitkan naluri ingin berubah ke arah yang lebih baik. Kajian ini mengemukakan beberapa cadangan agar para remaja dapat mencari kekuatan dalaman dan memperbaiki perwatakan mereka. Ia secara tidak langsung dapat menghalang mereka dari terlibat dengan pelbagai bentuk gejala sosial.

(a) Mengenali dan menyayangi diri sendiri

Sebagai seorang individu, para remaja sepatutnya lebih menyayangi diri sendiri dan tidak membiarkannya dipengaruhi oleh anasir-anasir jahat. Langkah pertama untuk menyayangi diri adalah dengan mengenal diri. Langkah mengenal diri sendiri telah dijelaskan oleh Allah SWT dalam ayat pertama diturunkan-Nya iaitu ayat-ayat 1 hingga 5 dalam Surah al-Alaq.

Mengenal diri sendiri adalah satu tindakan yang positif untuk mengakui kelemahan diri dan kelebihan orang lain. Ini akan menghindarkan dari sikap dan sifat rakus, sompong dan bangga diri yang merupakan mukaddimah untuk sifat dan sikap mazmumah lain.

(b) Mengenali serta mencintai Allah SWT dan Rasul SAW

Demi menyelamatkan diri dari dipengaruhi oleh faktor-faktor kejahanan maka para remaja wajib kembali mengenal dan mencintai Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW. Menerusinya, para remaja akan memperolehi kekuatan dan motivasi untuk menepis pengaruh-pengaruh liar serta dapat membimbing jiwa ke arah kebaikan hasil dorongan sifat ketataan iaitu ketakutan (takut kepada balasan-balasan Allah) dan harapan (harapan untuk mencapai pengampunan Allah dan balasan-Nya yang baik).⁵⁰¹

(c) Menghormati dan mengasihani ibu bapa dan ahli keluarga.

Remaja hari ini dilihat kurang menghormati apatah lagi mengasihani ibu bapa dan ahli keluarga. Berbuat baik kepada kedua ibu bapa adalah benteng terbaik dari segala musibah dunia dan akhirat. Justeru remaja perlu mengikis perasaan bosan dan benci dengan kongkongan ibu bapa serta sentiasa bersikap positif dengan ibu bapa iaitu dengan menyakini bahawa setiap ibu bapa inginkan yang terbaik untuk anak-anak mereka.

(d) Memahami peranan hidup bermasyarakat.

Remaja masakini perlu melibatkan diri dalam kehidupan masyarakat terutama masyarakat yang mengamalkan konsep amar makruf nahi mungkar. Keterlibatan ini

⁵⁰¹ Muhammad Labib Al-Buhi (1990), *Langkah-langkah Menuju Allah*. Kota Bharu: Dian Darulnaim Sdn.Bhd., h.19

mampu mengubah arah tuju dari hanya mencari keseronokan dunia semata-mata kepada mencari keberkatan dan kemuliaan dunia dan akhirat. Di samping itu, mereka boleh memberikan sumbangan sama ada dalam bentuk idea mahupun kemahiran tertentu kepada komuniti. Hubungan dua hala ini mampu membangkitkan motivasi dan sikap positif dalam diri para remaja bahawa mereka sebenarnya adalah sebahagian daripada masyarakat.

6.2.2 Peranan Ibu bapa

Peranan dan tanggungjawab ibu bapa di zaman ini dilihat semakin mencabar sejajar dengan kepesatan teknologi dan kemewahan. Ibu bapa juga adalah insan yang paling hampir dengan remaja dan amat berperanan dalam mendidik mereka dengan menunjukkan contoh yang baik dan sentiasa mendekati mereka. Justeru beberapa cadangan dan saranan dikemukakan kepada ibu bapa untuk merealisasikan tanggungjawab tersebut.

(a) Ilmu keibubapaan

Kegagalan ramai ibu bapa memainkan peranannya telah menyebabkan ramai anak-anak bukan sahaja gagal dari aspek keduniaan malah juga akhirat. Justeru, ilmu keibubapaan ini dilihat perlu dititik-beratkan bagi memperbaiki kegagalan ini. Ia ditakrifkan sebagai satu proses mendidik seorang perempuan bersifat keibuan dan seorang lelaki bersifat kebapaan, agar mereka menjadi ibu bapa muslim yang sejati.⁵⁰²

⁵⁰² Wista Ahmad (2001), *Perkahwinan Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dra Wista Ahmad, h. 38

(b) Kasih sayang dan disiplin

Aspek kasih sayang dan disiplin sering kali gagal difahami dan dipraktikkan oleh majoriti ibu bapa masakini sehingga menyebabkan anak-anak menganggap diri mereka tidak dikasihi, diabaikan dan membebankan. Ibu bapa harus menggabungkan kedua-dua elemen ini di dalam mendidik anak-anak seperti konsep penerimaan, menghormati, mempercayai, memahami, mengambil berat dan memberi perhatian.

(c) Peraturan keluarga

Ibu bapa yang ‘profesional’ akan mewujudkan peraturan-peraturan tertentu di dalam keluarga mereka. Peraturan yang ditetapkan ini pula haruslah bersandarkan kepada tiga (3) ciri utama iaitu matlamat yang mudah difahami, limitasi-limitasi tertentu dan menitikberatkan kesan jika tidak dipatuhi. Kepatuhan anak-anak terhadap peraturan yang telah ditetapkan ini akan menjamin matlamat kewujudannya iaitu untuk melahirkan anak-anak yang soleh dan solehah.

(d) Teladan buat anak-anak

Ibu bapa merupakan cermin peribadi kepada anak-anak kerana mereka adalah teman interaksi sosial pertama dan utama. Justeru, jika mengharapkan anak-anak berkelakuan baik maka wajarlah ibu bapa sendiri perlu membentuk kesempurnaan diri sendiri dan memberikan contoh terbaik untuk diikuti oleh anak-anak.

6.2.3 Peranan pihak Raudhatus Sakinah

Sebenarnya, usaha yang dilakukan oleh pihak RS dalam membantu golongan remaja ini tidak boleh dipersoalkan apatah lagi dipertikaikan. Justeru, cadangan dan saranan yang

akan diberikan ini bukan bermaksud meremehkan usaha-usaha murni ini tetapi ia sekadar satu perkongsian ilmiah dalam aspek usul dakwah yang dilihat boleh mempertingkatkan mutu pentadbiran dan keberkesanannya program-program yang telah dirancang. Hasil kajian telah merumuskan terdapat beberapa aspek yang perlu diperbaiki.

(a) Kemudahan penginapan

Walaupun diketahui bahawa kemudahan ini secara umumnya hasil sumbangan, tajaan dan wakaf masyarakat tetapi seandainya pihak RS diberi bantuan dan sokongan yang sewajarnya maka tidak mustahil mereka mampu menyediakan satu kemudahan penginapan yang lebih selesa walaupun tidak sebaik pusat-pusat di bawah kendalian penuh kerajaan.

(b) Tenaga pengajar

Tenaga pengajar memainkan peranan penting dalam menanam minat dan motivasi para pelatih untuk terus menetap dan mengikuti bimbingan di sini. Walaupun tenaga pengajar ini diperolehi secara sukarelawan tetapi sebaiknya mereka perlu melalui satu sesi ‘suai-kenal’ dengan keluarga RS ini dan juga perlu mengikuti satu kursus tertentu sebelum dibenarkan mengajar. Ini penting untuk lebih mendekatkan diri mereka dengan para pelatih agar wujud satu hubungan dua hala yang lebih bermakna semasa program dijalankan. Kemudian, pihak RS seharusnya perlu menetapkan silibus-silibus tertentu yang dilihat lebih relevan dengan para pelatih untuk dijadikan garis panduan kepada tenaga pengajar agar satu sistem pendidikan dan pemantauan kepada para pelatih mudah dilaksanakan dan dianalisa dari masa ke semasa.

(c) Kemudahan belajar

Seperti kemudahan penginapan, kemudahan belajar juga turut menghadapi masalah yang sama. Sehubungan dengan itu, sumbangan dan bantuan dari pihak luar amat dialukan agar para pelatih ini juga berpeluang merasai satu suasana pembelajaran yang lebih sempurna walaupun tidak setanding dengan kemudahan-kemudahan di sekolah kerajaan ataupun kolej swasta.

(d) Aktiviti dan program

Kajian mendapat terdapat beberapa aktiviti dan program yang kurang digemari atau disenangi oleh para pelatih seperti kaunseling kelompok, kaunseling individu dan kelas jahitan. Aktiviti dan program ini sewajarnya dikaji-semula dan dilakukan ubah-suaian tertentu seperti di dalam aspek silibus, kaedah mengajar dan tenaga pengajar yang dipertanggungjawabkan malahan mungkin juga dalam aspek waktu dan tempoh aktiviti itu sendiri. Selain itu, aktiviti lain yang dilihat amat relevan dengan jiwa remaja masakini seperti program kemahiran diri wajar dipertimbangkan. Sementara itu, tempoh bimbingan selama 13 bulan wajar ditambah memandangkan para remaja ini memerlukan satu tempoh masa untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan di sini.

6.2.4 Peranan pihak kerajaan

Kerajaan melalui agensi-agensi dibawahnya amat berperanan dalam membendung gejala sosial dari berleluasa. Justeru beberapa cadangan dikemukakan kepada agensi terlibat agar bersama-sama mendidik remaja ke arah yang lebih baik.

(a) Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi

Pihak Kementerian Pelajaran sepatutnya kini sudah sedar bahawa sistem pendidikan sekolah masakini gagal dalam membentuk pelajar sekolah dan golongan remaja yang berkualiti di dunia dan akhirat. Pihak ini seharusnya berani untuk melakukan perubahan dalam sistem dan sibus pendidikan sekolah agar seluruh warga pendidik sama ada pegawai pentadbir pendidikan, para guru, kerani dan para pelajar didedahkan dengan satu kaedah pendidikan yang lebih hadhari demi mencapai matlamat membentuk para pelajar yang berjaya di dunia dan akhirat.

Sementara itu, pihak Kementerian Pengajian Tinggi disarankan terus melakukan kajian-kajian berkaitan para remaja agar satu kaedah pembangunan dan bimbingan terbaik dapat diformulasikan. Pakar-pakar agama, psikologi dan sosiologi di sini seharusnya lebih banyak turun padang membantu di dalam menyelesaikan isu dan permasalahan ini bukan sahaja dari segi teoritikal tetapi yang lebih utama dari segi praktikal. Selain itu, para graduan pula seharusnya ditanamkan sifat sukarela dalam membantu para remaja di RS serta golongan yang senasib dengan mereka. Aspek ini penting untuk membangkitkan keinsafan dan muhasabah dalam diri supaya mereka mampu membendung diri dari terjebak dalam masalah yang sama di samping memberi motivasi kepada para remaja ini.

(b) Jabatan Agama Islam

Selain memberi pelbagai sumbangan berbentuk material dan non-material kepada para pelatih di RS melalui agensi-agensi tertentu, pihak pengurusan masjid dan surau boleh berperanan dalam menggalakkan masyarakat setempat mempromosikan konsep ‘amar makruf nahi mungkar’ melalui pelbagai aktiviti dan program. Masjid dan surau yang

aktif dilihat mampu mengurangkan berlakunya gejala sosial para remaja di kariahnya serta menjadi tarikan pula untuk para remaja mendekatinya.

(c) Polis

Selain dari memperbanyakkan rondaan dan kawalan, pihak polis dilihat mampu membendung masalah ini melalui pendekatan mesra rakyat. Melalui kaedah ini, para remaja yang berpotensi terjebak dalam masalah-masalah sosial perlu diyakinkan bahawa pihak polis ini adalah pembantu mereka dan bukan hanya pemberi hukuman dan penangkap pesalah semata-mata. Keterlibatan pihak polis dalam pelbagai program pencegahan jenayah masakini patut dipertingkatkan kerana ia dilihat mampu membangkitkan imej yang lebih positif.

(d) Jabatan Kebajikan Masyarakat

Jabatan Kebajikan Masyarakat seharusnya lebih agresif dan proaktif di dalam menangani isu-isu ini. Selain dari bertanggungjawab mentadbir-urus pusat-pusat di bawah kementeriannya, pihak ini disarankan agar membuat pemantauan yang lebih kerap ke pusat-pusat NGO yang lain untuk mendapat maklumat-maklumat terkini dan telus sama ada dari segi kewangan, perjalanan aktiviti, masalah-masalah para pelatih dan juga isu-isu yang berkaitan dengan pengurusan pusat-pusat ini. Sebagai sebuah agensi yang menawarkan kebajikan seharusnya ia bertindak mencari golongan atau aspek yang perlu dibantu bukannya menunggu golongan yang ingin dibantu datang memohon bantuan. Langkah positif ini dilihat mampu memantapkan pengurusan dan pentadbiran di RS serta pusat-pusat lain dan secara tidak langsung membolehkan para pelatih di sini memperolehi bimbingan dan didikan yang lebih terancang.

(e) Kementerian Komunikasi dan Kementerian Dalam Negeri

Tanggungjawab utama kementerian komunikasi masakini adalah berusaha meminimumkan rancangan atau program yang boleh merosakkan minda dan diri para remaja serta memaksimumkan rancangan yang boleh membangun dan membentuk keperibadian dan jati diri remaja. Walaupun usaha ini dilihat agak sukar tetapi demi untuk melahirkan generasi yang berketerampilan positif maka pihak kerajaan seharusnya bertegas dengan menyekat program dan rancangan yang boleh merosakkan para remaja.

Pihak Kementerian Dalam Negeri pula disarankan agar melakukan pemantauan yang lebih sistematik dan proaktif dalam mengawal media-media cetak dan elektronik terutama dalam penyebaran budaya-budaya barat, ajaran-ajaran sesat dan perbuatan-perbuatan lain yang menyalahi undang-undang negara dan agama Islam. Kerjasama kementerian ini dengan kementerian yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga kepentingan belia dan masyarakat serta kementerian yang menjaga hal ehwal agama Islam dilihat mampu membawa satu perubahan besar kepada modus operandinya.

(f) Komuniti setempat- Adun, pegawai daerah, ketua kampung, JKKK

Pihak ini tanpa mengira latar belakang fahaman politik, agama dan bangsa disarankan untuk berganding bahu bagi memastikan masyarakat setempat terutama para remaja terpelihara dari anasir-anasir jahat yang boleh merosakkan bukan sahaja akhlak malahan aqidah dan jiwa mereka. Sementara itu, komuniti setempat ini juga disarankan agar sentiasa mewar-warkan aspek-aspek kebaikan dan kebajikan terutama dari aspek spiritual untuk memastikan para remaja ini sentiasa berada di landasan yang selamat. Kemudahan sedia-ada di kawasan masing-masing sewajarnya diguna sebaik mungkin

untuk kepentingan awam terutama di dalam aspek pembangunan remaja. Selain itu, pihak ini juga disarankan agar menunjukkan teladan yang baik kepada para remaja terutama di dalam menyelesaikan hal-hal yang berkaitan dengan isu agama, semangat bangsa dan perbezaan fahaman politik. Perubahan sikap dari pihak-pihak ini sedikit sebanyak akan mengubah persepsi para remaja terhadap suasana dunia sekitarannya.

6.2.5 Peranan pihak swasta

Pihak swasta termasuk badan-badan NGO juga berperanan membentuk masyarakat khususnya golongan remaja.

(a) Persatuan penduduk

Persatuan penduduk merupakan badan yang dilihat mampu memainkan peranan yang lebih bermakna terutama di dalam memantau tingkah-laku para remaja. Selain itu, aktiviti dan program untuk meningkatkan jati diri serta motivasi di kalangan remaja setempat boleh dianjurkan dan mampu memberi impak besar kepada diri para remaja.

(b) Badan Korporat dan badan bukan kerajaan

Selain dari sumbangan kewangan dan barang keperluan, sumbangan-sumbangan lain seperti dari aspek ilmu pentadbiran, pengurusan serta kewangan kepada pihak RS dilihat mampu mempertingkatkan kualiti dan produktiviti kerja di sini. Program ‘sekolah angkat’ juga dilihat mampu untuk mengoptimumkan kepakaran kedua-dua pihak di dalam memberi bimbingan dan didikan terbaik buat para remaja di sini. Selain itu, pihak korporat juga disarankan agar sedia membantu sebarang aktiviti membabitkan

pembangunan dan pemulihan para remaja secara umum sama ada dari pihak kerajaan atau swasta.

- (c) Pihak-pihak yang terlibat dalam penubuhan dan pengurusan pusat pemulihan dan pembangunan remaja.

Pengalaman dari pihak RS membuktikan bahawa pihak ini sewajarnya mempunyai satu organisasi yang kukuh di segi pengurusan, pentadbiran, kewangan dan juga kerja lapangan (bimbingan dan pemulihan) untuk melicinkan perjalanan programnya. Selain itu, hubungan sesama pusat patut diperluaskan contohnya penubuhan satu persatuan atau jawatankuasa untuk menjaga kebijakan, kepentingan dan ‘survival’ pusat-pusat ini. Seterusnya, pusat-pusat ini harus mempunyai hubungan yang baik dengan pihak kerajaan dan swasta agar sokongan dan bantuan mudah diselaraskan demi masa depan para pelatih.

6.3 KESIMPULAN

Umat Islam masakini mungkin amat berbangga dengan bilangan penganutnya di seluruh dunia. Namun begitu, kemuliaan dan kelebihan mereka sepetimana yang telah dijanjikan oleh Allah SWT sukar diterjemahkan jika mereka tidak mempunyai jati diri, daya ketahanan, kekuatan mahupun kebijaksanaan berbanding dengan golongan agama lain seperti kristian, yahudi, buddha dan hindu. Malah, dunia kini sedang menuding jari kepada umat Islam sebagai pelopor keganasan, kemunduran manakala para remajanya pula adalah juara dalam hal-hal jenayah dan salah laku sama ada kesalahan sivil apatah lagi jenayah syariah.

Justeru, usaha berterusan untuk memperkasakan Islam dan umatnya harus dipertingkatkan pada setiap masa. Secara khusus, usaha-usaha untuk mengangkat darjat dan kemuliaan Islam dan umatnya perlu diperhebatkan termasuk dalam hal-hal berkaitan dengan aspek dakwah terhadap golongan remaja. Cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh para sarjana Islam wajar diambil kira dan diteliti sebagai alternatif kepada kaedah sedia ada.

Semua pihak khususnya mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha dakwah, hendaklah berganding bahu memperhebatkan lagi penghayatan cara hidup di kalangan umat Islam terutama golongan remaja. Kegagalan golongan ini dan umat Islam keseluruhannya dalam menghayati ajaran Islam pasti akan memberi impak negatif kepada kemuliaan dan kesucian agama Islam dan merugikan umat Islam serta umat manusia keseluruhannya.

BIBLIOGRAFI

RUJUKAN BAHASA ARAB

Al-Quran al-Karim

Ibn Manzur (1995), *Lisan al-'Arab* – Jilid 10. Beirut, Lubnan: Dar al-Sadir Beirut.

Kamus Idris Marbawi – Juzuk 1. Darul Fikr

Maktabah Syamila

Muhammad bin Ismail Abu “Abd Allah al-Bukhari (1994), Shahih al-Bukhari “Kitab al-Iman”. Kaherah: Darul al-Fikr.

Musnad Ahmad ibn Hambal, Juzuk 26, Beirut: al-Maktabah al-Islam Dar Sadir.

Sunan Kubra Lil Baihaqi, Juz 10. Taswir-Beirut

Sunan Abi Daud, Kitab as-Sunnah, Bab: ad-Dalil ‘ala ziyadah al-iman

RUJUKAN BAHASA MALAYSIA

Ab. Aziz Mohd. Zin (2005), *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ab. Aziz Mohd. Zin (2005), *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Abd. Rahim Abd. Rashid (1993), *KBSM Pendidikan Nilai Merentasi Kurikulum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

Abdol Monir Yaakob. (1994), *Ilmu Teras Keunggulan Ummah – Ilmu Dan Kecemerlangan Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM

Abdul Ghani Abdullah & Abd. Rahman Abd. Aziz (2009), *Mengurus Tingkahlaku Pelajar*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.

Abdul Ghafar Don & Zaleha Mohd. Ali (2008), *Dakwah dan Cabaran De-Islamisasi di Malaysia*. Shah Alam: Karisma Publishers Sdn.Bhd.

Abdul Halim Hj. Mat Diah (1989), *Islam dan Demokrasi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.

Abdullah b Mohammad b Abdurrahman b Ishaq Alu Syaikh (2007), *Tafsir Ibnu Katsir (Lubnabut Tafsiir min Ibnu katsiir)*, Bogor, Pustaka Imam asy-Syafi’.

Abdul Karem Zaidan (2001), *Dasar-dasar Ilmu Da'wah – Jilid 2*. Shah Alam, Selangor: Dewan Pustaka Fajar.

Abul A'la Al-Maududi (1976), *Cara Hidup Islam*. Kota Bharu: Seminar Pemuda Islam Antarabangsa.

Ahmad Abdul Aziz b. Qasim al-Hadad (2006), *Akhlaqun Nabi SAW Fil Quran Was Sunnah – Bahagian 1*. Johor Bahru: Jahabersa.

Aidh Abdullah al-Qarni (2006), *Al-Quran Berjalan (Rahmat Bagi Sekelian A'lam)*. Kuala Lumpur: Ar-Risalah Production.

Aidh Abdullah Al-Qarni (2007), *Katakanlah Tiada Tuhan Selain Allah*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.

Aidh Abdullah Al-Qarni (2008), *Indahnya Cinta*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Pub.

Al-Ghazali (2010), *Bimbingan Mukmin*. Rawang: Nadi Minda Resources.

Amdan Hussain (2000), *Kamus Pelajar – KBSM*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka,

Amina Noor (2003), *Tips Menangani Masalah Dadah Di Kalangan Remaja*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.

Anita Rahim (2003), *Jenayah Juvana – Antara Hukuman dan Pemulihan*. Sintok, Penerbitan UUM.

Arief Salleh Rosman & Wardah Mokhtar (2007), *Membentuk Jati Diri Remaja*. Batu Caves, PTS Publication & Distribution Sdn.Bhd.

Asmaran As (1992), *Pengantar Studi Akhlak*. Jakarta: Rajawali Press.

Awaluddin Ab. Rahman & Noralina Omar (2007), *Zaman Beribu Liku – Tip dan Panduan memahami Jiwa Remaja*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn.Bhd.

Azizi Yahya, Jaafar Sidek Latif, Shahrin Hashim & Yusof Boon (2005), *Psikologi Sosial – Alam Remaja*. Pahang: PTS Publication & Distribution.

Azizi Yahya, Cathy Suhaila Abdullah, Roslee Ahmad & Sharifuddin Ismail (2005), *Punca dan Rawatan Kecelaruan Tingkahlaku*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Sdn.Bhd.

Azizi Yahya & Jaafar Sidek Latif (2005), *Membentuk Identiti Remaja*. Pahang: PTS Profesional Sdn.Bhd.

Azrin Ab. Majid (2011), *Pendidikan Islam Malaysia – Membangun Gagasan Baru*. Shah Alam, Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi & Pembangunan Modal Insan, Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan.

Baharuddin Ali Masrom, Zaini Ujang dan Fatini Yaacob (1992), *Fenomena Remaja*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu.

Berita Harian, Mac 23 2010: 16 “Remaja Meragut”

Berita Harian, Mac 23 2010: 3 “Pelajar Ponteng Sekolah Ke Kafe Siber”

Berita Harian, Februari 10 2011: 7B “ Polis diminta siasat pelajar IPT terbabit pelacuran”

Berita Harian, Februari 19 2011: 4 “Remaja Gadai Kehormatan Demi Cinta”

Berita Harian, Mac 10 2011: S1-7B “Berasmara di pondok awam”

Chan Yuen Fook (2009), *Penilaian Keberkesanan Program Latihan Pengurusan & Kepimpinan Sekolah. Shah Alam*: Pusat Penerbit Universiti (UPENA) UITM Shah Alam.

Chua Yan Piaw (2006), *Kaedah Penyelidikan – Buku 1*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.

Daniel Zainal Abidin (2004), *Formula Individu Cemerlang*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.

Deden Hirmawan (2007), *Tip-tip Pimpinan Rohani al-Ghazali buat Remaja*. Batu Caves: PTS Millennia.

Fariyah Hussin (2006), “Keruntuhan Akhlak di Kalangan Remaja: Suatu Kajian di Alor Setar” (Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya)

Fatimah Mohamed (2003), *Genetik – Konsep & Masalah*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Fathi Yakan (1986), *Dunia Islam Dan Tipudaya Antarabangsa (Sepanjang Kurun 14 Hijrah)*. Shah Alam, Dewan Pustaka Fajar.

Fathi Yakan (1987), *Sifat & Sikap Seorang Muslim*. Singapura, Pustaka Nasional PTE Ltd.

Fathi Yakan (1996), *Apa Ertinya Saya Menganut Islam*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.

Fuziah Shaffie, Nuraini Yusuf, Mohd. Fo'ad Sakdan dan rakan-rakan (2009), *Profil Remaja Berisiko Tinggi*. Sintok, Kedah: Universiti Utara Malaysia.

Habibah Elias & Noran Fauziah Yaakub (2006), *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Habsah Md. Noor (1995), *Wanita Solehah – Kedudukan, Pesonaliti dan Ciri-cirinya*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.

Hairunnaja Najmuddin (2003), *Memahami dan Membimbang Remaja Nakal*. Pahang: PTS Publication & Distribution Sdn. Bhd.

Hanafiah Mohd. Salleh (2000), *Keluarga & Kesihatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

HarianMetro, Mac 3 2011: 20 “Ibubapa teladan terbaik”

HarianMetro, Mac 8 2010: 16 “Ibubapa perlu mendekati anak-anak remaja”

HarianMetro, Mac 31 2010: 22 “Bersama tangani gejala social remaja”

HarianMetro, Februari 17 2010: 16 “Kembali kepada agama”

Harian Metro, Januari 2 2008: 19F “ Teguk arak jadi berani”

Hasan Ali (1997), *Mendidik Anak Pintar Cerdas*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn.Bhd.

Hasan Hamzah (1997), *Kamus Melayu Global*. Kuala Lumpur: Piramid Perdana Sdn.Bhd.

Hasnan Kasan (2008), “Kecelaruan Jantina: Penyelesaian Menurut Al-Quran”, Jurnal Penyelidikan Islam, Bil. 21, 2008M.

Herry Nurdi (2010), *Konspirasi Intelektual Yahudi*. Jakarta, Cakra Lintas Media.

Ibn Qayyim al-Jauziyyah (2008), *Dosa – Malapetaka Terbesar*. Indonesia: Pustaka Hidayah.

Ibnu Katsir (2007), *Tafsir Ibnu Katsir – Jilid 2*. Bogor, Indonesia: Pustaka Iman As-Syafi’

Ibrahim Mamat (1997), *Memimpin Remaja Sekolah – Teori & Praktikal*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah – Amalan Dalam Pengajian Islam*. Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn. Bhd.

Irwan Shah (2002), *Panduan Menjaga Kesihatan Fizikal dan Mental*. Selangor: Penerbitan Darul Iman.

Ismail Ab. Rahman (1993), *Pendidikan Islam di Malaysia*. Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Izani Daud, Umum – Ibu bapa punca gejala social remaja. Al-Islam Februari 2004/Zulhijah 1424.

JAKIM (2000), *Risalah Isu Semasa – Fenomena Ajaran Sesat Di Malaysia*. Kuala Lumpur: JAKIM.

Jamaluddin Ahmad (2007), *Modul & Kaunseling Penyalahgunaan Dadah*. Serdang: Penerbit UPM.

Jas Laile Suzana Jaafar (1996), *Psikologi Perkembangan - Psikologi Kanak-kanak & Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

Jas Laile Suzana Jaafar (2008), *Pengenalan Kepada Psikologi Kanak-kanak Dan Remaja*. Kuala Lumpur: Arah Publications.

Jeffri Rahman, Fokus – Maksiat Wanita Bertudung, Al-Islam November 2003/Ramadhan 1424

Johari El-Yamani & Junaidi Talip (1999), *As-Solat*. Batu Caves: Galeri Watikah Sdn.Bhd.

Khadijah Haidi Khalid (1994), *Meneroka Alam Remaja*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Kenneth D. Bailey (1984), *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Koo Kee Peng & Tang Chee Yee (1990), *Pendidikan Moral*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.

Lukman Thaib (1989), *Iman Dan Keperibadian Muslim*. Shah Alam: Marwilis Pub.&Dis.

Mahadi Osman, Syed Nurul Akla Syed Abdullah & Sa'adiah Hassan (1995), *Masyarakat Melayu dan Gejala Sosial – Proses Penyelesaian Ke Arah Umat Melayu Cemerlang Abad ke -21*. Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda.

Ma'ruf Redzuan & Haslinda Abdullah (2001), *Psikologi Sosial*. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia

Mohammad Nidzam Abd. Kadir (2009), *Fiqh Berinteraksi dengan Non-Muslim*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn.Bhd.

Mohammad Shatar Sabran (2003), *Pengenalan Kepada Masalah Sosial*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.

Mohd. Ali bin Abu Bakar (1988), *Konsep Keilmuan Menurut Islam*. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn.Bhd.

Mohd. Ali bin Abu Bakar (1991), *Kejadian Manusia dan Perjuangan Hidup*. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn.Bhd.

Mohd. Jamil Yaacob (2005), *Memahami Remaja*. Bentong: PTS Profesional Sdn.Bhd.

Mohd. Khairul Anwar bin Abd. Latif (2007), *Amalan Zikir – Antara Sunnah dan Rekaan Manusia*. Shah Alam: Kayra Bestari.

Mohd. Razali Deraman (2007), "Pengaruh Budaya Terhadap Akhlak Remaja Islam: Kajian di Kota Bharu, Kelantan. (Disertasi Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya).

Mohd. Nasir Omar (2005), *Akhlik dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd.

Mohd. Salleh Abu & Zaidatus Tasir (2001), *Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer – SPSS 10.0 For Windows*. Kuala Lumpur: Venton Publication.

Mohd. Salleh Lebar (1994), *Asas Psikologi Perkembangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution.

Muhammad al-Ghazaly (1987), *Karakter Muslim*. Bandung: Penerbit Risalah.

Muhammad al-Ghazali (1997), *Akhlik Seorang Muslim*. Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.

Muhammad al-Ghazali (1997), *Aqidah Muslim*. Batu Caves, Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.

Muhammad al-Ghazali (2004), *Minhaj Al-'Abidin – Petunjuk Jalan Bagi Orang-orang Ahli Ibadah*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.

Muhammad Al-Ghazali (2006), *Mukhtasar Ihya' Ulumuddin*.....

Muhammad al-Sayyid Yusuf (2006), *Metode Al-Quran Dalam Membaiki Masyarakat*. Johor Bahru: Jahabersa.

Muhammad Labib al-Buhi (1990), *Langkah-langkah Menuju Allah*. Kota Bharu, Kelantan: Dian Darulnaim Sdn. Bhd.

Muhammad Khalaf Yusuf (2007), *As-Syafaa – Ubat Penyejuk Jiwa*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.

Muhammad Yusuf Hashim (1989), *Kesultanan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Muhammad Said Ramadhan al-Butiy (1997), *Menangani Pergolakan Jiwa Remaja*. Batu Caves: Pustaka Ilmi.

Murshidah Mustafa & Maryam Syafie (2002), *Menangani Gejala Sosial Menurut Islam*. Selangor: Penerbitan Minda Ikhwan.

Mustafa' Abdul Rahman (2000), *Hadith Empat Puluh*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.

Muqdad Yaljan (1986), *Peranan Pendidikan Akhlak Islam Dalam Pembangunan Peribadi, Masyarakat dan Budaya Manusia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.

Naim Ahmad, Siti Suriani Othman & Noor Adzrah Ramle (2006), *Bicara Media 1*. Negeri Sembilan: KUIM.

Nik Abb. Rahim Nik Abd. Ghani & Zahazan Mohamed (2007), *Indahnya Saat Bersamamu: Panduan Praktikal Qiamullail*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.

Nik Aziz Nik Pa & Jawiah Dakir (1996), *Seminar Hubungan Ibu bapa dan anak Remaja Masakini – Cabaran Membentuk Generasi Bertakwa*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Nik Azran Muhamed & Mohd. Mahadi Isa (2009), *Gerakan Freemasonry – Musuh Yang Menghancurkan Islam*. Kuala Lumpur: Hijraz Records Publishing.

Nik Azran Muhammed & Mohd. Mahadi Isa (2009), *Gerakan Orientalisme & Kristianisasi – Ancaman Kepada Ummah!*. Kuala Lumpur: Hijjaz Records Publishing.

Nik Rahimah Nik Hussain (2005), *Penyakit Keturunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nor Raudah Siren (2006), *Falsafah Diri Remaja dalam Novel Remaja Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (2009), *Senaman Sebagai Ubat*. Pulau Pinang: Persatuan Pengguna Pulau Pinang.

Rahmat Ismail (1997), *Etika Sosial – Satu Peradaban Dalam Kehidupan Sosial Manusia*. Kuala Lumpur, PTS Publication & Distribution Sdn.Bhd.

Risalah Rujukan Raudhatus Sakinah

Robiah K. Hamzah (2011), *Teknik & Strategi Membimbing Remaja*. Kuala Lumpur, PTS Publication & Distribution Sdn.Bhd.

Sayyid Qutb (2000), *Tafsir Fi Zilalil Qu'ran (Di bawah bayangan Al-Quran) – Jld. 16*. Kota Bharu, Kelantan: Pustaka Aman Press.

Sayyid Sabiq (1982), *Sumber Kekuatan Islam*. Surabaya: Pt. bina Ilmu.

Sheikh Othman bin Sheikh Salim (1989), *Kamus Dewan – Edisi Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Fatimah Abd. Rahim & rakan-rakan (2004), *Pembentukan Fitrah Hidup Manusia*. Kuala Lumpur: IKIM.

Sufean Hussin & Che Zainon Omar (2002), *Masalah Remaja Dalam Keluarga Ibu Tunggal – Siri Laporan Kajian Masyarakat*. Shah Alam: Karisma Publishers Sdn.Bhd.

Sufean Hussin, Lai Chin Chin, Mohd, Firdaus Hussin & Abdul Rahim Abdul Rashid (2004), *Merokok di Kalangan Remaja Malaysia – Analisis Dasar Sosial*. Shah Alam: Karisma Publishers Sdn.Bhd.

Sulaiman Endut (1999), *Asas-asas Fardhu Ain*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.

Syahminin Zaini (1980), *Mengenal Manusia Lewat Al-Quran*. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.

Syarifah Alwiah Alsagoff (1987), *Psikologi Pendidikan – Jilid 1*. Petaling Jaya, Selangor: Logman.

Syarifah Alwiah Alsagoff (1987), *Psikologi Pendidikan – Jilid 2*. Petaling Jaya, Selangor: Logman.

Utusan Malaysia, April 9 2010: 1 “Kami Prihatin Dilancar”

- Utusan Malaysia. April 17 2010: 27 “Statistik Gejala Sosial Remaja”
- Utusan Malaysia. April 8 2010: 5 “Selangor Tertinggi Buang Bayi”
- Utusan Malaysia. April 14 2010: 4 “Remaja Buang Bayi Didakwa di Mahkamah”
- Utusan Malaysia. April 14 2010: 8 “Metode Sosial Baru Tangani Isu Moral”
- Utusan Malaysia. April 14 2010: 10 “Kajian Kualitatif cari penyebab masalah”
- Wista Ahmad (2001), *Perkahwinan Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dra. Wista Ahmad.
- Yusuf al-Qardhawi (1997), *Membangun Masyarakat Baru*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Yusuf Al-Qardhawi (2000), *Ciri-ciri Unggul Masyarakat Islam Yang Kita Idamkan*. Bandar Baru Bangi: Penerbitan Seribu Dinar.
- Yusuf Qaradhwai (2001), *Al-Quran & As-Sunnah – Referensi Tertinggi*. Batu Caves, Penerbitan Darul Iman Sdn.Bhd.
- Zainal Madon & Mohd. Sharani Ahmad (2004), *Panduan Mengurus Remaja Moden*. Batu Caves: PTS Publishing & Distribution.
- Zaini Ujang (1993), *Islam dan Alam Sekitar*. Kuala Lumpur: Institt Kajian Dasar.
- Zakaria Stapa (1995), *Akhlaq & Tasawwuf Islam*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Zulekha Yusoff et. Al. (2006), *Sains Kesihatan dalam Tamadun Islam*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UITM Shah Alam.
- Zulkiple Abd. Ghani (2001), *Islam, Komunikasi & Teknologi Maklumat*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn.Bhd.
- Zunita Mohd Yusuf & rakan-rakan (2008), *Faktor-faktor Pengabaian Solat dalam Kalangan Remaja di Daerah Kuala Terengganu – Prosiding Seminar Fiqh & Pemikiran Islam Lestari*. Pulau Pinang: Bahagian Pengajian Islam USM.

RUJUKAN BAHASA INGGERIS

- Anne Wevell (2008), *Reader’s Digest Word Power Dictionary*. Hong Kong: The Reader’s Digest Association.
- A.S. Hornby (2007), *Oxford Compact Advanced Learner’s English-Malay Dictionary*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn.Bhd.
- Barbara R. Landau (1980), *Essential Human Anatomy & Physiology – 2nd. Edition*. Dallas, Texas: Scott & Foresment Company.

Benjamin B. Lahey (1989), *Psychology – An Introduction – 3rd. Edition*. Dubuque, Iowa: Wim. C. Brown Publishers.

David P. Farrington (1996), *Understanding and Preventing Youth Crime*. United Kingdom: Joseph Rowntree Foundation.

Donald R. Cruickshank, Deborah Bainer Jenkins, Kim K. Metcalf (2009), *The Act Of Teaching – 5th. Edition*. New York: Mc Graw Hill Higher Education.

Eli Ginzberg, Howard S. Berliner & Miriam Ostow (1988), *Young People At Risk – Is Prevention Possible?*. Colorado, Westview Press Boulder & London.

Elizabeth Fenwick & Tony Smith (1993), *Adolescence – The Survival Guide to Parents and Teenagers*. London: Dorling Kindersley.

Gerald R. Adams & Thomas Gullotta (1983), *Adolescence Life Experiences*. Monterey, California: Brooks/Cole Publishing Company.

Glen H. Elder (1968), *Adolescent Socialization and Personality Development*. Chicago: Rand McNally & Company

Jeffrey H. Schwartz (1995), *Skeletal Keys – An Introduction To Human Skeletal Morphology, Development & Analysis*. New York-Oxford, Oxford University Press.

Joseph Julian (1997), *Social Problems – 2nd. Edition*. Upper Saddle River, New Jersey: Prentice-Hall.

Raymond G. Kuhlen (1952), *The Psychology of Adolescent Development*. New York: Harper & Row Publishers.

Robert E. Grinder (1963), *Studies In Adolescence*. New York: MacMillan Company.

Rhoda Cummings (1995), *Adolescence – A Development Perspective*. Fort Worth: Harcourt Brace College Publishers.

Richard M. Lerner, Anne C. Peterson & Jeanne Brooks-Gunn (1991), *Encyclopedia Of Adolescence – Volume 1*. New York: Garland Publishers.

RUJUKAN SELAIN BUKU DAN DOKUMEN BERTULIS

Avicenna - Wikipedia the free encyclopedia, <http://en.wikipedia.org/wiki/avicenna>

Donald Kirkpatrick - Wikipedia the free encyclopedia, http://en.wikipedia.org/wiki/Donald_Kirkpatrick

Ghazali-Wikipedia the free encyclopedia, <http://en.wikipedia.org/wiki/ghazali>

Hamidon Abdullah, *Dekor-Reka bentuk dalaman: Asas bilik remaja*, Berita Harian Online

Jabatan Penjara Malaysia. <http://www.prison.gov.my/portal/page/hijau>. Artikel: Catatan Peristiwa Sejarah Kinta Prison.

Mohammad Abdullah, *Kukuh Institusi Keluarga*, Utusan Online

Muhammad Razak Idris, *Kualiti Kepimpinan Ibu bapa Makin Merosot*, Berita Harian Online

Nurul Izzah Sidek, *Bicara Agama-Penyuburan Model Islam*, Utusan Online.

Pejabat Pelajaran Daerah Kerian, <http://ppdkerian.edu.my/Gangsterisme> di Sekolah Menengah Harian

Shaidah Shafie, *Natijah Perceraian – Kanak-kanak, remaja mengalami trauma berpanjangan*, Berita Harian Online

Sekolah Henry Gurney, <http://en.wikipedia.org/wiki/Hendry> Gurney Prisoners School

Temubual dengan Pengarah Raudhatus Sakinah, Puan Rosmawati Zainal.

Temubual dengan pelatih A berusia 19 tahun di RS Selangor.

Temubual dengan pelatih B berusia 16 tahun di RS Selangor

Temubual dengan pelatih C berusia 18 tahun di RS Selangor.

Temubual dengan pelatih D berusia 18 tahun di RS Selangor

Temubual dengan pelatih E berusia 20 tahun di RS Selangor

Temubual dengan pelatih F berusia 17 tahun di RS Selangor

Temubual dengan pelatih G berusia 19 tahun di RS Selangor

Temubual dengan pelatih H berusia 21 tahun di RS Selangor

Temubual dengan pelatih H. I dan J di RS Selangor yang akan tamat program bimbingan pada bulan Mac 2011 dan April 2011.

Temubual dengan Pengurus Raudhatus Sakinah Selangor, Cik Siti Farhana.

The Holy Quran - , <http://quran.com>

Universiti Kebangsaan Info, www.ukm.my/penerbit/akademika/pdf

Universiti Putra Malaysia Info, <http://kajian-upm-salah-laku-remaja.html>

BORANG KAJI SELIDIK
KAJIAN SARJANA USULUDDIN UNIVERSITI MALAYA

TAJUK :

RAUDHATUS SAKINAH : KAJIAN TERHADAP LATAR BELAKANG PENGHUNI.

- Kajian ini adalah satu kajian ilmiah peringkat Sarjana dalam bidang Pengajian Usuluddin, Universiti Malaya. Semua maklumat yang diperolehi akan dirahsiakan dan tidak perlu mencatat sebarang pengenalan diri di atas borang ini.
- Saya memohon jasa baik serta kerjasama untuk mengisi borang ini dengan ikhlas serta jujur. Segala kerjasama yang diberikan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.
- Sila kembalikan borang ini kepada :

AZLINA BINTI MUHAMMUD (IGB 090011)

Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan

Akademi Pengajian Islam

Universiti Malaya



BAHAGIAN A : LATAR BELAKANG RESPONDEN

Sila tandakan (/) pada kotak yang telah disediakan :

1. Umur : tahun.

2. Status Kerjaya :
 Penganggur Pelajar Bekerja

3. Bil. Adik Beradik : orang

4. Anak Ke Berapa Dalam Adik Beradik :

5. Anda Tinggal bersama :
 Ibu dan bapa Ibu sahaja Bapa sahaja
 Datuk / nenek Kawan-kawan

6. Tahap Pendidikan (Formal) :
 Tiada UPSR PMR SPM STPM Universiti

7. Tahap Pengetahuan Agama :
 1. Tauhid – Konsep 2 kalimah syahadah
 Tidak tahu Rendah – sederhana Baik – amat baik

 2. Fiqah – Hukum halal dan haram.
 Tidak tahu Rendah - sederhana Baik – amat baik

8. Tahap Amalan Agama :
 1. Solat 5 Waktu
 Tidak solat Kadang-kadang Sepenuhnya

 2. Puasa Di bulan Ramadhan
 Tidak puasa Kadang-kadang Sepenuhnya

9. Tahap Kesedaran Sivik
 1. Pengetahuan tentang jenayah, isu moral dan hukumannya.
 Tidak tahu Kurang tahu Tahu

 2. Pada pendapat anda mengapa jenayah dilakukan
 Sikap ingin mencuba Suka-suka Terpaksa Dipaksa

 3. Pentingkah perasaan malu dalam diri ?
 Tidak Kadang-kadang Penting

BAHAGIAN B : LATAR BELAKANG KELUARGA RESPONDEN

Sila tandakan (/) pada kotak yang telah disediakan.

1. Status ibu-bapa
 Masih bersama Bercerai Kematian
(Salah seorang atau kedua-dua)
2. Tahap Pendidikan Bapa / Penjaga :
 Tiada Sekolah Rendah Sekolah Menengah Universiti
3. Tahap Pendidikan Ibu / Penjaga :
 Tiada Sekolah Rendah Sekolah Menengah Universiti
4. Pekerjaan bapa :
 Sendiri Swasta Kakitangan Kerajaan
5. Pekerjaan Ibu :
 Surirumah Sendiri Swasta Kakitangan Kerajaan
6. Pendapatan ibu dan bapa / Penjaga Sebulan :
 RM1500.00 ke bawah RM1600.00 – RM3000.00
 RM3100.00 – RM5000.00 RM5000.00 ke atas
7. Tahap Amalan Agama Ibubapa / Penjaga (Amalan Solat)
 Tidak Kadang-kadang Sepenuhnya
8. Tahap Amalan Agama Ahli Keluarga Lain (Amalan Solat)
 Tidak Kadang-kadang Sepenuhnya
9. Sekerap Mana Anda Berkommunikasi Dengan Ibubapa atau penjaga anda (24 jam)
 1 jam dan kurang 1 jam – 2 jam 2 jam dan lebih
10. Sekerap Mana Anda Berada Di Rumah Bersama Keluarga (24 jam) ?
 1 jam dan kurang 1 jam – 4 jam 4 jam dan lebih
11. Waktu selebihnya ke mana anda ? Nyatakan
12. Hubungan Anda Dengan Ibubapa
 Ada masalah Sederhana Tiada masalah
13. Hubungan Anda Dengan Ahli Keluarga Lain
 Ada masalah Sederhana Tiada masalah

BAHAGIAN C : LATAR BELAKANG PERSEKITARAN

Sila tandakan (/) pada kotak yang telah disediakan.

1. Kejiranan / Masyarakat Sekeliling

1. Kawasan Tempat Tinggal :

Setinggan Kampung Bandar

2. Jenis Perumahan :

<input type="checkbox"/> Flat	<input type="checkbox"/> Apartment / Kondo Mewah
<input type="checkbox"/> Rumah setingkat (Perumahan Murah)	<input type="checkbox"/> Rumah setingkat (Perumahan Mewah)
<input type="checkbox"/> Rumah 2 Tingkat Berkembar	<input type="checkbox"/> Rumah Semi-D / Bungalow
<input type="checkbox"/> Asrama	

3. Hubungan kejiranan di kawasan anda :

Tidak tahu Lemah Sederhana Kuat

4. Kehadiran aktiviti kurang sihat di kawasan anda :

Tinggi Sederhana Rendah

5. Penerimaan anda terhadap kehidupan kejiranan anda :

Tidak boleh Tidak mahu tahu Boleh

2. Rakan sebaya.

1. Pengaruh rakan sebaya dalam aktiviti sehari-hari.

Tiada Lemah Kuat

2. Siapa rakan sebaya anda

Rakan sekelas / sepejabat Satu tempat tinggal/kejiranan
 Lain-lain. Nyatakan

3. Sebab apa mereka menjadi rakan sebaya anda ?

Tidak tahu Sama kegemaran Tiada pilihan

4. Sekerap mana anda bersama mereka ?

Setiap hari Hujung minggu Hujung Bulan
 Lain-lain. Nyatakan

3. Alam Persekolahan

1. Sebab pergi sekolah

Tidak tahu Terpaksa Ilmu

2. Kehadiran ke kelas

Rendah Sederhana Tinggi

3. Ke mana selepas balik sekolah ?

Rumah Lepak

4. Pentingkah ilmu ?

Tidak tahu Mungkin Penting Amat penting

4. Media Massa

1. Pengaruh media massa terhadap anda :

Kuat Sederhana Lemah

2. Media massa utama anda :

Internet TV/radio Majalah/akbar/buku

3. Skop utama anda :

Hiburan/artis Kemasyarakatan Agama Lain-lain

BAHAGIAN D : PENGAKUAN KETERLIBATAN RESPONDEN DALAM MASALAH KERUNTUHAN AKHLAK

Sila beri jawapan dengan jujur dan ikhlas. Tandakan (/) atau (X) pada kotak yang disediakan.

Saya pernah melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti berikut : (pilihan anda boleh lebih daripada satu).

Bil.	Aktiviti-aktiviti	
1	Merokok sejak di bangku sekolah (rendah / menengah)	
2	Melawan cakap ibubapa/penjaga	
3	Tidak menghormati guru	
4	Suka membuang masa	
5	Gaya hidup skin head, skin girl (gaya hidup bebas)	
6	Memakai pakaian tidak menutup aurat	
7	Berkhayal dengan memakan pil-pil tertentu / dadah	
8	Pernah menyentuh minuman beralkohol	
9	Sukakan hiburan sehingga melalaikan	
10	Terlibat dalam perbuatan rompak / samun / curi	
11	Melakukan seks bebas	
13	Melahirkan anak / gugur anak	
14	Bersubahat dalam kes bunuh	
15	Terlibat dengan ajaran sesat / gejala murtad	

BAHAGIAN E : FAKTOR UTAMA PENGARUHI TINDAKAN RESPONDEN.

Sila beri jawapan dengan jujur dan ikhlas. . Isikan 1 (Faktor paling utama) hingga 10 (Faktor paling bawah) di dalam kotak yang disediakan

Saya berpendapat bahawa sebab-sebab berikut telah mempengaruhi pemikiran dan tindak-tanduk saya selama ini.

Bil.	Faktor Yang Mempengaruhi	Skala Faktor
1	Ibubapa/penjaga	
2	Ahli keluarga terdekat – abang, kakak	
3	Sanak saudara – bapa/emak saudara, sepupu	
4	Rakan sebaya	
5	Masyarakat – alam persekolahan	
6	Masyarakat – budaya kejiranan	
7	Masyarakat – sosialisasi setempat	
8	Akademik	
9	Agama	
10	Media massa	

Lampiran 4

BORANG PEMERHATIAN

Tandakan tik pada skala yang sesuai untuk setiap unsur pemerhatian di bawah.

Penglibatan diri dalam kelas/kuliah/program					
Tepat masa	1	2	3	4	5
					Tidak tepat

Penglibatan diri dalam kelas/kuliah/program					
Minat/fokus	1	2	3	4	5
					Tidak minat

Penglibatan diri dalam kelas/kuliah/program					
Duduk depan	1	2	3	4	5
					Duduk belakang

Penglibatan diri dalam kelas/kuliah/program					
Aktif	1	2	3	4	5
					Tidak aktif

Penglibatan diri dalam kelas/kuliah/program					
Ceria	1	2	3	4	5
					Muram

Penglibatan diri dalam kelas/kuliah/program					
Menonjol diri	1	2	3	4	5
					Memencil diri

Penglibatan diri dalam kelas/kuliah/program					
Catat nota	1	2	3	4	5
					Tidak catat

Penglibatan diri dalam kelas/kuliah/program					
Kerjasama	1	2	3	4	5

Penglibatan diri dalam kelas/kuliah/program					
Pergaulan	1	2	3	4	5
					Tidak bergaul

Penglibatan diri dalam kelas/kuliah/program					
Yakin	1	2	3	4	5
					Tidak yakin

Penglibatan diri dalam kelas/kuliah/program					
Impak positif	1	2	3	4	5
					Impak negatif

Lampiran 3

KATEGORI MAKLUMAT BAGI TEMUBUAL TIDAK BERSTRUKTUR

Kategori Maklumat			Soalan yang Ditanya kepada Para Pelatih Raudhatus Sakinah
1	Soalan demografi		1. Latar belakang diri, didikan agama dan pendidikan. 2. Latar belakang keluarga.
2	Soalan berkaitan dengan jenis kesalahan dan faktor kesalahan		1. Kesalahan yang menyebabkan ditempatkan di Raudhatus Sakinah 2. Jenis kesalahan lain yang sering dilakukan 3. Sebab melakukan kesalahan utama 4. Faktor lain menyebabkan mudah melakukan kesalahan-kesalahan moral
3	Soalan berkaitan dengan pentadbiran, kaedah pemulihan dan rawatan di Raudhatus Sakinah.		1. Pandangan awal tentang Raudhatus Sakinah dan pandangan kini. 2. Sumbangan para pentadbir dan tenaga pengajar 3. Suasana pembelajaran – ruang dan suasana kelas serta masa 4. Silibus yang diperkenalkan 5. Suasana penginapan – makan dan minum, bilik tidur, ruang rehat dan lain-lain. 6. Pendapat/cadangan pelatih demi kepentingan bersama.
4	Soalan berkaitan keyakinan para pelatih untuk keluar kelak.		1. Keyakinan terhadap diri sendiri 2. Keyakinan terhadap sokongan keluarga 3. Keyakinan terhadap bantuan pihak Raudhatus Sakinah dan masyarakat

Lampiran 5

Foto-foto bangunan utama setiap pusat bimbingan serta kawasan sekitarannya.



Raudhatus Sakinah Selangor di Kg. Kubu Gajah, Sungai Buloh, Selangor.



Bangunan Induk Pusat Bimbingan RS Selangor yang menempatkan pejabat, bilik darjah serta bangunan penginapan para pelatih.



Ruang Aktiviti



Tempat rehat & ruang

Bertemu keluarga



Padang untuk aktiviti

riadah



Raudhatus Sakinah Kelantan di Kg. Chicha, Kubang Kerian, Kelantan.



Kawasan untuk aktiviti
riadah



Tempat rehat & ruang
Bertemu keluarga



Raudhatus Sakinah Pulau Pinang di Relau, Pulau Pinang.



Kawasan untuk aktiviti
riadah



Pintu masuk utama



Raudhatus Sakinah Johor di Kempas Baru, Johor.



Tempat Rehat/Perjumpaan



Kawasan Riadah



Tempat Rehat/Perjumpaan Keluarga





Raudhatus Sakinah Melaka di Serkam Pulai, Melaka.



Kawasan Riadah & Aktiviti



Ruang Rehat & Perjumpaan Keluarga

Lampiran 6

SENARAI KES-KES JENAYAH MELIBATKAN REMAJA SEPANJANG BULAN JANUARI 2010 - MAC 2010 (AKHBAR HARIAN METRO)

TARIKH	NO	KES / ISU	SUMBER
2 Jan 2010	1	Kuala Lumpur – Seorang isteri, 20 tahun dipaksa melacurkan dirinya oleh suami gara-gara gagal meminjamkan RM1,500.00 dalam satu kejadian di sebuah rumah di Pandan Jaya. Akibat tidak tahan lagi, beliau telah membuat laporan polis di Balai Polis Ampang.	Harian Metro, Sabtu, 2 Jan 2010, Setempat, 10.
4 Jan 2010	2	Kuala Lumpur – Seorang remaja berusia 13 tahun mendedahkan bahawa beliau telah 9 bulan terlibat dengan ajaran Black Metal dengan melakukan amalan zikir syaitan atau zikir 666. Beliau yang kini di rawat di SIDIM mendakwa terdapat ramai lagi rakan-rakan remajanya berasal dari Perak, Kedah dan Kuala Lumpur yang mengamalkan ajaran ini. Menurut beliau lagi zikir ini dilakukan untuk penyucian hati bertujuan bagi mendorong kepada penafian kewujudan Tuhan sebaliknya perlu memuja syaitan.	Harian Metro, Isnin, 4 Jan 2010, Setempat, 10
	3	Kuala Lumpur – Pengurus Rumah Iman, Pertubuhan kebajikan Sahabat Insan Dan Iman Malaysia (SIDIM), Ust. Hanafi Abdul Malek mendakwa kejadian Black Metal ini masih menjadi duri dalam daging di kalangan remaja. Menurutnya, baru-baru ini sempena sambutan Tahun Baru sekumpulan ahli Black Metal yang terdiri daripada 4 orang remaja perempuan dan 20 orang remaja lelaki telah ditahan melakukan seks bebas dalam keadaan mabuk di sebuah rumah di Negeri Sembilan.	Harian Metro, Isnin, 4 Jan 2010, Setempat, 10
8 Jan 2010	4	Seremban – Seorang lelaki berusia 20 tahun dan teman wanitanya berusia 38 tahun di tahan oleh JHEAINS atas tuduhan bersekedudukan di rumah mereka manakala kedua ibubapa lelaki itu turut ditahan atas sebab bersubahat. Kes akan dibicarakan di bawah Sek 16(1) Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992.	Harian Metro, Jumaat, 8 Jan 2010, Setempat, 6
10 Jan 2010	5	Gua Musang – Seorang gadis berusia 16 tahun telah menjadi mangsa rogol bapa tirinya dan disimbah pula dengan cuka getah bagi mengelak kejadian diketahui umum. Kejadian berlaku di sebuah kebun Tanah Felda Aring 6. Dalam kejadian itu, bapa tirinya mati kerana meminum cuka getah.	Harian Metro, Ahad, 10 Jan 2010, Setempat, 6
11 Jan 2010	6	Georgetown – Sekumpulan geng remaja telah bertindak ganas dengan membakar 11 buah motosikal pada jam 1.45am di flat Sri Pinang. Perbuatan kianat ini dilakukan selepas tidak berpuas hati berpunca dari satu pergaduhan sesama mereka di kawasan flat berkenaan sebelum itu.	Harian Metro, Isnin, 11 Jan 2010, Setempat, 12
20 Jan 2010	7	Puchong – Seorang gadis berusia 20 tahun berada di dalam keadaan tertekan dan murung apabila tidak membenarkannya berkahwin dengan jejaka pilihannya sehingga diugut oleh bapanya akan menceraikan ibunya jika beliau masih berniat dan mahu meneruskan perkahwinannya itu.	Harian Metro, Rabu, 20 Jan 2010, Setempat, 7
22 Jan 2010	8	Kuala Lumpur – Akibat terlalu percayakan teman lelakinya yang baru dikenalinya, seorang gadis 19 tahun telah menjadi habuan pemusas nafsu sekumpulan 4 lelaki termasuk teman lelakinya di PPR Desa Petaling. Mangsa telah membuat laporan di Balai Polis Salak Selatan dan keempat-empat yang terlibat masih dicari.	Harian Metro, Jumaat, 22 Jan 2010, Setempat, 7
28 Jan 2010	9	Kuala Lumpur – Sekumpulan 20 pelajar telah menceroboh sebuah sekolah berdekatan dengan motosikal sebelum menyerang beberapa orang rakan sebaya di kantin sekolah berkenaan. Dalam kejadian ini, 3 orang pelajar cedera parah di bahagian kepala. Kejadian yang melibatkan 2 buah sekolah berjiran ini berpunca	Harian Metro, Khamis, 28 Jan 2010, Setempat, 5

		dari ketidakpuasan hati. Kini, kesemua 20 orang pelajar ini telah dibawa ke IPD Gombak dan disiasat di bawah Sek. 147 Kanun Kesejahteraan.	
2 Feb 2010	10	Kuala Lumpur – seorang isteri berusia 19 tahun dan suaminya, 30 tahun ditahan polis kerana disyaki mendera anak mereka berusia 5 bulan sehingga menyebabkan kematiannya. Kes akan disiasat di bawah Sek. 302 Kanun Kesejahteraan.	Harian Metro, Selasa, 2 Feb 2010, Setempat, 9
4 Feb 2010	11	Johor Bahru – Seorang wanita berusia 23 tahun, anak 3 dan kini mengandung 3 bulan hasil hubungan sulit dengan teman lelaki bukan Islam telah dilaporkan perbuatan maksiatnya ini oleh rakan-rakan sekerjanya iaitu sebuah pusat urut refleksologi kepada JAJ untuk dibuat tindakan selanjutnya gara-gara tidak tahan melihat perbuatan sumbangnya itu dan membiarkannya terus hanyut di dalam maksiat tersebut.	Harian Metro, Khamis, 4 Feb 2010, Setempat, 4
5 Feb 2010	12	Muar – 3 remaja lelaki bawah umur berusia 17 tahun (2 orang) dan 16 tahun telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret atas 2 tuduhan membakar surau manakala 1 lagi menghadapi tuduhan membuat laporan palsu bulan lalu. Kesemua mereka akan didakwa di bawah Sek. 436 Kanun Kesejahteraan dan Sek. 24.	Harian Metro, Jumaat, 5 Feb 2010, Setempat, 9
9 Feb 2010	13	Ampang – Seorang abang berusia 19 tahun sanggup memperkosa adiknya berusia 15 tahun yang sedang tidur di ruang tamu rumah ibu saudara mereka di Pandan Jaya. Mangsa telah membuat laporan polis di Balai Polis Pandan Jaya dan abangnya kini telah di tahan di bawah Sek. 376 Kanun Kesejahteraan.	Harian Metro, Selasa, 9 Feb 2010, Setempat, 6
10 Feb 2010	14	Ampang – Seorang gadis 15 tahun didapati mengandung 4 bulan hasil perbuatan durjana bapa tirinya yang telah menjadikannya hamba seks selama 6 bulan. Lelaki berusia 40-an itu kini telah ditahan reman 7 hari untuk siasatan polis.	Harian Metro, Rabu, 10 Feb 2010, Setempat, 7
12 Feb 2010	15	Kuala Lumpur – 2 orang remaja berusia 17 dan 19 tahun telah dicabul oleh bapa tiri mereka sejak 5 tahun lalu. Walaupun telah dikatakan bertaubat tetapi lelaki durjana itu masih melakukannya sehingga menyebabkan isterinya tidak tahan menanggung dosa lalu melaporkan kepada polis. Lelaki itu kini telah ditahan di bawah Sek. 354 dan 323 Kanun Kesejahteraan.	Harian Metro, Jumaat, 12 Feb 2010, Setempat, 6
16 Feb 2010	16	Kuala Lumpur – Seorang pelayan bebas kelam malam yang hanya mahu dikenali sebagai Mia, 23 tahun menyatakan kini mereka mengenakan pakej memaksa pelanggan membeli dadah terlebih dahulu sebelum mengadakan hubungan seks di dalam meningkatkan pendapatan mereka. Dadah seperti Ecstasy, syabu dan ganja menjadi jualan utama mereka kerana ia mudah dipelorehi dan mendatangkan kesan kepada para pelanggan.	Harian Metro, Selasa, 16 Feb 2010, Setempat, 6
17 Feb 2010	17	Seremban – Seorang wanita berusia 21 tahun telah berjaya memperdaya seorang pesara lelaki berusia 61 tahun untuk hidup mewah mencecah RM100,000.00 jika mahu hubungan sulit mereka diteruskan lagi. Perbuatan sumbang dan tidak bermoral mereka ini dikesan oleh isteri pesara tersebut dan melaporkannya kepada Polis Port Dickson. Kini kes masih di dalam siasatan.	Harian Metro, Rabu, 17 Feb 2010, Setempat, 9
18 Feb 2010	18	Baranang – Seorang remaja berusia 20 tahun yang didapati seorang penagih dadah tegar heroin telah ditahan di Balai Polis Baranang kerana telah mengugut dan menahan adiknya sebagai tebusan selama 2 jam gara-gara gagal mendapat wang untuk membeli dadah dari bapanya. Beliau kini ditahan di bawah Sek. 506 Kanun Kesejahteraan iaitu ugutan jenayah.	Harian Metro, Khamis, 18 Feb 2010, Setempat, 4
19 Feb 2010	19	Kuala Lumpur – Gejala penularan mazhab yang membenarkan perkahwinan secara koboi di IPT kian membimbangkan. Terbaru sepasang remaja berusia 23 tahun telah datang ke SIDIM untuk meminta bantuan dengan si perempuan kini telah sarat mengandung. Siasatan mendapati di pusat pengajian mereka sahaja sudah terdapat 7 pasangan yang telah berkahwin mengikut mazhab ini.	Harian Metro, Jumaat, 19 Feb 2010, Setempat, 3
	20	Segamat – Gara-gara marahkan gurunya yang menegurnya kerana tidak menyiapkan kerja sekolah,	Harian Metro, Jumaat, 19 Feb 2010, Setempat, 7

		seorang pelajar lelaki Tingkatan 5 telah bertindak ganas apabila cuba membakar kereta gurunya itu. Kejadian ini disaksikan oleh beberapa pelajar lain yang melihat kepulan asap hitam akibat kebakaran dari tayar kereta itu. Walaubagaimanapun, kebakaran itu berjaya dipadamkan. Guru tersebut telah membuat aduan di Balai Polis Daerah Segamat dan kini kes ini berada di bawah Sek. 427 Kanun Keseksaan – Kianat.	
22 Feb 2010	21	Jeli – Seorang lelaki warga emas , 63 tahun telah maut dibelasah sekumpulan penduduk kampung kerana berang dengan tindakannya membawa seorang pelajar perempuan 16 tahun bersiar-siar di pusat perkelanian Lata Renyok. Penduduk naik berang apabila melihat perbuatan sumbang, biadap dan mengaibkan mereka berdua itu yang nyata melanggar agama dan tatatusila.	Harian Metro, Isnin, 22 Feb 2010, Setempat, 4
25 Feb 2010	22	Johor Bahru – 2 orang wartawan HM telah berjaya menjelaki sebuah rumah teres yang mendapat jolokan ‘ Persinggahan Asmara’ di sekitar bandaraya ini. Rumah ini telah menjadi pusat persinggahan bukan sahaja buat golongan remaja, pekerja pendapatan sederhana, eksekutif swasta malahan pegawai tinggi kerajaan untuk melampaikan nafsu mereka bersama pasangan masing-masing. Berdasarkan siasatan pihak berkuasa agama, terdapat 5 buah lagi pusat seumpama ini di sini dan kini sedang di dalam pemantauan berkala oleh pihak berwajib ini.	Harian Metro, Khamis, 25 Feb 2010, Setempat, 8
26 Feb 2010	23	Besut – Akibat ketagihan klip video lucah yang dimuat turun melalui telefon bimbit, seorang pelajar perempuan 16 tahun sanggup berhutang RM1000.00 dengan 2 orang rakan perempuannya yang juga bertindak sebagai pembekal video klip berkenaan. Namun, akibat gagal membayar hutang, beliau sanggup merelakan rumahnya dipecah masuk. Kini, ketiga-tiga suspek telah ditahan di Balai Polis Jertih.	Harian Metro, Jumaat, 26 Feb 2010, Setempat, 40
27 Feb 2010	24	Johor Bahru – Seorang wanita berusia 21 tahun telah ditahan polis kerana disyaki membunuh seorang bayi lelaki yang baru dilahirkannya hasil hubungan asmaranya dengan 2 orang lelaki. Bayi itu dibunuh dengan kejam iaitu dengan menyumbatkannya ke dalam lubang pam tandas sebuah sekolah memandu di Segamat.	Harian Metro, Sabtu, 27 Feb 2010, Setempat, 17
6 Mac 2010	25	Kuala Trengganu – Aktiviti pulang awal pagi oleh seorang gadis 14 tahun akhirnya terbongkar apabila bapanya menangkapnya dan mendapati beliau telah melakukan perbuatan terukut bersama teman lelakinya berusia 19 tahun di sebuah rumah kosong berhampiran. Polis telah menahan teman lelakinya untuk siasatan lanjut manakala si gadis telah di bawa ke Hospital USM Kubang Kerian untuk diperiksa.	Harian Metro, Sabtu, 6 Mac 2010, Setempat, 16
8 Mac 2010	26	Kuala Trengganu – 2 budak lelaki berusia 11 dan 12 tahun telah memperkosai sepupu mereka berumur 10 tahun di rumah ibu saudara mereka. Kedua-dua mereka ini didapati mendapat pendedahan seks melampau terutamanya melalui video lucah. Kini, kedua-dua telah ditahan selama 2 hari di lokap IPD dan akan dibicarakan di bawah Sek. 376 Kanun Keseksaan.	Harian Metro, Isnin, 8 Mac 2010, Setempat, 4
9 Mac 2010	27	Kuala Lumpur – seorang kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun merompak seorang nenek berusia 57 tahun dengan pertolongan seorang rakannya berusia 20 tahun. Kedua-dua mereka kini telah ditahan dan akan dibicarakan di bawah Sek. 395 Saman Berkumpulan Tanpa Senjata.	Harian Metro, Selasa, 9 Mac 2010, Setempat, 5
10 Mac 2010	28	Kuala Lumpur - Seorang kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun ditahan reman gara-gara menyamun seorang wanita warga emas.	Harian Metro, Rabu 10 Mac 2010, Setempat, 4
	29	Georgetown - Polis memburu 12 lelaki bagi membantu siasatan 30 kes dalam ‘Ops Pintu’ di seluruh negara. Antaranya melibatkan seorang remaja berusia 21 tahun, A Patchamuthu dari Kuala Lumpur.	Harian Metro, Rabu 10 Mac 2010, Setempat, 11
	30	Kuala Lumpur - Seorang remaja perempuan berusia 17 tahun lari dari rumah selepas dimarahi orang tuanya.	Harian Metro, Rabu 10 Mac 2010, Setempat, 19c
11 Mac 2010	31	Pasir Mas – Seorang kanak-kanak perempuan, 10 tahun menjadi mangsa pernikahan paksa oleh bapanya dengan seorang rakan jemaahnya yang berusia 30 tahun. Mahkamah Rendah Kota Bharu telah menjatuhkan	Harian Metro, Khamis, 11 Mac 2010, Setempat, 4

		perintah mufarrahah (dipisahkan) kerana pernikahan ini menyalahi undang-undang syariah disebabkan pengantin perempuan itu masih di bawah umur.	
	32	Georgetown – Seorang pelajar perempuan, 15 tahun fobia dan takut untuk meneruskan persekolahan lagi gara-gara trauma akibat dikelar 10 kali di tangan kirinya oleh rakan perempuan sekolahnya kerana tidak puas hati di tandas sekolah mereka.	Harian Metro, Khamis, 11 Mac 2010, Setempat, 5
22 Mac 2010	33	Kuala Lumpur - Seorang lelaki warga emas menjadi mangsa ragut seorang remaja lelaki semasa menumpang menaiki motosikalnya ke masjid.	Harian Metro, Isnin 22 Mac 2010, Setempat, 25
23 Mac 2010	34	Kuala Lumpur – Seorang kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun telah didapati merayau-rayau selama beberapa hari tanpa tujuan. Hasil siasatan mendapati beliau telah melarikan diri dari rumah kerana pengabaian dari saudara maranya. Beliau kini telah ditahan dan diletakkan di bawah jagaan JKKM Daerah Petaling.	Harian Metro, Selasa, 23 Mac 2010, Setempat, 11A
	35	Kuala Lumpur – Seorang gadis berusia 20-an telah ditipu dan dirogol teman lelakinya di sebuah hotel bajet di Salak Selatan. Beliau telah dipaksa meminum arak terlebih dahulu sebelum dirogol. Mangsa telah membuat laporan polis di Balai Polis Salak Selatan.	Harian Metro, Selasa, 23 Mac 2010, Setempat, 15
26 Mac 2010	36	Kuala Trengganu - Remaja wanita berusia 20 tahun dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan menggunakan dan memiliki 3.5g dadah jenis methamphetamine.	Harian Metro, Jumaat 26 Mac 2010, Setempat, 46
	37	Johor Bahru - Remaja lelaki berusia 23 tahun ditahan atas tuduhan positif dadah dan juga mengendarai dadah jenis ganja. Seberat 460g ganja dijumpai bersamanya.	Harian Metro, Jumaat, 26 Mac 2010, Setempat, 60
28 Mac 2010	38	Kepala Batas, Pulau Pinang - Seorang remaja dalam usia 20-an dipercayai penagih dadah sanggup membiarkan rakannya kelemasan dalam usaha melarikan diri apabila diserbu polis.	Harian Metro, Ahad 28 Mac 2010, Setempat, 4
	39	Kuala Kedah - Seorang janda beranak 2 berusia 22 tahun yang mengandung 3 bulan antara 50 penagih yang berjaya ditahan oleh pihak polis dalam Ops Tapis di Pelantar Siput.	Harian Metro, Ahad 28 Mac 2010, Setempat, 25
29 Mac 2010	40	Kuala Lumpur - Seorang remaja berusia 20-an diburu polis, dipercayai membunuh (menikam) anak seorang pegawai polis.	Harian Metro, Isnin 29 Mac 2010, Setempat, 2
	41	Kuala Lumpur - Murid perempuan Tahun 5 trauma akibat gangguan seksual (diraba payudaranya) oleh teman-teman lelakinya gara-gara gagal tunaikan janji.	Harian Metro, Isnin 29 Mac 2010, Setempat, 8
	42	Petaling Jaya - Geng remaja seramai 8 orang, berusia antara 16 tahun ke 19 tahun yang aktif dalam aktiviti samun (20 kes samun kedai serbaneka) di cekup di Taman Medan. Masih terdapat beberapa orang remaja lagi dari geng ini yang masih diburu pihak polis.	Harian Metro, Isnin 29 Mac 2010, Setempat, 14
30 Mac 2010	43	Kuala Lumpur - 4 geng pecah kereta berjaya ditahan polis dalam serbuan di Brickfields dengan usia dari 20 tahun ke 36 tahun.	Harian Metro, Selasa 30 Mac 2010, Setempat, 2
	44	Yan, Kedah - 22 pelajar lepasan SPM dan ibubapa mereka tidak berpuas hati dengan ulasan kurang memuaskan dan tidak berdisiplin dalam sijil berhenti sekolah mereka.	Harian Metro, Selasa 30 Mac 2010, Setempat, 10
31 Mac 2010	45	Langkawi - Seorang remaja perempuan berusia 15 tahun melarikan diri dari rumah semata-mata mahu berkahwin dengan teman lelakinya yang berusia 19 tahun. Beliau kini berada di rumah teman lelakinya itu di Kg. Kisap di sini.	Harian Metro, Rabu 31 Mac 2010, Setempat, 14
	46	Sungai Petani - Seorang pelajar lelaki berusia 15 tahun ditahan kerana disyaki meliwat seorang pelajar lain berusia 14 tahun di asrama sekolah sejak sebulan lalu.	Harian Metro, Rabu 31 Mac 2010, Setempat, 34
	47	Kuantan – Gara-gara enggan memberi wang kepada teman lelakinya, seorang gadis 18 tahun telah ditumbuk, dicekik dan dibelasah oleh teman lelakinya berusia 20-an itu. Kes kini disiasat di bawah Sek. 392 Kanun Kesejahteraan.	Harian Metro, Rabu, 31 Mac 2010, Setempat, 4

Analisa

NO	KES	LELAKI		PEREMPUAN	
		JUMLAH	(%)	JUMLAH	(%)
1	Curi / samun / rompak	6	12.8	0	0
2	Dadah	3	6.4	2	4.3
3	Salah laku seks (Rogol, sumbang mahram, seks bebas dll)	5	10.6	16	34.0
4	Gaduh / budaya samseng	5	10.6	1	2.1
5	Bunuh / bunuh bayi	1	2.1	2	4.3
6	Ajaran sesat	2	4.3	1	2.1
7	Lari dari rumah	0	0.0	3	6.4
	Jumlah	22	46.8	25	53.2
	Jumlah Keseluruhan	47			

BORANG KAJI SELIDIK

KAJIAN SARJANA USULUDDIN UNIVERSITI MALAYA

TAJUK :

RAUDHATUS SAKINAH : KAJIAN TERHADAP LATAR BELAKANG PENGHUNI

- Kajian ini adalah satu kajian ilmiah peringkat Sarjana dalam bidang Pengajian Usuluddin, Universiti Malaya. Semua maklumat yang diperolehi akan dirahsiakan dan tidak perlu mencatat sebarang pengenalan diri di atas borang ini.
- Saya memohon jasa baik serta kerjasama untuk mengisi borang ini dengan ikhlas serta jujur. Segala kerjasama yang diberikan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.
- Sila kembalikan borang ini kepada :

AZLINA BINTI MUHAMMUD (IGB 090011)

Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan

Akademi Pengajian Islam

Universiti Malaya

Sumber : Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia (PDRM)

Bilangan kes, penglibatan dan tangkapan juvana dari umur 7thn - 18thn sepanjang 2005 - 2010(April)

TAHUN	UMUR		BANGSA				JUMLAH	BIL. KES		JUMLAH
	7 thn - 12 thn	13thn - 18thn	Melayu	Cina	India	LLB		Jenayah Kekerasan	Jenayah Hartabenda	
2005	161	5835	4164	508	634	690	5996	423	2663	3086
2006	135	7992	5556	898	788	885	8127	637	3654	4291
2007	183	7806	5846	593	849	701	7989	969	3446	4415
2008	147	8662	6401	641	876	891	8809	1428	3687	5115
2009	171	8764	6558	535	904	938	8935	1546	3627	5173
2010 (April)	50	1867	1495	78	199	145	1917	423	920	1343
Jumlah	847	40926	30020	3253	4250	4250	41773	5426	17997	23423

LAMPIRAN 10

JADUAL WAKTU PUSAT JAGAAN REMAJA PUTERI RAUDHATUS SAKINAH

MASA & HARI	6.00 PAGI	8.00 PAGI	10.00 PAGI	12.00 TGH	3.00 PTG	5.00 PTG	7.00 MLM	9.00-11.00MLM				
ISNIN	KHIDMAT DIRI / SOLAT / MENGAJI / SARAPAN / TUGASAN BER-KUMPULAN	KAUNSELING INDIVIDU / AKTIVITI BEBAS	KELAS FARDHU AIN	KHIDMAT DIRI / MEMASAK/ MAKAN TENGAH HARI / SOLAT	KELAS MOTIVASI / KEMAHIRAN	KHIDMAT DIRI / SOLAT / AKTIVITI BEBAS / KAUNSELING KELOMPOK	MAKAN MALAM / SOLAT / MENGAJI	SESI PERBIN-CANGAN / ULANGKAJI / USRAH				
SELASA												
RABU												
KHAMIS												
JUMAAT												
SABTU			REKREASI / RIADAH	LAWATAN IBU BAPA / PENJAGA * Bermula dari jam 2.00ptg – 6.00 ptg								
AHAD				LAWATAN IBU BAPA / PENJAGA * Bermula dari jam 9.00pg – 6.00 ptg								

